

BAB SATU

PENDAHULUAN

1. 1 Pengenalan

Nanggroe Aceh Darussalam¹ terletak di sebelah Utara Pulau Sumatera, ia terletak di antara 2° - 6° Lintang Utara dan 95° - 98° Bujur Timur.² Wilayah ini juga merupakan pintu masuk dan keluar dari Selat Melaka ke Lautan Hindi. Sejarah telah mencatatkan bahawa wilayah ini adalah merupakan kerajaan Islam yang pertama di kawasan Asia Tenggara pada abad 16 dan 17 Masehi.³ Masyarakat Aceh⁴ adalah masyarakat yang begitu taksub dengan aliran dan kepercayaan adat, tradisi dan budaya ajaran Hindu, yang selalu tidak terlepas dengan amalan sehariannya dengan anasir kepercayaan terhadap terhadap pokok kayu besar seperti, pohon beringin dan

¹ Undang-undang Nanggroe Aceh Darussalam (NAD), disahkan dan disetujui oleh Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia (DPR-RI) tarikh 19 Julai 2001, sebagai undang-undang Otonomi Khusus Provinsi Daerah Istimewa Aceh. Sebelumnya lebih dikenal dengan sebutan Daerah Istimewa Aceh (D.I. Aceh), kerana berasaskan dengan Keputusan Perdana Menteri Republik Indonesia, Nombor. 1/ Missi/ 1959 terhitung mulai tanggal 26 Mei 1959, ditetapkan bahawa Daerah Swatentera Tingkat I Aceh dapat juga disebut, Daerah Istimewa Aceh. Keputusan ini, disempurnakan lagi dengan Penetapan Presiden No.6 tahun 1960, dan terakhir disesuaikan pula dengan undang-undang No.18 tahun 1965, maka secara rasmi Daerah Istimewa Aceh disebut, Provinsi Daerah Istimewa Aceh. Lihat. Laporan. "*Monografi Daerah Istimewa Aceh.*" Banda Aceh: Universitas Syiah Kuala. Darussalam. 1972. hlm. 29.

² Lihat, T. A. Tasya. "*Kami Perkenalkan Daerah Istimewa Aceh.*" Sekretariat Wilayah Daerah Istimewa Aceh. 1978. hlm. 35-37. Lihat juga, T. Alamsyah, (peny.). "*Pedoman Umum Adat Aceh.*" Banda Aceh: Lembaga Adat dan Kebudayaan Aceh (LAKA). 1991. hlm. 1.

³ Ahmad Daudi. "*Syeikh Nurdin ar-Raniri.*" Jakarta: Bulan Bintang. 1978. hlm. 6.

⁴ Lebih lengkap lagi ulasan mengenai kehidupan sehari-hari masyarakat Aceh maka lihat, Abu Bakar Aceh, Tentang Nama Aceh, dalam Ismail Suni (peny.). "*Bunga Rampai Tentang Aceh.*" Jakarta: Bhratara Karya Aksara. 1980. Lihat juga, Wan Hussin Azmi. "*Islam di Aceh Masuk dan Berkembangnya Hingga Abad XVI.*" dalam A. Hasjmy (peny.). "*Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia.*" Bandung: al-Ma'rif. 1993. 188-9. Lihat juga, Yusny Saby. "*Islam and Social Change: The Ulama in Achehnese Society.*" "Disertasi Ph.D Temple University (1995). 3-4. Lihat juga, Kamaruzzaman Bustamam-Ahmad: "*Islam Historis: Dinamika Study Islam di Indonesia.*" Yogyakarta: Galang Press. 2002. hlm. 220.

pohon ketapang, serta benda-benda yang dapat dipercayai mempunyai kekuatan ghaib⁵ animisme dan dinamisme.

Mereka juga masih berpegang erat kepada ajaran agama yang telah ditinggalkan oleh orang terdahulu, sekalipun yang membawa ajaran tersebut bukan berasal dari agama Islam, justeru secara tidak langsung kepercayaan tersebut, dapat membentuk peribadi dalam bersosialisasi sehari-hari yang amat tidak berkesan. Pada sebahagian masyarakat Aceh yang tinggal di wilayah pedalaman hingga kini, masih mengamalkan adat dan budaya yang karut daripada peninggalan ajaran Hindu seperti, amalan bidaah,⁶ tahyul dan khurafat dan sudah menjadi suatu amalan dalam sehari-harinya yang sulit untuk ditinggalkan.

Pada amnya, masyarakat adat Aceh masih menyakini dan mempercayai bahawa jenis jin dalam pelbagai bentuk⁷ seperti *jen apui*,⁸ *si bujang itam*,⁹ *burong*,¹⁰ *geunteut*,¹¹ *beunot*¹² dan *burong tujuh*.¹³ Mereka juga masih mempercayai bahawa arwah orang yang telah mati dalam keadaan amat menakutkan seperti dibunuh, mati berdarah, mati tenggelam, mati jatuh dari pokok kayu dan lain-lain. Akan menjelma, menjadi hantu. Dalam kehidupan seharian masyarakat juga mempercayai bahawa orang jahat selama hidupnya dan semasa meninggal rohnya akan menjelma dalam jenis babi atau kera yang keluar dari liang kuburnya. Sebaliknya, orang yang terlalu

⁵ Maksud dari ghaib (makhluk gaib) disini adalah suatu kepercayaan yang ditujukan kepada objek yang mempunyai unsur negatif berasaskan pandangan ajaran Islam ataupun dalam konteks yang mengarah kepada amalan mungkar, syirik, karut-marut dan khurafat.

⁶ *Bidaah*, suatu urusan yang baru di dalam agama baik berupa aqidah, ibadah, ataupun berupa sifat bagi ibadah yang belum pernah ada amalan tersebut pada masa Rasulullah & Lihat, Mustafa Kamal Pasha dan Ahmad Adaby Darban. "*Muhammadiyah Sebagai Gerakan Islam*." hlm. 286.

⁷ Lihat, Syamsuddin, T. "*Adat Istiadat Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh*." Jakarta:Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. 1997. hlm. 99.

⁸ Makhluk halus (jin) yang tersebut tampak seperti, cahaya api pada saat malam hari.

⁹ Dilukiskan sebagai tokoh kasar, angker dan jahat serta mengerikan.

¹⁰ Penjelmaan dari roh orang yang meninggal dalam melahirkan, sebagai seorang wanita yang berpakaian serba putih berkuku panjang, serta berlobang pada bahagian belakang. Lihat, "*Adat Istiadat Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh*." hlm. 100.

¹¹ Makhluk halus sebagai jin, yang mempunyai tubuh yang tinggi dan besar.

¹² Makhluk halus sebagai pengganggu yang sering menghimpit orang yang sedang tidur.

¹³ Digambarkan sebagai, tujuh orang bersaudara yang mati melahirkan.

alim akan menjadi orang yang keramat¹⁴ dan menjelma dalam bentuk harimau atau ular yang baik perangnya¹⁵ yang telah dipercayai dapat melindungi kampung khas pada persekitaran kubur.¹⁶

Dalam kehidupan sehari-hari bahawa kebiasaan masyarakat Aceh amat taat dalam menjalankan upacara keagamaan, bahkan amat fanatik terhadap agamanya. Hal ini, memberikan gambaran bahawa Islam sudah terbina dan telah bertapak kukuh dalam diri masyarakat Aceh. Walau bagaimanapun, tidaklah semua masyarakat Aceh melaksanakan semua ajaran Islam yang sejati dan murni. Tetapi, agama Islam telah menjadi turun temurun daripada nenek moyangnya, maka apabila lahir maka dengan sendirinya sudah menjadi seorang Muslim, kerana orang tuanya telah menjadi seorang Muslim terlebih dahulu.

Adapun, hal sebenarnya yang terjadi, bahawa masyarakat Aceh pada sebahagiannya belum memahami ajaran Islam yang sebenarnya. Di samping itu, masyarakat Aceh amat peka terhadap pengaruh dalam kepercayaan, baik yang muncul dari dalam mahupun yang datang dari luar daerah, apabila bercanggah dengan ajaran Qur'an dan Hadith, maka langsung tidak akan diterima ajaran tersebut dalam perkembangan ajaran agama menunjukkan ke halatuju yang semakin baik kepada kemurniannya.¹⁷ Dalam masyarakat Aceh terdapat satu falsafah yang hingga

¹⁴ Keramat adalah orang yang alim atau suci yang dipilih oleh Tuhan yang dikurniakan kuasa luar biasa yang tertentu. Lebih jelasnya lihat pada, Winstedt, "A History of Malaya." Kuala Lumpur: Marican. 1968. hlm. 264. Lihat, Amran Kasimin. "Agama dan Perubahan Sosial." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1991. hlm. 91.

¹⁵ Lihat, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. "Adat Istiadat Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh." Banda Aceh. 1990. hlm. 100.

¹⁶ Kebanyakan kubur keramat yang terasing daripada kawasan perkuburan yang biasa. Walau bagaimanapun kubur yang asal tidak mengandungi mayat keramat, dan orang yang kuburnya keramat tidak pernah mati, akan tetapi hanya kelihatan mati dan dikatakan kembali kepada Tuhan. Kubur ini hanyalah sebagai simbol kekudukan dari keramat itu. Lihat, Amran Kasimin. "Agama dan Perubahan Sosial." hlm. 91.

¹⁷ Bahan-bahan Seminar, "Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di NAD." Banda Aceh: Majlis Ulama Indonesia (MUI-NAD). 1978. hlm. 9.

setakat ini, masih juga dijadikan sebagai pedoman asas dalam kehidupan sehariannya:

*Adat bak Poteu Meureuhom
Hukom bak Syiah Kuala,
Kanun bak Putroe Phang,
Reusam bak Bentar*

Ertinya:

Adat dipimpin oleh Seribaginda Raja.
Hukum dikendalikan oleh Pejabat Kerajaan,
Kanun ditangan Puteri Pahang,
Resam diatur oleh Bentara.¹⁸

Maksud dari falsafah di atas adalah untuk menyatakan bahawa, kehidupan masyarakat Aceh sejak masa lalu telah bersendi dan berpegang erat kepada hukum,¹⁹ adat²⁰ dan resam.²¹ Hukum adat juga amat memainkan peranan penting dalam pembentukan watak, pola fikiran dalam perubahan struktur sosial dalam masyarakat Aceh. Hukum juga banyak memberikan penekanan kepada etika, penjiwaan dalam nilai-nilai Islami kehidupan seharian yang sebenar seperti salah satu cara bertarekat,²² agar dapat membersihkan jiwa yang telah dikotori dengan dosa pada masa yang lampau dan sementara aliran-aliran kebatinan hingga kini masih juga diamalkan seperti naksyabandiyat,²³ salek seunaga,²⁴ wahdat al-wujud²⁵ dan aliran ini

¹⁸ T. Alibasya Talsya "Adat Resam Aceh." Banda Aceh: Pustaka Mutia. 1985. hlm. 5.

¹⁹ Ertinya suatu ketentuan, keputusan (*mahk mah*) atau peraturan yang biasa digunakan di dalam sesuatu masyarakat. Lihat, "Kamus Dewan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2002. hlm. 640.

²⁰ Merupakan suatu peraturan yang sudah diamalkan turun-temurun (sejak dahulu kala) di dalam suatu masyarakat sehingga terciptanya suatu hukum yang mesti dipatuhi dan diamalkan. Lihat, "Kamus Dewan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2002. hlm. 7.

²¹ Istilah tersebut adalah asalmula daripada bahasa Arab, "*rasam*." Suatu amalan dan kebiasaan yang menjadi adat (aturan). Lebih jelas lagi lihat, "Kamus Dewan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2002. hlm. 1133.

²² "*Tarekat*," adalah suatu cara ataupun jalan yang mesti ditempuh, oleh seorang sufi dalam tujuan berada sedekat mungkin dengan Tuhan. Lihat, Harun Nasution. "*Islam Ditinjau dari Pelbagai-bagai Aspek*." Solo: Ramadhani. 1964. hlm. 73 - 74. Lihat juga, Martin Van Bruinessen. "*Kitab Kuning*." Bandung: Mizan. 1999. hlm. 187-206.

²³ Lebih jelasnya lihat, Abu Bakar Atjeh. "*Tarekat Dalam Tasawwuf*." Kelantan: Pustaka Aman Press Sdh. Bhn. hlm. 59. Lihat juga, pengarang yang sama. "*Pengantar Ilmu Tarekat*." Bandung: CV. Tjerdas. 1964. hlm. 30

²⁴ "*Salek Seunaga*," ianya, berkembang disebuah daerah di hulu *senagan*, yang beraliran *wujudiyat* atau "*pantheisme*," dikembangkan oleh, Habib Seunagan yang kemudian di lanjutkan oleh Habib Muda dari keturunannya. Lihat, "*Adat Istiadat Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh*." hlm. 111.

sudah banyak pengikutnya dalam masyarakat Aceh pada masa dahulu dan sementara setakat ini mungkin sudah sedikit pengikutnya.²⁶

Pelaksanaan hukum adat²⁷ Aceh yang diamalkan dalam kalangan masyarakat tempatan setakat ini, merupakan satu kesinambungan kepada hukum dan kanun Aceh yang telah diterapkan pada masa kegemilangan kerajaan Aceh sebagai sebutan *Serambi Mekah*, baik adat tersebut yang berasaskan kepada ajaran Qur'an dan Hadith ataupun hanya berupa hukum adat yang seakan-akan bercanggahan dengan syariat Islam.

Selain itu, perubahan sosial dalam keagamaan juga dapat mempengaruhi sudut pandangan dalam berhubungan sesama masyarakat, kerana masyarakat Aceh terdiri daripada pelbagai puak dan dimensi budaya, bahkan bermacam bangsa yang tinggal di tanah Aceh. Menurut catatan dalam tamadun bahawa penduduk asli Aceh sebelum memeluk agama Islam berasal daripada pelbagai bangsa dan puak yang datang seperti Arab, Parsi, China, India dan Portugis. Maka dengan berbaur dan pencampuran budaya terjadilah satu pencampuran dalam suatu kepercayaan dan budaya yang unik, dalam beragama baik yang positif mahupun yang negatif.

Salah satu contoh, budaya negatif yang masih kekal dalam masyarakat Aceh, seperti upacara tolak bala sementara nama atau sebutan sahaja yang berbeza antara lain "*Rabu Habeh*" atau sering juga disebut dengan "*Mandi Safar*." Upacara tolak bala pada kebiasaan amalan tersebut dilaksanakan pada hari Rabu terakhir pada

²⁵ *Wahd h al-W jud* adalah, suatu faham mengatakan bahawa semua benda hakekatnya adalah Tuhan. Ertinya, Tuhan itu bersatu dengan makhluknya, alam itu Tuhan dan Tuhan itu adalah alam. Lihat, A. Hasjmy, "*Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*" Jakarta: Beuna. 1983. hlm. 196.

²⁶ Lihat, A. Hasjmy, "*Ulama Aceh: Mujahid Pejuang Kemerdekaan dan Pembangunan Tamadun Bangsa*." Jakarta: Bulan Bintang. 1997. hlm. 105.

²⁷ Hukum Adat, adalah kebiasaan, aturan dan lembaga hukum atau adat leluhur yang turun temurun oleh orang-orang Aceh, adat juga memperlakukan hukum agama untuk mengatur masyarakat; sebuah pepatah mengatakan: "*Hukum dengan adat tidak boleh bercerai seperti zat dengan sifat*." Lihat, "*Kamus Besar Bahasa Melayu*." hlm. 12. Atau dalam bahasa Arab, sinonim dengan kata ' *rf*. Dan lihat juga, Ratno Lukito. "*Islamic Law And Adat Encounter: The Experience of Indonesia*." Tesis M.A. Universiti McGill. 1997.

bulan Safar,²⁸pada hari tersebut semua masyarakat tempatan mesti berkumpul untuk memasak dan makan bersama pada suatu tempat yang telah ditentukan oleh orang-orang terdahulu, apabila setelah pelaksanaan acara tersebut maka sebahagian makanan dipisahkan dan sebahagiannya ditinggalkan di suatu tempat tertentu atau di atas pohon kayu tertentu.

Menurut kepercayaan mengenai hari Rabu yang terakhir pada bulan Safar (*Rabu Abeuh*), tujuannya dari amalan tersebut adalah untuk mengusir roh jahat, menurut faham masyarakat tempatan bahawa dapat membinasakan masyarakat tempatan. Adapun upacara tersebut dilaksanakan di tepi pantai dan sementara pelaksanaan acara amalan ritual tersebut, amatlah bercanggah dengan syariat Islam yang terkandung dalam Qur'an;

Ertinya:

“Terimalah apa yang mudah engkau lakukan dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan hiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya.)” (*S rat, al-'Ar f: 199*).

Dalam keterangan ayat yang diatas bahawa, Allah ﷻ memerintahkan kepada umatnya untuk mengerjakan amalan yang baik dari segala sesuatu yang mudah dan tidak memberatkan dan juga Allah ﷻ memerintahkan agar menghindari daripada amalan orang-orang yang jahil. Namun demikian, sebahagian ulama²⁹tempatan

²⁸ Lihat, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. “*Adat Istiadat Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh.*” Banda Aceh. 1990. hlm. 107.

²⁹ Ulama, berasal dari bahasa Arab, *jam* ' daripada kata *'alim* yang, orang yang mengetahui, adalah kumpulan umat yang mendalami ilmu-ilmu agama, juga dijadikan tempat umat untuk meminta *fatw* . Pengakuan ini diberikan Allah ﷻ kepada mereka dengan melebihkannya beberapa darjat. Lihat, *S rat, al-Muj d Allah*. 11. Di daerah Aceh ada dua pembahagian ulama; **Pertama**, ulama tradisional ia, ulama yang selalu berpikir dan berpegang teguh pada kitab Allah ﷻ dan menguasai secara baik hukum *syara'*, juga memiliki sifat *taw dhu'* dan *istiq mah* kepada Allah ﷻ, dan disebut juga ulama *Dayah* (pondok), kampung atau ulama ahkirat. **Kedua**, ulama moden yang mampu tampil didepan sebagai *Im m* dan rakyat sebagai *makm mnya*. Di samping memiliki kedalaman ilmu agama dengan asas ahklak yang tinggi, juga mereka dapat menerima perubahan

belum secara keseluruhan untuk membuat suatu perubahan ataupun menghapuskan daripada amalan khurafat dan hingga kepada faham aqidah yang murni yang sebagaimana diharapkan. Adapun, amalan yang telah diamalkannya bahawa kepercayaan tersebut, boleh mendatangkan syafaat apabila dilaksanakan dan akan mendatangkan mudarat apabila ditinggalkannya.

Mengenai pelaksanaan hal tersebut, di daerah Aceh adalah sebagai adat dan tradisi tahunan, hingga kini masih banyak amalan yang secara tidak langsung masih diamalkan oleh masyarakat Aceh pada umumnya, sementara amalan tersebut amatlah yang bercanggahan dengan ajaran Qur'an dan Hadith. Namun, muncul pula suatu gerakan moden yang dapat mengubah dan menjadikan suatu pemurnian daripada ajaran Islam seperti gerakan Muhammadiyah³⁰ dan Ahli Sunnah wa al-Jamaah³¹ dan al-Washliyah, yang hingga kini masih banyak peranannya untuk pemurnian dan pembaharuan dalam pelbagai bidang seperti aqidah, akhlak, ibadah dan hubungan sosial dengan masyarakat,³² dan juga termasuk bidang pendidikan, politik dan pembangunan masyarakat Aceh yang seutuhnya. Namun, demikian juga, masyarakat Aceh yang tidak terlepas daripada pentadbiran pemerintahan seperti, Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU)³³ dan suatu lembaga badan fatwa untuk dapat

yang terjadi sebagai dampak kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi. Lihat, Badruddin Subqi. *"Dilema Ulama Dalam Perubahan Zaman."* Jakarta: Gema Insani Press. 1995. hlm. 56.

³⁰ Muhammadiyah, yang diasaskan oleh, Kiai Haji Ahmad Dahlan. Beliau lahir di kampung Kauman, Yogyakarta, pada tahun 1868 M. Telah dibina pada tarikh, 8 *Dzulhijjah* 1330 H., atau 18 November 1912 M. Lihat, Mustafa Kamal Pasha dan Ahmad Adabi Darban, *"Muhammadiyah sebagai Gerakan Islam,"* hlm. 109. hlm. 66-70. Lihat juga, Kamaruzzaman, *"Islam Historis."* Yogyakarta: Galang Press. 2002. hlm. 45.

³¹ *Ahli sunnat wa al-Jam 'at*, ertinya; Orang berpedoman pada sunnah Rasul. Ataupun, "erti sunnah menurut para ahli Hadith, apa yang diterima daripada Nabi ﷺ berupa perkataan, perbuatan, persetujuan, sifat peribadinya atau jasmaninya serta perjalanan hidupnya. Lebih jelasnya lihat, Musthafa as-Syiba' .*"As-Sunn t wa Mak nat b f al-Tasyr ' al-Islam .* hlm. 53.

³² Lihat, Mustafa Kamal Pasha dan Ahmad Adaby Darban. *"Muhammadiyah sebagai Gerakan Islam."* hlm. 311.

³³ Dalam Peraturan Daerah, No. 3 tahun 2000 tentang, Pembentukan Organisasi dan Tata Kerja Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU) Provinsi Daerah Istimewa Aceh pada tanggal, 14 Jun 2000 (lembaga daerah No. 23 tarikh, 22 Jun 2000). Lihat, Rusdi Sufi, (peny). *"Adat Istiadat Masyarakat Aceh."* hlm. 37. Lihat juga, Ismuha. *"Sejarah Singkat Ulama Provinsi Daerah Istimewa Aceh."* Banda Aceh: Sekretariat MUI Provinsi D.I. Aceh. 1983. hlm. 1.

memberikan dan menerima pendapat juga pandangan daripada masyarakat Aceh yang sama fungsinya seperti, Majelis Ulama Indonesia (MUI).

Tetapi, ada sedikit perbezaan antaranya mengenai pelaksanaan program kerja yang lebih mengarah kepada penerapan ataupun memperhatikan secara langsung menyentuh dan mendukung pelaksanaan syariat Islam, baik di pejabat pemerintahan mahupun di lapangan.

1. 2 Pernyataan Masalah

Berasaskan pada latar belakang yang telah dikemukakan di atas bahawa dalam perbincangan kajian ini akan memfokuskan mengenai hal yang berkaitan dengan permasalahan:

Pertama: Apakah masyarakat Aceh sebelum masuk ajaran agama Islam telah menganut suatu faham yang berideologi tauhid, ataupun ia telah ada suatu kepercayaan terhadap para dewa dan benda mati ?

Kedua: Apakah masyarakat Aceh dalam pelaksanaan amalan ritual yang mengenai dengan ajaran keagamaan, serta diasaskan dari Al-Qur'an dan Hadith ataupun memang mengikuti adat, tradisi dan budaya semata-mata daripada orang dahulu, tanpa ada asas hukum yang jelas dan sah?

Ketiga: Apakah dalam perubahan sosial dan keagamaan dalam masyarakat Aceh dapat mempengaruhi peribadi dan sikap dalam bergaul dengan masyarakat sehari-hari ?

Keempat: Seberapa jauh, daripada perubahan sosial keagamaan dalam masyarakat Aceh, yang telah dipengaruhi dengan fahaman, adat, tradisi dan budaya ajaran agama Hindu ataupun kepercayaan terhadap ajaran animisme dan dinamisme?

Dalam soal-soal tersebut amat menarik untuk dikaji dan dicari jawaban yang logik dan sahih, menurut syariat Islam dan perubahan sosial dalam masyarakat Aceh, maka oleh sebab itu amatlah layak untuk dijadikan suatu kajian, agar mendapat sebuah penyelesaian yang berguna.

1. 3 Kajian Terdahulu

Kajian-kajian yang berkenaan dengan perubahan sosial masyarakat Aceh dan peranan ulama terhadap perubahan sosial, yang telah diulas oleh para ulama dan cendekiawan Aceh terdahulu. Namun, kebanyakan kajian yang telah dilakukan adalah bercorak penghuraian deskripsi sejarah, adat dan perubahan budaya dalam tradisi harian dalam masyarakat Aceh. Maka hingga kini, belum ada terdapat pengkajian tentang agama dan perubahan sosial dalam masyarakat Aceh dari perspektif ulama secara menyeluruh dan hingga ke peringkat praktik pemurnian aqidah. Adapun yang dapat dihubungkan dengan tinjauan kepustakaan dalam kajian ini yang telah dijalankan oleh pengkaji dalam dan luar negara dari beberapa kajian yang telah dijalankan para cerdik pandai antara lain:

Dalam sebuah buku yang bertajuk *Segi-segi Sosial Budaya Masyarakat Aceh*,³⁴ menghuraikan deskripsi panjang lebar terhadap hikayat yang menceritakan tentang moral, seni, hiburan, adat, agama dan cara berfikir masyarakat pada saat itu. Juga menerangkan tentang suatu sistem perubahan sosial di perkampungan Sibreh sahaja.³⁵ Mempunyai ciri tersendiri, dalam satu kumpulan atau kampung yang sesuai dengan pelbagai hubungan sosial, dalam aliran-aliran keagamaan yang kemudian telah dipengaruhi terutama pada wilayah kota, baik dalam hal ekonomi kewangan,

³⁴ Alfian, "*Segi-segi Sosial Budaya Masyarakat Aceh*." Jakarta: Lembaga Penelitian. Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial. 1977.

³⁵ *Sibreh*, adalah salah satu perkampungan yang terletak di wilayah pemerintahan kecamatan Sukamakmur, dalam wilayah Aceh Besar.

pendidikan dan politik.

“*Adat Istiadat Masyarakat Aceh*,”³⁶ yang semata-mata hanya pada masalah adat istiadat masyarakat Aceh, yang berkaitan kepercayaan, kenduri dan tepung tawar (*Peusijek*).³⁷ Juga menceritakan hal yang berkaitan hari-hari perayaan agama, yang berhubungan dengan aktiviti kehidupan dan menfokuskan gerak daripada dinamika kehidupan masyarakat. Alat pengendali sosial masyarakat mulai dari lahir hingga dengan meninggal dan beberapa aspek dalam kehidupan masyarakat tempatan yang telah dijadikan amalan sehari-hari.

“*Kebudayaan Aceh dalam Sejarah*,”³⁸ juga menjelaskan hal panjang lebar mengenai agama Islam pada mulanya masuk dan peranannya ke Indonesia, pada abad pertama Hijriah (abad ke-7 dan ke-8 M.), di pesisir pantai Utara pulau Sumatera (Aceh) langsung dari Arab. Hasjmy³⁹ juga mengulas dan memberikan keterangan dalam sejarah yang ringkas ulama dan ilmuwan dari hasil karya,⁴⁰ yang telah terjadi pergolakan sosial dalam masyarakat Aceh, baik dengan seni budaya agama, seni rupa dan seni binaan, ada juga yang menerangkan mengenai hikayat, salasilah raja-raja Aceh yang terdahulu.

“*Sejarah Kebudayaan Sumatera*,”⁴¹ Dada Meraxa, lebih memfokuskan dan menghuraikan tentang suatu budaya dan kesenian masyarakat Aceh seperti

³⁶ Rusdi Sufi, (peny) “*Adat Istiadat Masyarakat Aceh*.” Banda Aceh: Dinas Kebudayaan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. 2002.

³⁷ Seperti, tepung tawar orang yang baru berpindah ke rumah baru, alat pengangkutan, adat upacara perkahwinan dan bagi orang yang baru pulang dari melaksanakan Ibadah Haji ke Mekah. Lihat, “*Upacara Peseujuk*.” Loka Karya Adat dan Budaya. 1998. hlm. 30.

³⁸ Lihat, A. Hasjmy. “*Kebudayaan Aceh dalam Sejarah*.” Jakarta: Beuna. Cet I. 1983.

³⁹ A. Hasjmy Nama kecilnya, Muhammad Ali Hasyimi beliau, lahir pada tanggal 28 Mac 1914. Dalam tahun tiga puluhan dan empat puluhan sering memakai beberapa nama samaran dalam karangan puisi dan cerita pendek (cerpen) iaitu, *al-Hariry*, *Aria Hadiningsun* dan *Asmara Hakiki*. Ia juga, sebagai salah seorang Ilmuwan, Budayawan dan ulama yang amat dikagumi, dalam pelbagai kalangan masyarakat. Lihat, A. Hasjmy. “*Kebudayaan Aceh dalam Sejarah*.” hlm. 461.

⁴⁰ Karangan pelbagai buku baik berbahasa Arab, Aceh dan Melayu yang telah diterbitkan baik dalam dan luar negeri.

⁴¹ Dada Meraxa, “*Sejarah Kebudayaan Sumatera*.” Medan: Firma Hasmar. 1974.

Seudati,⁴²*Rapai Pasee*,⁴³*Saman*,⁴⁴*Seurune Kalee*,⁴⁵*Tari Bungong Jeumpa*⁴⁶ dan masih banyak lagi lain-lain, yang sebahagiannya berasaskan daripada budaya ajaran Hindu.⁴⁷ Di samping itu juga, pemaparan dari biografi kehidupan para tokoh pelakon seniman Aceh tersebut, adalah sebagai deskripsi kehidupan dalam dunia kesenian dan budaya dalam masyarakat Aceh.

“*Sejarah Masuk dan Berkembang Islam di Nanggroe Aceh Darussalam*,”⁴⁸

yang seakan-akan hanya tentang sejarah dan agama, dalam kajian tersebut panjang lebar membahas tentang asal mula masuknya agama Islam di dataran Tanah Melayu khususnya di daerah Aceh pada abad pertama Hijriah. Hingga juga mengenai masalah masuk dan berkembangnya agama Islam di Nusantara yang memerlukan suatu proses yang amat panjang, dalam pengkajian tersebut juga ada perbezaan antara masuknya Islam ke Aceh langsung dari Tanah Arab ataupun dari Gujerat.

Bahawa setelah terbentuknya masyarakat Islam, maka raja Islam yang pertama di Aceh dengan perantara mubaligh, selain sebagai penyiar Islam, juga

⁴² *Seudati*, adalah berasal, dari kata "*sadati*" yang ertinya: (*sada*-pelindung) dan (*ti*-sebuah panggilan terhadap anak perempuan yang dikasihi), dan *seudati* juga satu tarian yang melukiskan gerakan-gerakan yang timbul dari sifat-sifat askar dalam peperangan. Lihat, Ibid. hlm. 188-189.

⁴³ *Rapai Pasee*, adalah sejenis permainan rakyat yang khas daerah *Pase* (Aceh Utara), yang merupakan sebuah permainan gendang atau *rebana (tambo)*, yang berasal dari Syaikh Abdul Qadir al-Jailani dari India yang mengembangkan tarekat *Qad riyyat*, lihat, Ibid., hlm. 201. Lihat juga, Endang Sayfuddin Anshari, "*Wawasan Islam*," Bandung: Pustaka Salman, Institut Teknik Bandung (ITB).1983. hlm. 69.

⁴⁴ *Saman*, adalah berasal dari bahasa Arab ertinya, delapan. Permainan yang dimainkan oleh 8 hingga 18 orang lelaki, dalam permainan tersebut melantunkan syair-syair yang berangkutan dengan sanjungan kepada Allah ﷻ dan disertai dengan pantun-pantun yang mengandungi *nasih t*.

⁴⁵ *Seurune Kalee*, dalam bahasa Melayu seruling (*buluh perindu*), suatu permainan, seorang meniup seruling, dua orang memukul genderang, seorang pembawa kuda dan seorang sebagai penyanyi. Ia permainan hanya merupakan pertunjukan dalam upacara pengantar pengantin yang merupakan sebuah rombongan di barisan terdepan. Kemudian kini sudah dipertunjukkan pada upacara-upacara lainnya. Lihat, Dada Meraxa, "*Sejarah Kebudayaan Sumatera*." hlm. 200.

⁴⁶ *Bungong Jeumpa*, suatu tarian yang berasal dari daerah Banda Aceh, yang dimainkan oleh 8 orang penari wanita dengan memakai pakaian Aceh dan diiringi muzik moden (*orquestra-band*).

⁴⁷ Menurut, Snouck Hurgronje bahawa; wanita di Aceh biasanya bersanggul tegak agak ke kiri, seperti, kebiasaan wanita di India, yang khas dalam masyarakat Hindu. Demikian juga bahawa, masyarakat Aceh banyak menggunakan bahan kunyit dan sirih. Maka lebih jelasnya lihat dalam buku, C. Snouck Hurgronje, "*The Achehnese*." (*terj*). Leiden: A.W.S. Sullivan. vol. I. E.J. Brill. 1906. hlm. 188.

⁴⁸ Bahan-bahan Seminar, "*Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di NAD*." Banda Aceh: Majlis Ulama Indonesia (MUI), Nanggroe Aceh Darussalam. 1978.

sebagai saudagar dan pedagang, dalam proses memasukkan ke dalam ajaran Islam dan selanjutnya orang-orang Indonesia ikut serta untuk turut mengambil bahagian.

Maka kesimpulannya, amat banyak kajian yang telah disebut di atas, hanya semata-mata membahaskan tentang adat, budaya, resam, sejarah dan riwayat ulama yang menyebarkan agama Islam di daerah Aceh. Tetapi, belum ada para pengkaji dengan secara jelas dan mendalam, mengulas dan menghubungkan kaitkan dalam sudut pandang ajaran agama yang sebenar, adat dan budaya ditinjau dari sudut pandang syariat Islam yang sebenar. Sehingga, hasil kajian yang telah dijalankan ini, tidak terjadi pada kemudian hari berupa pengulangan kajian yang sama, walaupun pengulangan hanya sekilas sahaja.

1.4 Ruang Lingkup Kajian

Dalam kajian ini, akan difokuskan dalam wilayah kabupaten Aceh Utara dan wilayah kota Lhokseumawe, wilayah tersebut dibahagi menjadi dua bahagian. Adapun, dalam wilayah perkampungan yang majoriti masih mempercayai dan mengamalkan pelbagai fahaman anasir animisme dan dinamisme, sementara masyarakat yang tinggal dalam wilayah bandar fahamannya amat bercanggahan dengan fahaman masyarakat yang tinggal di desa, mungkin kerana juga disebabkan adat, tradisi dan tamadun yang latar belakang pendidikan yang jauh berbeza antara satu dengan yang lainnya. Adapun latar belakang kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe dijadikan lokasi penelitian adalah disebabkan, kedua-dua wilayah tersebut pada amnya terdapat pelbagai jenis kepercayaan, khas yang telah terbina dalam masyarakat yang tinggal dalam wilayah desa seperti kepercayaan terhadap kepercayaan animisme dan dinamisme masih juga diamalkan hingga kini. Masyarakat yang tinggal dalam wilayah daerah Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, yang

majoriti merupakan masyarakat yang telah terjadi suatu percampuran dengan adat dan budaya daripada budaya luaran daerah yang telah mengalami pencampuran baik budaya positif mahupun negatif dan juga dilatar belakang pendidikan yang berkembang apabila dibandingkan dengan masyarakat yang tinggal dalam wilayah pedesaan yang pendidikannya amat kurang.

Maka harapan daripada pengkaji adalah untuk kembali dalam kepercayaan dalam suatu faham yang dapat memperbaiki dan memurnikan dalam aqidah yang sebenar dan tanpa ada bercampur dengan fahaman yang karut ataupun tahyul seperti, kepercayaan terhadap animisme dan dinamisme yang hingga kini masih juga diamalkan. Sehingga dengan fahaman tersebut amatlah membahayakan bagi umat Islam hingga kini.

Dalam kajian ini perlu juga dihadkan agar jangan terlalu meluas dan supaya untuk mempermudah bagi pengkaji untuk mendapatkan dan mengambil kesimpulan yang jelas. Juga mencakupi pelbagai aspek hasil daripada kajian ini, juga amat diharapkan agar berguna bagi masyarakat Aceh khususnya yang menetap di wilayah distrik Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe.

1. 5 Kepentingan Kajian

Adapun permasalahan dan cabaran terhadap pemahaman mengenai masalah pemurnian praktik kepercayaan dalam masyarakat Islam di daerah Aceh dan juga tidaklah menghairankan bahawa masih banyak terdapat suatu kepercayaan dan masih yakin terhadap benda mati dan makhluk ghaib yang dianggap sebagai pelindung dari segala musibah yang akan menimpainya.⁴⁹ Maka secara tidak langsung telah mengarah kepada kemunduran aqidah dalam kehidupan ajaran agama dan

⁴⁹ Lihat, Syamsuddin, T. *“Adat Istiadat Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh.”* Jakarta:Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. 1997. hlm. 99.

berhubungan secara langsung dengan masyarakat Aceh. Maka dengan itu, mesti dihadapi dan dibuat suatu rumusan untuk dijadikan sebagai pendekatan dalam menyelesaikan suatu permasalahan secara asas untuk menuju kearah kemurnian aqidah yang sebenar dan sempurna dalam kepercayaan kepada Allah Ψ sahaja, tidak terdapat suatu fahaman yang lainnya sehingga dapat menjadikan suatu amalan yang menjadi syirik.

Berasaskan fahaman yang telah terjadi, bahawa segala amalan manusia di dalam kehidupannya, akan dipengaruhi oleh suatu sistem hubungan dengan manusia dan hubungan dengan alam itu sendiri. Dalam perubahan sosial masyarakat dengan sesama manusia dan manusia kepada Allah Ψ , mulai dengan struktur kehidupan kekeluargaan dan masyarakat.

Adapun hukum adat dalam lapisan sosial masyarakat yang kebiasaan dalam perkahwinan, hingga pada huraian kehidupan dalam ajaran keagamaan untuk dapat bergabung dengan lingkungan dan alam persekitaran. Maka dari keseluruhan permasalahannya yang mesti diberikan suatu penjelasan secara *objektif* dan *subjektif*, yang sebenarnya agar sampai kedalam kalangan masyarakat Islam Aceh dengan secara menyeluruh.

1.6 Objektif Kajian

Kajian ini menumpukan kepada ajaran agama dan perubahan sosial dalam kepercayaan kepada Allah Ψ , yang berlaku pada masyarakat Aceh. Juga ingin memberikan suatu masukan, penjelasan yang berkaitan dengan kepercayaan yang diyakini untuk dijadikan suatu pedoman dan asas dalam kehidupan yang telah berada dalam suatu kumpulan ataupun dalam penyatuan adat, tradisi dan budaya yang berbeza. Selain daripada hasil penelitian ini, juga amat diharapkan akan dapat

memberikan suatu sumbangan yang besar kepada dunia akademik dan turut juga memperkaya khazanah pemikir Islam, khususnya di Nusantara.

Selain itu pula, agar dapat dijadikan sebagai asas rujukan bagi pengkaji dan pembaca yang berminat untuk mendalaminya tesis ini. Untuk menjadi masukan utama dalam proses pembinaan teologi Islam dari perubahan sosial, dalam kehidupan masyarakat menurut kepercayaan yang telah diyakini sebagai kehidupan dalam bermasyarakat sehari-hari. Maka secara terperinci tujuan dari kajian ini dapat di huraikan seperti berikut:

Pertama: Untuk mengumpulkan data tentang kehidupan dalam suatu kepercayaan beragama dalam masyarakat Aceh yang berbeza adat, tradisi dan budaya.

Kedua: Ingin menggali dan menelusuri sedalam mungkin, kepercayaan dalam masyarakat Aceh terhadap pada benda mati dan kepercayaan kepada makhluk ghaib.

Ketiga: Untuk melakukan suatu pendataan kembali mengenai permasalahan dengan penerapan hukum adat yang sebahagian masih perlu untuk dibaiki kembali yang telah disusupkan dengan suatu amalan yang karut yang bercanggahan dengan ajaran Qur'an dan Hadith.

Keempat: Meneliti peranan dalam pemurnian praktik kepercayaan masyarakat Aceh, sehingga dapat membezakan amalan sebenarnya yang berasaskan daripada Al-Qur'an dan Hadith dan bukan berasaskan daripada ajaran agama Hindu.

1.7 Metodologi Kajian

Untuk usaha mencapai objektif di atas, maka kajian ini adalah berbentuk *deskriptif, tematis, kritis* dan *kualitatif* dan juga menggunakan *kuantitatif* akan tetapi,

hanya sahaja sebagai pendukung ataupun untuk memperkuat dari hasil kajian yang telah didapati di lapangan. Sehubungan itu, dalam upaya mengumpulkan data untuk kajian ini. Pengkaji berusaha menempati kaedah yang sesuai dengan kajian teologi Islam dan masih dalam ruang lingkup yang subjektif ataupun objektif, demi untuk mencari suatu pendekatan, lebih ditekankan pada kajian di lapangan yang sedang berlangsung. Namun demikian, kajian ini juga akan merujuk dan diperlukan suatu data yang jelas serta berasaskan daripada kajian kepustakaan dan media lainnya yang dianggap perlu. Dalam pendekatan ini, lebih berasaskan kepada Qur'an dan Hadith.

Akan tetapi, tidak sama sekali menolak data yang terdapat di lapangan, terutama yang berasaskan daripada, sains sosial, pada amnya masyarakat tersebut berteologi ajaran Islam. Maka dalam proses kajian ini akan dimulai dengan beberapa tahap pendekatan yang mesti dijalankan dan ditempuhi.

1. 7. 1 Pengumpulan Data

Data daripada kajian ini sebagai asas data yang amat penting dalam penulisan tesis ini, kerana merupakan juga salah satu maksud untuk sampai kepada tujuan daripada penulisan ini. Adapun, teknik pengumpulan data melibatkan kajian kepustakaan, yakni penelaahan terhadap literatur yang berkaitan dengan inti pati daripada permasalahan itu sendiri, yang sedang dikaji dan sementara langkah-langkah yang mesti ditempuh seperti berikut:

Pertama: Merujuk kepada asas utama dan asas asli daripada karya-karya para ulama dan cendikiawan Aceh terdahulu dan kini, sementara dalam al-Qur'an dan Hadith dijadikan sebagai satu asas utama, agar dapat memahami teologi Islam dalam yang mencakupi hal adat, tradisi, budaya dan struktur perubahan sosial masyarakat.

Kedua: Merujuk pada asas tambahan seperti buku-buku, jurnal dan makalah

yang berkaitan dengan isu-isu semasa telah yang dibangkitkan dalam permasalahan yang menjadi sasaran dalam kajian ini.

Ketiga: Demi untuk kesempurnaan dan mencapai ke sasaran yang lebih objektif kajian yang akan dijalankan di lapangan maka akan merujuk juga kepada para pakar runding yang netral dan telah menguasai permasalahan dengan sebenar dilapangan seperti, para ulama, tokoh sejarah, tokoh adat budaya dan akademisi.

1. 7. 2 Sumber Data

Adapun sumber data yang digunakan dalam kajian ini seperti, data primer yang akan diperolehi melalui beberapa teknik seperti temu bual dan pemerhatian. Pengkaji juga akan bertemu bual secara berstruktur, adapun bertemu bual selalu terdiri daripada senarai soal selidik yang telah disusun dan direncanakan sebelumnya. Juga digunakan teknik bertemu bual tidak berstruktur ataupun bertemu bual dengan tidak berencana dan tidak mempunyai suatu persiapan sebelumnya, daripada suatu senarai pertanyaan dengan susunan kata dan urutan tetap sebagaimana mestinya.

Pengkaji juga, akan mengadakan dan menyertakan soal jawab baik di lapangan ataupun di pejabat pemerintahan dalam wilayah kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe dan juga membuat temu bual dengan tokoh agama, adat budaya dan masyarakat awam sebagai pelaku amalan tersebut, bila dianggap perlu untuk dijadikan suatu penjelasan yang amat jelas, agar mendapatkan suatu maklumat yang jelas dan benar daripada informan di lapangan. Maka soal jawab tersebut baik sifatnya terbuka mahupun tertutup demi untuk mendapatkan dan membantu kriteria yang digunakan, sebagaimana yang diperlukan dalam kajian tersebut.

1. 7. 3 Mekanisme Persampelan

Agar cara untuk memudahkan dalam persampelan maka yang digunakan diantaranya, yang akan dijadikan sistem temu bual secara langsung seperti dengan para tokoh ulama yang berpengaruh dalam masyarakat dan pemerintahan agar mendapat suatu maklumat dan pandangan pemikiran yang jelas dan agar tidak terlepas daripada hukum Islam yang sebenar. Begitu juga dengan para tokoh cendekiawan yang mengerti tentang masalah yang sedang berlaku dan kemudian dapat diterapkan dengan penggabungan ilmu sains, sosial, adat dan budaya teologi Islam. Para tokoh pemuka adat yang mengerti dan faham tentang selok belok adat dan budaya yang sedang berlaku dan juga mengerti tentang latar belakang dengan masalah yang sedang dikaji.

1. 7. 4 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam pengumpulan data kajian ini akan digunakan kaedah rawak yang tidak beraturan dalam masyarakat yang tinggal dalam wilayah kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe. Pemilihan yang dijadikan sampel akan diambil daripada responden dilapangan seramai 1.621 orang maka dari jumlah tersebut akan diambil sebesar 20% dari jumlah tersebut dan akan muncul responden seramai 261 responden sahaja, dengan menggunakan metode sampling rawak secara proporsional menurut stratifikasi (*Proportionate stratified random sampling*).⁵⁰

Maka dengan terpilihnya untuk menjadi perwakilan yang layak untuk menjadi responden yang juga dan dengan jumlah tersebut sudah dapat terwakilkan dan layak untuk menjawab segala soalan yang akan disoalkan dalam kajian tersebut khasnya tinggal di dalam dua wilayah tersebut, kota dan desa ataupun wilayah dalam bandar

⁵⁰ Lihat, S. Nasution. “*Metode Researc: Penelitian Ilmiah*” Jakarta: Bumi Aksara. 2006. Cet. 8. hlm. 87.

dan luar bandar yang dijadikan sebagai populasi yang akan diambil dilapangan seperti para ulama para pemukat adat para pekerja di pejabat pemerintahan dan para tokoh masyarakat dan masyarakat awam.

1. 7. 5 Kaedah Analisa Data

Dalam penulisan tesis ini akan menggunakan suatu kaedah dalam penganalisa dan mengolah data yang akan digunakan adalah dengan cara mengadakan suatu pendekatan seperti berikut:

Pertama: Menggunakan pendekatan falsafah agama, adat istiadat dan sejarah, dalam analisis ini juga diterapkan kaedah *induktif* (-) iaitu: membuat kesimpulan dari persoalan khas ke am. Dalam masa yang sama kajian ini juga akan menggunakan suatu kaedah *deduktif* (-), iaitu membuat suatu kesimpulan daripada persoalan am ke khas.

Kedua: Kajian ini menerapkan pendekatan perbandingan iaitu dengan cara membandingkan pandangan masyarakat Aceh dengan lingkungan dan sosial masyarakat yang sedang berlaku, baik tinggal di wilayah dalam bandar mahupun di luar bandar.

Adapun kajian ini juga menerapkan cara analisis *deskriptif, kualitatif* dan *kritis hipotesis*. Setelah dikemukakan perihal pengkaedahan selanjutnya tesis ini, menjelaskan secara ringkas beberapa kajian terdahulu yang berkaitan dengan pemurnian praktik kepercayaan dalam masyarakat Islam Aceh yang tinggal dalam wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe. Apabila seluruh data di lapangan telah terkumpul dengan sempurna, kemudian seluruh data akan.⁵¹

⁵¹ Lihat, Teguh W. “Cara Mudah Melakukan Analisa Statistik Dengan SPSS.”Yogyakarta: GayaMedia. Cet. I. 2004. hlm. 3.

1.8 Organisasi Kajian

Adapun penulisan tesis dalam kajian ini, akan digunakan suatu sistem secara sistematis yang dapat merangkumi tujuh bab dalam tesis ini yang terkandung seperti berikut:

Bab Satu: Sebagai pendahuluan daripada latar belakang permasalahan yang terjadi, sementara daripada permasalahan tersebut yang masih membekas dalam pelaksanaannya dan pengamalan sehari-hari, baik itu adat, budaya dan tradisi yang masih bercampuran dengan budaya ajaran agama Hindu ataupun dengan unsur animisme dan dinamisme di wilayah Nanggroe Aceh Darussalam (NAD).

Bab Dua: Pada bahagian pertama tesis ini akan menceritakan latar belakang dan kedudukan secara geografi provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Kemudian pada bahagian kedua menceritakan masalah bahasa dan kesusteraan daerah Nanggroe Aceh Darussalam. Pada bahagian ketiga akan memberikan suatu maklumat tentang sumber daya alam Nanggroe Aceh Darussalam (NAD). Pada bahagian keempat tentang masalah pendidikan dan sistem pendidikan. Bahagian kelima diakhiri dengan kesimpulan daripada bab tersebut.

Bab Tiga: Dalam bab ini akan membentangkan tentang sejarah masuk dan berkembangnya ajaran Islam dan Syi'ah dalam sistem perubahan sosial masyarakat Aceh pada amnya dan begitu juga masalah pengaruh daripada ajaran tersebut dalam masyarakat kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe. Juga memperjelas konsep dan suatu sistem kekeluargaan dalam masyarakat Islam Aceh dan menghuraikan mengenai asal mulanya lahirnya kepercayaan terhadap animisme dan dinamisme dengan teori dan pengertiannya. Turut menghuraikan juga tentang peradaban sosial dan adat istiadat masyarakat Islam Aceh. Sementara pada bahagian yang terakhir adalah kesimpulan.

Bab Empat: Dalam bab keempat ini akan memberikan dan menerangkan kepercayaan terhadap anasir dalam masyarakat Islam Aceh yang berasaskan daripada hasil kajian yang telah dijalankan di lapangan untuk menyokong amalan yang telah diamalkan, pada bahagian pertama, akan menceritakan tentang upacara yang berkaitan dengan unsur keagamaan seperti, upacara tepung tawar ucap syukur, mohon doa restu dan petunjuk daripada tuhan, juga untuk memohon keberkahan keselamatan. Turut menghuraikan juga tentang anasir dalam kehidupan terhadap kepercayaan yang berbau animisme seperti, upacara turun tanah bayi mencicipkan dengan manisan, berpantang sebelum melahirkan dan berpantang sesudah melahirkan selama empat puluh empat hari, juga mengenai adat terdisi upacara pada masa perkahwinan hingga melahirkan, begitu juga dengan upacara kematian dari hari ke tiga hingga hari ke seratus hari, juga menghuraikan tentang waktu, wari dan bulan yang mengandungi nilai mistik. Bahagian yang terakhir akan diakhiri dengan kesimpulan daripada bab tersebut.

Bab Lima: Pada bab lima ini adalah sebagai data dan hasil kajian yang telah dijalankan di lapangan, hasil kajian tersebut untuk menyokong dan menerangkan daripada kepercayaan terhadap anasir dinamisme dalam masyarakat Islam Aceh. Pada bahagian pertama menceritakan tentang, pemujaan terhadap tempat dan benda mati seperti, perkuburan yang dianggap keramat dan bernazar pada tempat tersebut dengan alasan agar permintaannya akan diterima. Bahagian selanjutnya akan menghuraikan mengenai pohon besar dan benda tertentu yang dianggap mempunyai nilai mistik dan sakral seperti, terhadap pohon beringin dan ketapang dan juga kepada rencong dan benda azimat lainnya. Diakhiri dengan dengan kesimpulan dari pembahasan tersebut.

Bab Enam: Bab ini, akan menghuraikan dari sudut pemurnian aqidah Islam itu sendiri yang sebenar yang berasaskan hukum Islam yang berlaku. Bab ini juga akan menghuraikan adat, budaya dan tradisi dari kehidupan masyarakat Aceh kesehariannya dari mulai lahir hingga meninggal yang ditinjau daripada sudut pandang hukum Islam dan juga ingin menjelaskan tentang suatu sistem permurnian dalam konteks yang kritikal yang selalu menghindari kepentingan perseorangan. Dalam enan ini juga pada amnya telah mencakup aripada pembahasan pada bab-bab yang telah dibahas secara sistematik yang tidak terlepas dari ajaran Islam yang sebenarnya.

Bab Tujuh: Sebagai penutup penulisan tesis ini, serta dapat memberikan suatu rumusan yang telah dicapai dan begitu juga dengan saranan dan metode pendekatan secara penuh dengan norma-norma dan etika yang berlaku dalam masyarakat Islam Aceh. Sasaran yang amat ditujukan kepada pelbagai pihak khas pada pentadbiran pemerintahan ataupun lembaga tertentu yang dianggap perlu dan juga ditujukan kepada sesiapa yang ingin menjalankan kajian selanjutnya.

BAB DUA

LATAR BELAKANG NANGGROE ACHEH DARUSSALAM (N A D) DAN PENTADBIRAN PEMERINTAHAN

2. 1 Kedudukan Geografi

Nanggroe Aceh Darussalam (NAD) atau Serambi Mekah,¹ yang mengalami penurunan secara cepat dari angka kelahiran kerana amalan daripada program Keluarga Direncana Wilayah ini dan juga merupakan pintu masuk dan keluar dari Selat Melaka yang dikelingi oleh Lautan Hindi.² Secara pentadbiran pemerintahan, luas ini dibahagi menjadi 20 Daerah Tingkat II, iaitu, 16 Daerah³ dan 4 Kota. Keenam belas kabupaten ini adalah Daerah Aceh Besar, Daerah Pidie, Daerah Aceh Utara, Daerah Aceh Bireun, Daerah Aceh Timur, Daerah Aceh Taming, Daerah Aceh Tenggara, Daerah Aceh Tengah, Daerah Aceh Barat, Daerah Aceh Jaya, Daerah Aceh Jaya, Daerah Nangan Raya, Daerah Aceh Barat Daya, Daerah Aceh Singkil, Daerah Aceh Simeulu, Daerah Aceh Gayo Lues dan Daerah Aceh Selatan. Empat Kota adalah Kota Banda Aceh, setakat ini sudah menjadi sebagai Ibunda kota Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (NAD).

¹ Pemberian sebutan “*Serambi Mekah*” pada Aceh memang bukan hanya kerana pada zaman sebelum terbinanya Republik Indonesia, akan tetapi daerah itu merupakan suatu tempat persinggahan terakhir orang dari segala pelosok Nusantara yang ingin melaksanakan ibadah haji atau pergi ke Mekah. Ditumbuhkan daerah Aceh sebagai wilayah Barat merupakan yang pertama-tama menerima kedatangan Agama Islam pada abad ke 17. Tetapi hingga kini, boleh dikatakan tidak sesuai lagi dengan ucapan kata “*Serambi Mekah*,” kerana masyarakat Aceh pada masa ini, banyak didapati yang tidak bisa membaca Qur’an dengan baik dan *fasih*, bahkan ada yang tidak dapat membaca langsung. Lihat, Daerah Istimewa Aceh, “*Buku Profil Provinsi Republik Indonesia*.” Jakarta: Yayasan Bhakti Wawasan Nusantara. 1992. hlm. 297. *Sumber:* Badan Pusat Statistik Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (NAD). Banda Aceh. 2000.

² T. Alamsyah, (peny.) “*Pedoman Umum Adat Aceh*.” Banda Aceh: Lembaga Adat dan Kebudayaan Aceh (LAKA). 1991. hlm. 1.

³ Wilayah yang diketuai oleh seorang kaki tangan daripada daerah. Lihat, “*Kamus Dewan*.” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi. 3. 1994. hlm. 309.

Kota Sabang, Kota Lhokseumawe, Kota Langsa. Keseluruhan daerah terdiri daripada 139 buah yang terbahagi dalam 591 buah mukim dan 5.463 desa.⁴

2. 1. 1 Sistem Pentadbiran Pemerintahan

Sejak terbentuknya Negara Kesatuan Republik Indonesia (1950) status daerah Aceh, berasaskan Peraturan Pemerintah No. 21 Tahun 1950 dan Peraturan Pemerintah Pengganti Undang-Undang No.5 Tahun 1950, yang diubah daripada provinsi (Daerah yang dibawah pengawasan seorang Gabenor wilayah)⁵ menjadi keresidenan termasuk dalam wilayah Provinsi Sumatera Utara. Namun, sejak tahun 1956 berasaskan Undang-Undang No. 24 Tahun 1956 statusnya dijadikan menjadi provinsi kembali dan dengan keluarnya Undang-Undang No.1 Tahun 1957 disesuaikan menjadi daerah *Swatantra* Tingkat I Aceh. Kemudian untuk memenuhi keinginan rakyat Aceh pada bulan Mei 1959, berasaskan Keputusan Perdana Menteri Republik Indonesia tarikh 26 Mei 1959 No. 1/Missi/1959 statusnya ditingkatkan lagi menjadi daerah Istimewa dan setelah keluarnya Undang-Undang No.18 Tahun 1965 yang bahawa kedudukan hukumnya lebih diperkuat.⁶

Dari keseluruhan bahagian organisasi didaerah menurut bidang urusan dan bertanggungjawab secara keseluruhannya dapat digolongkan dalam pemerintah daerah dan pemerintah wilayah. Adapun pemerintah daerah dijadikan sebagai suatu alat untuk menyelenggarakan urusan wilayah bahagian berasaskan kewenangan pengagihan kuasa daripada pemerintahan pusat dalam mengorganisasikan suatu lembaga pemerintahan ada memiliki dua sistem iaitu;

⁴ Rusdi Sufi, (peny.). "*Adat Istiadat Masyarakat Aceh*". Dinas Kebudayaan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (NAD). 2002. hlm. 8. Lihat juga, Rusdi Sufi, (peny.). "*Adat Istiadat Masyarakat Aceh*". hlm. 9.

⁵ Ibid. hlm. 1059.

⁶ Lihat, Rusdi Sufi, (peny.). "*Adat Istiadat Masyarakat Aceh*." Dinas Kebudayaan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. 2002. hlm. 17.

Pertama, (“*legislatif*”) Mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang yang berlaku.⁷

Kedua, (“*eksekutif*”) Suatu badan ataupun lembaga yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab yang berkaitan dengan pentadbiran atau pengurusan sesuatu organisasi.⁸

Bahagian legislatif merupakan sebagai alat perwakilan dan sebagai penyalur aspirasi rakyat yang dibuat satu lembaga dalam wadah Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD). Sedangkan kekuasaan eksekutif sebagai alat pelaksana aspirasi rakyat dalam bentuk kepala daerah. Kepala daerah dalam melaksanakan tugas dan kewajiban dibantu oleh setiausaha di daerah sebagai staf dan jabatan-jabatan yang ada di daerah sebagai pelaksana kegiatan dalam suatu jabatan dan tugas kerajaan.⁹ Pada masa Pelita IV (pembangunan empat tahun), yang dibentuklah satu Lembaga Pembantu Gabenor melalui Keputusan Menteri dalam Negeri No. 82/25-779 tarikh 6 Oktober 1984 tentang Pembentukan Wilayah Kerja Pembantu Gabenor Wilayah I, II dan III. Wilayah Kerja I meliputi Kotamadya Daerah Tingkat II Banda Aceh, Sabang, Daerah Tingkat II Aceh Besar dan Pidie. Wilayah Kerja III meliputi Daerah Tingkat II Aceh Utara, Aceh Timur, Aceh Tengah dan Aceh Tenggara, sedangkan Wilayah Kerja III adalah Daerah Tingkati II Aceh Barat dan Aceh Selatan. Kehadiran lembaga ini secara kualitatif mahupun kuantitatif telah membantu beban tugas kepala wilayah terutama pada jalur koordinasi.¹⁰ Daerah Tingkat II dibentuk juga 18 Lembaga Pembantu Bupati Kepala Daerah Tingkat II untuk

⁷ Lihat, Rusdi Sufi, (peny.). “*Adat Istiadat Masyarakat Aceh.*” Dinas Kebudayaan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. 2002. hlm. 782.

⁸ Ibid. hlm. 329.

⁹ Ibid. hlm. 19.

¹⁰ Ibid. hlm. 24.

membantu tugas Kepala Wilayah (*Bupati*) terutama pada jalur dan desentralisasi.¹¹

Di wilayah kecamatan (daerah bahagian) dibentuklah Perwakilan Kecamatan sebagai usaha dan mesti kerja keras untuk hadirnya kecamatan yang definitif, dapat dipertanggungjawabkan.¹²Pada tahun 1999, Nanggroe Aceh Darussalam (NAD) telah mengalami beberapa kali perluasan wilayah hingga kini mencapai 4 pemerintahan kota dan 17 Daerah.

2. 1. 2 Sejarah Aceh

”Aceh”¹³ berasal dari kata “*Aca*” yang ertinya, saudara wanita. Konon kata-kata berasal dari kata “*Ba’si-Acheh-Acheh*,” seperti pohon beringin yang besar dan tinggi, pohon tersebut setakat ini jarang dijumpai, kecuali di wilayah perkampungan. Menurut cerita orang Aceh ada dua puteri kakak beradik mandi di sungai yang adik sedang mengandung. Mereka berjumpa dengan sebuah rakit pokok pisang yang di atasnya ada seorang bayi, anak itu diambil oleh puteri yang tua kerana tidak mengandung anak itu dibawa pulang. Berdiang diri selama empat puluh hari tidak turun dari rumah. Orang-orang kampung hairan mendengar puteri yang besar itu telah bersalin, dan kerana itu orang kampung mengatakan: *Adoe yang mume, A yang ceh* (ertinya, adik yang mengandung kakak yang bersalin), dan dari kata inilah menjadi nama daerah Aceh dan seterusnya menjadi kata rasmi untuk menyebutkan

¹¹ Memberikan kuasa yang lebih kepada kerajaan negeri-negeri (daerah-daerah) yang bersekutu oleh kerajaan pusat, pengagihan kuasa pusat. Lihat, “*Kamus Dewan*.”1989. hlm. 278.

¹² Lihat, Rusdi Sufi, (peny.). “*Adat Istiadat Masyarakat Aceh*.” hlm. 24.

¹³ Masyarakat Aceh ada tersimpan anasir penyakit hati yang sudah berdarah daging juga kontradiktif terhadap nilai-nilai pendidikan dan etika seperti 1.Dengki (*Kueh*),2. Kucing jantung (*Sipheut mie agam*),3.Mengganjal orang lain (*Cheut gateh gob*), 4. Sikap bias Gender seperti: Wanita dijual belikan dan tidak memandang sama penting pemberian akses pendidikan kepada kaum Hawa. Hal ini mungkin sudah banyak berubah dan mengalami kemajuan (ke arah lebih baik),5. Besar pasak dari tiang (*Ranyeut ‘ap ngon cilet*). Lihat, Gunawan Adnan. Ph.D, “*Kebudayaan Aceh dalam perspektif pendidikan*.”Makalah yang dihinggakan pada Seminar Antarbangsa Budaya, (Pekan Kebudayaan Aceh), ke-IV, Banda Aceh, tarikh. 24-27. 2004.

kata daerah “Acheh.”¹⁴

Dalam *Babad* ataupun cerita legenda orang China (awal abad 6) telah menyatakan kewujudan sebuah kerajaan di bahagian hujung utara Pulau Sumatera yang mereka kenali sebagai Po-Li. *Naskah* Arab dan India kurun ke-9 juga telah mengatakan perkara yang sama. Berbanding dengan wilayah-wilayah Indonesia yang lain, Aceh merupakan daerah pertama yang mempunyai hubungan langsung dengan dunia luar seperti dengan negeri Turki Usmani. Dalam sejarah dicatatkan bahawa Ibn Batutah¹⁵ dan Cheng Ho¹⁶ pernah melakukan ekspedisinya paling sedikit tujuh kali dengan menggunakan kapal armadanya.

Sementara armada tersebut terdiri daripada 30000 orang dan tujuh kapal. Dalam ekspedisi ini, Cheng Ho membawa balik pelbagai penghargaan dan utusan lebih dari 30 kerajaan termasuk Raja *Alagonakkara* dari Sri Langka, yang datang ke China untuk memohon maaf kepada raja China. Daerah Aceh juga memiliki sebuah sejarah yang lama dan memainkan peranan penting amat dalam perubahan yang dialami hingga penubuhannya. Dalam sejarah Melayu, nama Aceh adalah *Lam*

¹⁴ Abu Bakar Aceh, Tentang Nama Aceh, dan Ismail Suni (peny). “*Bunga Rampai Tentang Aceh.*” Jakarta: Bhratara Karya Aksara. 1980. Lihat juga, Davis John. “*Purchas His Pilgrims.*” London. Vol. I. hlm. 1625.

¹⁵ Abu Abdullah Muhammad bin Batutah () atau disebut dengan Ibn Batutah (tarikh, 24 Pebruari 1304-1368 atau 1377) beliau, seorang pengembara dari Barbar Maroko. Maka atas dorongan Sultan Maroko, Ibn Batutah dicatatkan dalam beberapa perjalanan pentingnya kepada seorang sarjana bernama Ibn Jauzi, yang ditemuinya ketika sedang berada di Iberia. Lihat juga, Dunn, Ross E. “*The Adventures of Ibn Batutah, a Muslim Treveler of The Fourteenth Century.*” Croon Helm. 1986. hlm. 1-10.

¹⁶ “*Cheng Ho*” adalah seorang Muslim yang menjadi orang kepercayaan maharaja China Yongle (berkuasa tahun 1403-1424), maharaja ke-3 dari Dinasti Ming. Nama asalnya adalah Ma He, juga dikenal dengan sebutan *Ma Sanbao*, berasal dari Provinsi Yunnan. Ketika pasukan Ming menaklukkan Yunnan, *Cheng Ho* ditangkap dan kemudian dijadikan tawanan. Ia adalah seorang berpuak Hui, puak bangsa yang secara zahir mirip dengan puak Han, namun beragama Islam. Cheng Ho berlayar ke Melaka pada abad ke-15. Saat itu, seorang putri China, Hang Li Po (atau Hang Liu), dikirim oleh maharaja China untuk menikahi Raja Melaka (Sultan Mansur Shah). Pada tahun 1424, Maharaja Yongle wafat. Penggantinya, adalah Maharaja Hongxi (berkuasa tahun 1424-1425, memutuskan untuk mengurangi pengaruhnya dilingkungan kerajaan. Cheng Ho juga melakukan satu ekspedisi lagi pada masa kekuasaan Maharaja Xuande (berkuasa 1426-1435). Perjalanan Cheng Ho ini menghasilkan *Peta Navigasi Cheng Ho* yang mampu mengubah rajah navigasi dunia hingga abad ke-15. Dalam buku ini terdapat 24 rajah navigasi mengenai arah pelayaran, jarak di lautan, dan pelbagai pelabuhan. Lihat, http://en.wikipedia.org/wiki/Zheng_He (dipetik pada terikh 4 Mac 2008, pukul: 01 pagi)

Muri,¹⁷ Marco Polo, seorang saudagar *Venesia*¹⁸ yang singgah di *Peureulak* dalam tahun 1292 menyebutnya *Lambri*; kemudian orang Portugis menggunakan nama *Akhem*, orang Belanda menggunakan nama *Akhin*, sedangkan orang Aceh sendiri, menyebut daerah mereka sendiri dengan Aceh.¹⁹

Dalam sejarah telah dicatatkan bahawa orang Aceh yang pada amnya, lebih dahulu dikenali oleh bangsa Eropah, seperti nelayan yang dijumpai berlayar di ceruk di atas mereka yang bercadik dua (alat tersebut terbuat daripada kayu selalu digunakan untuk mendayung perahu yang berapit dari arah kiri dan kanan). Pada tarikh 2 Jun 1602, kata Lancaster, kami membuang sauh di ceruk *Dachen*; beberapa orang negeri itu naik ke kapal kami dari perahu mereka yang lebih besar daripada yang pernah kami lihat hingga setakat itu, dengan cadik di sebelah menyebelah sehingga mereka tidak bisa tenggelam.²⁰

Kerajaan Islam yang pertama kali telah terbina di Aceh adalah Kerajaan Perlak pada tahun 804, sekitar 100 tahun setelah dapat pengaruh dari ajaran Islam di Nusantara. Kerajaan Perlak iaitu, sebuah kerajaan awal yang terletak di Aceh. Perlak merupakan sebuah daerah di pesisir timur daerah Aceh (daerah utara Pulau Sumatera). Raja dan rakyat penduduk daerah negeri Perlak adalah merupakan suatu keturunan dari Maharaja *Pho He La Syahir Nuwi* (Meurah Perlak Syahir Nuwi) dan keturunan dari pasukan-pasukan pengikutnya. Beberapa abad kemudian, pada tahun 173 H. (800 M.) tibalah sebuah kapal saudagar Islam menuju ke Bandar Perlak yang datang dari Ceruk *Kambey* (Gujerat). Mereka yang diketuai oleh Nakhuda *Kh lifah*,

¹⁷ *Lamuri*, yang berlokasi di Aceh Besar setakat Pasai, yang berasal dari Parsa, atau orang Tionghoa disebut Tanshi. Lihat, Said, Muhammad. "*Atjeh Sepandjang Abad*." Medan: Waspada Medan. JI. I. 1961. hlm. 33-34.

¹⁸ *Venesia* (bahasa Italia: *Venezia*, bahasa Veneto: *Venexia*) adalah ibu kota *regione* Veneto dan Provinsi Venesia di Italia. Kota ini memiliki luas wilayah 412 km² dan dengan jumlah penduduk 271.663 orang (2003).

¹⁹ Lihat, Zainuddin H.M. "*Tarich Islam dan Nusantara*." Medan: Pustaka Iskandar Muda. 1961.

²⁰ Lihat, Denys Lombard. "*Kerajaan Aceh Jaman Iskandar Muda (1607-1636)*." Jakarta: Balai Pustaka." hlm. 64.

dalam perjalanannya menuju ke bandar Perlak mereka juga mendapatkan bahan-bahan perniagaan yang banyak untuk dapat diniagakan ke negeri lainnya.

Ajaran Islam yang dipaparkan dan dikembangkan oleh pedagang tersebut, dengan melalui rombongan Nakhuda Khalifah, ketika hingga ke negeri Perlak dengan mendapat perhatian dan sambutan yang baik sehingga hidup makmur dan berkembang disebabkan berkat ajaran-ajaran dan penerangan dari para mubaligh yang selalu datang ke negeri Perlak. Dalam masa yang singkat, tidak hingga setengah abad berlalu, maka umat Islam di daerah Perlak yang telah mempunyai keturunan dan telah menganut ajaran Islam daripada perkahwinan dan pencampuran penduduk asli, khasnya para wanita dengan lelaki keturunan bangsa Arab, Parsi dan India, telah sanggup mendirikan sebuah kerajaan Islam walaupun dengan bersusah payah untuk membinanya di negeri Perlak yang bertepatan pada hari Selasa sehari bulan *Muharram* tahun 225 H. (840 M.).

Sultan pertama yang terpilih adalah Sayyid Maulana Abdul Aziz Syah yang berketurunan Arab Quaysi dengan puteri Meurah Perlak, yang bergelar Sultan Alaidin Sayyid Maulana Abdul Aziz Syah. Kerajaan Islam yang telah dibina di Perlak itu, makmur dan damai serta meluas melalui dinasti raja-rajanya. Pada hari perasmian terbinanya Kerajaan Islam itu, bandar Perlak ditukar namanya menjadi bandar Khalifat sebagai kenang-kenangan kepada Nakhuda Bandar Kalifah yang mula-mula membawa ajaran agama Islam ke bandar Perlak. Bandar *Kh lifat*, hingga kini, masih tetap disebut dan dikenang namanya, tetapi daerah itu telah menjadi kampung kecil yang tidak bererti lagi, kerana memberikan pemerintah setempat kurang perhatiannya terhadap tempat-tempat bersejarah yang amat bererti dan kaya dengan nilai sejarahnya.²¹

²¹ Lihat, Muhammad Junus Djamil. "*Silsilah Tawarich Radja-radja Keradjaan Atjeh.*" 1968. hlm. 100.

Pada abad ke 16, Ratu British Elizabeth I, mengirim utusannya bernama Sir James Lancaster kepada Kerajaan Aceh dan mengirim surat yang ditujukan kepada saudara hamba, raja Aceh Darussalam dan disertakan seperangkat perhiasan yang mahal dan tinggi nilainya. Maka Sultan Aceh pada setakat itu, menerima maksud baik atas kedatangan saudaranya, kerajaan British dan memberikan izin untuk berlabuh dan berdagang di wilayah kekuasaan negeri Aceh. Bahkan Sultan juga, mengirimkan suatu hadiah yang amat berharga nilainya seperti, sepasang gelang yang terbuat daripada batu permata dan sepucuk surat yang ditulis di atas kertas yang halus dan bersih dengan tinta emas. Sir James pun dianugerahi gelar sebagai “*Orang Kaya Putih.*” Sementara hubungan berdiplomati yang amat baik antara negeri Aceh dengan British kemudian dilanjutkan pada masa Raja James I dari British dan Scotland. Raja James mengirimkan sebuah meriam sebagai hadiah untuk Sultan Aceh. Meriam tersebut hingga kini masih terawat dan dikenali dengan nama Meriam Raja James.²²

Selain Kerajaan British, Pangeran Maurits pengasas Dinasti *Oranje* juga pernah mengirim surat dengan maksud meminta bantuan Kesultanan Aceh Darussalam. Sultan menyambut maksud baik mereka dengan mengirimkan rombongan utusannya ke Belanda. Maka rombongan tersebut yang dipimpin oleh Tuanku Abdul Hamid. Rombongan ini yang dikenal sebagai orang Indonesia pertama yang singgah di Belanda. Dalam kunjungannya Tuanku Abdul Hamid sakit hingga akhirnya meninggal. Beliau dimakamkan secara besar-besaran di Belanda dengan dihadiri oleh pembesar Belanda dan hingga kini, beliau dikuburkan dan terdapat sebuah prasasti yang dirasmikan oleh pangeran Bernard suami mendiang Ratu Juliana dan ayahanda daripada Ratu Beatrix.

²² Lihat, Nur al-Ibrahimi. “*Selayang Pandang Langkah Diplomasi Kerajaan Aceh.*” Jakarta: Grasindo. 1993. hlm. 3.

Kerajaan Aceh juga menerima kunjungan daripada utusan Kerajaan Perancis. Utusan Raja Perancis tersebut, semula bermaksud menghadiahkan sebuah cermin yang amat berharga bagi Sultan Aceh. Namun dalam perjalanannya maka cermin tersebut pecah, akhirnya mereka memberikan serpihan cermin tersebut, sebagai hadiah bagi Sultan. Danys Lombard²³ mengatakan bahawa Sultan Iskandar Muda²⁴ beliau amat menggemari pelbagai benda-benda yang berharga. Pada masa itu, kerajaan Aceh merupakan satu satunya kerajaan Melayu yang memiliki “*Balee Ceureumeen*” di dalam Istananya.

Menurut utusan Perancis tersebut, istana kesultanan Aceh luasnya tidak kurang dari dua kilometer. Istana tersebut bernama Istana *Darud Donya*,²⁵ di dalamnya yang mampu menampung 300 ekor gajah. Sultan Iskandar Muda juga, memerintahkan untuk memindahkan aliran sungai *Krueng Aceh* hingga mengalir air sungai dengan tenang kedalam istananya di sekitar Meuligoe, maka disanalah Sultan sering sekali berenang sambil menjamu para tetamunya.

Pada masa perang dengan Belanda, kesultanan Aceh meminta bantuan kepada perwakilan Amerika Syarikat di negeri Singapura yang telah disinggahi oleh Panglima Tibang Muhammad²⁶ dalam perjalanannya menuju untuk pelantikan Kaisar Napoleon III di Perancis. Sementara Sultan Aceh juga mengirimkan seorang utusan yang bernama Habib Abdurrahman untuk meminta bantuan kepada Kerajaan Uthmani. Pada masa kesultanan Uthmani, sudah mengalami masa kemunduran dalam hal perekonomian dan tamadun, sedangkan Amerika Syarikat tidak bersedia

²³ Sarjana dan seorang pakar sejarah yang berasal dari Perancis, ia juga sebagai pakar pengkaji yang memfokuskan di kawasan Asia Tenggara.

²⁴ Iskandar Muda anak kepada cucu daripada yang ke-3 dari pihak ayah dan cucu, yang berkuasa tahun 1607–27 Disember 1636. Lihat, Denys Lombard, “*Kerajaan Aceh Jaman Sultan Iskandar Muda*.” 1986. hlm. 47-48.

²⁵ Kini *Meuligo Aceh*, dijadikan tempat kediaman Gabenor berlokasi di Nanggroe Aceh Darussalam (NAD), Banda Aceh .

²⁶ Pada saat itu, Panglima Tibang Muhammad, menjabat sebagai Menteri urusan Pajak dan Cukai (setaraf dengan Menteri Kewangan). Lihat, Nur al-Ibrahimi, ”*Selayang Pandang Langkah Diplomasi Kerajaan Aceh*.” Jakarta: Grasindo. 1993. hlm. 80.

untuk mencampuri dalam hal urusan negeri Aceh dan Belanda. Setelah satu tahun terjadi perang, maka Sultan Aceh Mahmud Syah mangkat kerana diserang oleh wabak penyakit yang amat berbahaya. Bahkan menurut dalam sejarah bahawa penyakit kolera ini sengaja ditularkan kepada rakyat Aceh oleh Belanda sehingga menjejaskan korban seramai 77 orang.²⁷

Kerabat Sultan, Sultan Muhammad Dawud Syah ditabalkan sebagai Sultan di Masjid Indra Puri. Sultan Muhammad Dawud akhirnya meyerahkan diri kepada Belanda pada tahun 1903 setelah dua orang isterinya, anak serta ibundanya terlebih dahulu ditangkap oleh pihak Belanda. Kesultanan Aceh akhirnya jatuh seluruhnya pada tahun 1904. Istana kesultanan Aceh kemudian dihancurkan dan diganti dengan binaan yang lebih baru yang hingga kini masih dikenali dengan nama Pendapa (pendopo) Gabenor.

Dalam sejarah dan tamadun, daerah Aceh sudah terbiasa dan selalu menghadapi pergolakan dan pembangkangan yang amat panjang dan berlarut-larut hingga kini dapat ditampikan beberapa kehancuran seperti 1. Perlawanan terhadap Portugis, 2. Perlawanan terhadap pemerintahan Belanda dan pendudukan Jepun, 3. Perjuangan merebut dan mempertahankan kemerdekaan Indonesia, 4. Perselisihan antara sesama masyarakat Aceh (*Perang Cumbok*), iaitu pada awalnya nama iaitu sebuah desa yang terletak di pedalaman Kabupaten Aceh Pidie (Sigli). Perang saudara tersebut sering disebut dengan perang cumbok, iaitu perang antara bangsawan (*uleebalang*) dengan ulama tempatan. Perang tersebut sebenarnya tidak mesti terjadi antara sesama bangsa sendiri, apalagi antara sesama rakyat Aceh. Konflik sosial yang terjadi dan mengakibatkan meletusnya Perang *Cumbok* adalah akibat dari sisa tipudaya yang disebar oleh Belanda, untuk memisahkan antara

²⁷ Lihat, Muhammad Said. "Aceh Sepanjang Abad." JI ke-2. hlm. 17-18.

ulama dengan umara (masyarakat awam) dan tragedi ini amat menyedihkan bagi rakyat Aceh sebab banyak membawa korban penduduk baik di kalangan ulama, umara ataupun cendekiawan, dan perang Cumbok ini terjadi kerana salah faham antara ulama dengan umara, adapun menurut data yang diperoleh dari pihak kelompok yang ingin memisahkan diri, korban rakyat selama terjadi perang Cumbok menjejaskan seramai 160 orang meninggal, 27 cedera dengan jumlah tanggungan 348 orang. Dalam angka tersebut belum termasuk rumah yang terbakar.²⁸⁵ Melawan terhadap Pembangkangan G-30-S PKI, 6. Gerakan Darul Islam (DI/TII), iaitu Peristiwa DI/TII menjadi malapetaka bagi bangsa terhadap bangsa Indonesia khasnya daerah Aceh, baik dari masyarakat Aceh mahupun pihak tentara atau pihak pemerintah.²⁹⁷ Menangani terhadap Gerakan Aceh Merdeka (GAM), iaitu terjadinya suatu konflik antara masyarakat Aceh dengan pemerintahan pusat yang pada asasnya adalah terjadi ketidakpuasan dan ketidakadilan atas yang dirasakan oleh masyarakat Aceh secara khasnya, terutama dalam pembahagian hasil alam dan dalam bidang pembangunan dan lainnya. Di samping itu, terjadinya pelanggaran HAM pada masa Daerah Operasi Militer (DOM).³⁰⁸ Pengistiharan kebijakan Daerah Operasi Militer (DOM), 9. Masa pengistiharan Darurat Militer (DM).³¹

²⁸ Lihat, M. Isa Sulaiman, "*Sejarah Aceh: Sebuah Gugatan Terhadap Tradisi.*" 1997. hlm. 127. Lihat juga, Tgk. H. Wahab Seulimeum, "*Disekitar Amalan Majelis Penimbang Kabupaten.*" 1951. hlm. 1-18.

²⁹ Lihat, A. Rani Usman. "*Sejarah Peradaban Aceh: Suatu Analisis Interaksionis, Integrasi dan Konflik.*" 2003. hlm. 125.

³⁰ Lihat, Ibid. hlm. 137.

³¹ Lihat, Syarifuddin Tippe. "*Acheh di Persimpangan Jalan.*" hlm. XXII. Lihat, A. Rani Usman. 2003, dan Chaidar, 1998.

2. 1. 3 Bangsa dan Puak

Acheh adalah merupakan salah satu sebuah puak yang merupakan suatu hasil percampuran³²daripada pelbagai puak dan kebudayaan hingga kini, maka tidak menghairankan bahawa bangsa Acheh wajahnya mirip dengan orang Arab, India, Pakistan, Portugis dan Turki.³³Menurut dalam penyelidikan bahawa dalam ilmu kaji purba dan ilmu kaji manusia penduduk wilayah Asia Tenggara, pada amnya berumpun daripada satu nenek moyang yang sama. Asalnya menurut teori Prof. Kern³⁴bahawa nenek moyang bangsa Acheh berasal daripada dataran Yunan atau Indo-China, Champa (Kemboja), perpindahan daripada kawasan Asia ke Indonesia pertama kalinya pada 4000 tahun S.M. Pada mulanya terdapat sekumpulan para manusia yang berpindah randah ini, sudah menjumpai juga manusia asli di Indonesia dan kumpulan manusia ini disebut dengan asal mula adanya Mongoliden-Melayu.

Namun, pendapat mengenai purbakala itu diperkuat oleh sarjana Vorn-Heine Geldern daripada hasil penggalian benda purbakala. Menurut teori Alexander Randa dalam bukunya: "*Cheschedinischer Mensheid*" jilid. I terbitan Belanda tahun 1997, dinyatakan bahawa 12000 tahun yang lalu bangsa *Negrito* sudah beramai-ramai pula datang dari Afrika menuju ke benua Timur. Bahawa *Negrito*³⁵ini melalui dataran Asia masuk ke Asia Tenggara termasuk ke Indonesia. Namaun demikian, ada yang datang dengan jalan laut masuk ke daerah Tapanuli, sesudah lebih dahulu terjadi kahwin campur dengan bangsa Weda di Ceylon.

³² Lihat, Denys Lombard. "*Kerajaan Acheh Jaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636)*." Jakarta: Balai Pustaka. 1991. hlm. 46.

³³ Lihat, A. Rani Usman . "*Sejarah Peradaban Acheh: Suatu Analisis Interaksionis, Integrasi dan Konflik*," 2003. hlm. 6-7. Lihat juga, Denys Lombard. "*Kerajaan Acheh Jaman Sultan Iskandar Muda*." 1986. hlm. 45-46.

³⁴ Seorang pakar sejarah Asia Tenggara dan pakar Anthropologi.

³⁵ Orang *Negrito* merupakan penduduk yang paling awal di Kepulauan Melayu, yang diperkirakan sudah ada sejak tahun 1000 S.M. yang berasaskan penerokaan para pakar ilmu purbakala di Gua *Cha*, yang telah diperturunkan orang Semang yang mempunyai ciri-ciri fizikal yang berkulit gelap, berambut kerinting, bermata bundar, berhidung lebar, berbibir penuh, serta saiz badan yang pendek seperti, ukuran lelaki 145 cm, dan wanita 135 cm.

Maka dengan demikian, dapat menimbulkan berbagai puak di Indonesia hingga kini termasuk puak Aceh. Penetapan masa kedatangan mereka ke Indonesia pelbagai corak pula pendapat para sarjana.³⁶Bangsa Aceh termasuk ke dalam lingkungan rumpun bangsa Melayu, iaitu bangsa-bangsa *Mante* (Bante), Lanun, Sakai Jakun, Semang (orang laut), dan lainnya yang berasal dari negeri Perak dan Pahang menurut etnologi, ada hubungannya dengan bangsa Phonesia dan Babylonia dan bangsa Dravida di lembah sungai Indus dan Gangga.³⁷Bangsa atau puak Aceh merupakan diantaranya satu puak yang mendiami bahagian hujung Pulau Sumatera.

Aceh pada awal perkembangan tamadun atau pada abad pertama Masehi sudah menjadi jalur perdagangan antarbangsa yang merupakan di antara satu pelabuhan dan tempat persinggahan, atau tempat terjadinya interaksi antarbangsa. Interaksi antar bangsa tersebut di antaranya dengan dunia Arab, India dan China. Apabila dilihat dari muslihatnya wilayah Aceh, iaitu di jalur perdagangan antar bangsa, maka dapat disebutkan bahawa pada awalnya perkembangan tamadun di Nusantara, Aceh juga merupakan salah satu tempat pertemuan antara budaya atau antara peradaban.³⁸

³⁶ 1. *Sarjana Ferrand*: Berpendapat bahawa dari Asia atas, ke Asia Tenggara sekitar 1000 S.M, dan sekitar 500 S.M. (gelombang ke-2). 2. *Von Heine Geldern*: 2000 S.M. dan gelombang ke-2, 300 S.M. 3. *De Casparis*: Berpendapat Bahawa pula 10000 tahun dan 5000 S.M. 4. Prof. H. M. Yamin; Berpendapat bahawa 4000 S.M., gelombang ke-2 adalah 2000 S.M. Lihat, Dada Meuraxa." *Sejarah Puak-puak di Sumatera Utara*." Medan: Sasterawan. 1973. hlm. 14.

³⁷ "Pada zaman Yunani orang-orang Eropah mendapatkan hasil barang-barang Timur dari saudagar Iskandariah, Bandar Mesir terbesar di pantai laut Tengah. Saudagar-saudagar di sini memperoleh barang-barang dari orang Arab Sabak. Pemegang kunci peniaga di suatu pelabuhan yang ramai pada zaman itu di pantai Selatan Arab, Bandar Felix namanya. Orang-orang Arab mengangkutnya dari Barygaza atau dari pantai Malabar India dan dari pelabuhan pengumpulan ke tempat barang-barang, yang didatangkan dari negeri diantaranya dari "*Golden Chernose*". Sebelum diangkut ke India, barang-barang dari hasil kepulauan Indonesia lebih dahulu dikumpulkan di pelabuhan-pelabuhan di Sumatera atau di tempat lain. Tegasnya pada zaman Yunani itu saudagar-saudagar asing sudah hingga ke hujung Sumatera atau Aceh. Lihat, Zainuddin. H.M. "*Tarich Islam dan Nusantara*." 1961. hlm. 15.

³⁸ Lihat, A. Rani Usman. "*Sejarah Peradaban Aceh: Suatu Analisis Interaksionis, Integrasi dan Konflik*." hlm. 8.

2. 1. 4 Sosial Kemasyarakatan

Di dalam pergaulan masyarakat Aceh kesehariannya amatlah dipelihara ataupun menjalinkan pergaulan yang relatif baik, baik itu sistem sosial dalam kemasyarakatan. Ada pantun “*Toe jak meujak, jeuh weueh muaweueh*” yang artinya, kalau dekat kunjung-mengunjung, apabila jauh sayang-menyayang. Sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat Aceh yang sering melakukan kegiatan dan musyawarah dalam menyelesaikan permasalahan yang ada,³⁹apabila ada suatu perkara yang akan diselesaikan secara damai dan secara kekeluargaan dan di antaranya dengan cara musyawarah dan mufakat seperti 1. Rapat Keluarga untuk mengadakan acara tertentu 2. Mesyuarat di Meunasah (surau) 3. Mesyuarat Kenduri Tertentu 4. Mesyuarat Mempertahankan Negara.⁴⁰

Apabila dilihat dalam sejarah berdasarkan strata sosial masyarakat Aceh terdiri dari pelbagai tingkatan seperti 1. Masyarakat awam daripada pelbagai puak bangsa yang menetap di Aceh, 2. Kaum hartawan (*orang kaya*) yang memiliki harta dan dekat dengan pusat kekuasaan, 3. Kaum bangsawan (*teuku*) yang mendapat kepercayaan daripada Sultan untuk menguasai wilayah kampung (mereka disebut pula *Sagoe/Ampon*), 4. Keturunan Nabi ε (*habib*), mereka datang dari Mekah, Madinah, Yaman dan Hadratul Maut yang kedudukan mereka amat dihormati dalam masyarakat Aceh. 5. Kaum cendekiawan dan cerdik pandai

³⁹ Dapat dilihat dalam *Qur'an S rat. al-'Imr n: 159.*, yang artinya: “Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan kepadamu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.”

⁴⁰ Lihat, Hasbi Amiruddin. “*Makalah Seminar Budaya Pekan Kebudayaan Aceh-IV.*” Dilaksanakan di Banda Aceh, tarikh. 24-27 Ogos 2004. hlm. 1-5.

(ulama), iaitu alumni *Dayah*⁴¹ *Manyang* atau Perguruan Tinggi Islam tradisional dengan gelaran *Teungku* atau *Abu*.⁴²

Di dalam pergaulan ditanamkan rasa dan sikap yang terpuji, seperti hormat-menghormati, tolong-menolong, apabila mendapatkan duka sama bersedih, bila suka sama gembira. Dalam masyarakat Aceh ada ungkapan peribahasa “*Alang tulong, langsung cok, beuna ikot, karot teungah, pat nyang salah puwo bak beuna*” yang ertinya, kalau susah ditolong, kalau terlanjur mengambil dikembalikan, kalau benar ikuti, kalau salah larang dikembalikan kepada yang benar dan bila timbul saling selisih faham, yang mesti diselesaikan secara damai, muafakat dan mesyuarat yang disebut dengan “*Hukom suloh*.”⁴³

Namun, dalam hal yang tidak boleh dilakukan dalam masyarakat Aceh antara lain adalah; (a). Bergaul dekat dengan yang bukan mahramnya. (b). Masuk dan bertamu ke rumah orang lain semasa suaminya tidak ada di rumah. (c). Mengganggu janda (d). Berbicara atau mengeluarkan kalimat yang tidak menyenangkan orang lain. (e). Duduk di bawah tangga rumah orang lain. (f). Memegang dagu atau kepala orang lain, walaupun dengan tujuan bergurau. (g). Menunjuk sesuatu dengan tangan kiri dan kaki. (h). Menggunakan atau menjual beli khamar.(i).Mengunjungi orang yang meninggal dengan menggunakan pakaian yang mewah. (j). Berteriak di senja hari.⁴⁴Adat istiadat di daerah Aceh adalah merupakan suatu sumber daripada adab dalam kehidupan masyarakat Aceh sehari hari, ada satu pepatah yang sebagai berikut;

⁴¹ Kata “*Dayah*,” adalah tempat sebuah insitisi yang khasnya mengajarkan pelbagai ilmu agama, juga sering diucapkan *Dayah* oleh masyarakat Aceh Besar, diambil daripada bahasa Arab *zawiyah* Lihat, Kamarzzaman Bustaman Ahmad, “*Islam Historis: Dinamika Studi Islam di Indonesia*”. hlm. 280. Lebih lanjut lihat, M. Hasbi Amiruddin, “*The Response of The Ulama Dayah*.” hlm. 41. Lihat, “*Perkembangan Pendidikan di Daerah Istimewa Aceh*.”Majlis Pendidikan Daerah Provinsi D.I. Aceh. 1995. hlm.10.

⁴² Lihat, Syarifuddin Tippe. “*Acheh di Persimpangan Jalan*.” hlm. 3.

⁴³ Lihat, Tharin Z. “*Acheh Melawan Penjajahan Belanda*.” hlm. 52-53.

⁴⁴ Lihat, Zainuddin, H.M. “*Tarich Atjeh dan Nusantara*.” 1961. hlm. 184, 192 dan 390.

*Umong meu-ateueng
Ureueng meu-peutua
Rumoh meu-adat
Pukat meu-kadja*

Ertinya;

Sawah berpematang
Orang berketua/mempunyai pemimpin
Rumah beradat
*Pukat berkadja*⁴⁵

Masyarakat Aceh adalah merupakan suatu masyarakat yang amat kaya dengan sosial budaya dan kemasyarakatannya dalam kehidupan. Dalam pergaulan, mereka selalu memupuk seperti berikut; 1. Hormat-menghormati dan saling menghargai terhadap semua tetangga tanpa kecuali; 2. Sama menjaga ketertiban dan kehormatan rumah tangga, begitu juga kehormatan rumah tangga daripada orang-orang yang tinggal di persekitaran; 3. Memberikan pertolongan yang ikhlas diperlukan dan sama turut berduka di kala ditimpa kemalangan 4. Sama teguh menyimpan rahsia tetangga yang sesuai dengan tabi'at manusia yang tidak senang jika rahsianya diketahui orang lain; 5. Sama berhati-hati menjaga keamanan dan ketenteraman bersama; 6. Sama bergembira di kala tetangga mendapat kemujuran dan sama membersihkan sifat dengki dan iri hati; 7. Sama menjauhkan diri dari suka memfitnah tetangga; 8. Sama berhati hati untuk menjaga akhlak anak dalam pergaulan sehari hari supaya mereka bersaudara. Maka adat tersebut telah dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari dengan tetangga yang dapat dinamai.

Di samping itu, dilarang keras menyakiti tetangga, namun kasih sayang terhadap kawan sebagai mengasihi diri sendiri dimestikan juga.⁴⁶Adapun dalam masyarakat di daerah Aceh terdapat beberapa lembaga sosial yang selalu untuk membantu ataupun membimbing masyarakat daripada pelbagai hal seperti;

⁴⁵ Ibid. hlm. 311.

⁴⁶ Lihat, Moehammad Hoesin. "Adat Atjeh." 1970. (t.t.p.): Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Provinsi. D.I. Aceh. hlm. 198.

- i. *Balai B y t l Muf sir* iaitu, Balai ini bertugas mengurus orang-orang sedang melakukan perjalanan (pelancong dalam negeri mahupun luar negeri) dan membantu para *musafir* yang terlantar (yang tidak ada tempat tinggal untuk sementara masa sahaja).
- ii. *Balai B y t ul F kr wal Miskin* iaitu, Balai ini bertugas untuk memberikan bimbingan kepada fakir miskin dan mendidik anak yatim.
- iii. *Balai Sil t r R him* iaitu, Balai ini berfungsi untuk mengatur hubungan warga negara dan antara masyarakat yang berdiam dalam wilayah kerajaan Aceh Darussalam.
- iv. *Balai D r al-Asyikin* iaitu, Balai ini berfungsi sebagai mengatur dan memberikan maklumat perkahwinan, antara pemuda dengan pemudi yang mahu berkenalan ataupun bertunangan hingga ke jenjang perkahwinan.⁴⁷

Bagi masyarakat Aceh agama dengan adat satu sama lain sulit untuk dipisahkan, kerana sudah menyatu dengan batin dalam dirinya. Dalam fahaman masyarakat Aceh agama dengan adat, "*Lagei Zat Ngon Sifeuef* (seperti, zat dengan sifat). Adat juga sebagai asas dari syarak dan syarak asas dari *Kitabullah*. Oleh itu, adat istiadat yang berkembang dalam masyarakat Aceh tidak boleh bercanggahan dengan ajaran agama Islam.

Adapun kedudukan adat dengan agama, telah menempatkan kedudukan dan peranan masyarakat Aceh dalam pandangan orang luar Aceh suatu wilayah yang amat *taksub* dalam ajaran Islam. Dengan sebutan antara lain, Daerah Istimewa Aceh disebut juga dengan Serambi Makah yang berasaskan pada keputusan No. I/Missi/1959, kepada Daerah Aceh diberi sebutan dengan Provinsi Daerah Istimewa Aceh dalam bidang agama, pendidikan dan adat istiadat untuk mengembangkan ketiga keistimewaan tersebut, maka pemerintah Daerah Istimewa Aceh membentuk dan memiliki lembaga yang amat rasmi seperti; 1. Majlis Ulama Indonesia (MPU),⁴⁸ pada tingkat provinsi Daerah Kotamadya dan Kecamatan seluruh Aceh.

⁴⁷ Lihat, A. Hasjmy. "*Kebudayaan Aceh dalam Sejarah*." Jakarta: Beuna. 1983. hlm. 140.

⁴⁸ Sejak tahun 2001, Majlis Ulama Indonesia (MUI) berubah nama menjadi Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU), hingga tingkat Kecamatan sudah terbentuk cawangannya. Lebih lanjut, Bahawa Undang-undang nombor 44 Tahun 1999 dan semangat Undang-undang Nombor

Adapun tugas utama dari lembaga ini adalah untuk memberikan nasihat dan saranan kepada pemerintah Daerah dan juga turut memberikan fatwa serta bimbingan kepada umat Islam. 2. Lembaga Adat dan Kebudayaan Aceh (LAKA), pada tingkat provinsi, Daerah Kotamadya Kecamatan seluruh Aceh. Serta melakukan kajian dan bimbingan yang berkaitan tentang hal adat kepada masyarakat. Kemungkinan lembaga ini juga akan berubah nama menjadi Majelis Adat Aceh. 3. Majelis Pendidikan Daerah (MPD), pada tingkat Provinsi dan Daerah Kotamadya dalam daerah Aceh. Tugas utama adalah memberikan nasihat dan saranan kepada pemerintah daerah dalam hal yang berhubungan dengan pendidikan baik agama mahupun sains.⁴⁹

2. 1. 5 Kehidupan Beragama

Agama Islam mempunyai peranan yang besar sekali dalam pertumbuhan dan perkembangan kerajaan Aceh pada masa itu. Sifat keberanian rakyat Aceh didapati daripada ajaran agama Islam. Asal mula sebagai asas yang ideologi rakyat yang membina sebuah kerajaan Islam yang sempurna dan tunduk dalam peraturan daripada ajaran Qur'an dan Hadith,⁵⁰ apabila dilihat dalam peraturan dan undang-undang kerajaan Aceh amatlah mementingkan bidang pendidikan dan penyiaran Islam. Raja-raja Aceh telah bertukus lumus untuk menyebarkan dan menyiarkan ajaran agama Islam ke seluruh daerah bahkan keluar daerah Aceh sekalipun.

Pengaruh daripada ajaran agama yang telah diamalkan bagi rakyat Aceh

18 Tahun 2001 telah menempatkan Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) sebagai badan terpisah dan mitra sejajar badan eksekutif, legislatif, dan lembaga lainnya, untuk itu perlu adanya pengaturan tentang hubungan tata kerja antara lembaga-lembaga tersebut. Lihat, (Buku Hitam). "*Himpunan Undang-undang Keputusan Presiden Peraturan Daerah/Instruksi Gubernur Edaran Gubenur.*" Banda Aceh: Dinas Syari' t Islam NAD. 2005. hlm. 238.

⁴⁹ Lihat, Badruzzaman Ismail. "*Mesjid dan Adat Meunasah Sebagai Sumber Energi Budaya Aceh.*" hlm.68-69.

⁵⁰ Lihat, Zakaria Ahmad. "*Sekitar Keradjaan Atjeh dalam tahun 1520-1675.*" Medan: Monora. 1972. hlm. 97.

sudah bersatu dalam batinnya dan amatlah susah apabila dipisahkan dalam kehidupan sehariannya. Dalam sejarah tercatat bahawa pusat penyiaran agama Islam yang pada awalnya adalah di Asia Tenggara iaitu di Samudera Pasai. Bahkan negeri Melaka menerima ajaran agama Islam tersebut yang lebih awal daripada Samudera Pasai.⁵¹

Pada masa pemerintahan Sultan Husin yang digelar dengan Sultan Ali Riayat Syah (1568-1575), bahawa pada masa itu banyak dijumpai ulama Aceh yang terkenal dan alim baik yang dari keturunan Arab ataupun dari penduduk tempatan.⁵² Pada setakat itu, telah datang ke Aceh seorang ulama dari Mekah seperti, Muhammad Azhari yang bergelar, Syeikh Nurdin. Berasal dari Negara Mesir yang bermazhab Shafi'i juga turut mengajarkan tentang ajaran Islam dalam kalangan kerajaan Aceh, beliau juga meninggal di Aceh. Beliau juga banyak membawa pengaruh dalam kehidupan keagamaan di Aceh pada masa itu.

Sebagaimana telah tercatat bahawa dalam tahun 1582 pada masa pemerintahan Mansur Syah (1577-1586), dua orang ulama yang berasal dari Mekah yang bernama *Pertama*: Syeikh Abdul Khair bin Syeikh Ibn Hajar dan *Kedua*: Syeikh Muhammad Yamani. Pada masa kerajaan Mansur Syah, telah datang juga seorang ulama dari Gujerat beliau adalah, Syeikh Muhammad Jailani Ibn Hasan Ibn Muhammad Hamid ar-Raniri. Syeikh Ibn Hajar, juga mengajar bidang ilmu hukum Islam dan beliau yang mengarang sebuah kitab yang bertajuk; *Saif l Q thi* (pedang yang tajam), maka berasaskan buku tersebut, Syeikh Muhammad Jamani mengajar ilmu "*Us l Figh*" dan pada akhirnya keduanya, kemudian kembali ke Mekah dan selanjutnya untuk melanjutkan perjalanannya menuju ke Madinah. Syeikh

⁵¹ Ibid. hlm. 98.

⁵² Seperti, Syamsuddin as-Sumaterani, seorang ulama yang berasal dari Samudera-Pasai dan yang besar yang pengaruhnya dalam kerajaan Aceh, dan juga Hamzah Fansuri, ia juga merupakan ulama yang paling alim dan yang terkenal. Lihat juga, Zakaria Ahmad. "*Sekitar kerajaan Aceh Dalam Tahun 1520-1675.*" Medan: Manora. 1972. hlm. 99.

Muhammad Jailani menjadi guru Ilmu Mantiq, Ilmu Balaghah dan Ilmu Fikh. Disebabkan tertarik oleh Ilmu Tasawuf kemudian untuk pergi ke Mekah dan kemudian kembali lagi ke Aceh. Ilmu Tasawuf yang diajarkannya banyak menarik perhatian masyarakat di Aceh dan bahkan tersohor hingga keluarga daerah Aceh.

Pemerintah juga telah menetapkan dalam Undang-undang Republik Indonesia nombor 18 tahun 2001, tentang otonomi khas bagi Provinsi Daerah Istimewa Aceh sebagai Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Dalam bab enam Mahkamah Syariat Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam pasal yang telah tertera sebagai berikut;

Pasal 23. (1) Peradilan Syariat Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam sebagai bahagian dari sistem undang-undang pada Mahkamah Syariat yang bebas daripada pengaruh pihak manapun.(2) Kewenangan Mahkamah Syariat sebagaimana yang telah dimaksud dan dalam ayat (1), diasaskan atas Syariat Islam dalam sistem undang-undang nasional yang diatur lebih lanjut dengan Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. (3) Kewenangan sebagaimana dimaksud ke dalam ayat (2) diberlakukan bagi pemeluk agama Islam. *Pasal 26.* (1) Mahkamah Syariat sebagaimana dimaksud dalam Pasal 25 ayat (1) terdiri atas Mahkamah Syariat Daerah (*Sagoe*) dan Kota/Banda atau nama lain sebagai pengadilan tingkat pertama, dan mahkamah Syariat Provinsi sebagai pengadilan tingkat banding di kota Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. (2) Mahkamah Syariat untuk pengadilan tingkat kasasi dilakukan pada Mahkamah Agung Republik Indonesia. (3) Hakim Mahkamah Syariat diangkat dan diberhentikan oleh Presiden sebagai Kepala Negara atas usul Menteri Kehakiman setelah mendapat pertimbangan Gabenor Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam dan Ketua Mahkamah Agung.⁵³

Penduduk daerah Aceh kebanyakan yang beragama Islam (orang Aceh asli) dan sedikit penduduk yang beragama selain Islam. Penduduk wilayah Aceh menurut bancian tahun 2000, menunjukkan yang beragama Islam seramai 4.010,89 orang, Protestan 45.230 orang, Katolik 5.604 orang, Hindu 581 orang, Buddha 12.673 orang dan lainnya 389 orang, pada tahun 2002 telah mencapai hingga seramai

⁵³ Disahkan di Jakarta, pada tarikh, 9 Ogos 2001, oleh Presiden Republik Indonesia Megawati Soekarnoputri.

4.200.000 orang.⁵⁴ Hubungan sesama penganut daripada pelbagai ajaran agama tidak ada masalah dalam bersosialisasi dan pergaulan sesamanya. Masyarakat Aceh yang amnya beragama Islam saling memahami agama lain juga sebagai mereka tidak mengganggu penganut beragama Islam.

Meskipun orang Aceh pada amnya sebagai pemeluk agama Islam yang mazhab Shafi'i, ternyata pengamalan dan faham keagamaan masyarakat Aceh tidak sepenuhnya sama. Tetapi, bermacam ragam pemikirannya, maka dalam pandangan tersebut, bahawa orang Aceh juga mempunyai pelbagai kumpulan dan pafaman yang berbeza pula, ada kumpulan berfaham tua dan ada juga kumpulan yang berfaham yang muda. Kumpulan pertama () yang masih berpegang pada tradisi dan kebiasaan tempatan, sementara kumpulan yang kedua () menghendaki kemajuan dan perubahan dan berusaha untuk menghapuskan yang pelbagai jenis "khurafat" yang belum jelas asal usul dan siapa sebagai pengasasnya hingga kini masih terdapat amalan tersebut dalam masyarakat Aceh pada amnya.

Secara berorganisasi, kumpulan pertama memfokuskan dalam bidang organisasi Inshafuddin dan al-Washliah,⁵⁵ sedangkan kumpulan yang kedua kebanyakan bergabung dalam suatu struktur organisasi disebut dengan organisasi Muhammadiyah atau sebagai Himpunan Mahasiswa Islam (HMI). Dalam pola terakhir kumpulan yang sedikit bersedia menyesuaikan diri dengan praktik yang dilakukan oleh kumpulan yang lebih banyak. Kumpulan pertama yang telah belatarbelakang pesantren. Menurut data tahun 1989 Daerah Aceh memiliki 470

⁵⁴ Badruzzaman Ismail, "*Mesjid dan Meunasah Sebagai Sumber Energi Budaya Aceh.*" 2002. hlm.69-70.

⁵⁵ Kumpulan berfaham tua ada yang mengamalkan tarekat Naqshabandiah dan Salek Wujudiah Tarekat. Adapun Naqshabandiah dikembangkan oleh Pesantren Darussalam. Labuhan Haji, Darussalam Kota Fajar dan beberapa pesantren lain di Aceh Besar, Aceh Barat dan Aceh Utara. Adapun, Salek (*patheisme*) hanya dipraktikkan dalam kalangan yang terhad seperti, dikalangan sisa-sisa pengikut Habib Muda di Seunangan (Aceh Barat). Lihat, Schimmel, A. "*The Mystical Dimensions of Islam.*" Chapel Hill: University of North Carolina Press. 1975. hlm. 336. Dan Lihat juga, Knysch, Alexander D. "*Islamic Mysticism: A Short History.*" Bonyon: Brill. 1999. hlm. 218.

buah pesantren yang terdiri seramai 77447 orang siswa dan seramai 2137 orang Teungku (ustaz). Pesantren-pesantren tersebut juga kelihatannya memiliki pelbagai corak pendidikan yang diajarkan dan diantaranya adalah pula;

- i. Pesantren yang cenderung menutup diri dan tidak dibenarkan untuk bergaul, selain daripada juga sesama kumpulannya agar dapat mempertahankan tradisinya semula.
- ii. Pesantren yang telah mulai beradaptasi terhadap beberapa kelompok yang tidak berkaitan dengan doktrin atau aqidah.
- iii. Pesantren yang demikian berubah baik material, mahupun materi pelajaran yang telah diajarkannya.

Adapun, tempat beribadah untuk para jamaah yang jumlah pengikutnya lebih kecil di daerah Aceh disebut dengan “*meunasah*,” adapun *meunasah* yang didapati pada setiap desa yang dalam wilayah Aceh. Oleh sebab itu, jumlah *meunasah* di Aceh tercatat sebanyak 6408 buah pada tahun 1990. Sementara, jumlah Masjid yang terdapat di Aceh pada tahun 1990, sebanyak 2359 buah Masjid. Dalam masyarakat Aceh tempat ibadah tambahan yang disebut dengan musalla atau surau yang terdapat di pelbagai tempat tertentu sahaja.⁵⁶

2.2 Bahasa dan Kesusasteraan

Bahasa bukan sahaja merupakan alat untuk berhubung antara sesama manusia, tetapi mengandungi pengertian yang lebih luas, iaitu mencakupi pengertian adab, sopan, budi pekerti, jasa, bakti dan akhlak yang mulia. Masyarakat Melayu juga menjunjung tinggi nilai bahasa kerana bahasa juga dipandang sebagai jiwa suatu bangsa. Ertinya, bahawa bangsa yang tidak beradab sopan santun dalam berbahasa dipandang sebagai bangsa yang tidak berjiwa, seperti disebut dalam

⁵⁶ Lihat, Daerah Istimewa Aceh, dalam buku “*Profil Propvinsi Republik Indonesia.*” Jakarta: Yayasan Bhakti Wawasan Nusantara. 1992. hlm. 306-310.

peribahasa berikut.⁵⁷

Seperti hal budi, bahasa pun tidak ternilai harganya dan tidak dapat dijual belikan. Gabungan kata berbudi dan berbahasa disebut juga sebagai berbudi bahasa, orang yang memiliki sifat ini disebut budiman, iaitu orang yang mempunyai budi bahasa, adab yang amat sopan dan berusaha keras dalam pekerjaan yang disertai dengan pelbagai daya *'ikhti r* yang tinggi dan bijaksana dalam mengambil sesuatu keputusan yang telah banyak menabur jasa dan bakti.”

Sementara, orang yang berakhlak mulia dan budiman atau orang yang berbudi bahasa dipandang sebagai ukuran ketinggian suatu tamadun dan juga sebagai puncak kebaikan dan keindahan dalam kehidupan ini. Menurut orang Melayu yang lebih bererti dan berharga selain berbudi bahasa yang tinggi. Maka demikian pula halnya, dengan masyarakat Aceh tradisional, kerana masa lampau amat berkembang sastera lisan dalam bentuk pantun (*panton/sya'ie*), hikayat (*nazam*), teka-teki (*hiem*), dan cerita-cerita rakyat yang dapat diambil hikmahnya (*Narit Maja*). Sementara terdapat pula dalam ungkapan yang menerangkan pentingnya budi bahasa.⁵⁸

Dalam sastera rakyat Aceh tersebut, banyak terkandung dan mempunyai pelbagai macam makna, nilai dan falsafah kehidupan, nilai-nilai budaya yang mengandungi kearifan untuk dijadikan suatu pedoman dan aturan oleh masyarakat dalam kehidupannya sehari-hari yang semua itu menjadi tradisi turun temurun hingga kini. Kesusasteraan yang hidup dalam masyarakat Aceh pada amnya berisi hal hal yang berhubungan dengan agama, adat, kepahlawanan dan nasihat yang bernilai Islami seperti, "*Hikayat Hanafiah, jikayat Asan Usen, Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Nunparisi, Hikayat Malem Diwa, Hikayat Banta Amat, Hikayat*

⁵⁷ Lihat, Darwis A. Sulaiman (peny). "*Warisan Budaya Melayu Aceh.*" Banda Aceh: PUSMA. 2003. hlm. 29.

⁵⁸ Lihat, Ibid. hlm. 30-31.

*Indra Budiman, dan sebagainya.*⁵⁹

Bahasa dan budaya adalah sebagai dua asas suatu sosial yang tidak mungkin dipisahkan antara satu dengan yang lain. Bahasa adalah juga sebagai cerminan budaya sedangkan budaya itu sendiri sebagai penyatu dalam bahasa. Ketinggian atau kerendahan budaya suatu bangsa tercermin dari bahasa yang digunakannya dan sementara wilayah Aceh sudah memiliki sekurang-kurangnya sebelas.⁶⁰Bahasa Aceh sudah mengalami dan perubahan sedemikian rupa, sehingga sudah menjadi bahasa yang hidup dan masih bertahan hingga kini. Dalam bahasa Aceh merupakan turunan dari satu rumpun bahasa yang dinamakan dengan *Austronesia*.

Bahasa Aceh adalah bahasa yang telah diguna pakai untuk sehari-hari dalam berkomunikasi, masyarakat di sebahagian besar wilayah Nanggroe Aceh Darussalam. Bahasa Aceh juga menjadi bahasa ibunda di sebahagian besar perkampungan dan pedalaman di seluruh wilayah Aceh. Keberadaan bahasa Aceh dalam masyarakat di Nanggroe Aceh Darussalam menjadi suatu alat kesatuan dalam masyarakat dipelbagai tempat. Sebagaimana halnya dalam bahasa daerah yang lainnya yang mempunyai peranan dan ikut serta dalam pembinaan dan mengembangkan Negara Indonesia terutama dalam mengembangkan kebudayaan nasional.⁶¹Nanggroe Aceh Darussalam, mempunyai bahasa lain selain bahasa Aceh, didapati juga dengan bahasa-bahasa yang masih digunakan oleh masyarakat hingga kini seperti;

⁵⁹ Lihat, Thamrin Z. "*Acheh Melawan Penjajahan Belanda.*" Jakarta: Wahana. hlm. 57.

⁶⁰ Lihat, Bukhari dan Dawud, "*Bahasa dan Sastra Aceh: Milik Siapa.*" Makalah yang disampaikan pada Seminar Internasional Budaya, Pekan Kebudayaan Aceh (PKA), ke-4. Banda Aceh, tarikh. 24-27. 2004. hlm. 1.

⁶¹ Lihat, A.Rani Usman. "*Sejarah Peradaban Aceh.*" Jakarta: Yayasan Obor Indonesia. 2003. hlm.31.

1. Bahasa Aceh

Diantara bahasa-bahasa daerah yang terdapat di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, bahasa Aceh adalah merupakan bahasa daerah yang terbesar dan amat banyak penuturnya, iaitu sekitar 70% daripada jumlah penduduk provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.⁶² Adapun penutur asli bahasa Aceh adalah mereka yang mendiami Daerah Aceh Besar, Kota Madya Banda Aceh, Daerah Pidie, Daerah Aceh Jeumpa, Daerah Aceh Utara, Daerah Aceh Timur, Daerah Aceh Barat dan Kota Madya Sabang. Sementara di Daerah Aceh Tengah, Aceh Tenggara dan Simeulue, sebahagian kecil masyarakat yang berbahasa Aceh.

2. Bahasa Gayo

Bahasa *Gayo* yang diyakini amat erat kaitannya dengan bahasa Melayu kuno, meskipun kini cukup banyak kosa kata bahasa Gayo yang telah bercampur dengan bahasa Aceh. Bahasa Gayo merupakan bahasa ibunda bagi masyarakat Aceh yang mendiami Daerah Aceh Tengah, sebahagian kecil wilayah Aceh Tenggara dan wilayah Lokop di Daerah Aceh Timur.

3. Bahasa Alas

Bahasa ini kedengarannya lebih mirip dengan bahasa yang diguna pakai oleh masyarakat etnik “*Karo*” di Sumatera Utara. Masyarakat yang mendiami Daerah Aceh Tenggara, di sepanjang wilayah kaki gunung *Leuser* dan penduduk disekitar hulu sungai Singkil di Daerah Singkil, merupakan masyarakat penutur asli bahasa Alas. Penduduk Daerah Aceh Tenggara yang menggunakan bahasa ini adalah

⁶² Lihat, Bukhari Dawud, “*Bahasa dan Sastera Aceh: Milik Siapa.*” hlm. 10.

mereka yang tinggal di lima kecamatan, yaitu Kecamatan “*Lawe Sigala-gala*,” “*Lawe Alas*,” “*Bambel*,” “*Bab ss l m*” dan “*Bandar*.”

4. Bahasa Tamiang

Bahasa *Tamiang* (dalam bahasa Aceh disebut bahasa *Teumieng*) merupakan dialek bahasa Melayu yang digunakan oleh masyarakat Daerah Aceh Tamiang (dulu Aceh Timur), kecuali di Kecamatan *Manyak Payed* (yang merupakan wilayah bahasa Aceh) dan Kota Kuala Simpang (wilayah bahasa campuran, yakni bahasa Indonesia, bahasa Aceh dan bahasa Tamiang). Hingga kini cita rasa bahasa Melayu masih amat kental dalam bahasa Tamiang.⁶³

5. Bahasa Aneuk Jamee

Bahasa ini sering juga disebut (terutama oleh penutur bahasa Aceh) dengan bahasa *Jamee* atau bahasa *Baiko*. Di kabupaten Aceh Selatan bahasa ini merupakan sebagai bahasa ibunda bagi penduduk yang mendiami wilayah-wilayah *Susoh*, *Labuhan Haji*, *Samadua*, *Tapaktuan*, dan *Kluet Selatan*. Di luar wilayah Aceh Selatan. Bahasa ini juga digunakan oleh kelompok kecil masyarakat didalam wilayah Daerah Singkil dan Aceh Barat, khususnya di Kecamatan Kaway 16 (*Desa Peunaga Rayek*, *Rantau Panyang*, *Meureubo*, *Pasi Meugat*, dan *Ranto Kleng*), serta di Kecamatan Johan Pahlawan (khasnya di desa Padang *Seurahet*).

Adapun, bahasa *Aneuk Jamee* adalah bahasa yang lahir dari asimilasi bahasa sekumpulan masyarakat Minang yang datang ke wilayah pantai barat Aceh dengan bahasa daerah masyarakat tempatan, yakni bahasa Aceh. Nama *Aneuk Jamee* (yang secara *harfiah* bermakna “anak tamu,” atau bangsa pendatang) yang disebutkan pada

⁶³ Ibid. hlm. 4.

bahasa ini adalah sebagai refleksi yang tersirat daripada makna masyarakat pendatang itu sendiri dan bahasa ini juga dapat disebut sebagai suatu percampuran dari bahasa Minang.⁶⁴

6. Bahasa Kluet

Bahasa *Kluet* merupakan bahasa ibunda bagi masyarakat yang mendiami daerah dalam wilayah kecamatan Kluet Utara dan Kluet Selatan di kabupaten Aceh Selatan. Sementara, maklumat tentang bahasa Kluet, terutama kajian-kajian yang bersifat akademik masih amat terhad. Masyarakat Aceh secara luas, terkecuali penutur bahasa Kluet sendiri, tidak banyak mengetahui tentang selok belok bahasa ini. Mungkin masyarakat penutur bahasa Kluet dapat mengambil semangat daripada Pekan kebudayaan Aceh (PKA-4) ini untuk mulai menuliskan sesuatu dalam bahasa daerah Kluet, sehingga tahap nanti masyarakat dapat dengan mudah mendapatkan buku-buku dalam bahasa Kluet baik dalam bentuk buku pelajaran bahasa, cerita-cerita pendek, dan bahkan puisi.⁶⁵

7. Bahasa Singkil

Seperti bahasa *Kluet* maklumat tentang bahasa Singkil, terutama sekali dalam bentuk penerbitan, masih amat terbatas. Bahasa ini merupakan bahasa ibunda bagi sebahagian daripada masyarakat yang tinggal di Daerah Singkil. Didapati ada sebahagian masyarakat di Daerah Singkil yang menggunakan bahasa Aceh, bahasa *Aneuk Jamee*, ada yang menggunakan bahasa Minang, dan ada juga yang menggunakan bahasa *Dairi* (disebut juga bahasa *Pakpak*) khasnya di kalangan peniaga dan pelaku peniaga di wilayah “*Subulussalam*.” Selain itu, masyarakat

⁶⁴ Ibid. hlm. 4.

⁶⁵ Ibid. hlm. 4.

Singkil yang tinggal di pelbagai kepulauan dan mereka juga menggunakan bahasa *Haloban*.

Maka setidaknya ada enam bahasa daerah yang digunakan sebagai bahasa komunikasi sehari-hari di antara sesama anggota masyarakat Singkil selain daripada bahasa Indonesia. Dari sudut pandangan ilmu bahasa, masyarakat Singkil adalah satu-satunya kumpulan masyarakat di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam yang amat efektif dalam hal penggunaan bahasa.⁶⁶

8. Bahasa Haloban

Sebagaimana telah dikatakan sebelumnya, bahasa *Haloban* adalah salah satu bahasa daerah Aceh yang digunakan oleh masyarakat di Daerah Singkil, khasnya mereka yang mendiami kepulauan, terutama sekali di daerah Pulau Tuanku.⁶⁷ Bahasa ini kedengarannya amat mirip dengan bahasa *Devayan* yang digunakan oleh masyarakat di pulau *Simeulue*. Jumlah penutur bahasa *Haloban* amat sedikit dan jika upayanya untuk kemajuan, pengembangan serta pelestarian tidak segera dimulai, dikhuatiri pada masa ke hadapan nanti bahasa ini hanya tinggal dalam catatan dan kenangan para pengkaji bahasa daerah.⁶⁸

9. Bahasa Simeulu

Bahasa "*Simeulue*" adalah salah satu bahasa daerah Aceh yang merupakan bahasa ibunda bagi masyarakat di Pulau Simeulue dengan jumlah penuturnya sekitar 60.000 orang. Berdasarkan suatu pengkajian *Morfologi Nomina* Bahasa Simeulue, menemukan bahawa kesamaan nama pulau dan bahasa ini telah menimbulkan salah

⁶⁶ Ibid. hlm. 4.

⁶⁷ Lihat, Wildan. "Tata Bahasa Aceh." Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Depdikbud. 1999. hlm. 2.

⁶⁸ Ibid. hlm. 5.

pengertian bagi kebanyakan masyarakat Aceh di luar Pulau Simeulue. Mereka menganggap bahawa di Pulau Simeulue hanya terdapat satu bahasa daerah, yakni bahasa Simeulue. Padahal di Daerah Simeulue kita jumpai tiga bahasa daerah, iaitu bahasa *Simeulue*, bahasa *Sigulai* (atau disebut juga bahasa *Lamamek*) dan bahasa *Devayan*. Ada perbezaan pendapat dikalangan para pengkaji bahasa tentang jumlah bahasa di Pulau Simeulue. Mengatakan bahawa di pulau Simeulue hanya ada satu bahasa, iaitu bahasa Simeulue.

Akan tetapi, bahasa ini memiliki dua dialek yang berbeza iaitu, dialek *Devayan* yang digunakan di wilayah Kecamatan Simeulue Timur, Simeulue Tengah dan di Kecamatan Tepah Selatan, serta dialek *Sigulai* yang digunakan oleh masyarakat di wilayah Kecamatan *Simeulue* Barat dan Kecamatan *Salang*,⁶⁹ bahasa Aceh memiliki sepuluh vokal yang tunggal.⁷⁰

2. 2. 1 Seni dan Budaya

Nanggroe Aceh Darussalam, merupakan wilayah yang amat kaya dengan seni budaya, baik seni itu yang berasaskan dari ajaran Islam mahupun tidak. Tetapi, tidak begitu pesat perkembangannya dalam kehidupan masyarakat seharian, bahkan agak-agak tidak didapati daripada pelbagai sumber buku dalam bahasa Aceh, baik dalam bentuk prosa dan seni, boleh jadi akibat daripada terjadinya gelombang tsunami yang menjejaskan daerah Aceh dan banyak buku juga bahan bacaan hilang.⁷¹

Nanggroe Aceh Darussalam adalah sebagai daerah yang amat kaya dengan pelbagai dan aneka seni budaya yang khas dan tidak pernah dijumpai di daerah lainnya kerana seni budaya daerah Aceh juga merupakan sebagai jalan untuk

⁶⁹ Ibid. hlm. 5.

⁷⁰ Ibid. hlm. 5.

⁷¹ Lihat, A. Hasjmy. “*Kebudayaan Aceh dalam Sejarah.*” hlm. 256.

menyampaikan sesuatu mesej dakwah seperti, tarian dan budaya lainnya seperti, a. *Meunasib* b. *Dooda-idi* c. *Panton jaga tuloo* d. *Salawalee* e. *Seulaweuet* f. *Meudikee* dalam kesenian daerah Aceh terbahagi lagi dengan jenis-jenis seni gabungan antara lain;

1. *Seudati*

Seudati adalah perpaduan antara seni suara dengan seni tari. Adapun seni *seudati* adalah suatu jenis kesenian yang diciptakan setelah terbinanya suatu masyarakat Islam Aceh yang berfungsi sebagai media dakwah dan hiburan. Dari kesimpulan ini dipancarkan oleh nama dan sifat-sifatnya adalah jenis seni budaya asli yang berjiwa agama yang merata di seluruh Aceh sekalipun kadang-kadang berlainan nama dan sebutan.

Adapun, *seudati* juga bernama “*saman*” dan “*ratoh*.” *Seudati* dari bahasa Arab, iaitu *s dati* yang ertinya; tuanku atau bapakku kalau istilah kini. Adapun yang dimaksudkan tuanku di sini iaitu para pemain *seudati* yang terdiri daripada delapan orang dan yang memanggilnya iaitu, *aneuk-seudati* (anak yang bersifat anak kepada para pemain *seudati*). “*Saman*” juga berasal daripada bahasa Arab yang bererti lapan dan dinamakan dengan *saman* kerana para pemainnya yang jumlahnya lapan orang.

Sementara “*Ratoh*” berasal daripada bahasa Aceh asli yang bererti *meuratoh* ataupun bersyair. Nyanyian tersebut mengandungi kisah, cerita dan juga mengandungi bahasa sindiran kepada kelompok tertentu. Adapun *seudati* tersebut dapat dibahagikan lagi menjadi enam bahagian iaitu;

- i. *Seudati Agam*, kerana para pemainnya yang terdiri daripada orang lelaki.
- ii. *Seudati Inong*, kerana para pemainnya terdiri daripada *seudati inong* juga dinamakan dengan *pho*.
- iv. *Ratoh duk*, kerana bermainnya yang sambil duduk.

- v. *Ratoh dong*, kerana bermainnya sambil berdiri.
- vi. *Saman Gayo*, kerana para pemain dan tempat bermainnya di Gayo (Acheh Tengah).
- vii. *Saman Lukoop*, kerana para pemain dan tempat bermainnya di Lukoop (Acheh Timur).

Dalam tata cara yang sebenar bahawa para pemain seudati terdiri delapan orang dan dua orang anak seudati, iaitu: 1. Pemimpin pemain (*syekh*). 2. Pembantu kanan (*apet uneun*). 3. Pembantu kiri (*apet wie*). 4. Lima orang pemain-pengikut, 5. Dua orang anak seudati yang berdiri tetap di luar pemain yang lapan orang.

Dalam kesenian daerah Acheh sudah menjadi suatu tradisi dan kebiasaan pakaiannya, Syekh dan para pembantunya sama berpakaian seragam, selua panjang yang berwarna hitam atau putih, baju putih berlengan panjang, *tangkulok kasab* (baju asli dari daerah Acheh) dan rencong diletakkan pada sebelah dipinggang. Sementara, *aneuk seudati* mesti berselua (*pantalon*) hitam atau putih dan kemeja sutera berlengan panjang dan pakaian bertengkolok Acheh.

2. Geundrang

Geundrang semacam seni gabungan (nyanyian dan tari) dan kemungkinan geundrang ini telah ada sebelum agama Islam datang ke daerah Acheh. Geundrang ini terdiri dari empat buah alat muzik seperti sebuah gendrang (gendang) kecil, dua buah gendrang besar dan satu seruling (*seurune kale*).

3. Rapa'i

Rapai seperti rebana, kebiasaan dalam permainan *rapa'i* ini adalah salah satu kegemaran dalam kesenian masyarakat daerah Acheh dan banyak jenisnya antara lain 1. *Rapai Daboh* 2. *Rapai Wirid* 3. *Rapai Pulot* 4. *Rapai Lagee*.⁷²

⁷² Ibid. hlm. 256.

2. 2. 2 Seni Binaan Sivil

Dalam kesenian masyarakat Aceh juga terdapat pelbagai seni binaan sivil iaitu, suatu binaan kota, gedung-gedung, taman-taman dan rumah-rumah⁷³ yang dibina pada masa kerajaan Islam Peureulak hingga kepada Kerajaan Aceh Darussalam yang telah banyak dibina daripada pelbagai binaan kota dengan reka bentuk yang telah direncanakan oleh para ahli binaan yang memberikan pelbagai corak, seperti dari negara Turki, Arabia, Parsia, India dan Aceh, sementara kota yang telah dibinanya antara lain,⁷⁴

- i. *Bandar Kh lifah*, ibu negeri Kerajaan Islam Peureulak yang dibina pada tahun 225 H.- 840 M.
- ii. *Bandar Salasari*, ibu negeri Kerajaan Islam Samudera/Pase yang dibina dalam sekitar tahun 527 H.-1133 M.
- iii. *Bandar Masmani*, ibu negeri Kerajaan Islam Beunua (Teumieng, setakat sudah menjadi Kabupaten Aceh Tamiang) yang dibina antara tahun 753-800 H.-1353-1398 M.
- iv. *Bandar Darussalam*, ibu negeri Kerajaan Darussalam yang telah dibina pada 1 *Ramadan* 601H.-1205 M.
- v. *Bandar Glee Weueng*, iaitu sebuah kota yang terletak di pergunungan sebagai tempat istirahat, dibina sekitar tahun 601-631 H.-1205-1234 M.

Apabila dilihat di lapangan bahawa amat banyak binaan yang telah dibina pada wilayah Aceh juga pelbagai jenis dan macam baik begitu juga seni binaan ataupun bentuk daripada binaan itu sendiri yang mencerminkan pelbagai macam yang telah dibuatnya yang diambil contoh daripada negara lainnya.

2. 1. 3 Seni Binaan Agama

Apabila dilihat dalam sejarah kerajaan Aceh pada amnya sudah menjadi suatu ciri khas binaan di daerah Aceh bahawa binaan tersebut yang mirip dengan

⁷³ Lihat, C. Snouck Hurgronje. "Aceh: Rakyat dan Adat Istiadatnya." hlm. 47.

⁷⁴ Ibid. hlm. 47.

binaan suatu tempat peribadatan, adapun yang dimaksudkan dengan seni binaan agama, iaitu seperti, binaan (masjid, meunasah, binaan kubur dan sebagainya), di antara masjid yang terdapat dalam Bandar Negara.⁷⁵

- i. Masjid Jami' Baiturrahman, yang telah dibina oleh Sultan Alayiddin Mahmud Syah I (Raja ke-III dari Kerajaan Darussalam) pada tahun 691 H.- 1292 M.
- ii. Masjid Baiturrahim, dibina oleh Sultan Alayiddin Syamsu Syah (902-916 H.-1497-1511 M.), bersamaan dengan dibinanya keraton baru yang bernama "*Kuta Alam.*"

Apabila dibuat suatu kajian bahawa banyak terdapat di pelbagai keka bentuk suatu binaan dalam kawasan daerah di Aceh, bahawa binaan yang terdapat di daerah Aceh amat menggambarkan suatu peradaban dan suatu ciri khas yang tersendiri dan berbeza daripada daerah lain-lain.

2. 1. 4 Seni Binaan Askar

Adapun seni bangunan militer yang berbentuk tembok ataupun benteng (*kuta-kuta*)⁷⁶ dan menara yang mempunyai kegunaan untuk mengintai para musuh yang akan menyerangnya, kerana pada masa itu sering terjadinya perebutan kuasa ataupun merampas sebuah kerajaan untuk dikuasai, walaupun sudah berdaulat secara sah. Sementara bekas binaan askar yang hingga kini masih juga terkenal dan dikenali dengan dua jenis iaitu;⁷⁷

1. Kuta Linteueng

Kuta Linteueng iaitu tembok ataupun benteng pertahanan yang telah dibina pada suatu tempat yang dianggap amat berguna tempat tersebut untuk bertahan

⁷⁵ Ibid. hlm. 47.

⁷⁶ Kuta-kuta antara lain: 1. Kuta Inong balee 2. Kuta Meukuta Alam 3. Kuta Indraparta 4. Kuta Padang 5. Kuta Leubok 6. Kuta Asan.

⁷⁷ Lihat, A. Hasjmy. "*Kebudayaan Aceh dalam Sejarah.*" hlm. 281-339.

apabila terjadinya serangan musuh luar.⁷⁸ Kerana sebagaimana diketahui bahawa daerah Aceh suatu daerah yang dikelilingi oleh lautan dan sementara sudah menjadi satu strategic bahawa apabila musuh ingin menjajah suatu daerah maka mesti memasuki perantara pantai-pantai yang dengan amat mudah mmasuk, maka salah satu caranya adalah mesti membuat satu tembok perhatahanan agar musuh menghadapi tembok tersebut terlebih dahulu dan ini adalah strategik ataupun inisiatif raja Aceh sendiri sebagaimana yang tertera dalam buku sejarah penjajahan oleh orang portugis.

2. *Kuta Reuntang*

Kuta Reuntang iaitu, tembok benteng pertahanan yang telah dibina dengan cara bersambungan yang panjang untuk menahan serangan musuh dan biasanya dibina pada sepanjang pantai yang amat penting dan juga di sepanjang perbatasan dengan musuh atau tempat yang telah diduduki oleh musuh.⁷⁹

Akan tetapi, yang amat disayangkan bahawa amat banyak terdapat binaan yang mempunyai nilai sejarah yang tinggi, dibiarkan begitu sahaja dan tidak diambil kira oleh pemerintahan tempatan, bahkan dibiarkan begitu sahaja sehingga rusak seakan binaan tersebut tidak mempunyai bererti daripada nilai sejarah, dengan alasan belum mempunyai wang yang cukup untuk merawatnya dengan maksimum.

2. 2. 5 Muzik

Dalam masyarakat Aceh sudah lama mengenal hiburan dan muzik kerana muzik dianggap sebagai media dakwah dan juga untuk menyatu padukan masyarakat pada masa itu. Tetapi, hingga kini dan terdapat dalam masyarakat sudah

⁷⁸ Ibid. hlm. 339.

⁷⁹ Ibid. hlm. 339.

menyalahgunakan alat tersebut. Dalam masyarakat Aceh terdapat beberapa alat musik (*instrumen*) asli di daerah Aceh antara lain;⁸⁰

1. Serunai kalee

Adapun alat musik serunai kalee iaitu suatu alat musik tiupan sejenis suling yang dibuat daripada kayu dengan lapan lubang di atas dan satu lubang di bawah. Pemain alat ini diiringi oleh dua geundrang yang digendong di depan perut, tangan kiri memukul dan tangan kanan memukul dengan tongkat yang bengkok di hujung. Sebenarnya masih dilengkapi oleh geundrang anak yang lebih kecil dan berbentuk memanjang dan biasanya digunakan untuk mengisi masa istirehat kecil.⁸¹

2. Saleung

Saleung iaitu, suatu alat musik yang lebih dikenali juga dengan bangsi ataupun dengan suleng (suling) yang juga sebagai alat tiupan, di bahagian atas terbuka (tanpa bagian mulut), di bawah tertutup oleh tempat pertemuan ruas bambu (buku), dengan mempunyai lubang agak besar dekat hujung yang terbuka untuk meniup dan etika meniup, suling dipegang melintang.⁸²

3. Bangsi.⁸³

Bangsi iaitu, sejenis suling dengan nada tinggi dari bambu (buluh) dengan tujuh lubang bundar di atas dan satu lubang di bawah dan di atas satu lubang persegi tidak jauh dari bahagian mulut. Seorang ahli dapat menghasilkan nada yang

⁸⁰ Ibid. hlm. 339.

⁸¹ Lihat, C. Snouck Hurgronje. "*Acheh: Rakyat dan Istiadatnya*". Jakarta: INIS. 1997. hlm. 195.

⁸² Ibid. hlm. 195.

⁸³ Lihat, A. Hasjmy. "*Kebudayaan Aceh*". hlm. 258-279.

diinginkan untuk mengiringi pantun yang dinyanyikan mahupun yang dibawakan di pertunjukan *sadati*.⁸⁴

2. 2. 6 Tarian

Tarian adalah juga merupakan salah satu kesenian masyarakat daerah Aceh yang hingga kini masih juga disukai sebagai satu perayaan kesenian oleh masyarakat Aceh diantaranya; 1. Tari Seudati 2. Tari Saman 3. Rapa'i 4. Ranup Lampuan.⁸⁵

1. Tari Seudati

Tari Seudati iaitu merupakan suatu tarian tradisional yang mendapatkan pengaruh daripada tamadun negara Arab, kerana tarian tersebut yang menggambarkan suatu ajaran agama Islam.⁸⁶ Dengan tarian seudati tersebut didapati pelbagai mesej yang disampaikan kepada para pendengar dalam acara tersebut, tetapi setakat ini acara kesenian tersebut sebahagian sudah bukan untuk memberikan ataupun menyapaikan mesej dakwah yang sebenarnya hanya berkesan sekadar acara kesenian sahaja, bahkan terdapat juga sebahagian kelompok seudati pencampuran antara perempuan dan lelaki.

2. Tari Saman

Tari Saman iaitu tarian yang dibawakan dengan diiringi dengan syair yang berisikan dan memberikan suatu ajaran kebajikan dan mengarah kepada ajaran dakwah. Dalam pelaksanaan biasanya dilakukan dalam posisi duduk lurus dengan irama dan gerak tari yang dinamik. Tarian ini juga terdapat di

⁸⁴ Ibid. hlm. 279

⁸⁵ Lihat, "*Profil Provinsi Republik Indonesia*" Daerah Istimewa Aceh. Jakarta: Yayasan Bhakti Wawasan Nusantara. 1992. hlm. 115.

⁸⁶ Ibid. hlm. 115.

daerah Aceh Tenggara. Tarian tersebut mempunyai kesamaan juga yang terdapat pula di Aceh Tengah dengan nama *didong*.⁸⁷

3. Rapa'i

Rapai iaitu satu-satunya alat kesenian yang dimainkan dengan menggunakan alat muzik dan alat tersebut juga dimainkan dengan posisi sambil mengucapkan berzikir kepada Allah Ψ . *Rapai Pase* bentuknya lebih besar dan ditabuh dengan tangan sambil digantung. Di Aceh Barat terdapat juga dengan *Rapai Geleng* yang merupakan suatu perpaduan antara *rapai* dengan *saman*.⁸⁸

4. Ranup Lampuan

Ranup Lampuan iaitu, tarian untuk kehormatan dalam menyambut para tamu yang datang dalam menghadiri jamuan tersebut. Tarian ini tarikan oleh gadis-gadis cantik dengan berpakaian adat Aceh sambil memberikan "*ranup*" (peringkat sirih) kepada para tamu yang datang dalam acara tersebut.⁸⁹

2. 3 Asas Keupayaan Alam

Nanggroe Aceh Darussalam termasuk salah satu daerah provinsi yang memiliki sumber daya alam yang besar dan baik dalam tanah, air atau perairan serta bahan tambang atau mineral dan daerah Aceh memiliki sejumlah industri besar. Daerah Aceh sebenarnya adalah suatu daerah yang kaya dengan hasil alam dan segalanya. Sementara rakyatnya banyak terdapat orang miskin. Sementara, hasil dari

⁸⁷ Ibid. hlm. 115.

⁸⁸ Lihat, "*Profil Provinsi Republik Indonesia*" Daerah Istimewa Aceh. hlm. 115. Adapun Rapa'i terbagi menjadi empat macam iaitu; 1. *Rapai daboh* 2. *Rapai wirid* 3. *Rapai pulot* 4. *Rapai lage*. Lihat juga, A.Hasjmy. "*Kebudayaan Aceh dalam Sejarah*." hlm. 269-274.

⁸⁹ Lihat, "*Profil Provinsi Republik Indonesia*." Daerah Istimewa Aceh. hlm. 115.

alam yang melimpah memungkinkan daerah yang berpenduduk cuma sekitar empat juta orang dapat menikmatinya dan tingkat kesejahteraan yang lebih baik.

Data yang lebih dapat dipercayai lagi, dikemukakan Jalaluddin Hasan. Rujukan Jalaluddin adalah UU No. 3 Tahun 1998 tentang Anggaran Pendapatan Belanja Negara (APBN) yang kemudian dilengkapi kembali. Bahan dari Jalaluddin yang dikenali sebagai bank data ekonomi Aceh, sulit untuk dibantah kerana berasaskan dari sumber yang jelas. Daripada data anggaran pendapatan belanja negara setelah diperbaik.⁹⁰

Berasaskan angka dasar ini, jumlah yang diperoleh Aceh dalam rangka perimbangan kewangan sudah dapat direka. Kalau 20 perseratus bererti sekitar Rp. 2.1 trilion, kalau 30 perseratus bererti Rp. 3.15 trilion, dan angka itu belum termasuk pajak dan hasil hutan seperti, Pajak Bumi dan Bangunan (PBB). Namun, kerana dari sektor ini sudah dibahagi meskipun bahagian belum ada kesamaan dengan, UU No. 22/ 1999.⁹¹ Adapun daerah Aceh tersebut, terdapat juga beberapa jenis tanah yang dapat digolongkan dalam beberapa golongan.⁹²

Salah satu contoh, bahawa Kabupaten Aceh Utara tergolong sebagai wilayah industri terbesar di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam dan juga tergolong industri terbesar di luar Pulau Jawa. Khususnya dengan dibukanya bahagian industri pengolahan sumber gas alam cair Arun *Liquified Natural Gas* (LNG),⁹³ di daerah Lhokseumawe pada tahun 1974 juga terdapat kilang yang besar.⁹⁴

Dalam sektor pertanian, daerah ini mempunyai ke unggulan reputasi sendiri sebagai penghasil beras yang amat penting. Maka secara keseluruhan Kabupaten

⁹⁰ Ibid. hlm. 115.

⁹¹ Ibid. hlm. 115.

⁹² Lihat, "*Buku Profil Propvinsi Republik Indonesia.*" Jakarta: Yayasan Bhakti Wawasan Nusantara. 1992. hlm. 58.

⁹³ Lihat, Daerah Istimewa Aceh. "*Buku Profil Propvinsi Republik Indonesia.*" Jakarta: Yayasan Bhakti Wawasan Nusantara. 1992. hlm. 188.

⁹⁴ Diantaranya, Kilang Kertas Kraft Aceh (KKA), Kilang Pupuk Aceh Asean Fertilizer (AAF) Kilang Pupuk Iskandar Muda (PIM).

Acheh Utara merupakan daerah Tingkat II yang paling berpotensi di Provinsi Daerah Istimewa Aceh dan pendapatan perkapita di atas paras Rp. 1,4 juta (kira-kira RM. 550.00), tanpa minyak dan gas atau Rp. 6 juta (kira-kira, RM. 2.250.00), dengan minyak dan gas sahaja. Kegiatan ekonomi Kabupaten Aceh Utara. Pada sektor pertambangan, sumur gas yang diolah Exxon Mobil Oil tentunya menjadi salah satu faktor keunggulan sektor ini.

Dengan mendapatkan hasil pendapatan senilai Rp.8,6 trilion pada Produk Domestik Regional Bruto (PDRB) tahun 2000, yang menempati peringkat pertama dengan disusul oleh sektor industri sebesar Rp. 4,7 trilion. Provinsi ini adalah penyokong yang paling besar yang ketiga tentang devisa di energi expor yang nasional ke Indonesia setelah daerah Riau dan Kalimantan Timur.⁹⁵

2.4 Lembaga dan Sistem Pendidikan

Dalam hal pendidikan, sebenarnya provinsi ini mendapatkan status Istimewa selain daripada Daerah Istimewa Yogyakarta. Namun, perkembangan yang ada tidak menunjukkan kesesuaian antara status yang diberikan dengan kenyataannya yang terjadi sebenarnya. Adapun, pendidikan di Aceh dapat dikatakan amat tertinggal dan terkebelakang jika dibandingkan dengan daerah lainya yang berada dalam negara Indonesia.

Salah satu yang menyebabkannya terjadinya konflik yang berpanjangan, dengan sekian ribu sekolah dan institusi pendidikan lainnya menjadi korban atau dibakar oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Pada Ujian Akhir Nasional (UAN) terakhir, iaitu pada tahun 2005, ada ribuan siswa yang tidak lulus dan mesti

⁹⁵ Lihat, “*Buku Profil Propvinsi Republik Indonesia.*” Jakarta: Yayasan Bhakti Wawasan Nusantara. 1992. hlm. 187-188.

mengikuti peperiksaan ulang. Daerah Aceh juga memiliki sejumlah Perguruan Tinggi Negeri seperti;

1. **Universiti Syiah Kuala** (Unsyiah), asas awal Universiti Syiah Kuala (UNSYIAH) berdasarkan Surat Keputusan Menteri Perguruan Tinggi dan Ilmu Pengetahuan tarikh 21 Jun 1961, Nombor. 11 tahun 1961, dibina oleh seorang ulama besar, pejuang dan ahli hukum iaitu, Teungku Syeikh Abdurrauf yang terkenal dengan Tengku Syiah Kuala. Perasmian dan pembukaan Universiti Syiah Kuala, sebagai sebuah Universiti Negeri yang telah dibina oleh Presiden Republik Indonesia, Soekarno, pada tarikh 27 April 1962 di Darussalam Banda Aceh. Pada masa diasaskan, Universiti Syiah Kuala terdiri atas pengajian Ekonomi (1959), pengajian Perubatan Haiwan dan Ilmu Peternakan (1960), fakulti Hukum dan Pengetahuan Masyarakat (1961) dan Pengajian Keguruan dan Ilmu Pendidikan (1961).⁹⁶

2. **Institut Agama Islam Negeri Ar-Raniry** (IAIN) yang dirasmikan pada tarikh 5 Oktober 1963 sebagai IAIN ketiga di Indonesia yang dinisbahkan kepada ulama yang terkenal dan mufti yang amat berpengaruh pada masa Sultan Iskandar Tsani (1637-1641). Ulama tersebut Syeikh Nuruddin Ar-Raniry yang berasal dari Raniry (Rander) di Gujarat, India. Setelah IAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta dan UIN Syarif Hidayatullah Jakarta. Perasmian ini didahului oleh terbinanya pengajian syariat pada tahun 1960 dan fakulti Tarbiyah pada tahun 1962, sebagai cawangan dari IAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta. Di samping itu, pada tahun 1962 diasaskan pengajian Usuluddin sebagai pengajian swasta di Banda Aceh.⁹⁷

3. **Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Malikussaleh** (STAIN) yang dahulunya bernama Sekolah Tinggi Ilmu syariat (STIES) yang diasaskan oleh Tgk.

⁹⁶ Lihat, Adnan Abdullah. “*Struktur Sosial Pedesaan Aceh. Pusat Pengembangan Kajian Ilmu-ilmu Sosial.*” Banda Aceh: Universitas Syiah Kuala. 1988. hlm. 361.

⁹⁷ Lihat, Suardi Saidy. (peny). “*Perkembangan Perguruan Tinggi Agama.*” hlm 340-346.

Haji Abdul Wahab Dahlawi pada tahun 1969, pada tahun yang sama pula berubah menjadi pengajian Syariah Universiti Malikussaleh. Pada tahun 1990 telah memperoleh status terdaftar yang berasaskan Surat Keputusan. Menteri Agama R.I. Nombor 219/1988. Maka berasaskan Keputusan Presiden Republik Indonesia Nombor 2 tahun 2004 ini disingkat STAIN Malikussaleh Lhokseumawe yang dirasmikan oleh Megawati Soekarnoputri sebagai Presiden R.I. pada tarikh 5 Januari 2004.⁹⁸

4. Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Malikussaleh (STAIN) Zawiyah Cot Kala yang diasaskan pada tahun 1980 sebagai Institut Agama Islam, mengambil nama sebuah lembaga pendidikan tinggi terbesar di Asia Tenggara yang tertua kini di Bayuen pada tahun 285 H: Zawiyah Cot Kala Langsa. Dari awal hingga kini baru menyelenggarakan dua pengajian; Tarbiyah dan Dakwah.

Pada akhir tahun 2000, IAI ZCK Langsa berubah menjadi Sekolah Tinggi Agama Islam Zawiyah Cot Kala Langsa, yang tersedia dua program pengajiannya mendapat status diakui daripada Departemen Agama Republik Indonesia, dengan surat keputusan bertarikh 20 Mac 2000. Pada tahun 2006 melalui PP No. 106 tahun 2006 STAI Zawiyah Cot Kala dirasmikan menjadi STAIN Zawiyah Cot Kala.⁹⁹

5. Universiti Malikussaleh (Unimal), dibina pada tahun 1969 yang sebagai Pengasasnya adalah Tgk. Haji Abdullah Wahab Dahlawi dan juga sebagai Bupati Kabupaten Aceh Utara, Universiti Malikussaleh yang ditetapkan dengan keputusan Presiden No. 95 Tahun 2001, yakni ketika pada masa Presiden Megawati Soekarnoputri, dengan menisbahkan nama Raja Kerajaan Samudra Pasai Pertama.

⁹⁸ Ibid. hlm. 346.

⁹⁹ Lihat, <http://zuliyanti.wordpress.com/2007/07/22/stain-zawiyah-cot-kala-langsa/>. (dipetik pada tarikh, 4 Mac 2008).

Universiti Malikussaleh yang juga merupakan sebagai universiti yang tertua setelah Universiti Syiah Kuala dan IAIN Ar-Raniry Banda.¹⁰⁰

2. 4. 1 Kesultanan Aceh (1297-1910)

Adapun kerajaan Aceh Darussalam¹⁰¹ yang telah mulai terbina permulaan abad ke16, kerajaan tersebut sudah begitu lama untuk mengatur program organisasi pendidikan demi mendukung dan mencerdaskan rakyatnya pada masa itu. Dalam susunan kerajaan Aceh tersebut terdapat pula beberapa lembaga untuk kepentingan para rakyatnya demi untuk kelancaran peraturan kerajaan yang antara lain telah terbinanya beberapa lembaga;

- i. Balai Setia Hukama, iaitu suatu balai yang dapat disamakan seperti lembaga ilmu pengetahuan, ataupun sebagai tempat berkumpulnya para sarjana (ulama) dan *hukama (ahli fikir)* untuk membahaskan dan mengembangkan ilmu pengetahuan.
- ii. Balai Setia Ulama, iaitu suatu balai yang dapat disamakan dengan jawatan pendidikan dan pengajaran yang bertugas mengurus masalah pendidikan.
- iii. Balai Jemaah himpunan ulama, iaitu balai ini dapat disamakan dengan pengajian kelab, tempat para ulama ataupun suatu tempat berkumpulnya para sarjana untuk bertukar fikiran, melakukan acara berseminar dan untuk membahas masalah pendidikan dan perkembangan ilmu pengetahuan.¹⁰²

Tuanku Raja Keumala¹⁰³ adalah sebagai seorang pembaharuan dalam bidang pendidikan di daerah Aceh, dalam amalan program tersebut banyak mengalami

¹⁰⁰ Lihat, Suardi Saigy. "*Perkembangan Perguruan Tinggi Agama.*" hlm. 355.

¹⁰¹ Kerajaan Aceh Darussalam adalah hasil gabungan daripada kerajaan Islam Perlak, kerajaan Islam Samudera Pase, kerajaan Islam Benua, kerajaan Islam Lingga, kerajaan Islam Indra Jaya dan kerajaan Islam Darussalam.

¹⁰² Lihat, dalam berbahasa Arab, "*Qanun Meukuta Alam,*" Dokumentasi pada Perpustakaan. A. Hasjmy. Banda Aceh. hlm. 62. (*Qanun Meukuta Alam* iaitu, suatu peraturan yang menetapkan asas-asas bagi Kerajaan Aceh Darussalam yang kalau dalam istilah moden setakat ini sama dengan "*Undang-undang Dasar Negara*"). *Qanun Meukuta Alam* dalam rujukan orang Barat sering disebut "*Adat Meukuta Alam.*" Lihat juga, A. Hasjmy. "*Kebudayaan Aceh dalam Sejarah.*" hlm. 345.

¹⁰³ Tuanku Raja Keumala yang lahir di kuta *Keumala* pada tarikh, 1 *Ramadan* 1297 H (1887 M.), nama yang sebenarnya Tuanku Musa. Mungkin kerana lahir di *Kuta Keumala*, Lihat, A. Hasjmy.

kesulitan, di samping dalam amalannya juga banyak mendapat kesulitan, kerana mesti mendapatkan izin dari pengusaha Hindia Belanda, dengan melalui usaha yang amat gigih untuk mendapatkannya izin yang ber tarikh 22 Oktober 1915 (19 *Z lhijjah* 1333 H.) dan isi dari pemberian izin tersebut untuk membina sebuah madrasah yang bertempat di Banda Aceh. Maka dengan permintaan daripada Tuanku Raja Keumala disetujui oleh Gubenor Swaart, dengan surat bertarikh, 6 November 1915 M. (28 *Z lhijjah* 1333 H.), dengan ketentuan seperti berikut;¹⁰⁴

- i. Kepada Tuanku Raja Keumala yang bertempat tinggal di Kampung Keudah diizinkan diasaskan sebuah Madrasah tempat belajar orang-orang dewasa dan pemuda.
- ii. Mata pelajar yang boleh diajarkan hanya menulis dan membaca bahasa Arab, sehingga dapat memahami kitab-kitab Agama Islam dengan baik, ilmu tauhid dan ilmu fekah.
- iii. Diwajibkan kepada Tuanku Raja Keumala untuk membuat daftar untuk mendaftar murid-murid sebagaimana dimaksudkan dalam *Stadsblad* (undang-undang) 1902 No. 550 dan yang ditentukan seperti syarat-syarat *Bijblad* (pasal) No.6363.
- iv. Murid-murid yang datang dari Kutaraja (Banda Aceh) mesti ada keterangan dari pemerintah setempat.
- v. Setiap tarikh 2 Januari, April, Julai dan Oktober setiap tahun mesti memberi laporan kepada pemerintah setempat, di Kutaraja (Banda Aceh) melauai komisi yang diangkat untuk itu.
- vi. Untuk mengawasi *Madrasah* tersebut, diangkatlah sebuah tim yang terdiri dari Teungku Syeikh Ibrahim Brawe sebagai Ketua, *Hooffaksa* (kejaksaan) dan Kepala Penghulu pada Landrad (wilayah) Kutaraja (Banda Aceh) sebagai anggota-anggota.¹⁰⁵

Maka apabila syarat yang telah ditetapkan dan kemudian dilanggar, Tuanku Raja Keumala dihukum dan *Madrasah*nya ditutup. Pada ketika itu, banyak Dayah yang muncul dengan untuk menjalankan sistem pendidikan dan pada amnya,

“*Ulama Aceh: Mujahid Pejuang Kemerdekaan dan Pembangun Tamadun Bangsa.*” Jakarta: Bulan Bintang. 1997. hlm. 25-29.

¹⁰⁴ Peraturan Gabenor Swaart yang ber tarikh, 6 Nopember 1915, No. 979/15.

¹⁰⁵ Lihat, A. Hasjmy. *Ulama Aceh: Mujahid Pejuang Kemerdekaan dan Pembangun Tamadun Bangsa.* Jakarta: Bulan Bintang. 1997. hlm. 38-39.

memakai suatu sistem pengajaran *salafi* dan hingga kini di daerah Aceh masih terdapat pengajian dengan sistem Dayah. Karena dalam masyarakat di daerah Aceh dayah adalah merupakan suatu institusi ataupun tempat pendidikan yang mengajarkan pada amnya materi ilmu agama, maka dengan masyarakat telah memiliki pemahaman ajaran agama sudah tentu mengenai ajaran yang karut marut ataupun faham yang berasaskan animisme dan dinamisme akan hilang dengan sendirinya karena masyarakat telah memiliki benteng yang kuat untuk menahan pelbagai anasir kepercayaan yang tidak jelas ataupun bukan berasaskan dariapa ajaran al-Qur'an dan Hadith. Maka yang amat banyak mengambil peran untuk memberantas dan menghilangkan fahaman animism dan diniamisme dalam masyarkat Aceh seperti dayah sebagai berikut:

1. *Dayah Cot Kala*

Dayah Cot Kala adalah Pusat Pendidikan Tinggi Islam Pertama di Asia Tenggara dan dayah tersebut sudah banyak alumni daripada tamatan tersebut banyak sudah menjadi ulama dan pemikir. Pengasas Dayah tersebut adalah yang bergelaran pengeran ataupun ulama Teungku Chik Muhammad Amin pada akhir abad ke 3 H. (awal abad ke-10 M.) Dayah tersebut kini terletak di kawasan *Banyeun* (Aceh Timur).

2. *Dayah Cot Seureule*

Salah seorang ulama terkenal beliau juga tamat daripada Dayah Cot Kala iaitu, Syeikh Sirajuddin. Sultan Makhdum Alayiddin Malik Mahmud Syah Johan Berdaulat yang memerintah di kerajaan Perlak (402-450 H.-1012-1059 M.), mengangkat Syeikh Sirajuddin mengepalai sebuah angkatan Dakwah untuk

mengembangkan Islam ke *Lingga* (Acheh Tengah).

Maka setelah terbinanya kerajaan Islam Lingga, maka Syeikh Sirajuddin dengan segera membina sebuah pusat pendidikan Islam yang dipimpinnya secara langsung. Adapun, pusat pendidikan tersebut kemudian terkenal dengan nama *Dayah Seuruleu* dan beliau juga sebagai pemimpin yang terkenal dengan panggilan Teungku *Chik Seuruleu*.

3. *Dayah Blang Peria*

Dalam pemerintahan Maharaja Nurdin Sultan al-Kami yang memerintah Samudera/Pase (550-607 H.-1155-1210 M.), seorang ulama yang tersohor sebagai ahli hukum, pujangga dan mubaligh yang terkenal, namanya Syeikh Jakub yang kemudian terkenal dengan panggilan Teungku Chik Blang Peria, sebagai pimpinan dan pengasas Dayah tersebut. Beliau meninggal pada 15 *Muharram* 630 H. (1233 M.) dan kemudian makamnya terkenal dengan nama Makam Teungku Jirat Raya di Blang Peria (Geudong). Dayah Blang Peria adalah pusat pendidikan Islam yang terbesar dalam Kerajaan Islam Samudra/Pase. Namun, yang amat disayangkan Dayah tersebut setakat ini sudah tinggal nama sahaja.

4. *Dayah Batu Karang*

Seorang ulama yang tersohor tamat daripada Dayah Cot Kala yang bernama Teungku Ampon Tuan (nama kecilnya tidak jelas) diangkat menjadi Qadhi Negeri Batu Karang pada masa Raja Muda Sedia memerintah Kerajaan Islam *Benua* atau *Teumieng* (753-800 H.-1353-1398 M.). Di samping sebagai Qadhi, Teungku Ampon Tuan juga membina sebuah pusat pendidikan Islam yang kemudian terkenal dengan

nama Dayah Batu Karang dan beliau sendiri sebagai pimpinannya, kemudian terkenal dengan panggilan Teungku Chik Batu Karang.¹⁰⁶

5. *Dayah Lam Keuneun'eun*

Sultan Makhdum Alaidin Abdul Jalil Syah Johan Berdaulat yang memerintah Kerajaan Islam Perlak (592-622H.-1196-1225 M.) telah mengirim pasukan angkatan dakwah yang berjumlah lebih dari 300 orang ke jurusan barat untuk membawa ajaran Islam ke daerah kerajaan Hindu ataupun Buddha *Indra-Purba*. Angkatan dakwah tersebut dibawah pimpinan oleh Syeikh Abdullah Kan'an. Beliau adalah salah seorang guru yang amat tersohor dari Dayah Cot Kala dan Meurah Johan dan beliau juga seorang pangeran yang masih muda yang telah tamat dari Dayah Cot Kala. Setelah kerajaan Indra Purwa menjadi kerajaan Islam dengan nama kerajaan Darussalam dan Meurah Johan menjadi Raja yang pertama pada hari Jumaat tarikh 1 *Ramadan* 601 H. (1205 M.) dengan gelar Sultan Alaidin Johan Syah. Maka Syeikh Abdullah Kan'an terus membina sebuah pusat pendidikan Islam yang kemudian terkenal dengan nama Dayah *Lam Keuneu'eun*, dan beliau sendiri sebagai pemimpinnya yang terkenal dengan panggilan Teungku Chik Lam Keuneu'eun. Syeikh Abdullah Kan'an juga mempunyai orang tuanya yang berasal dari negeri Kan'an (Palestina) beliau juga selain daripada ulama yang tersohor juga sebagai ahli dalam bidang lada.

6. *Dayah Tanoh Abay*

Pada masa Sultan Alaidin Muhammad Dawud Syah memerintah Kerajaan Aceh Darussalam (1238-1251 H.-1823-1836 M.), datang ke Aceh dengan seorang

¹⁰⁶ Ibid. hlm. 39.

ulama yang tersohor dari negeri *Baghdad* yang bernama Syeikh Idrus Bayan. Atas permintaan Sultan beliau membina sebuah pusat pendidikan Islam yang berlokasi di Tanah Abay (Acheh Besar) yang kemudian pusat pendidikan tersebut juga terkenal dengan nama Dayah Tanah Abay dan beliau sendiri terkenal dengan panggilan Teungku Chik Tanah Abay.

Maka setelah Syeikh Idrus Bayan meninggal, sudah mesti pimpinan Dayah Tanah Abay dilanjutkan oleh puteranya yang bernama Syeikh Abdul Hafidh, kemudian oleh putera Syeikh Abdul Hafid yang bernama Syeikh Abdurrahim, kemudian oleh putera Syeikh Abdurrahim yang bernama Syeikh Muhammad Salh dan kemudian oleh puteranya yang bernama Syeikh Abdul wahab, yang hidup dalam zaman Sultan Alaidin Mahmud Syah yang memerintah (1286-1290 H.-1870-1874M.) dan zaman Sultan Alaidin Mahmud Syah yang memerintah dalam tahun (1874-1903 M). Dayah Tanah Abay tersebut adalah salah satu Dayah pembinaan yang terbesar di daerah bahkan lengkap dengan pelbagai kitab rujukan tentang sejarah dan dan lain-lain khasnya mengenai daerah Acheh.

7. *Dayah Tiro*

Pada masa Sultan Alaidin Mahmud Syah memerintah kerajaan Acheh Darussalam (1195-1209 H.-1781-1795 M.) dan kemudian beliau pindah dari Banda Acheh menuju daerah Pidie dan kemudian bertemu dengan seorang ulama yang amat tersohor yang bernama Syeikh Faqih Abdul Wahab Haithami, beliau sebagai seorang ahli dalam bidang hukum Islam yang terkenal. Beliau juga tinggal di Kampung Tiro (Acheh Pidie) dan di sana pula beliau membina sebuah pusat pendidikan Islam yang kemudian terkenal dengan nama Dayah Tiro dan beliau sendiri terkenal dengan panggilan Teungku Chik Tiro.

Setelah meninggal beliau dan kemudian Dayah Tiro kemudian dipimpin oleh puteranya yang bernama Syeikh Faqih Abdussalam yang kemudian terkenal dengan panggilan Teungku Chik Tiro pula. Dayah Tiro tersebut kemudian dilanjutkan yang pimpinannya oleh puteranya yang bernama Teungku Muhammad ‘Amin dan lebih terkenal dengan panggilan Teungku Chik Dayah Cut dan Teungku Syeikh Abdullah, ayahnya Syeikh Muhammad Saman Teungku Chik di Tiro dan beliau salah seorang daripada pahlawan nasional di daerah Aceh.¹⁰⁷

8. *Dayah Lam Nyong*

Teungku Syeikh Abdussalam adalah pengasas Dayah Lam Nyong yang kemudian beliau terkenal dengan panggilan Teungku Chik Lam Nyong. Beliau juga hidup dalam zaman pemerintahan Sultan Alaidin Mahmud Syah yang memerintah (1286-1290 H.-1870-1874 M.).

9. *Dayah Lam U*

Teungku Syeikh Umar adalah sebagai pengasas Dayah Lam U yang kemudian terkenal dengan panggilan Teungku Chik di Lam U. Beliau juga adalah seorang ulama yang amat ahli dalam bidang hukum Islam dan hafidh Qur’an. Hidup dalam zaman pemerintahan Sultan Alaidin Mahmud Syah, iaitu sezaman dengan temannya Teungku Chik Lam Nyong.

Beliau mempunyai empat orang putera dari Teungku Chik Umar Lam U ini, adalah ulama alim dan tersohor, diantaranya adalah; Teungku Hasballah Indrapuri, Teungku Haji Abdullah Lam U, Teungku Aneuk Batee dan Teungku Madhan (Teungku Chik di Yan).¹⁰⁸

¹⁰⁷ Lebih jelasnya lihat, Suardi Saidy. “*Perkembangan Perguruan Tinggi Agama.*” hlm. 340-346.

¹⁰⁸ Lihat, A. Hasjmy. “*Kebudayaan Aceh.*” hlm. 60.

10. Dayah Pante Geulima

Salah satu Dayah yang terbesar di daerah Mereudu, yaitu Dayah Pante Geulima, yang pada masa di bawah pimpinan Teungku Ya'kub maka dayah tersebut telah mencapai kemajuan yang amat gemilang. Adapun, Teungku Ya'kub yang lebih terkenal dengan panggilan Teungku Chik Pante Geulima, beliau hidup dalam masa pemerintahan Sultan Alaidin Mahmud Syah (1286-1290 H.-1870-1874 M.). Menurut dalam sebuah riwayat, bahawa pengarang Hikayat Malem Dagang yang terkenal itu, adalah Teungku Chik Pante Geulima.¹⁰⁹

11. Dayah Krueng Kale

Dayah Krueng Kale diasaskan oleh Teungku Haji Muda yang kemudian dikenali dengan panggilan Teungku Chik Krueng Kale. Beliau hidup sezaman dengan Teungku Chik Tiro Muhammad Saman. Setelah beliau wafat maka Dayah Krueng Kale dipimpin oleh puteranya yang bernama Teungku Haji Hasan Krueng Kale dan hingga kini dayah tersebut telah diambil alih yang kemudian dipimpin oleh cucunya.¹¹⁰

12. Dayah Meunasah Blang

Dayah Meunasah Blang ini yang terletak di daerah *Samalanga* (Acheh Jeumpa) yang telah mencapai puncak kemajuan pada masa di bawah pimpinan Teungku Syeikh Abdullah yang lebih terkenal dengan sebutan Teungku Chik Meunasah Blang. Beliau juga hidup dalam zaman pemerintahan Sultan Ibrahim Alaidin Mansur Syah (1273-1286 H.-1857-1870 M.) hingga ke zaman

¹⁰⁹ Ibid. hlm. 60.

¹¹⁰ Ibid. hlm. 60.

pemerintahan Sultan Alaidin Mahmud Syah. Salah seorang muridnya yang terkenal iaitu Teungku Chik Tiro Muhammad Saman.¹¹¹

13. Dayah Rumpet

Dayah Rumpet yang terletak di pantai barat Aceh, di Kuala Daya, telah terbina sejak pemerintahan Sultan Iskandar Muda Meukuta Alam (1016-1045 H.-1607-1636 M.), pada zaman yang di bawah pimpinan Teungku Muhammad Yusuf yang dikenal dengan panggilan Teungku Chik di Rumpet yang telah mencapai kegemilangan yang hebat. Di samping itu, beliau sebagai pemimpin Dayah Rumpet, Teungku Muhammad Yusuf adalah Qadhi dalam kerajaan di Rantau Dua belas, (bahagian timur dari Aceh Barat).¹¹²

14. Dayah Lam Birah

Salah satu Dayah yang terbesar dan amat tersohor yang merupakan Dayah pembina, iaitu Dayah Lam Birah. Dayah tersebut yang dibina oleh dua bersaudara dan beliau juga sebagai ulama bangsawan dan juga menjawat sebagai *Meuntroe* dan Bendahara yang kemudian keduanya terkenal dengan panggilan Teungku Chik Lam Birah. Kedua beliau hidup dalam zaman pemerintahan Sultan Alaidin Johan Syah, (1147-1174 H.-1735-1760 M.) sampai ke zaman pemerintahan Sultan Alaidin Tuanku Raja Mahmud Syah, (1174-1195 H.-1760-1781 M.).

Maka setelah kedua beliau meninggal, Dayah Lam Birah dilanjutkan yang dipimpin oleh putera-puteranya; iaitu, Teungku Chik Cot Keupeung. Teungku Chik Lam Bare, dan kemudian Teungku Haji Abbas yang dikenal dengan panggilan

¹¹¹ Ibid. hlm. 60.

¹¹² Ibid. hlm. 60.

Teungku Chik Lam Birah dan Teungku Haji Ja'far yang dikenali dengan sebutan Teungku Chik Lam Jabat.¹¹³

15. Dayah Ulee Susu

Dayah Ulee Susu ini yang telah dibina pada zaman pemerintahan Sultan Alaidin Ibrahim Mansur Syah, (1273-1286 H.-1857-1870 M.) dan masa di bawah pimpinan Syeikh Abbas yang dikenal dengan lakab Teungku Chik Kuta Karang, Dayah Ulee Susu ini telah mencapai kemajuan yang amat gemilang. Kecuali memimpin Dayah Ulee Susu ini, Teungku Kuta Karang juga menjadi Qadhi Malikul Adil di zaman Sultan Alaidin Mansur Syah.

16. Dayah Lam Diran

Dayah Lam Diran adalah satu-satunya pusat pendidikan Islam yang dipimpin oleh seorang wanita, iaitu Teungku Fakinah berketurunan daripada darah bangsawan dan ulama. Ayahnya Datuk Mahmud seorang pejabat tinggi kerajaan di zaman sultan Alaidin Iskandar Syah (1251-1273 H.-1836-1857 M.) yang turut membina Dayah Lam Krai. Ibundanya yang bernama Teungku Fatimah adalah puteri dari seorang ulama yang tersohor yang bernama Teungku Muhammad Sa'ad yang dikenal dengan panggilan Teungku Chik Lam Pucok, beliau juga sebagai pengasas Dayah Lam Pucok. Dalam Dayah Lam Diran (daerah Lam Krak Sibreh) yang dipimpin Teungku Fakinah, selain pelajar wanita, juga pelajar lelaki yang ikut belajar dengannya. Sementara, bagi pelajar yang wanita juga diajarkan membuat kraf dan kemahirannya lain. Dalam zaman perang Teungku Fakinah juga dikenal sebagai seorang panglima perang yang amat terkenal pada masa itu.¹¹⁴

¹¹³ Ibid. hlm. 60.

¹¹⁴ Ibid. hlm. 60.

Dalam sejarah telah tercatat bahwa bidang pendidikan pada masa kerajaan Aceh Darussalam sudahlah tersohor di pelbagai daerah pada masa itu, diantaranya; 1.Meunasah/ Madrasah 2. Rangkang¹¹⁵3. Dayah 4. Dayah Teungku Chik 5. Jamiaah Baiturrahman. Sistem pendidikan yang digunakan di Aceh pada masa Kesultanan antara lain;

i. Tempat Belajar

Tempat belajar di *Meunasah* (surau dan sekitarnya terdapat beberapa pondok (*rangkang*) yang jumlahnya bergantung kepada tingkat dan cawangan ilmu yang dipelajarinya.

ii. Pimpinan pendidikan

Pimpinan pendidikan terdiri dari Teungku *Meunasah* yang mempunyai pengaruh dalam masyarakat. Sultan Aceh amatlah menghargai pendapat daripada bawahannya dalam menjalankan perintah kesultanan.¹¹⁶ Untuk menjalankan sebuah aktiviti pendidikan di kalangan kampus (*rangkang*) dan Teungku dibantu oleh para pembantu yang sesuai dengan tingkatan ilmu yang dihajarkan kepada murid-murid yang belajar di tempat tersebut.¹¹⁷

iii. Pelajar (penuntut ilmu)

Para pelajar yang belajar dalam kawasan *Meunasah* daripada darjah rendah hingga darjah yang lebih tinggi bahkan hingga pada tingkatan kepakaran tertentu dalam suatu ilmu agama. Sementara para murid-murid ada yang tinggal di dalam pondok dan ada pula yang sebahagian tinggal di luar pondok.

¹¹⁵ *Rangkang*, adalah suatu tempat tinggal para murid yang sedang belajar dalam pesantren ataupun disebut dengan pondok.

¹¹⁶ Lihat, Drewes G. W. J. “*Hikayat Pocut Muhammad.*” Martinus Nijhoff. 1979. hlm. 134.

¹¹⁷ Lihat, “*Perkembangan Pendidikan di Daerah Istimewa Aceh.*” Majelis Pendidikan Daerah Provinsi D.I. Aceh. 1995. hlm. 48.

iv. Macam-macam Ilmu

Para pelajar yang belajar pelbagai kalangan dan tingkatan mulai dari kumpulan yang masih mengeja atau yang belum dapat membaca Qur'an, hingga kepada murid yang mempelajari ilmu yang khas seperti; ilmu tasawuf, bahasa Arab dan tulisan jawi dan lain-lain.¹¹⁸

v. Jenjang Pendidikan

Sesuai dengan keterangan yang terdapat dalam "*Hikayat Pocut Muhammad*", bahawa dalam tingkatan pendidikan agama Islam di daerah Aceh pada zaman Kesultanan Aceh adalah diatur dalam suatu sistem oleh pelbagai tingkatan kepakarannya seperti berikut;¹¹⁹

a. Tingkat rendah

Dalam sistem peringkat pendidikan terendah yang mempunyai *rangkang* tersendiri yang diketuai oleh seorang teungku, juga menjadi sebagai pembantu *Teungku Syik* untuk mengajar para murid. Pelajaran yang diajarkannya adalah mulai daripada pengenalan huruf, kemudian mengeja dan selanjutnya meningkat kepada cara membaca Qur'an.¹²⁰

b. Tingkat menengah

Pada amnya tingkat menengah mesti sudah mampu membaca Qur'an. Disebutkan untuk kegunaan ilmu yang akan dipelajari selanjutnya seperti, bahasa Melayu (*Djawoe*) bahasa Arab dan ilmu agama asas lainnya. Semua kitab pada amnya yang dipelajari adalah dalam bahasa Arab.

c. Tingkat Tinggi

Dalam sistem tingkat tinggi ini adalah suatu system apabila para mahasiswa

¹¹⁸ Lihat, A. Hasjmy. "*Kebudayaan Aceh.*" hlm. 49.

¹¹⁹ Ibid, hlm. 50.

¹²⁰ Ibid, hlm. 49.

telah mempelajari bahasa dengan baik maka para mahasiswa mulai diajarkan ilmu agama yang lebih lanjut, terutama pada ilmu Tasawuf, Mantiq.¹²¹ Pada zaman kegemilangan kerajaan Aceh juga dikenal sebagai pusat ilmu pendidikan yang berlokasi di kota Banda Aceh, antaranya seperti; 1. Masjid Jami' Baiturrahman yang dibina oleh Sultan Alaidin Mahmud Syah I dalam tahun 691 H. (1292 M.) 2. Masjid Baiturrahim yang dibina oleh Sultan Iskandar Muda Meukuta Alam sekitar tahun 1016 H. (1607 M),¹²² 3. Masjid Baitul Musyahadah yang dibuat oleh para Sultan Iskandar Sani dalam kompleks istana (keraton) dalam wilayah Kota Alam sekitar tahun 1046 H. (1637 M).¹²³ Dalam wilayah kerajaan Aceh Darussalam terdapat beberapa tempat pendidikan yang diperuntukkan kepada rakyatnya antara lain;

1. Meunasah.

Meunasah yang pada kebiasaan dijumpai dalam kawasan kampung, disamping berfungsi sebagai sekolah (*Madrasah*) dan juga berfungsi kepada hal lain-lain kalau setakat ini sama dengan sekolah tingkatan rendah. Di *Meunasah*, para murid diajarkan menulis dan membaca huruf Arab, ilmu agama dalam bahasa Melayu (*Jawi*), dan ilmu Akhlak. Pada zaman dahulu bahawa *Meunasah* memiliki fungsi ganda iaitu, a. Pusat pemerintahan Desa b. Pusat lembaga pendidikan agama atau lembaga ibadah c. Pusat penampungan dan pengembangan maklumat d. Pusat komunikasi dalam mahupun luar e. Tempat pembinaan generasi muda f. Tempat perencanaan dan pembinaan desa g. Tempat musyawarah atau untuk memutuskan masalah sengketa sebagai fungsi peradilan.¹²⁴

¹²¹ Ibid, hlm. 50.

¹²² Ibid, hlm. 285.

¹²³ Ibid, hlm. 157-158.

¹²⁴ Lihat, Badruzzaman Ismail, "*Mesjid dan Meunasah Sebagai Sumber Energi Budaya Aceh.*" 2002. hlm. 6-7.

2. *Rangkang*.

Rangkang menurut *Qanun Meukuta Alam*¹²⁵ dalam setiap *mukim* (kumpulan desa), mesti ada satu masjid, di setiap kampung mesti ada satu *meunasah*. Masjid adalah tempat segala kegiatan umat, termasuk kegiatan pendidikan. Adapun, fungsi Masjid merupakan *madrrasah* tingkat menengah, kalau setakat dapat disamakan dengan sekolah menengah pertama (*ts nawiyah*). Pada sistem pendidikan *rangkang* sudah mulai diajarkan dengan bahasa Arab dan sebahagian kitab agama sudah diajarkan dengan menggunakan bahasa Arab menggunakan buku dalam bahasa Arab pula, maka tidak menghairankan bahawa kebanyakan para santri pada masa dahulu mampu bercapakan dan membaca kitab dalam bahasa Arab. Juga mulai diajarkan ilmu sains, seperti ilmu Bumi, Sejarah dan mengira.

3. *Dayah*

Institusi *Dayah* setakat ini dapat disamakan dengan sekolah menengah atas (*Madrrasah Aliyah*). *Dayah* hampir terdapat di setiap daerah *ulee Balang* (Daerah). Kadang kala *dayah* yang berpusat di masjid bersama *rangkang*. Tetapi, kebanyakan bahawa *rangkang* yang terbina di tempat luar perkarangan masjid, dengan menyediakan kelengkapan pada sebuah balai utama sebagai gedung dewan yang digunakan sebagai tempat mengajar dan solat berjemaah. Pada *Dayah* semua pelajaran diajar dalam bahasa Arab. Sementara ilmu-ilmu yang diajar antara lain;

¹²⁵ *Qanun Meukuta Alam*, iaitu sebuah kitab undang-undang dan peraturan-peraturan untuk sebagai pegangan dan pedoman dasar dalam menjalankan dalam sebuah negara yang berdaulat. Lihat, A. Hasjmy. "*Kebudayaan Aceh dalam Sejarah*." hlm. 345. Lihat, Muhammad Arif Ahmad. "*Adat dan Tradisi*." Pustaka Nasional. hlm. 111. Menurut pengertian orang Melayu, antaranya makna kampung iaitu; 1. kawasan tempat kediaman 2. himpunan, kumpulan orang yang sejenis 3. sikap dan fahaman kuno-ortodoks.

fiqh, bahasa Arab, tauhid, tasawuf, sejarah, ilmu Tata Negara, ilmu hitung dan *faraidh*.¹²⁶

2. 4. 2 Fasa Kolonial Belanda (1910-1942)

Pada tahun 1907 gabenor sivil dan ketenteraan *Van Daalen* mengetuai dalam membina sekolah desa di Aceh, mula-mula di Aceh Besar dengan murid 38 orang. Sekolah untuk anak-anak perempuan yang dibina pertama kali di *Ulee Lheue* (Banda Aceh) pada tarikh 1 Mei 1910 atas usaha swasta.¹²⁷ Sekolah untuk anak-anak perempuan yang kedua dibuka di Lam Rueng pada tarikh 9 Oktober 1 dan yang ketiga pada 1 Disember tahun yang sama di Kutaraja. Sejak itu jumlahnya berkembang menjadi 20 buah dengan hampir seramai 1200 orang murid di bawah pemerintahan Gabenor Swart.

Pada tahun 1909 masih berjumlah 51 buah dengan seramai 2009 orang murid, Kemudian lima tahun kemudian, pada akhir tahun 1914, di seluruh Aceh terdapat 165 buah sekolah dengan murid lebih seramai 8200 orang dan termasuk di dalamnya enam buah sekolah untuk pelajar perempuan dengan jumlah murid seramai 240 orang. Pada tahun 1919 sekolah desa ini meningkat menjadi 258 buah dengan jumlah seramai 15.476 orang murid, di antaranya sekolah perempuan dengan jumlah seramai 1161 orang murid.¹²⁸

Pada akhir 1918 ada 490 orang guru bekerja pada 250 sekolah dengan jumlah murid seramai 14.747 orang, iaitu dua guru setiap sekolah dan satu ruang guru untuk 30 orang murid. Dibandingkan dengan daerah lain, menurut J. Kreemer, angka ini

¹²⁶ Lihat, Ismuha. "*Sejarah Pendidikan Agama di Aceh*." Kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar sejarah dan perkembangan agama Islam di Aceh. Banda Aceh. hlm. 2.

¹²⁷ Lihat, J. Kreemer. "*Atjeh*." Leiden: E.J. Brill. 1922. JI.2. hlm. 165.

¹²⁸ Ibid. hlm. 165.

memang mengesankan.¹²⁹

Apabila dibandingkan dengan daerah yang lain di Indonesia, Aceh termasuk daerah yang terlambat menerima sistem pendidikan dari pemerintah Belanda. Pendidikan Barat mulai diperkenalkan kepada rakyat Aceh, pada permulaan abad ke-20. Ada dua penyebab utama yang dapat untuk mendorong pemerintah Belanda untuk memasukkan suatu sistem pendidikan mereka yang sekular ke dalam pendidikan yang terdapat di daerah Aceh antara lain;

Pertama; Dapat dilihat dalam hubungan dengan perubahan sistem politik kolonial Belanda pada pertukaran abad ke-20, yaitu selaras dengan visi politik kepuakan yang mereka jalankan secara bertahapan. Maka salah satu tujuan politik kesukuan adalah mendapatkan pegawai dipejabat yang pandai dan rajin menurut ukuran mereka dari kalangan penduduk setempat yang mereka pakai tenaganya. Pada amnya para pegawai yang berasal dari kalangan pribumi akan diusahakan agar dapat dijadikan sebagai kerani dalam kerajaan tersebut yang dianggap amat efektif dalam melancarkan sistem ekonomi dan struktur birokrasi mereka. Sehubungan dengan kepentingan ini, pemerintah kolonial Belanda menginginkan adanya untuk pengembangan suatu sistem pendidikan dalam kalangan penduduk bumiputera.

Kedua: Munculnya suatu kumpulan baru dalam kalangan pemerintah kolonial Belanda, yang dipelopori oleh seorang orientalis terkemuka, C. Snouck Hurgronje yang terkenal dengan konsep politik pertautannya. Kumpulan ini beranggapan bahawa pergaduhan bersenjata bangsa Indonesia (salah satu diantaranya adalah perlawanan rakyat Aceh) terutama digerakkan oleh sistem nilai agama Islam. Pergaduhan itu hanya mungkin diselesaikan

¹²⁹ Lihat, Ibrahim Alfian. "Wajah Aceh Dalam Lintasan Sejarah." Banda Aceh: Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh. 1999. hlm. 195.

atau dikurangi, kalau golongan bangsawan atau pemuka-pemuka adat setempat ditarik ke dalam lingkungan kebudayaan dan sistem nilai Barat.¹³⁰

Dalam amalan pemerintahan kolonial Belanda untuk menjalankan misinya di bumi Aceh, *uleebalang* dipergunakan sebagai perantara untuk mendapatkan maklumat, maka suatu hal yang amat layak apabila kumpulan *uleebalang* merupakan kumpulan yang mendapat kesempatan dalam memperoleh suatu pendidikan di negeri Barat. Dengan cara demikian, Snouck Hurgronje dan kawan-kawannya, mengharapkan kumpulan *uleebalang* dapat untuk dijauhkan daripada pemimpin agama ataupun ulama.¹³¹ Kolonial Belanda amat mengharapkan atas bantuan *uleebalang* dalam menjalankan siasatnya untuk mempengaruhi seluruh rakyat Aceh agar dapat menguasai segalanya, Gabenor Goedhart berkata bahawa;

“Amatlah penting sekali-kali jangan dilupakan, bahawa kekuasaan kita di Aceh terutama bergantung pada kaum Uleebalang, di samping kekuatan bersenjata...Tanpa mereka jangka panjang kita tidak akan mencapai apapun juga.”¹³²

Maka hingga kini, pemerintahan kolonial Belanda ingin melaksanakan suatu program pendidikan di Aceh dan sebahagian besar *uleebalang* menyambut dengan gembira dibukanya sekolah yang dapat menguntungkannya hanya dipihak tertentu sahaja, kerana sesuai dengan perubahan dan peranan mereka. Sementara dikalangan amnya masyarakat Aceh agamanya masih berpendapat bahawa; Sesiapa yang bersekolah di sekolah yang dibina oleh Belanda maka menjadi kafir dan terdengar khabar siapa yang belajar menulis aksara Latin akan kehilangan tangan kanannya di alam baka.

¹³⁰ Lihat, “*Sejarah Perjuangan Rakyat Aceh Dalam Perang Kemerdekaan 1945-1949.*” hlm.33.

¹³¹ Ibid, hlm. 34.

¹³² Ibid, hlm. 31.

Sehubungan dengan maksud tersebut, maka mulai tahun 1900 sudah diperkenalkan suatu sistem pendidikan Barat oleh pemerintah kolonial Belanda di Aceh. Pada tahun itu, beberapa putera *uleebalang*, di antaranya dua saudara *uleebalang* Idi Rayeuk (wilayah Aceh Timur) diikutsertakan dalam mengikuti pendidikan di sebuah sekolah Belanda di Kutaraja.

Pada tahun berikutnya, tiga putera *uleebalang* lainnya dari Aceh Besar, sesudah bersekolah di sebuah sekolah Belanda di kawasan Kutaraja. Sementara, apabila anak dari *uleebalang* maka oleh pemerintah Belanda akan dihantar untuk melanjutkan pelajarannya yang lebih tinggi lagi ke *Fort de Kock* (Bukit Tinggi) untuk mengikuti pendidikan di sekolah perguruan. Selanjutnya pada tahun 1907/1908 hingga tahun dua puluhan, terdapat sejumlah putera *uleebalang* yang dikirim ke luar Aceh untuk mengikuti pelbagai pendidikan dan latihan yang diuruskan oleh pemerintah Belanda pada masa itu.

Terjadinya perang Bangsa Aceh melawan kolonial Belanda pada tahun 1873, hampir semua *Dayah* (pesantren) mengalihkan kegiatannya ke arah berlawanan dengan menggunakan tenaga untuk melawan pemerintahan Belanda. Dalam peperangan tersebut terjadi amat banyak peranan ulama untuk melawan dan penaklukan kolonial Belanda, dan banyak terjejaskan para ulama yang meninggal sebab dalam peperangan tersebut yang terjadi hingga tahun 1912.¹³³

Pendidikan Agama dan ditambah dengan semangat jihad, perang sabil, baik terhadap anak-anak mahupun terhadap pada masyarakat amnya. Hingga setakat ini, dalam masyarakat Aceh masihlah terdapat pelbagai adat dan tradisi apabila menidurkan bayinya akan membacakannya suatu pantun yang Islami seperti berikut;

¹³³ Lihat, Sanusi Pane. "Sejarah Indonesia." Jakarta: Balai Poestaka. 1966. JI. II. hlm. 174.

*L il ha'illAl h
Bertuahlah anakku ini
Lekaslah besar buah hatiku
Memerangi kafir, menegakkan Agama*

Ertinya:

Sihat tubuh kuat badan
Hidup bahagia senantiasa
Lekas besar dan panjang umur
Sempat membantu mengusir Belanda.¹³⁴

Dalam pantun yang di atas terdapat di dalamnya mengandung suatu semangat untuk melawan dan penaklukkan pemerintahan kafir Belanda. Persatuan Ulama Seluruh Aceh (PUSA) yang telah dibina pada tahun 1939-1942. Organisasi ini diasaskan dari muktamar yang dipersiapkan dengan amat hati-hati pada tahun 1939, pada bulan Mei, oleh Teungku Abdul Rahman dari perguruan al-Islam dalam wilayah Peusangan (Aceh Jeumpa).

2. 4. 3 Fasa Pendudukan Jepun (1942-1945)

Setelah kekuatan Belanda mulai lemah dan tidak terdapat lagi sokongan daripada pihak rakyat maka masuklah penjajah Jepun ke daerah Aceh, sehingga membuat masyarakat Indonesia merasa amat terkejut, atas kedatangannya dan oleh sebab sesudah diusir masuklah penakluk yang lain iaitu, bangsa yang berasal dari negeri Timur. Pada masa penaklukan Jepun, semua daripada sistem pentadbiran dalam pemerintahan dan ideologi diubah keinginannya misalnya, tidak boleh berbahasa Belanda dan Melayu dan diajarkan bahasa Jepun. Namun, yang amat terlihat adalah dalam bidang askar yang telah ditanamkan dengan ideologi mereka seperti, para askar yang berpendidikan Jepun disuruh menghadap ke arah timur dengan tujuan untuk menghormati matahari dan doktrin ideologinya iaitu, bangsa

¹³⁴ Lihat, bahan seminar. "Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Daerah Istimewa Aceh." tarikh: 10-16 Julai 1978. Di Banda Aceh. Diselenggarakan oleh, Setiausaha Majelis Ulama Daerah Istimewa Aceh. hlm. 7.

Timur yang baik dan berkuasa adalah Jepun.¹³⁵

Para askar Jepun dapat menduduki Aceh dengan amat mudah hanya dalam masa tiga setengah tahun sahaja. Disebabkan mereka itu tidak sempat menjalankan suatu politik pendidikannya di daerah tersebut. Daripada tindakan pemerintah Jepun selama tiga setengah tahun ini dapat diduga bahawa pemerintah Jepun mempunyai rencana pendidikan yang besar, iaitu untuk memasukkan Indonesia ke dalam Asia Raya ciptaan Jepun. Untung sahaja Jepun dapat dikalahkan oleh Sekutu, sebelum rencananya terlaksana untuk menjalankan misinya yang amat tidak menguntungkan rakyat.

Namun demikian, ada beberapa catatan yang amat penting untuk dikenang bahawa selama tiga tahun setengah telah dijajah, rakyat Indonesia telah terjadi antara lain; Menghapuskan semua sekolah yang berhubungan dengan Belanda. Sekolah HIS dan *Europescheschool*. Maka dijadikan sekolah rakyat dan bahasa Belanda sebagai bahasa pengantar digantikan dengan bahasa Indonesia. Sekolah *Meer Uitgebreid Lager Onderwijs* (MULO) di kawasan Kutaraja telah dijadikan sebagai ekolah Menengah Biasa (*Tyugakko*).

Bahasa Jepun diajarkan di tiap-tiap sekolah, lagu *Kimigayo*, wajib untuk dipelajari dan diajarkan di semua sekolah tanpa kecuali, suatu nyanyian dalam bahasa Jepun diajarkan juga pada semua sekolah rakyat. Para guru mesti untuk mempelajari bahasa Jepun, begitu juga dengan kursus bahasa Jepun yang dibuka diberbagai tempat. Di samping itu pula, terdapat sebuah Sekolah Guru yang dalam bahasa Jepun disebut *Sihan Gakko*. Sekolah agama diperbolehkan beroperasi seperti biasa dan dianjurkan mempelajari bahasa Jepun bagi sekolah yang ada gurunya. Pada masa itu terdapat dua sekolah guru, iaitu *Sihan Gagkko* Kutaraja dan sekolah normal

¹³⁵ Lihat, A.Rani Usman. "Sejarah Peradaban Aceh: Suatu Analisis Interaksionis, Integrasi dan Konflik." 2003. hlm. 118.

Islam di kawasan Bireuen (Acheh Jeupa). Ketika ada perayaan hari jadi Kerajaan Jepun yang diadakan di Kutaraja, kedua-dua sekolah guru dijemput untuk ikut hadir dan ikut dalam pertandingan yang pelbagai kegiatan olahraga lainnya.

Salah satu gejala sosial yang berkenaan dengan pendidikan pada masa pendudukan Jepun ini, sebahagian dari pemuda Acheh memperoleh kesempatan untuk masuk pendidikan askar Jepun dengan mendaftarkan diri di Lhokseumawe (Kota dari Kabupaten Acheh Utara) dan ada terdapat beberapa tempat lainnya diwilayah Acheh. Maka pada setakat itu, pemuda Acheh yang menggunakan kesempatan baik tersebut yang telah diberikannya, antara lain; Syama'un Gaharu, Hasan Salih Hasballah Haji dan lain-lain.¹³⁶

Adapun, di antara terjadinya suatu kemunduran mengenai pendidikan di daerah Acheh yang dapat dirasakan oleh kalangan masyarakat pada zaman Jepun seperti berikut;

- i. Sekolah swasta yang bersifat am tidak dibenarkan untuk menjalankan kegiatannya, hanya sekolah yang berasaskan agama sahaja yang dibolehkan hanya sekolah swasta. Oleh sebab itu, Taman Muda kepunyaan taman siswa dan H.I.S. Muhammadiyah dileburkan bersama menjadi *Vervolgshool*.
- ii. Ilmu kaji purba dan Sejarah tidak boleh diajarkan lagi, kecuali ilmu kaji purba mengenai Indonesia dan sejarah Indonesia sahaja.
- iii. Bahasa Belanda dan bahasa Inggeris tidak boleh diajarkan lagi, tetapi mesti diganti dengan bahasa Jepun sahaja.
- iv. Huruf Arab Melayu yang pada masa Hindia Belanda diajarkan di sekolah-sekolah kerajaan, mesti ditukar dengan huruf *Katakan* dan huruf *Hirakan*.

Di samping itu, semua bangsa Indonesia secara objektif mesti mengakui pula dalam kemajuannya yang telah diperolehi dari pemerintahan Jepun dan bukan sahaja sekadar dijajah akan tetapi juga memberikan kemudahan kepada masyarakat Indonesia masih tidak membahayakan dalam pemerintahan yang dipimpin pada masa

¹³⁶ Lihat, pada bahan bahan seminar “*Perkembangan Pendidikan di Daerah Istimewa Acheh.*” (t.t.). hlm. 58-59.

itu, antara lain kemudahan yang akan diberikan iaitu;

Pertama: Mengenai pendidikan askar dibuka pintu seluas luasnya kepada rakyat Aceh. Dalam pemerintah Belanda telah menyediakan tiga fasiliti untuk rakyat dalam rangka pendidikan askar antara lain; *a. Gyu-gun* yang kira-kira sama dengan PETA di Jawa, persyaratan untuk diterima hanyalah mereka dianggap yang telah mempunyai pendidikan menengah. *b. Hei Ho*, askar pembantu. Dapat diterima siapa sahaja. *c. Tokubetsu Keisatsurtei* (Barisan Polisi Istimewa), kira-kira sama dengan *Brigadir Mobil* (BRIMOB) kini dapat menerima juga mereka yang pernah menempuh pendidikan. Terlepas dari motif pemberian kesempatan itu, tentunya dapat membantu Jepun untuk melawan musuhnya iaitu pihak sekutu dan kesempatan tersebut merupakan kesempatan untuk rakyat Aceh, sebab kesempatan untuk menjadi askar sehingga tidak pernah diberikan kepada rakyat Aceh kerana dikuatiri kekawatiran akan membelot dan melawannya.

Kedua: Mengenai pendidikan sukan semua sekolah pada tiap pagi melakukan *Razio Taiso*, semacam gerak badan yang terdiri dari tiga bahagian yang masing-masing bernama *Dai Ityi Razio Taiso* (Razio Raiso yang pertama), *Dai Nyi Razio Taiso* (Razio Raiso yang kedua), dan *Tai Sam Razio Taiso* (Razio Taiso yang ketiga).

Ketiga: Mengenai Pertanian kecil-kecilan. Semua kebun di sekolah penuh dengan tanaman pohon ubi, demikian juga dalam halaman rumah dalam kota, bahkan setiap pejabat mempunyai kebun yang diusahakan oleh para pegawai.¹³⁷

Pada amnya, mengenai pendidikan yang telah menganut fahaman agama pada setakat itu telah mengalami suatu kemunduran dan yang amat dikuatiri lagi adalah telah terjadinya dengan sengaja untuk membodohkan masyarakat secara tidak langsung kepada rakyat. Di sebabkan pada amnya ekonomi rakyat Aceh pada masa

¹³⁷ Lihat, “*Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Daerah Istimewa Aceh.*” (t.t.). hlm. 32-34.

itu tidak menentu dalam mencari rezeki, rakyat pada masa itu sentiasa kelaparan yang berkempanjangan. Begitu juga, dengan kemunduran pendidikan yang disebabkan kurangnya kelengkapan yang menyokong seperti, tidak adanya fasiliti berupa bahan bacaan (buku) lampu dan ini adalah salah satu penyebab terbelakangnya pendidikan di daerah Aceh. Maka dampak dan akibatnya rakyat yang tinggal dalam wilayah Aceh menjadi miskin dalam hal kewangan bahkan miskin dalam ilmu pengetahuan.¹³⁸

Dayah-Dayah di seluruh Aceh pada amnya menjadi sepi, bahkan lebih-lebih lagi sesudah terjadinya penentangan terhadap pemerintahan Jepun yang terjadi di Bayu (Aceh Utara) yang dilakukan oleh pemimpin Dayah Teungku Abdul Jalil bersama dengan murid-muridnya, oleh sebab itu semua Dayah-Dayah yang ada dicurigai oleh pemerintah Jepun. Hal ini, disebabkan kerana ratusan askar Jepun telah meninggal dalam penentangan itu, meskipun akhirnya Teungku Abdul Jalil bersama dengan seluruh pelajaranya menjadi syahid dalam mempertahankan kebenarannya dan semua dayah bersama masjidnya dibakar hangus menjadi abu, banyak juga terdapat di beberapa dayah pengajian yang para pelajar amat terasa kekurangan bahan makanan dan minuman yang bersih.

2. 4. 4 Fasa Republik Indonesia (1945-Hingga Kini)

Setelah pemerintahan Indonesia mencapai kemerdekaan daripada pihak Belanda dan disertakan dengan terbinanya provinsi Daerah Istimewa Aceh dan semua sistem pendidikan. Dengan adanya sokongan daripada arahan Gabenor Provinsi Daerah Istimewa Aceh No. 2 Tahun 1990 yang mengharuskan setiap pelajar tahun 6 sekolah rendah perlu lulus ujian baca Qur'an sebagai prasyarat.

¹³⁸ Lihat, Alibasyah Talsya. "*Sedjarah dan Dokumen-dokumen Pemberontakan di Atjeh.*" Jakarta: Kesuma. 1953. hlm. 33.

Pendidikannya dijamin oleh undang-undang dasar negara Bab XIII, Pasal 31. Dalam ayat (1) dinyatakan: “*Tiap-tiap warga negara berhak mendapatkan pelajaran.*” Pemerintah mengusahakan dan menyelenggarakan atau sistem pengajaran nasional yang diatur dengan undang-undang.”

Setakat ini, sedang diusahakan sistem wajib belajar, dengan maksud terjamin pendidikan yang sama rata bagi seluruh warga negara Indonesia. Bangsa Indonesia telah mempunyai undang-undang tentang pendidikan yang dijadikan sebagai pedoman asas untuk mengatur segala hal yang berkaitan dengan sistem pendidikan nasional Indonesia.¹³⁹

Pendidikan di daerah Aceh berkembang dan maju amat pesat, baik dengan sistem tradisional mahupun pendidikan moden. Namun, ada tiga sistem yang telah dilaksanakan dalam lembaga pendidikan yang telah berkembang di daerah Aceh hingga setakat ini masih juga di antaranya:

Pertama: Lembaga Pendidikan Tradisional, bersifat pengajian, pesantren Dayah, rangkang yang dipimpin oleh para ulama dan para teungku. Dayah tradisional antara lain yang kini maju seperti; Dayah Syeikh Teungku Muda Wali di Labuhan Haji Aceh Selatan, Dayah Teungku Tanoh Mirah di Samalanga, Pasantren Budi di Lamno Aceh Barat, Dayah Insyafuddin Aceh Besar dan ratusan dayah lainnya. Sejak tahun 1985 berkembang pula di Aceh Pesantren ataupun dayah sepadu yang mengintegrasikan ilmu-ilmu agama dengan sains, dengan sistem sekolah dan para pelajar mesti tinggal di dalam asrama.

Pesantren dayah terpadu seperti, Bustanul Ulum di wilayah Langsa (Aceh Timur) dan Dayah Jeumala di Lhueng Putu Pidie dan beberapa lainnya. Berasaskan daripada beberapa alumni daripada Dayah tersebut telah dapat diterima daripada

¹³⁹ Lihat, Bahan-bahan Seminar .“*Perkembangan Pendidikan di Daerah Istimewa Aceh.*” (t.t.) hlm. 59.

pelbagai universiti seperti di Universiti Al-Azhar Mesir, International Islamic Universiti (IIU) di Kuala Lumpur Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM Pulau Pinang) dan beberapa Perguruan Tinggi di dalam negeri yang tersedia lainnya seperti; Unsyiah, IAIN Ar-Raniry, STAIN Malikussaleh dan STAIN Zawiyah Cot Kala. Adapun, sistem daripada pendidikan yang selama ini telah dijalankan (sistem pesantren moden), sedang mulai maju di Aceh. Kini lembaga-lembaga pendidikan terpadu terus mengalami kemajuan dan bertambah para pelajar kerana di dalam kurikulum pesantren tersebut terdapat persepaduan antara ilmu agama dan sains.¹⁴⁰

Kedua: Lembaga pendidikan madrasah (sistem sekolah) yang dalam kawalan Departemen Agama Republik Indonesia (DEPAG). Masa pendidikan ini dari Tadika (*Ra dh t l Athf l*), Madrasah Ibtidaiyah Negeri (MIN) dengan masa belajar selama 6 tahun, Madrasah Tsanawiyah Negeri (MTsN) dengan masa belajar 3 tahun, Madrasah Aliyah Negeri (MAN) dengan masa belajar 3 tahun dan apabila mempunyai keinginan dapat langsung ke Perguruan Tinggi Agama dan Perguruan Tinggi Umum atau Universiti. Di Aceh terdapat 211 MIN, 183 MIN dan 120 MI (swasta schools), MTsN 35 buah, MTs 183 dan MTsS 78 buah, MAN serta MAS 21 buah dan Pendidikan Guru Agama Negeri (PGAN) 5 buah. Sejak tahun 1990 lembaga-lembaga sekolah tersebut menjadi semakin banyak.¹⁴¹

Ketiga: Lembaga Pendidikan Umum (sekolah) yang berada di bawah asuhan Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia. Adapun dengan masa pendidikan terhitung mulai dari Taman Kanak-Kanak (Tadika), Sekolah Dasar (SD) masa pendidikan selama 6 tahun), Sekolah Menengah Pertama (SMP) masa pendidikan selama 3 tahun Sekolah Menengah Umum (SMU) dengan masa pendidikan selama 3 tahun kemudian dapat melanjutkan ke Perguruan Tinggi

¹⁴⁰ Lihat, Badruzzaman Ismail. "*Mesjid dan Adat Meunasah Sebagai Sumber Energi Budaya Aceh.*" hlm.70.

¹⁴¹ Ibid. hlm. 70.

Sains/Universiti dan Perguruan Tinggi Agama. Di daerah istimewa Aceh terdapat sejumlah 2953 SD Negeri, 80 SD-S (*Private Schools*), SMP-N 292 buah, SMP-S 167 buah, SKK (Putri) 7 buah, ST-N (Sekolah Teknik Negeri) 4 buah, ST-SI (Strata I) buah, SMA 101 buah SMA-S 108 buah. Di Aceh juga terdapat 5 buah lembaga perguruan tinggi negeri antara lain; Universiti Syiah Kuala (Unsyiah) dan Institut Agama Islam Negeri (IAIN Ar-Raniry) di kawasan Darussalam Banda Aceh, Politeknik (POLTEK) di Lhokseumawe. Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Malikussaleh, Universiti Malikussaleh (UNIMAL) di kawasan Kota Lhokseumawe dan juga Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Zawiyah Cot Kala di Langsa dan Selain itu terdapat pula ada beberapa Universiti Swasta seperti; Universiti Muhammadiyah, Universiti Iskandar Muda di Banda Aceh, Universiti Abulyatama di Lampoh Keude Aceh Besar, Universiti Jabal Ghafar di Sigli Pidie Universiti Samudera di Langsa dan beberapa Sekolah Tinggi lainnya.¹⁴²

2. 5. 1 Pentadbiran Rasmi dari Pemerintahan

Pentadbiran dalam pemerintahan masyarakat Aceh adalah merupakan suatu sistem yang mengelola daripada pemerintahan secara rasmi. Berasaskan undang-undang nombor 18 Tahun 2001 tentang Otonomi Khusus (khas) bagi Provinsi Daerah Istimewa Aceh sebagai Provinsi Nangroe Aceh Darussalam (NAD), membenarkan adanya lima tingkat organisasi pemerintahan di Provinsi Nangroe Aceh Darussalam, iaitu tingkat Provinsi, tingkat Kabupaten dan atau Kota, tingkat Kecamatan, tingkat *Mukim*¹⁴³ dan tingkat Gampong.

¹⁴² Ibid. hlm. 70.

¹⁴³ Dalam pemilihan *Imeum Mukim* berasaskan Bab II, Pasal 7. Terdapat beberapa syarat untuk dapat menduduki jabatan *Imeum Mukim* antaranya: 1. Beriman dan taqwa kepada Allah ﷻ dan menjalankan Syariat 2. Setia dan taat kepada Negara Kesatuan Republik Indonesia dan Pemerintah yang sah, 3. Berpendidikan sekurang-kurangnya Sekolah lanjutan Tingkat Pertama atau berpengetahuan yang sederajat, 4. Berumur minimum 30 (tiga puluh) tahun pada saat pencalonan, sudah berumah tangga/berkeluarga, 5. Berasal dan berdomisili sekurang-kurangnya 2 (dua) tahun berturut-turut di Kemukiman dan mengenal serta dikenal oleh masyarakat

Sesuai dengan sifat mengkhususkan otonomi yang diberikan, “Gabenor dengan persetujuan Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, yang diberikan wewenang untuk menyusun ataupun untuk menetapkan kembali organisasi, perangkat daerah iaitu mulai di peringkat Provinsi, Kabupaten atau Kota hingga dengan tingkat Kecamatan, Mukim dan Gampong dalam Qanun Provinsi. Penyesuaian perangkat (struktur anggota) daerah dimaksudkan, di samping penyesuaian penyebutan nama atau juga apabila dianggap perlu dapat mengadakan penyesuaian bahagian dalam organisasi pemerintahan yang bersangkutan sesuai dengan keperluan dan sifat kekhususan yang dimilikinya.¹⁴⁴ Sebagaimana disebutkan dalam Qanun yang telah ditetapkan berasaskan kesepakatan dan musyawarah bersama untuk dijadikan sebagai satu pedoman asas mempunyai struktur organisasi untuk menjalankan tugas antara lain;

- i. *Kabupaten* atau Kota atau nama lain adalah Kabupaten atau Kota dalam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.
- ii. *Bupati* atau Walikota atau nama lain adalah *Bupati* atau *Walikota* dalam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.
- iii. *Kecamatan* atau nama lain, adalah perangkat daerah Kabupaten atau Kota yang dipimpin oleh *Camat* atau nama lain.
- iv. *Mukim* atau nama lain, adalah kesatuan masyarakat hukum dalam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam yang terdiri atas gabungan beberapa *Gampong* yang mempunyai batas wilayah tertentu dan harta kekayaan sendiri, berkedudukan langsung di bawah *Camat* atau nama lain yang dipimpin oleh *Imeum Mukim* atau nama lain.
- v. *Gampong* atau nama lain, adalah kesatuan masyarakat hukum yang merupakan organisasi pemerintahan terendah langsung di bawah Mukim atau nama lain yang menempati wilayah tertentu, yang dipimpin oleh *Keuchik* atau nama lain dan yang berhak menyelenggarakan urusan rumah tangganya sendiri.

Kemukiman yang berkaitan, 6. Sihat jasmani dan rohani, 7. Tidak pernah dihukum penjara kerana membuat, 8. Berpengalaman di bidang pemerintahan, kemasyarakatan dan peradatan, 9. Tidak sedang dicabut hak pilihnya berdasarkan keputusan pengadilan yang telah mempunyai kekuatan hukum yang tetap.

¹⁴⁴ Lihat, “Himpunan Undang-undang Keputusan Presiden Peraturan Daerah/Qanun Instruksi Gubernur Edaran Gabenor.” Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi NAD. 2005. hlm. 185.

Pelaksanaan program dari pemerintahan pusat mesti melalui dengan lima lembaga yang tersebut di atas agar dapat dijalankan secara sempurna dan menyeluruh dan boleh dikatakan bahwa kelima lembaga tersebut amatlah banyak mengambil suatu peranan dalam menjalankan tugas dan hal dalam pentadbiran pemerintahan.

2. 5. 1 Ketua Negeri (*Gabenor*)

Ketua Negeri (*Gabenor*), adalah sebagai kepala daerah untuk daerah Provinsi di Indonesia. Kata “*Gabenor*” berasal daripada bahasa Portugis “*governador*”, atau bahasa Belanda “*gouverneur*.” Bentuk dari gaya bahasa Belanda ini sama hal dengan bentuk bahasa Perancis dan erti adalah “pemimpin,” “penguasa,” atau “yang memerintah.” Pada asasnya, *Gabenor* memiliki tugas dan wewenang memimpin untuk penyelenggaraan daerah dan bertanggungjawab dalam penetapan kebijakan dalam ketertiban, ketenteraman dan keamanan di luar yang berkait dengan tugas teknik kepolisan yang berasaskan kebijakan yang telah ditetapkan bersama Dewan Permusyawaratan Rakyat Daerah (DPRD). *Gubenor* dipilih dalam satu pasangan dengan naibnya secara langsung oleh rakyat di Provinsi setempat dan sehingga dalam hal ini *Gubenor* bertanggungjawab kepada DPRD Provinsi yang telah memilihnya. Selain daripada itu hanya sebagai Kepala Daerah. *Gabenor* juga berkedudukan sebagai naib pemerintah di wilayah provinsi yang berkaitan sehingga dalam hal ini *Gabenor* bertanggungjawab kepada Presiden.

Adapun, *Gabenor* bukanlah atasan Bupati ataupun Walikota tugasnya hanya membina, mengawasi dan mengkoordinasi dalam pentadbiran pada pemerintahan daerah pada wilayah kabupaten ataupun Kota. *Gabenor* dan bukan merupakan kaki tangan dari pemerintah pusat, namun merupakan pemimpin terpisah dari Propinsi yang dipilih secara langsung oleh rakyat provinsi melalui Pemilihan Kepala Daerah

(PILKADA). Gubernur dan Wakil Gubernur Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam dipilih secara langsung setiap 5 (lima) tahun sekali melalui pemilihan yang demokratis, bebas, rahasia serta dilaksanakan secara jujur dan adil dan sebagai persyaratan juga ditetapkan sebagai Gubernur dan Wakil Gubernur seseorang Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam adalah warga negara Republik Indonesia dengan syarat:

(a). Menjalankan syariat agamanya; (b). Setia dan taat kepada negara kesatuan Republik Indonesia (R.I) dan pemerintahan yang sah (c). Berpendidikan minimum sekolah lanjutan tingkat atas atau yang sederajat (d). Berumur minimum 35 (tiga puluh lima) tahun (e). Sehat jasmani dan rohani (f). Tidak pernah dihukum atau dipenjara kerana melakukan salah laku yang melanggar ketentuan hukum yang berlaku (g). Tidak sedang dicabut hak pilihnya berasaskan keputusan pengadilan yang telah mempunyai kekuatan hukum yang tetap (h). Tidak pernah menjadi warga negara asing. Maka apabila sudah memenuhi semua persyaratan yang telah ditetapkan maka baru dapat mencalonkan diri sebagai Gubernur ataupun Wakil Gubernur dengan melalui tata cara pemilihan menurut peraturan yang berlaku dalam ketentuan.

2. 5. 2 Ketua Daerah (*Bupati*)

Ketua Daerah (*Bupati*), yang berasal daripada bahasa Sanskrit: “*bhupati*,” “raja dunia”, masih dalam wilayah otonomi daerah di Indonesia dan sebagai kepala daerah untuk daerah Kabupaten.¹⁴⁵ Seorang Bupati sejajar kedudukannya dengan

¹⁴⁵ *Kabupaten* adalah pembagian wilayah *administratif* (bahagian) di Indonesia setelah provinsi, yang dipimpin oleh seorang Bupati. Selain kabupaten, pembahagian wilayah administratif setelah provinsi adalah kota. Secara amnya, baik kabupaten dan kota memiliki wewenang yang sama. Kabupaten bukanlah bawahan dari provinsi, kerana itu Bupati atau walikota tidak bertanggungjawab kepada Gubernur. Kabupaten mahupun kota merupakan daerah otonomi yang diberi wewenang untuk mengatur dan mengurus urusan pemerintahannya sendiri.

Walikota, yakni Bupati sebagai Kepala Daerah di kabupaten dan walikota untuk bertanggungjawab kepada daerah Kota dan kedua kepala daerah tersebut bertanggungjawab kepada Gubernur. Pada dasarnya, jabatan Bupati memiliki tugas dan wewenang memimpin penyelenggaraan daerah dasarnya, kebijakan yang ditetapkan bersama DPRD Kabupaten.

Bupati dipilih dalam satu pasangan secara langsung oleh rakyat di Kabupaten setempat. Bupati juga merupakan jabatan yang mengandung unsur politik, dan bukan dari Pegawai Negeri Sipil (PNS). Sebelum tahun 1945 gelaran Bupati sebenarnya hanya sahaja dipakai di Pulau Jawa, Madura dan kemungkinan Bali sahaja, namun setelah tahun 1945 digunakan di kabupaten seluruh wilayah Indonesia hingga kini.

2. 5. 3 Penggawa (*Camat*)

Penggawa (*Camat*), ialah ketua kecamatan yang berkedudukan di bawah dan bertanggungjawab kepada Bupati melalui setiausaha Kabupaten ataupun Kota yang juga dilantik daripada pegawai perkhidmatan awam Kabupaten ataupun Kota yang memenuhi syarat oleh Bupati ataupun Walikota atas cadangan setiausaha Daerah Kabupaten ataupun Kota. Tugas Camat adalah sebagai penyeleras pemerintahan yang melaksanakan tugas-tugasnya di bawah bidang kuasa Bupati, sesuai dengan keperluan kecamatannya, serta juga kegiatan pemerintahan yang lain berasaskan Peraturan Perundangan yang masih berlaku.

Seorang Camat membawahi Lurah akan tetapi tidak membawahi Kepala Desa. Adapun tugas harian seorang camat adalah untuk membina dan membimbing langsung seluruh kepala desa yang berada dalam wilayah kekuasaannya.

2. 6 Pentadbiran Tidak Rasmi dari Masyarakat

Pentadbiran yang rasmi daripada pemerintahan juga terdapat pula dalam pemerintahan Nanggroe Aceh Darussalam (NAD) yang di dalamnya mempunyai suatu lembaga pentadbiran tidak rasmi yang langsung dipilih oleh para masyarakat yang tinggal dalam wilayah pedesaan. Pada amnya para petugas yang melaksanakan aktiviti yang berasal bukan dari Pegawai Negeri Sipil (PNS) dan juga tidak mendapatkan gaji bulanan yang mesti dibayar oleh pemerintahan.

Akan tetapi, hanya bersifat sebagai bantuan kewangan sahaja pada masa dahulu. Namun, setakat ini ia sudah mendapatkan gaji tetap setiap bulan yang mesti dibayar oleh pemerintahan sebagai institusi yang tidak rasmi untuk fungsi menjalankan roda pemerintahan.

Sebenarnya amatlah besar pengaruh dan peranan dari struktur yang terbentuk dipedesaan secara tidak rasmi dari pemerintahan, akan tetapi lembaga tersebut amatlah bermanfaat dan berfungsi dalam menjalankan program dari pemerintahan pusat. Maka apabila sekiranya tidak ada lembaga struktur daripada masyarakat dari masyarakat desa maka tentunya tidak ada erti pemerintahan pusat, begitu juga sebaliknya dan ini adalah adanya hubungkait dari kedua belah pihak. Secara amnya, struktur sistem pentadbiran di Provinsi Daerah Istimewa Aceh yang bermula dari peringkat yang paling rendah seperti, Kampung ataupun Desa.

2. 6. 1 Ketua Kampung (*Keuchik*)

Ketua Kampung¹⁴⁶(*Keuchik*) yang juga merangkap sebagai ketua adat masyarakat Kampung, yang dipilih langsung oleh rakyatnya sendiri secara langsung.

¹⁴⁶ “*Gampong*” (Kampung/Desa) mempunyai rakyat dengan susunan pemerintahan sendiri, memiliki tatanan aturan, harta kekayaan dan batas territorial (kekuasaan). *Gampong* berwenang penuh untuk mengembangkan adat dan adat istiadatnya, bahkan berfungsi menyelenggarakan “peradilan adat” sesuai dengan tatanan adat yang mereka miliki. Dalam tatanan kehidupan, “hukum adat”

Dahulu masa jabatan *Keuchik* tidak ada batasan, selama tidak mengundurkan diri atau tidak disenangi lagi oleh masyarakatnya (amat jarang terjadi). Apabila dikaji dari aspek Hukum Tatanegara, maka pada fungsi yang dipimpin oleh *Keuchik* seakan sudah mencakup tiga fungsi sebagai berikut; 1. *Eksekutif*, 2. *Legislatif*, 3. *Yudikatif*.¹⁴⁷ Akan tetapi, hingga setakat sudah dihadkan oleh Qanun untuk masa jabatan hanya lima tahun sahaja, namun dapat dipilih kembali. Dalam menjalankan tugasnya *Keuchik* dibantu oleh “*Tuha Peut*” dan “*Tuha Lapan*” sebagai lembaga dan wadah kampung yang berfungsi sebagai memberikan nasihat dan pertimbangan dalam hal masalah dalam masyarakat kepada desa (*keuchik*) secara aktif dan atau melalui persidangan ataupun dalam musyawarah.¹⁴⁸

Dalam pentadbiran masyarakat di daerah Aceh juga terbentuk suatu lembaga untuk menangani masyarakat dari segala keperluannya dan lembaga ini juga sebagai pelaksana sebagai petugas di desa seperti, “*Kawasan Mukim*,” adapun kawasan Mukim adalah suatu wilayah ataupun kawasan adat Kemukiman, terdiri atas beberapa Gampung yang mempunyai had-had tertentu dan memiliki harta kekayaan sendiri, dengan perangkat pembantunya iaitu “*Tuha Peut*” dan “*Tuha Lapan Mukim*” yang berfungsi memberi nasihat dan saranan kepada *Imeum Mukim*, terutama dalam persidangan ataupun dalam musyawarah tingkat Kemukiman. *Mukim* dipimpin oleh *Imeum Mukim* selaku pemangku adat tugas asas dan wewenang *Mukim*, juga menjalankan fungsi adat, termasuk peradilan adat bagi masyarakat hukum yang berada dalam wilayahnya Peradilan Mukim yang merupakan peradilan adat tingkat banding (terakhir) bagi masyarakat hukum adat dalam kawasan wilayahnya.

dan “adat istiadat”. Misalnya, adat perkahwinan, pengairan, peternakan, penyelesaian persengketaan dan lainnya. Lihat, Badruzzaman Ismail (peny). “*Eksposa Majlis Adat Aceh Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*” Banda Aceh: Majlis Adat Aceh. 2003. hlm. 46.

¹⁴⁷ Lihat, Badruzzaman Ismail. “*Mesjid dan Adat Meunasah Sebagai Sumber Energi Budaya Aceh*.” Banda Aceh: Gua Hira’. 2002. hlm. 6.

¹⁴⁸ Ibid. hlm. 6.

Sementara dua kawasan seperti *Gampong* dan *Mukim* merupakan wilayah adat yang sejak masa kerajaan Sultan hingga abad global hingga kini, yang merupakan suatu benteng dan struktur dalam adat Aceh yang masih lestari dalam ruang lingkup budaya dan sistem pemerintahan nasional bangsa Indonesia.¹⁴⁹ Di dalam pentadbiran suatu pemerintahan dan lembaga yang mempunyai wewenang untuk mengatur wilayahnya sendiri, adat dalam kawasan desa mempunyai pelbagai macam dan kepentingan untuk menjalankan kegiatan didalam pemerintahan desa, seperti berikut;

- i. *Keujrun Blang*, adalah lembaga yang membantu *Keuchik* dalam bidang urusan pengaturan dan penggunaan irigasi untuk persawahan.
- ii. *Panglima Laot*, adalah lembaga yang memimpin adat istiadat, kebiasaan-kebiasaan yang berlaku di bidang penangkapan ikan di laut, termasuk mengatur tempat ataupun kawasan, penangkapan dan penyelesaian sengketa.
- iii. *Peutua Seuneubok*, adalah lembaga yang memimpin dan menyalurkan air ketentuan-ketentuan tentang pembukaan dan penggunaan lahan untuk perladangan ataupun perkebunan pada wilayah gunung dan lembah.
- iv. *Haria Peukan*, adalah lembaga yang mengatur ketertiban, keamanan dan kebersihan pasar serta mengutip retribusi pasar *Gampung*.
- v. *Syahbandar*, adalah orang yang memimpin dan mengatur tambatan kapal atau perahu, jalur keluar dan masuk kapal atau perahu di bidang pengangkutan laut, danau dan sungai.¹⁵⁰

Sebagaimana lembaga-lembaga adat tersebut yang telah disebutkan di atas ia merupakan suatu lembaga institusi dalam kelengkapan perangkat *Gampung* dan *Mukim* yang berfungsi untuk membina kesejahteraan masyarakat dilingkungan *Gampungnya* masing-masing. Dalam kewenangan *Gampung* dari fungsi

¹⁴⁹ Lihat, Badruzzaman Ismail, (peny). "*Eksposa Majelis Adat Aceh Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.*" Banda Aceh: Majelis Adat Aceh (MAA). 2003. hlm. 48.

¹⁵⁰ Ibid. hlm. 48.

Meunasah,¹⁵¹ merupakan fungsi dari peradilan Gampung, dengan menggunakan asas-asas hukum adat yang berasaskan dari *Adat bak Po Teumeureuhom*, *Hukum bak Syiah Kuala*, *Qanun bak Putroe Phang*, *Reusam bak Lakseumana*, *Hukum ngon adat Lagee zat ngon sifeut*, dalam pandangan ini maka menunjuk kepada empat asas adat seperti;

- i. *Ad t ll h*, iaitu hukum adat yang hampir mutlak diasaskan pada hukum Allah Ψ (Qur'an dan Hadith).
- ii. *Adat Tunn h*, iaitu adat istiadat sebagai pengembangan dari *Kanun* dan *Reusam* yang mengatur kehidupan masyarakat.
- iii. *Adat Muh kam h*, iaitu hukum adat yang pengembangan pada asas musyawarah dan mufakat.
- iv. *Adat J hiliah*, iaitu adat istiadat dan kebiasaan dalam masyarakat yang kadangkala tidak sesuai dengan ajaran Islam, namun masih digemari ataupun diamalkan oleh masyarakat setakat ini.¹⁵²

Adat dalam masyarakat Aceh juga sudah merupakan sebagai pedoman asas dalam bersosial dengan sesama masyarakat tempatan dan ini adalah sudah terbina mulai dari masa sebelum penjajahan Belanda datang ke Aceh. Hingga kini juga adat dan tradisi dalam masyarakat Aceh juga masih kuat untuk dipertahankan, akan tetapi hanya orang-orang tua sahaja yang mempertahankan dan menjaganya sementara generasi muda sudah amat kurang untuk menjaga adat dan tradisi yang berlaku dalam masyarakat.

¹⁵¹ *Meunasah* memiliki fungsi ganda iaitu; a. Pusat Markas Pemerintahan Desa, b. Pusat Lembaga Pendidikan Agama atau Lembaga Ibadah, c. Wadah Penampungan dan Pengembangan Maklumat, d. Wadah Pusat Komunikasi baik Internal mahupun Eksternal e. Wadah Pusat Pembinaan Generasi Muda, f. Wadah Pusat Perencanaan dan Pelaksanaan Pembinaan Desa, g. Wadah tempat musyawarah untuk memutuskan masalah sengketa sebagai fungsi peradilan. Lihat, Badruzzaman Ismail. (1990). "*Manajemen Mesjid dan Adat Kebiasaan di Aceh*." Banda Aceh: Gua Hira. 1990. hlm. 6-7.

¹⁵² Lihat, Badruzzaman Ismail. "*Mesjid dan Adat Meunasah Sebagai Sumber Energi Budaya Aceh*." hlm. 173.

2. 6. 1. 1 Pentadbiran Kampung (*Tuha Peuet dan Tuha Lapan*)

Pentadbiran Kampung (*Gampong*) adalah kesatuan bahagian terkecil dalam pemerintahan Kerajaan Aceh. Setiap Kampung dipimpin oleh *Keuchik*. *Keuchik berkewajiban* untuk menjaga ketertiban di kampung bersama dengan *Teungku Meunasah*. *Keuchik* mesti dapat memelihara keamanan dan pelaksanaan hukum dan adat di desa serta berusaha memakmurkan kampungnya. Selain *keuchik* dan *teungku meunasah*, dibentuk pula “*Tuha Peuet*” iaitu empat orang cendikiawan yang membantu *keuchik* dan *teungku meunasah* dalam pelbagai masalah di kampung.¹⁵³

Untuk kelancaran pelaksanaan tugas dan fungsi *Tuha Peuet Gampong* dibentuk Setiausaha *Tuha Peuet Gampong* yang dipimpin oleh seorang Setiausaha, (bukan anggota) yang berada langsung di bawah dan bertanggungjawab kepada Pimpinan *Tuha Peuet Gampong*. Sekretaris *Tuha Peuet Gampong* dapat dibantu oleh beberapa orang tenaga staf sesuai dengan keperluan dan kemampuan *Gampong*. Setiausaha dan staf Setiausaha *Tuha Peuet Gampong* tidak boleh dari unsur Perangkat *Gampong*. Setiausaha dan tenaga staf Setiausaha *Tuha Peuet Gampong* diangkat dan diberhentikan oleh *Keuchik* berasaskan usulan daripada Pimpinan *Tuha Peuet Gampong*.

Tuha puet juga mempunyai pelbagai fungsi dalam menjalankan tugasnya, “*Tuha Peuet*” *Gampong* mempunyai tugas dan fungsi seperti berikut, (a). Meningkatkan upaya-upaya pelaksanaan syariat Islam dan adat dalam masyarakat, (b). Memelihara kelestarian adat istiadat, ataupun kebiasaan dan setempat yang masih memiliki asas manfaat, (c). Melaksanakan fungsi perundangan, iaitu membahas ataupun merumuskan memberikan persetujuan terhadap penetapan *Keuchik Reusam Gampong*, (d). Melaksanakan fungsi anggaran, iaitu membahas

¹⁵³ Lihat, Thamrin, Z H.M. “*Acheh Melawan Penjajahan Belanda*. Jakarta: Wahana. 2003. hlm. 62.

ataupun merumus memberikan persetujuan terhadap Rancangan Anggaran Pendapatan dan Belanja *Gampong* sebelum ditetapkan menjadi Pendapatan dan Belanja *Gampong*, (e). Melaksanakan fungsi pengawasan, yaitu meliputi pengawasan terhadap pelaksanaan *Reusam Gampong*, pelaksanaan Anggaran Pendapatan dan Belanja *Gampong*, pelaksanaan Keputusan dan Kebijakan dari *Keuchik*, (f). Menampung dan menyalurkan aspirasi masyarakat kepada Pemerintah *Gampong*.¹⁵⁴

Adapun pola perkampungan desa bagi orang Aceh disebut *gampong*. Setiap *gampong* terdiri atas kelompok rumah yang letaknya berdekatan satu sama lain dan setiap desa mempunyai 50 hingga 100 buah rumah. Desa disini merupakan pusat kehidupan masyarakat.¹⁵⁵Tetapi, kini jumlah penduduk masyarakat di daerah Aceh sudah meningkat dengan amat banyak dan cepat angka kelahiran bayi dan juga banyak pendatang yang datang dari daerah luar untuk tinggal dan menetap di daerah Aceh.

Dalam struktur masyarakat Aceh terbentuk suatu Mukim yang gabungan beberapa *gampong* disebut “*Mukim*”. Pemimpinnya disebut “*Imuem Mukim*,” yang diangkat oleh *uleebalang*. Mukim tersebut baru muncul setelah agama Islam masuk ke Aceh. *Imuem* semula adalah pemimpin masjid di mukimnya, namun kemudian *imuem mukim* mempunyai kekuasaan di dalam dunia pemerintahan. Setiap mukim mempunyai masjid yang amnya terletak di ibu kota kemukiman. *Imuem* bertugas untuk menjalankan pemerintahan dan mengawasi para *keuchik* yang termasuk dalam kemukimannya.¹⁵⁶

¹⁵⁴ Lihat, “*Himpunan Undang-undang Keputusan Presiden Peraturan Daerah/Qanun Instruksi Gubernur Edaran Gubernur.*” Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi NAD. 2005. hlm. 219.

¹⁵⁵ Lihat, Koentjaraningrat. “*Manusia dan Kebudayaan di Indonesia.*” Djakarta: Djambatan. 1970. hlm. 231.

¹⁵⁶ Lihat, Zakaria Ahmad. “*Sekitar Kerajaan Aceh.*”Medan: Monora. 1972. hlm. 88. Lihat juga, Koentjaraningrat. “*Manusia Dan Kebudayaan Di Indonesia.*” Jakarta: Jambatan. 1971. hlm. 238.

Dewan Empat (*Tuha Peut*) yang terdiri dari empat orang anggota ataupun pemimpin masyarakat Gampung iaitu; ulama, tokoh adat, tokoh pemerintahan dan tokoh masyarakat. Tuha Lapan juga mempunyai fungsi yang sama sebagai “*Tuha Peut*,” hanya sahaja anggotanya, ditambah empat orang lagi, iaitu: intelektual, pemuda, wanita. Proses pemeriksaan perselisihan faham ataupun perkara dan penerapan hukum terhadap yang bersalah dilakukan melalui persidangan ataupun musyawarah dan dilakukan di *Meunasah*. “*Keuchik*” di samping dibantu oleh “*Tuha Peut*” dan “*Tuha Lapan*”, juga didampingi pembantu utama iaitu “*Imeum Meunasah*.” *Imeum Meunasah* adalah orang yang memimpin kegiatan masyarakat Gampung, berkaitan dengan pelaksanaan syariat Islam (agama).

Hubungan *Keuchik* dengan *Imeum Meunasah*, menurut Snouck Hurgronje dalam bukunya “*The Achehnese*” (Acheh di mata kolonialis), adalah: “*Lagee Kungon Ma*” (seperti, ayah dengan ibunda). Struktur dalam lembaga Adat Gampung, terdiri atas *Keuchik*, *Imeum Meunasah*, *Tuha Peut* dan *Tuha Lapan*. Hingga kini, *Keuchik* adalah orang yang dipilih dan dipercayai oleh masyarakat serta diangkat oleh Pemerintah untuk memimpin pemerintahan dalam sebuah Gampung.¹⁵⁷

Kegiatan penduduk desa amat besar bagi kemajuan desa tersebut. Setiap penduduk desa mempunyai kewajiban melakukan ibadah bersama-sama untuk membina bersama-sama tempat ibadah seperti masjid dan *meunasah* (*madrrasah*). Kebersihan dan kesihatan desa mendapat perhatian penuh daripada anggota desa. Ini tampak daripada usaha mereka untuk memperbaiki saluran-saluran air jalan-jalan desa dan setjara gotong-royong membersihkan desa daripada semak kotoran. Tugas ini adalah merupakan tugas rutin pada setiap hari Jumaat. Sedangkan hari lain

¹⁵⁷ Lihat, Badruzzaman Ismail, (peny). “*Eksposa Majelis Adat Aceh Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*.” hlm. 47.

digunakan untuk bekerja di sawah sebagai mata pencarian pokok dari hampir setiap desa di Aceh.¹⁵⁸

2. 6. 1. 2 Ustaz Surau (*Teungku Meunasah*)

Dalam masyarakat di daerah hingga kini masih dikenal dengan Ustaz surau, ia adalah seorang yang dapat dijadikan tempat rujukan apabila terdapat masalah hukum agama dalam masyarakat dan juga ia diangkat dan diberhentikan oleh para perangkat di desa dengan kesepakatan bersama. Adapun lembaga "*Teungku Meunasah*" dipimpin oleh seorang tokoh agama di kalangan penduduk kampung berkenaan dimana berasaskan kriteria pemilihannya adalah seorang tokoh yang berpengaruh dan disegani.

Tokoh yang dilantik untuk memimpin lembaga ini akan memegang jawatan sepanjang hayatnya. Sementara tugas dai daripada peranan lembaga ini adalah untuk melaksanakan dan memelihara segala hal keagamaan pada peringkat kampung seperti mengimami solat berjemaah, mengadakan pengajian agama, menguruskan zakat fitrah dan menentukan pembahagian harta pusaka. Lembaga ataupun sistem *Teungku Meunasah* yang terdapat di Provinsi Daerah Istimewa Aceh tidak dijumpai di provinsi Republik Indonesia yang lain.

2. 6. 1. 3 Pentadbiran Pertanian (*Keujeruen Blang*)

Pentadbiran pertanian kampung (*Keujeruen Blang*), adalah suatu wadah adat yang untuk membantu pimpinan dalam peringkat kampung dan ia diketuai oleh seorang yang mempunyai pengetahuan dan berpengalaman luas dalam bidang pertanian dan urusan pengaturan pengairan untuk sawah dalam pertanian ataupun

¹⁵⁸ Lihat, Koentjaraningrat. "*Manusia dan Kebudayaan di Indonesia.*" hlm. 231.

untuk menyelesaikan apabila terdapat berselisih paham mengenai persawahan dalam masyarakat itu sendiri. Disamping itu, mesti mengetahui selok-belok tentang peraturan ataupun undang-undang pertanian seperti mana yang terkandung didalam Hukum Adat Aceh.

Adapun orang Aceh pada umumnya hidup dari hasil sawah (padi). Padi di sini ialah merupakan bahan makanan asas sehari-hari, seluruh masyarakat. Sawah-sawah dibentuk berpetak-petak dan satu petak dengan lainnya dibatasi dengan permatang (*ateung*). Parit-parit (*leueng*) banyak terdapat untuk mengairi sawah dan untuk memasukkan air ke sawah yang masih banyak digunakan batang pohon pinang atau batang pisang, sehingga pekerjaan disawah memakan banyak masa. Untuk mendapat air ditunggu hingga turunnya hujan, sehingga tanaman padi hanya dapat dilakukan satu kali dalam setahun. Setelah adanya air, baru penduduk beramai-ramai turun kesawah untuk membersihkan parit-parit tadi dan pekerjaan ini dilakukan bersama-sama secara gotong-royong.¹⁵⁹

Setelah setiap petak sawah mendapat air membeluh ataupun mengolah tanah sawah hingga dapat ditanami yang menghabiskan masa hingga satu bulan. Kemudian dilakukan penyemaian benih dan setelah benih dianggap cukup besar, maka diadakan penanaman. Penanaman ini biasanya dilakukan oleh wanita secara bersama-sama. Setelah itu masih ada lagi kewajiban wanita untuk membersihkan rumput (*teitmeuweh*) setelah padi agak besar. Pekerjaan mengairi sawah selalu menjadi tugas lelaki. Keseluruhan masa yang diambil untuk bekerja di sawah bagi seorang petani hingga enam bulan dan pematangan padi dilakukan oleh lelaki secara bersama-sama.¹⁶⁰

¹⁵⁹ Ibid. hlm. 231.

¹⁶⁰ Ibid. hlm. 231.

Namun, hingga kini sebahagian besar masyarakat tidak lagi menggunakan sistem sederhana ataupun manual dan khasnya di desa yang dekat dengan pusat bandar. Pada masa itu mesin traktor untuk membajak tanah sawah masihlah amat susah untuk didapatinya dan menghabiskan masa yang amat lama. Akan tetapi, para masyarakat kini, dengan menggunakan sistem pengairan irigasi yang moden dan begitu juga dengan alat amat moden seperti, alat tanam benih padi secara langsung dan juga alat penggilingan padi secara langsung tanpa memerlukan banyak orang seperti pada masa dahulu. Pada masa yang lalu hingga menghabiskan banyak masa hingga enam bulan untuk satu kali tuaian. Akan tetapi, dengan penggunaan alat yang serba moden maka hanya masa tiga bulan untuk satu kali tuaian bahkan ada juga sebahagian daerah tuaian dalam satu tahun hingga mencapai tiga kali panen.

2. 6. 1. 4 Pentadbiran Perhutanan dan Perkebunan Kampung (*Peutua Seuneubok*)

Pentadbiran perhutanan dan perkebunan (*Peutua Seuneubok*) adalah sebuah lembaga pentadbiran pada peringkat kampung yang tugas utamanya mesti bertanggungjawab terhadap hal yang berkaitan dengan masalah perhutanan. Lembaga ini yang dipimpin oleh seorang ketua yang dibantu oleh dua orang penolong yang dikenali sebagai pawang hutan (*Pawang Uteun* atau *Peutua Gle*). Ketua lembaga ini berperanan dalam menjaga hal yang berkaitan dengan perhutanan.

Manakala pembantunya adalah berperanan didalam menentukan kelicinan dan keberkesanan pengawasan yang berkaitan dengan aspek perhutanan. Tugas pawang hutan adalah menjaga keselamatan dalam setiap aktiviti yang melibatkan pembalakan di satu kampung. Manakala *Peutua Gle* bertanggungjawab dan mengawasi kawasan pergunungan terutamanya yang melibatkan aktiviti penerokaan untuk tujuan pertanian dan perkebunan.

2. 6. 1. 5 Pentadbiran Laut (*Panglima Laot*)

Pada dasarnya mengenai lembaga adat laut tidak ada keterangan yang pasti, sejak bila lembaga *Panglima laot* masuk ke dalam sistem adat Aceh. Menurut beberapa asas, lembaga ini sudah lama berkembang seiring dengan perjalanan masa kesultanan di Aceh, salah satu pendukung daripada perangkat pemerintahan adalah lembaga adatnya. Begitu otonominya lembaga panglima laot tersebut, sehingga pada masa Sultan Iskandar Muda (1607-1636 M) *Panglima laot* diangkat rasmi oleh Sultan pada masa itu.

Maka, tugasnya selain memberdayakan ekonomi kawasan juga menjadi alat pertahanan dan keamanan di *laot*. Untuk mengembangkan tugas tersebut, kepada *Panglima laot* diberi kekuasaan menyelenggarakan peradilan dan melaksanakan setiap keputusan yang dibuatnya. Dalam buku *De Atjehers*, Snouck Hurgronje hanya menyebutkan bahawa para *pawang* yang mengkoordinir kegiatan penangkapan ikan di laut yang dipimpin oleh seorang panglima. Ia beserta perangkatnya yang telah dipilih oleh para pawang di wilayah *teupin* mereka masing-masing. Wilayah hukum (adat) seorang Panglima disebut "*Ihok*", antara satu *Ihok* dengan *Ihok* lainnya dipisahkan oleh tanda had alam.¹⁶¹

Pentadbiran laut adalah salah satu sistem untuk menjalankan suatu program yang telah terbentuk dalam pemerintahan kampung agar seluruh kegiatan masyarakat sebagai pelayan supaya mudah untuk dikordinit dan agar teratur dalam menangani pelbagai masalah yang terjadi dalam masyarakat itu sendiri. Adat laut juga mempunyai pelbagai fungsi dan sistem dan aktiviti, baik ia sebagai aktiviti besar ataupun kecil sekalipun, diantaranya fungsi dan tugas tersebut antaranya; Panglima

¹⁶¹ Lihat, Sanusi M. Syarif. "*Riwang U Laot Lueng Pukat dan Panglima Laot Dalam Kehidupan Nelayan Aceh Di Aceh.*" Jakarta: Yayasan Rumpun Bambu. 2003. hlm. 36.

Laut berfungsi sebagai penolong dari pemerintah dalam melaksanakan pembinaan, melestarikan adat istiadat dan kebiasaan dalam masyarakat.

Dalam melaksanakan fungsi tersebut Panglima Laut mempunyai tugas antara lainnya; (a). Memelihara dan mengawasi ketentuan hukum adat dan Adat Laut. (b). Mengkoordinir setiap usaha pengangkapan ikan laut (c). Menyelesaikan perselisihan ataupun permasalahannya yang terjadi di antara sesama anggota nelayan baik yang bersifat perorangan mahupun kelompok. (d). Mengurus dan menyelenggarakan adat laut. (e). Merupakan badan penghubung antara nelayan dengan pemerintah begitu juga panglima laut dengan panglima laut lainnya.¹⁶²

Adapun, setiap pentadbiran panglima laut juga mempunyai wilayahnya terdiri dengan had yang jelas, mempunyai warganya, mempunyai adatnya dan mempunyai hak untuk mempertahankan penmanfaat sumber alam laut dan lingkungannya sebagai miliknya, serta peradilan, maka menurut Hukum Adat, lembaga panglima laut, juga merupakan sebuah persekutuan masyarakat dalam lindungan hukum adat.¹⁶³

Mengenai pelaksanaan kegiatan di lapangan tentunya telah diatur oleh peraturan dan sistem yang telah dibuat, agar tidak ada terjadi suatu perselisihan ketika mendapatkan hasil tangkapan ikan di laut dan begitu juga dengan masalah-masalah sekiranya terjadi antara sesama nelayan perangkap ikan, adapun peraturan untuk mengatur ketentuan tersebut seperti berikut;

- i. *Hak ureung po*, iaitu hak pemilik modal yang memiliki *peuraho pukot* dan peralatan tangkap ikan.
- ii. *Hak awok peuraho*, iaitu hak untuk nelayan yang bekerja pada *pukat* tersebut, diberikan dalam bentuk ikan untuk keperluan rumah dan juga wang.

¹⁶² Ibid. hlm. 36.

¹⁶³ Lihat, Luqman, Munir. (peny). "*Bunga Rampai Menuju Revitalisasi Hukum dan Adat Aceh.*" Jakarta: Yayasan Rumpun Bambu. 2003. hlm. 67.

- iii. *Hak Pawang*, adalah bagian tertentu dari hasil tangkapan ikan yang diberikan kepada pawang sebagai imbalan atas jasanya memimpin kegiatan penangkapan ikan.
- iv. *Hak lamat*, hak bagi orang yang turunkan tali pertama untuk dibawa ke darat yang turunkan tali kedua tidak lagi. Sebagai penghargaan atas bersusah payahnya, kepadanya diberikan sejumlah ikan atau wang.
- v. *Hak ureung Teumulong*, yaitu hak yang diberikan dalam bentuk wang atau ikan kepada orang-orang selain awak pukat yang ikut membantu memperbaiki pukat yang rusak atau menjemurnya.
- vi. *Hak awak tarek*, yaitu hak yang diberikan kepada orang-orang di darat yang ikut membantu menarik pukat, biasanya diberikan dalam bentuk ikan. Maka apabila hasil tangkapan banyak, banyak juga diberikan dalam bentuk wang.
- vii. *Hak peubulat jok*, yaitu hak yang diberikan kepada orang yang, bertugas di sisi kiri dan kanan dan tali yang masih di dalam air untuk mengumpulkan jala pukat yang terdiri dari *talojok* agar tidak putus.
- viii. *Hak nyeurat paca pukat payang*, yaitu hak bagi hasil dari kegiatan penangkapan ikan yang dilakukan secara bersama-sama di antara dua pukat di laut atau disebut juga *meupayang*, pada pukat darat tidak dikenal adanya hak *nyeurat*.¹⁶⁴

Dalam masyarakat Aceh, pembahagian dan pengaturan ruang penggunaan amat tegas dan jelas. Bahkan setiap ruang penggunaan mempunyai suatu aturan adat dan lembaga yang bertanggungjawab untuk mengaturnya. Secara amnya dalam terminologi adat Aceh selain *gampong* juga berfungsi sebagai pusat pemukiman (perumahan penduduk), maka ruang pemanfaatan untuk produksi diantaranya, terdiri dari wilayah *adat-blang* (*sawah*), *glee* (*gunung*) atau *seuneubok* (*kebun hutan*), *uteun* (*hutan*), *peukan* (*pasar*) dan *laot* (*laut*).¹⁶⁵

lalu menenggelamkan firun dan pengikutnya.

¹⁶⁴ Ibid. hlm. 67.

¹⁶⁵ Lihat, Sanusi M. Syarif. "Riwang U Laot Leueng Pukat dan Panglima Laot Dalam Kehidupan Nelayan di Aceh." Banda Aceh: Yayasan Rumpun Bambu. 2003. hlm. 5.

2.5 Kesimpulan

Adapun kesimpulan pada bab dua ini adalah, Nanggroe Aceh Darussalam adalah daerah yang amat kaya dengan potensi dan hasil alamnya baik hasil minyak, gas mahupun hasil pertanian dan juga dari hasil perikanan. Tetapi, majoriti penduduk di daerah Aceh yang majoriti kehidupan masih di bawah daripada garis kemiskinan dan ketinggalan hingga kini dan sementara hasil alamnya berlimpah ruah. Nanggroe Aceh Darussalam suatu daerah yang masyarakatnya pada amnya beragama Islam dan amat fanatik dengan ajaran-ajarannya dan juga dalam kehidupan yang sehari-harinya amat erat dan juga selalu mencerminkan ajaran yang berperilaku secara Islami baik di desa mahupun di kota.

Nanggroe Aceh Darussalam dilihat dalam sejarah pada awalnya, adalah suatu daerah yang sudah menjadi sebuah negara yang berdaulat dengan nama Kerajaan Islam Aceh Darussalam termasuk kerajaan Islam Pase yang sudah menjalin hubungan diplomasinya dengan negara luar. Pada setakat itu, Kerajaan Islam Aceh juga menjadi sebagai sebuah negara Islam yang mana amat berpengaruh di Asia Tenggara kerana Raja pada setakat itu adalah amat taat dalam menjalankan Syariat Islam yang sebenar baik di kalangan istana kerajaan mahupun di kalangan masyarakatnya bahkan pada setakat itu sebahagian negeri di Tanah Melayu juga di bawah pengawasan Kerajaan Islam Aceh Darussalam.

Kehidupan dalam sosial masyarakat Aceh pada setakat itu bahkan hingga setakat ini amat erat dengan adat istiadat dan ajaran Islam baik struktur kehidupan sosial masyarakat dan sosial kekeluargaan yang kebanyakannya adalah beragama Islam. Dalam kesenian dan kesusteraan di Nanggroe Aceh Darussalam yang mencerminkan ajaran Islam sehari-hari seperti kesenian tarian Saman, Sadati, Ratep

Seunangan dan lain-lain, tarian tersebut adalah cara untuk menyampaikan dakwahnya melalui seni tarian.

Nanggroe Aceh Darussalam (NAD) apabila dilihat dari sejarah masa lampau sebagai sebuah daerah yang amat kaya dengan bahasa daerah hingga mencapai lebih kurang sembilan bahasa daerah antaranya Bahasa Aceh 2. Bahasa Gayob 3. Bahasa Alas 4. Bahasa Tamiang 5. Bahasa Aneuk Jamee 6. Bahasa Kluet 7. Bahasa Singkil 8. Bahasa Haloban 9. Bahasa Simeulu dan lain-lain. Dalam kesenian binaan baik binaan sivil, binaan agama dan binaan askar. Kebanyakan binaan dan gedung-gedung yang lama mahupun binaan setakat ini bercorak pada seni bina yang Islami seperti di kubah atas yang berbentuk kubah masjid dan juga arah bangunan tersebut mengarahkan ke arah kiblat, tetapi kini amat susah untuk didapati binaan yang mengarah ke arah kiblat.

Adapun, daerah Aceh adalah suatu daerah yang banyak terdapat Dayah (pesantren), yang berfungsi sebagai wadah untuk mencari ilmu agama dan untuk membina mental. Hingga setakat ini banyak dayah yang terdapat khasnya Dayah Salafi yang semata-mata mengajarkan ilmu agama sahaja tanpa ada ilmu sains. Tetapi, setakat ini banyak dayah terdapat yang dapat mengubah suatu sistem untuk mengajarkan ilmu perpaduan antara ilmu agama dengan ilmu sains. Bahkan sebahagian dayah yang terdapat di daerah Aceh sudah tersedia segala kelengkapan kemudahan seperti makmal bahasa, makmal ilmu hayat dan lain-lain, yang semua ini adalah untuk menyokong suatu sistem pendidikan kearah yang lebih maju dan berjaya ke masa hadapan.

Nanggroe Aceh Darussalam juga merupakan teritorial dari bahagian negara Indonesia, berasaskan dalam pelaksanaan undang-undang Nombor 44 Tahun 1999 tentang penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Aceh perlu diselaraskan

dalam penyelenggaraan pemerintahan di Provinsi Daerah Istimewa Aceh sebagai Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (NAD). Sementara, dalam pelaksanaan dan penyelenggaraan pemerintahan seutuhnya pada wilayah Nanggroe Aceh Darussalam terdapat pula beberapa pentadbiran baik ia sebagai pentadbiran rasmi mahupun pentadbiran secara tidak rasmi.

Adapun pentadbiran rasmi seperti Ketua Negeri (*Gabenor*), Ketua Daerah (*Bupati*), Penggawa (*Camat*) dan ketiga-tiga lembaga tersebut adalah sebagai lembaga daripada pemerintahan pusat. Sementara pentadbiran yang tidak rasmi dalam masyarakat seperti, Ketua Kampong (*Keuchik*) dan di bawahnya lagi seperti, pentadbiran kampung, ustaz surau, pentadbiran pertanian kampung pentadbiran perhutanan dan perkebunan kampung dan juga dengan pentadbiran Laut.

Dalam kehidupan sosial dan kepercayaan dalam masyarakat di daerah Nanggroe Aceh Darussalam dan yang khas pula Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, masih mengamalkan suatu amalan yang berkaitan dengan unsur unsur yang asal mulanya muncul daripada ajaran agama Hindu dan kemudian diislamkan kembali sebagaimana dahulu. Dalam pelaksanaannya memanglah amat dekat dengan ajaran agama Hindu. Akan tetapi, kini amalan seperti yang disebutkan diatas tadi maka telah di ubah dan ditutupi menjadi seakan akan sebagai salah satu adat dan tradisi ajaran agama Islam.

Namun, pesan yang disampaikan sudah bercanggahan bahawa ajaran dan amalan tersebut bukanlah daripada ajaran Agama Islam dan maka sememanglah ajaran tersebut berasaskan amalan anamisme dan dinamisme seperti Upacara tepung tawar yang masih berbahagi di dalamnya tepung tawar ucap syukur, tepung tawar mohon doa restu dan petunjuk daripada Tuhan, tepung tawar juga dapat memohon keberkahan dalam keselamatan dan juga dengan tepung tawar untuk mohon maaf

pada manusia apabila telah melakukan kesalahan. Masyarakat Aceh juga dikenal dengan masyarakat yang selalu melaksanakan kenduri dan juga dengan memperingati hari besar dalam ajaran Islam seperti, kenduri dalam memperingati Maulid Rasul, memperingati Israk dan Mikraj, Nisfu Sya'ban, Nuzul Qur'an, pada hari ke sepuluh *Muharram* dan masih banyak juga lainnya.

Masyarakat pada amnya yang tinggal di wilayah kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, masih menganut kepercayaan yang bercorak animisme yang mempunyai kewujudan makhluk halus dan ini terus ditanamkan oleh masyarakat Aceh khasnya dalam wilayah Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, walaupun pada asasnya telah menganut ajaran agama Islam yang telah dibawakan oleh para pedagang dan saudagar daripada Tanah Arab. Masyarakat daerah Aceh yang tinggal wilayah pedesaan hingga setakat ini masih juga mempercayai unsur animisme yang mempunyai landasan bahawa manusia masih juga beranggapan ada kekuatan yang ghaib selain daripada manusia dan juga mempunyai pelbagai nama yang terdapat dalam kalangan masyarakat di daerah Aceh.

Walau bagaimanapun masih terdapat kepercayaan kepada animisme yang sebagaimana masih juga diyakini oleh masyarakat yang tinggal dalam wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe. Mereka tidak lagi mempunyai kesempatan yang kekuasaan sebagaimana terdahulu, setakat ini juga sudah terdapat pendakwah yang menyampaikan misinya tentang materi pemurnian aqidah yang telah percampuran dengan ajaran agama Hindu dan Buddha yang sebagaimana bahawa banyak terdapat bukti sejarah di daerah Nanggroe Aceh Darussalam bekas peninggalan binaan dari kerajaan Hindu. Disebabkan kerana berbagai faktor di antaranya;

Pertama: Penyebabnya adalah kesan daripada pengaruh ajaran agama Islam yang tidak membenarkan terhadap pemujaan terhadap kuasa ghaib selain daripada Allah ﷻ.

Kedua: Masyarakat yang tinggal dalam wilayah perkotaan dan bahkan masyarakat yang tinggal di desa yang telah mempercayai bahawa makhluk ghaib tersebut tidak lagi memberikan sebarang apa-apa sumber rezeki kepada masyarakat tersebut.

Begitu juga dalam masyarakat didalam wilayah yang telah dijalankan penyelidikan yang sebenarnya, bahawa kenyaan yang sebenar adalah masih terdapat memuja tempat dan benda mati seperti, amalan dan memuja perkuburan yang menurut mereka dapat memberikan sumbangan dan jalan keluar daripada masalah masyarakat pada persekitarannya bahawa dapat menyelesaikan masalah yang sedang dijalaninya. Begitu juga dengan amalan terhadap benda tertentu ataupun pohon yang amat besar, oleh masyarakat tempatan menganggap di pohon tersebut ada penunggunya. Sudah menjadi salah adat dan tradisi dalam memperingati dan disertai dengan makan dan minum dalam penyambutan dengan Maulid Nabi Muhammad ﷺ.

BAB TIGA

SEJARAH MASUKNYA AJARAN ISLAM DAN SISTEM PERUBAHANSOSIAL MASYARAKAT ACHEH

3.1 Permulaan Masuk Ajaran Islam

Pada permulaan masuknya ajaran Islam ke daerah Aceh adalah telah bercampur antara suatu unsur ataupun telah dipengaruhi dengan kehidupan sosial, adat kebudayaan India pada khususnya pada wilayah Gujerat India.¹ Hingga kini belum ada penjelasannya mengenai masuknya ajaran agama Islam, tetapi para pengkaji membuat sebuah kesimpulan yang paling hampir dalam fakta dan data di lapangan yang dapat menyokong pendapat daripada hasil kajiannya yang telah dijalankan.² Permulaan masuknya ajaran Islam ke daerah Aceh, dengan jelas untuk mengupas dan dikaji mengenai permulaan masuknya ajaran Islam ke Indonesia.³

Sekilas apabila dilihat dalam geografi daerah Aceh di barat bahagian kepulauan ini, maka telah memberikan suatu gambaran ataupun penjelasan yang amat jelas dan terang bahawa wajar ajaran Islam masuk dan kedatangannya melalui

¹ Lihat, A. Mukhti. Ali. "*Alam Pikiran Islam Modern Di Indonesia.*" Jakarta: Tintamas. 1964. hlm. 5. Lihat juga, H.M. Thamrin. "*Acheh Melawan Penjajahan Belanda.*" hlm. 9.

² Asas ini dapat dirumuskan sebagai unsur berikut: (i) Unsur bahawa perniagaan membawa Islam ke Kepulauan ini; (ii) Unsur bahawa peniaga, pegawai yang berkenaan dengan perdagangan, di antaranya Shahbandar dan perkahwinan antara orang Islam dengan bukan Islam dan inilah yang menyebarkan ajaran Islam dan melakukan pengIslaman di kalangan masyarakat; (iii) Unsur pertandingan antara orang Islam dengan Kristian yang mempercepatkan penyebaran Islam, khususnya meliputi abad kelima belas dan ketujuh belas, yang dikatakan sebagai suatu terusan daripada Peperangan Salib antara Islam dengan agama Kristian; (iv) Unsur kemudian serta kepentingan politik yang dianggap sebagai satu motif atau sebab bagi memeluk agama Islam; (v) Unsur penghargaan nilai ideologi Islam dianggap sebagai yang terutama bagi pemeluknya; dan (vi) Unsur otoktoni, atau keadaan dimana sesuatu itu dianggap telah tersedia ada, sejak purbakala, sebahagai kepunyaan atau sifat kebudayaan sesuatu masyarakat. Di sini unsur *otoktoni* itu dikenakan terhadap ilmu tasawuf Islam yang kononnya serupa kandungannya dengan kepercayaan yang telah sedia ada sejak purbakala. Inilah kononnya sebab yang memudahkan penerimaan agama Islam itu dalam kalangan masyarakat. Lihat, Syed Muhammad Naguib al-Attas. "*Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu.*" Kuala Lumpur: UKM. 1972. hlm. 25.

³ Lihat, P.M. Holt, (peny.). "*The Cambridge History of Islam.*" JI. II. 1970. hlm. 124-125.

daerah Aceh.⁴ Sebagaimana dalam seminar sejarah bahwa masuknya ajaran agama Islam ke Indonesia yang diselenggarakan oleh kalangan swasta, di kota Medan pada tarikh, 17-23 Mac 1963, maka dalam acara seminar tersebut yang dapat diambil beberapa kesimpulan antara lain;

1. Ajaran Islam telah masuk ke Indonesia pada abad ke-1*Hijriah*.
2. Daerah Aceh adalah daerah yang pertama menerima ajaran Islam di pesisir Sumatera dan juga setelah masuknya ajaran Islam maka raja Islam yang mula-mula berada di daerah Aceh.
3. Kedatangan ajaran Islam ke Indonesia dapat mencergaskan masyarakat dan menerima suatu tamadun yang tinggi.⁵

Dalam proses perkembangan ajaran Islam ke Nusantara apabila dilihat dalam pandangan dan para ahli sejarah terdapat beberapa perbezaan mengenai hal tersebut. Tetapi, pengkaji ingin mengambil suatu kesimpulan bahwa dalam proses tersebut dapat di bahagikan kepada dua tahap; *Pertama*, dari abad ke 7-13 M. Pada amnya yang mengambil peranan tersebut adalah orang-orang yang berasal dari Tanah Arab. *Kedua*, dari abad 13 M. hingga seterusnya yang mengambil sebagai penyebar ajaran Islam dan juga sebagai para mubaligh dan pedagang dari India, Parsi dan Arab. Sementara dasar ataupun penyebab yang dapat mempengaruhi masuknya ajaran Islam ke daerah Aceh berbagai jalan antaranya;

Pertama: Bahawa pedagang⁶ dan pegawai yang melibatkan dengan jalan perdagangan, maka dengan cara tersebut para Syah Bandar, dapat melaksanakan perkahwinan antara orang Islam dengan bukan Islam, maka dengan cara tersebut

⁴ Dicatatkan dalam sejarah, "Aceh" adalah sebuah kerajaan Islam yang terkuat di rantau ini pada awal abad ke-17. Aceh juga pernah menjadi satu pusat kebudayaan Melayu dan telah mengambil peranan ini setelah runtuhnya Melaka akibat serangan Portugis. Lihat, Muhammad Yusoff Hashim. "*Persejarahan Melayu*." hlm. 223.

⁵ Lihat, bahan seminar sejarah masuk dan berkembangnya ajaran Islam di daerah Istimewa Aceh yang dilaksanakan pada tarikh, 10-16 Julai 1978, di Banda Aceh. hlm. 3. Lihat juga, pada seminar sejarah masuk dan berkembangnya ajaran Islam di Indonesia yang dilaksanakan di Aceh Timur pada tarikh, 25-30 September 1980.

⁶ Lihat, P. M. Holt, (peny.). "*The Cambridge History of Islam*." vol. II. 1970. hlm. 123.

sistem menyebarkan ajaran Islam dengan amat mudah untuk masuk ke kalangan masyarakat Aceh.

Kedua: Terjadinya perebutan kekuasaan dan memberikan pengaruh antara umat Islam dengan Kristian yang mempercepat penyebaran ajaran Islam, khususnya yang meliputi abad ke 15 dan 17, sebuah terusan yang dibina daripada perang Salib yang telah banyak mengorbankan antara umat Islam dengan orang Kristian pada masa itu.

Ketiga: Kemudahan serta kepentingan politik yang dianggap sebagai satu motif atau sebab bagi yang memeluk agama Islam.⁷Namun, pada amnya para pengkaji sejarah dapat mengambil suatu kesimpulan bahawa sebelum 30 tahun setelah berkembangnya ajaran Islam di Tanah Arab, maka para mubaligh dan pedagang⁸sudah dahulunya datang di tanah China pada tahun 651 M. dengan melalui jalan laut dan menaiki kapal kapal dagang yang digunakan pada masa itu adalah jenis kapal layar. Mereka juga sebagai para mubaligh dan pedagang dalam perjalanannya mereka melewati Selat Melaka kerana Selat tersebut adalah sebagai laluan kapal laut yang paling dekat untuk menuju ke negeri China, sekaligus memerlukan untuk singgah di hujung utara pantai Sumatera untuk keperluan pelbagai keperluan dalam perjalanannya. Sama ada berupa makanan mahupun air mineral dan keperluan lainnya. Salah satu daripada petunjuk yang dimaksudkan mengenai keberadaan orang-orang Arab di pantai Sumatera bahagian Utara (Aceh).⁹

⁷ Cesar Adib Majul, dalam bukunya: "*Theories on The Introduction and Expansion of Islam In Malaysia,*" ada beberapa unsur penyebaran ajaran Islam ke Tanah Melayu: 1. Keistimewaan Islam 2. Politik dan golongan istana 3. Tasawuf dan golongan sufi 4. Ekonomi Perdagangan 5. Pertentangan antara Islam dengan Kristian 6. Pendakwah dan ulama.

⁸ Lihat, S. Tas. "*Indonesia: The Underdeveloped Freedom.*" 1905. hlm. 11, dan lihat juga, James T. Siegel. "*The Rope of God.*" 1969. hlm.13-14. Dalam kata pepatah Arab: "*Sebelah tangan berniaga dan sebelah tangan lagi berdakwah.*"

⁹ Dari hasil pembahasan ini adalah sebahagian daripada hasil temu bual yang telah dijalankan semasa berada di daerah Jogjakarta (Jawa Tengah) dengan Prof. Dr. Ibrahim Alfian sebagai pakar sejarah Asia Tenggara dan Antropologi, setakat ini beliau telah meninggal di Jogjakarta.

Dalam kitab “*Idh r l H q*” yang telah dikarang oleh ulama tersohor yang bernama Abu Ishaq al-Makarani Pasi, telah mencatatkan bahawa, pada tahun 173 H. (800 M.) telah berlabuh di bandar Peureulak sebuah kapal dagang dari ceruk Kambey (Gujerat) yang dipimpin oleh seorang nahkoda khalifah bersama sejumlah pedagang Muslim dan selanjutnya mereka menetap di *Peureulak* menjalankan dakwah Islamiah. Menurut Abu Ishaq al-Makarani Pasi, selanjutnya setelah hampir lima puluh tahun mereka untuk berjihad dalam bidang dakwah, maka masa itulah dapat membina sebuah kerajaan Islam Peureulak¹⁰ dengan raja yang pertamanya bergelar Sultan Alaidin Syaid Maulana Abdul Aziz Syah, sempat memerintah dalam tahun 225-249 H. (840-864 M.).¹¹

Namun demikian, dapat memberikan suatu gambaran dan juga untuk memperkuat bahawa asal-usul datangnya ajaran Islam ke daerah Aceh, lebih cepat daripada perkara yang selama ini ditulis oleh para ilmuwan dan pakar sejarah dari Barat, yang menyebutkan bahawa, ajaran Islam baru memasuki ke daerah Aceh (Indonesia) dalam abad ke- 12 atau ke- 13. Dalam keterangan yang telah dipetik di dalam “*Atlas of Islamic History*” J.A.E. Morley berkata: Bahawa orang yang pertama sekali yang mengunjungi ke Tanah Aceh menganggarkan pada abad ketujuh, oleh para pedagang yang datang dari negeri Arab dan mereka untuk singgah hanya sementara sahaja di Sumatera (Aceh) dan kemudian melanjutkan perjalanannya menuju ke negeri China. Mereka juga singgah di Gujerat untuk mencari dan

¹⁰ Pengasas kerajaan Peureulak, pada hari Selasa, tarikh 1 *Muharram* 225 H. (840 M.), Bandar Peureulak dan diubah menjadi nama “*Bandar Khalifah*,” nama tersebut sebagai kenang-kenangan dari nahkoda khalifah. Lihat juga, A. Hasmy. “*Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*.” 1983. hlm. 45. Sebahagian daripada pengertian ataupun kesimpulan ini adalah hasil dari temu bual penyelidikan dengan Bapak Prof. Dr. T. Iskandar, sebagai pakar sejarah Aceh dan beliau setakat ini tinggal di Leiden, lokasi temu bual di Swissbell Hotel Banda Aceh, pada tanggal, 22/7/2006.

¹¹ Lihat, A. Hasmy. “*Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*.” 1983. hlm. 39. Prof. F.D.K. Bosch telah menyebutkan tentang khayalan Mookerji tentang angkatan-kapal pengembara di India, seperti, Drake dan Cavendish, menyeberangi laut arah ke timur dan ke Indonesia, kemudian mengasaskan suatu kerajaan. Lihat juga, “*Sejarah Asia Tenggara*.” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1987. hlm. 21.

mengumpulkan pelbagai bahan perniagaan untuk diniagakan seperti, lada, rempah-ratus dan lain-lain untuk dibawa ke Aceh untuk diperdagangkan maka dengan cara seperti itulah sistem untuk menyebarkan ajaran Islam ke wilayah Aceh.

Namun, dalam laporannya terdapat pada catatan yang sudah amat tua usianya, yang menyebutkan kemungkinannya sudah terdapat orang Muslim yang bermula dari Tanah Arab yang terlebih dahulu tinggal di dataran Tanah Indonesia yang diketuai oleh seorang Arab di Sumatera Utara diperkirakan pada tahun 55 H. Syaid Qadarullah Fatimi juga menyimpulkan dalam kajiannya yang telah dijalankan menyebutkan bahawa: Kontak permulaan pada tahun 674. 1. Islam telah berpijak di kota-kota yang terletak di tepi pantai sejak tahun 8782. Adapun ajaran Islam memperoleh kekuasaan politik dalam permulaan yang berkembangnya ajaran Islam sejak tahun 1204 M.

Adapun, proses dalam perjalanan Ibn Batutah¹² yang berasal dari *Tangier*¹³ ke Asia tenggara, ketika tiba di wilayah tersebut (Aceh). Bertemu dengan seorang raja Melayu, penguasa pelabuhan Samudera di pantai barat laut Sumatera, masuk Islam dalam akhir abad ke-13, negara tersebut juga merupakan sebuah negara yang memeluk Islam paling awal di wilayah itu, sebagaimana menurut para ahli sejarah yang telah mampu untuk menemukannya 19 pulau di sebelah timur, di negeri-negeri yang membatasi laut Jawa dan “pulau-pulau rempah” dan lebih jauh lagi ke arah timur, ajaran Islam masih belum dikenal secara amnya, di pertengahan pertama abad keempat belas. Tiga ratus tahun berikutnya akan menjadi fasa yang sukar bagi

¹² Beliau meninggal pada tahun 1368 atau 1369 (700 H.). Lihat, Ross E. Dunn. “*The Adventures of Ibn Batutah: A Muslim Treveler of the 14th Century.*” hlm. 318.

¹³ *Tangier* adalah, kota yang serba putih dan banyak anginnya yang terletak di pantai Maroko, di hujung barat daya Selat Jibraltar. Di kota itu arus dingin permukaan lautan atlantik mengalir memasuki Selat, membentuk sebuah sungai menuju laut tengah, jaraknya 45 batu jauhnya dari tempat itu. Menurut legenda, Hercules membina kota tersebut, sebagai penghormatan bagi istrinya, setelah membelah benua-benua dan mendirikan tiang-tiangnya, yakni gunung yang dikenal sebagai gunung Jabal Musa dipantai Afrika dan gunung karang di Jibraltar di pantai Eropa. Lihat, Ross E. Dunn. “*The Adventures of Ibn Bat tah: A Muslim Treveler of the 14th Century.*” hlm. 13.

peralihan agama yang teguh dan dengan cara demikianlah untuk tinggal pada akhirnya mengubah Indonesia menjadi sebuah negeri yang majoriti adalah daripada umat Muslim hingga kini.¹⁴

Dalam catatan Marco Polo¹⁵ bahwa seorang pengembara dari Venice, yang telah menjelajah ke negeri China dalam pelayarannya pulang dan singgah di pulau bahagian Sumatera Utara khasnya daerah Aceh,¹⁶ pada akhir pada abad ke-13 M. Dalam sebuah catatannya, yang telah dijelaskannya bahwa sebuah negeri yang telah disinggahinya, *Peureulak* (Aceh Timur), sebahagian besar daripada penduduk pada saat itu, telah memeluk ajaran Islam dan telah menjalankan syariat Nabi Muhammad ρ .¹⁷ Pada saat itu, banyak pengembara,¹⁸ pedagang dan pendakwah juga menjelajahi daratan Nusantara seperti, Ibn Batutah, dalam kitabnya "*Rihl t*."¹⁹

Kedatangan ajaran Islam ke Nusantara, disambut baik oleh masyarakat pada saat itu. Tetapi mengenai fahaman kepercayaan tradisional masih kekal dan dipertahankan. Dengan kedatangan agama Hindu dan Buddha berlakunya dengan

¹⁴ Lihat, Ibn Khaldun. "*al-Muq ddimah*." Vol. 1. hlm. 370. Lihat juga, Ross E. Dunn. (terj). "*Pertulangan Ibnu Batutah: Seorang Musafir Abad ke-14*." Jakarta: Yayasan Obor Indonesia. 1995. hlm. 377-378.

¹⁵ Marco Polo, lahir di Venice pada tahun 1254, Marco Polo juga menghabiskan masanya selama 26 tahun untuk mengembara, dalam perjalanan pulang dari Peking Marco Polo dipercayai untuk membawa sebuah rombongan yang banyak. Marco Polo singgah di Sumatera Utara dan dalam catitannya perjalanan yang dituliskan oleh orang lain untuknya, dikatakan bahawa: *Java minor* (Sumatera), adalah terdiri dari 8 buah kerajaan, 6 daripadanya yang termasuk dikunjungi oleh rombongan Marco Polo, adapun kerajaan yang 6 itu adalah: *Ferlec* (Perlak), *Basinan* (Pasai), *Samara* (Samudera), *Dragoi* (Pedier/Pidie), *Lambri* (Aceh Besar), dan *Fansur* (Barus). Lihat, Ricklefs M.C. "*A History of Modern Indonesia*." hlm. 3. Lihat juga, A. H. Hill. "*Hikayat Raja-raja Pasai*." hlm. 9. Lihat juga, T.W. Arnold. "*The Preaching of Islam*." 1990. hlm. 367.

¹⁶ Lebih Lanjut lihat, Holt, P. M. "*The Cambridge History of Islam*." vol. II. 1970. hlm. 124-125.

¹⁷ Lihat, A. H. Hill. "*Hikayat Raja-raja Pasai*." hlm. 11.

¹⁸ Seperti, Sulaiman al-Basri, berasal daripada *syiraf* di teluk Parsi. Tahun 237 H. (851 M), hingga di Tiongkok dan India dengan melalui jalan laut, beliau aktif sebagai pengarang seperti, "*Silsilatul Tawarich*" dan "*Akhbar l Hind Wassin*". 2. Abu Zayid al-Basri, dari *Sir f* pada tahun 267 H. (880 M.). 3. al-Mas'udi dari Bagdad, ia telah mengembara 25 tahun dan aktif mengarang buku, seperti "*Mur j z Zah b*" pada tahun 330 H. (941 H.) dan "*at-T nbin w l Isr f*". 4. Ibn Hauqal yang berasal dari Bagdad juga aktif dalam mengarang buku seperti, "*Sur t l Ardh*", iapun juga pernah memperbaiki kit b "*Mas lik l Mam tiq*" karangan dari al-'Ist qri. 5. Al-Bairuni, pada tahun 931 H. (1000 M.) di Sina dan India. 6. Abu Hasan, pada abad ke-7 H. (1300 M.). 6. Ibn Batutah, berasal dari *Tarj h*. Lihat, A. H. Hill. "*Hikayat Raja-raja Pasai*." hlm. 9.

¹⁹ Lihat, Dalam risalah seminar. "*Sejarah Masuknya Agama Islam ke Nusantara*". Diselenggarakan pada tarikh. 17 hingga 20 Mac 1963 di Medan (Sumatera Utara). hlm. 107.

kepercayaan *sinkretisme*²⁰ dengan datangnya ajaran Islam berlakulah dengan sebutan *talbis*, terutama di daerah Tanah Jawa, pengaruh ajaran *pantheisme* yang diwariskan oleh Hindu dan Buddha yang melihat adanya kesatuan dan masih tetap bertahan hingga kini. Maka setelah penerimaan ajaran Islam disesuaikan dengan ajaran tasawuf “*Wahd t l w jud*” yang juga melihat antara kesatuan wujud di antara Tuhan dengan makhluk itu sendiri.

Apabila dikaji dalam sejarah di Nusantara bahawa pada masa kerajaan Aceh amat banyak kepercayaan yang berkembang bebas tanpa batas dan perkembangan ajaran tauhid (sifat 20) untuk tidak diyakini atas kepercayaan tradisional terus berkembang pesat dan boleh dikatakan amatlah subur. Dalam hal pemujaan kepada roh dan roh tersebut juga dijadikan sebagai pemimpin mereka seperti, nenek moyang²¹ dan begitu juga dengan amalan upacara kenduri pada malam ke-3, 5, 7, 10, 30, 44 dan hingga malam ke 100 dan lain-lain.²²

Menurut kepercayaan nenek moyang dengan berkumpulnya beramai-ramai pada malam tersebut maka dapat menghindarkan diri daripada gangguan roh orang yang telah mati. Sebelumnya dipercayai adanya roh jahat atau penunggu di suatu tempat, dengan kedatangan ajaran Islam kepercayaan ini tetap kekal melalui sistem dan konsep keramat dalam ajaran Islam yang selama ini telah disalah ertikan oleh sebahagian daripada umat Muslim hingga kini.²³

²⁰ *Sinkretisme* adalah suatu amalan yang telah bercampuradukkan suatu pemahaman dan keyakinan dalam suatu ajaran agama yang telah buat-buat tanpa ada asas yang kuat dan jelas.

²¹ Lihat, Edi S. Ekadjati. “*Penyebaran Agama Islam Di Pulau Sumatera.*” Sanggabuwana.1975.hlm.7

²² Lihat, Rahmat Subagya. “*Agama Asli Indonesia.*” Jakarta: Sinar Harapan. 1981. hlm. 196.

²³ Lihat, “*Sejarah Asia Tenggara.*” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1987. hlm. 60-61.

3. 1. 1 Orang yang Pertama Membawa Ajaran Islam

Apabila dilihat dalam pelbagai buku sejarah bahawa yang menyatakan bangsa yang mula-mula membawa ajaran Islam ke daerah Aceh belum ada terdapat suatu kejelasan mengenai asal mula masuknya ajaran Islam ke Asia tenggara bahkan hingga kini belum jelas. Tetapi, menurut pakar sejarah Asia tenggara dalam buku "*De Atjehers*" C. Snouck Hurgronje tahun 1893, berkata: Sejarah kerajaan tiga segi dan kerajaan kerajaan yang terletak pada pantai serta pulau sekitar Aceh, menurut dalam rujukan dari negeri Barat terutama yang termuat dalam kisah pelayaran para pelaut ternama yang menjelajahi penjuru dunia dan Nusantara.²⁴

Maka teori ini, dinamakan dengan teori Gujerat, bertolak dari asal usul negara yang membawa Islam ke Nusantara. Adapun peletak asas daripada teori ini kemungkinan besar adalah Snouck Hurgronje, dalam bukunya "*L'Arabie et les Indes Neerlandaises*," atau "*Revue de l'histoire des Religions*," jld I. Hurgronje yang menfokus sebuah pandangannya ke Gujerat, India yang berasaskannya, menurutnya adalah amatlah kuat untuk memberikan sebuah kesimpulan antara lain;

- i. Adanya hubungan dagang antara orang Hindu dengan orang Indonesia sebelum Islam dan hubungan dagang ini diteruskan sesudah orang Hindu itu memeluk agama Islam.²⁵
- ii. Gujerat adalah salah satu pelabuhan yang terpenting ia tempat bertolak saudagar Hindu mahupun Islam ke Indonesia.
- iii. Batu-batu nisan dan kubur terpenting di Indonesia adalah buatan yang mempunyai ukiran dan dimasukkan dari Gujerat.²⁶
- iv. Nama-nama yang terkubur itu adalah raja-raja yang memakai gelaran Syah dari bahasa Parsi atau nama lain yang mendekati nama-nama Parsia atau India.

²⁴ Lihat, "*Risalah Seminar Sejarah Masuknya Islam Ke Indonesia*." Medan. 1963. hlm. 96.

²⁵ Adapun golongan yang Mula datang ke Asia Tenggara dengan tujuan khas untuk mengembangkan fahamannya para *mub ligh* Buddha. Tokoh-tokoh agama Buddha ini adalah merupakan utusan Maharaja Asoka, seorang raja yang tersohor yang berasal daripada Dinasti Maurya (330-180 SM.).

²⁶ Lihat, Ricklefs M.C. "*A History of Modern Indonesia*." hlm. 4.

- v. Penyesuaian adat istiadat dan tradisi dengan suatu negara seperti, Indonesia dan India yang hingga setakat masih dapat dilihat dalam kehidupan sehari-hari di daerah Aceh.
- vi. Adanya paham aliran Syiah dan Mazhab Wahdatul Wujud dalam ilmu tasawuf di Indonesia.
- vii. Kurangnya fakta yang menjelaskan peranan bangsa Arab dalam penyebaran agama Islam ke Nusantara.
- viii. Inskripsi (naskah lama) tertua tentang Islam yang terdapat di Sumatera (Aceh) memberikan gambaran hubungan antara Sumatera dengan Gujerat.²⁷

Menurut pandangan Snouck Hurgronje, mempunyai pengaruh yang amat besar terhadap para ahli sejarah Barat dan berpengaruh juga terhadap sejarah di Indonesia. Teori Gujerat pada amnya, memberikan penjelasan bahawa, ajaran Islam masuk ke Nusantara pada abad ke-13. Pendapat ini berasaskan bukti yang terdapatnya batu nisan Sultan pertama daripada kerajaan Samudera Pasai (Aceh), yakni Sultan Malikussaleh yang meninggal pada tahun 1297. Pendapat yang mengatakan bahawa batu nisan yang terdapat di Pasai tersebut bercorak seni bina daripada ajaran Hindu dengan temuan tersebut semakin menguatkan bahawa Teori Gujerat (India) yang lebih benar.²⁸

Dalam sejarah telah tercatat bahawa hampir semuanya para penyiar ajaran Islam pada hari-hari pertama adalah sebagai para saudagar yang datang dari Gujerat dan ada juga di antaranya para mubaligh, yang hanya datang untuk menyiarkan ajaran Islam sahaja, kerana diantara para penyair ajaran Islam yang

²⁷ Lihat, Risalah Seminar. “*Sejarah Masuknya Agama Islam ke Nusantara.*” hlm. 111. Lihat, Menurut Alef Theria Wasim, cara penyebaran Islam di Nusantara terdapat beberapa cara: (1) Teori Anti Nasrani (anti Kristen) yakni penyebaran Islam akibat kedatangan orang-orang Portugis di Nusantara; (2) Teori Politik, yakni para raja memeluk agama Islam untuk mendapat sokongan dari pedagang Islam. Rakyatnya kemudian masuk Islam; (3) Teori Keunggulan Islam, yakni Islam mengajarkan *equaliti* atau kesamarataan dan persaudaraan antara sesama penganutnya; jauh sekali berbeda dari agama Hindu yang konon membahagi dalam beberapa kasta; (4) Teori Perdagangan, yakni agama Islam disebarkan oleh pedagang Islam yang melakukan perdagangan di Nusantara; (5) Teori *Mubaligh* yakni agama Islam disebarkan oleh para *mubaligh* dari India; (6) Teori Tasawuf, yakni agama Islam disebarkan oleh para Sufi. Lihat, Alef Theria Wasim, “*Hujj t ‘al-Shiddiq li Daf’i al-zindiq.*” Tesis M.A, IAIN Sunan Kalijaga. 1986. hlm. 2.

²⁸ Lihat, Ricklefs M.C. “*A History of Modern Indonesia.*” hlm. 3.

datang ada yang berbangsa Arab dan merekalah yang memainkan peranan yang penting dalam menyiarkan agama Islam yang pada saat itu di tadatan Tanah Melayu. Daripada majoriti bahawa ajaran yang telah diamalkan masyarakat yang bercanggahan dengan ajaran Islam sebenarnya sebagaimana telah diperintahkan Allah ﷻ dan Rasulnya. Dalam penyebaran ajaran Islam bukan sahaja di pusat bandar sahaja, bahkan hingga ke perkampungan yang amat sukar untuk dijangkau pada tempat tersebut.²⁹ Adapun, telah menjadi suatu asas bahawa penyebaran ajaran Islam yang mula-mula di Indonesia yang berhasil dan sukses dengan baik pelbagai penyebab.³⁰

Maka, setelah ajaran Islam telah mudah berkembang dengan baik, kerana ajarannya lebih logik daripada faham agama Hindu yang sudah lebih dahulu masuk. Agama Islam lebih dinamis yang tidak membezakan manusia antara satu dengan yang lain. Sementara dalam paham agama Hindu terdapat suatu ajaran catur warna dan dewa raja kultus untuk membezakan antara satu dengan yang lain-lain. Tetapi, dalam ajaran Islam hal tersebut tidak ada sama sekali, sehingga rakyat biasa lebih tertolong status kehidupannya dalam masyarakat. Begitulah cara ataupun sistem pengembangan agama Islam yang pada mulanya masuknya ke negeri ini.³¹ Dengan penemuan batu nisan di Pasai,³² maka telah menjelaskan tentang perhubungan antara dengan wilayah lainnya yang telah dipengaruhi oleh ajaran Islam. Contohnya, daripada penemuan seorang sarjana Belanda yang lain, J.P. Moquette, yang

²⁹ Lihat, Risalah Seminar. “*Sejarah Masuknya Agama Islam ke Nusantara.*” hlm. 111.

³⁰ Cara yang ditempuh sesuai dengan sistem yang dilakukan Rasulullah ﷺ, ii. Hanya terdapat sedikit sahaja tugas dan kewajiban dalam ajaran Islam, iii. Pensiyan dilakukan dengan bertahap dan dengan cara amat bijaksana dalam menghadapi masyarakat pada masa itu, iv. Dakwah yang dijalankan sesuai dengan contoh teladan yang baik dan disertakan dengan perkataan mudah untuk dipahami oleh semua golongan. Lebih jelasnya Mahmud Yunus. “*Sejarah Pendidikan Islam Di Indonesia.*” Jakarta: Pustaka Mahmudiyah. 1960. hlm. 12-14.

³¹ Lihat, H.M. Thamrin. “*Acheh Melawan Penjajahan Belanda.*” hlm. 13.

³² Bukti-bukti batu nisan tersebut adalah sebagai bukti sejarah dan berupa tulisan-tulisan pada makam-makam di Samudera Pasai dan tulisan pelancong yang berasal dari Itali, Marco Polo. Lihat, Thamrin Z. “*Acheh Melawan Penjajahan Belanda,*” hlm.7.

menunjukkan bahawa batu nisan yang telah dijumpai dalam wilayah Pasai, yang sama dengan batu nisan yang dijumpai dalam wilayah Gresik (Jawa Timur) yang juga sama dengan batu nisan yang jumpai di Cambay, Gujerat(India).³³

Selain itu, ajaran mistik Islam tersebut, yang berkembang di wilayah Nusantara dan telah diakui bahawa dikembangkan oleh orang India yang telah memeluk ajaran agama Islam. Daripada pelbagai alasan dan pandangan bahawa teori Gujerat yang dikemukakan oleh beberapa ahli sejarah, terlihat bahawa analisis mereka bersifat Hinduisme, kerana beranggapan bahawa dalam pertukaran sosial, politik, ekonomi, budaya dan agama di Nusantara tidak lepas daripada pengaruh pelbagai tamadun datangnya dari negeri India. Tetapi, teori yang menyatakan bahawa datangnya ajaran Islam dari Gujerat mendapat sanggahan dan perbaikan dari pada HAMKA³⁴ yang melahirkan teori baru, yakni teori Mekah. HAMKA menolak pandangan yang menyatakan bahawa, ajaran Islam masuk ke Nusantara pada abad ke-13 yang berasal yang dari tanah Gujerat. HAMKA lebih berasaskan kepada pandangannya sahaja³⁵ pada peranan bangsa Arab sebagai pembawa agama Islam ke Nusantara.

Sementara daerah Gujerat adalah dinyatakan hanya sebagai tempat singgah sahaja semata-mata dan sementara sahaja, Mekah sebagai pusat atau Mesir sebagai tempat pengambilan ajaran Islam. Analisis HAMKA amat berbeza dengan para ahli

³³ Ibid. hlm. 7.

³⁴ HAMKA, ia dilahirkan di Sungai Batang, Maninjau (Sumatera Barat), pada tarikh 16 Feb 1908 (14 *Muharram* 1326 H), ayahnya tokoh Islam terkenal. Dr. H. A. Karim Amrullah atau Haji Rasul (disingkat dengan "Haji Rasul"), pembawa dan pembaharuan ajaran Islam di daerah Minangkabau (Sumatera Barat). Beliau sekolah di Desa Padang Panjang dan malamnya belajar mengaji Qur'an dengan ayahnya sendiri hingga *khatam*. Beliau belajar agama di sekolah Diniyyah School dan Sumatera Thawalib di Padang Panjang 1916-1923. Tahun 1924 beliau berangkat ke Yogyakarta dan kursus pergerakan Islam dari HOS Tjokrominoto, H. Fachruddin, R.M. Suryopranoto dan iparnya sendiri A.R. St. Mansur yang masa itu ada di Pekalongan. Tahun 1925 kembali pulang ke Padang Panjang dan mengarang buku berjudul "*Chathibul Ummah*." Pada tahun 1927 berangkat ke Mekah, sepulang dari Mekah, beliau kembali melanjutkan menulis di majalah "*Seruan Hitam*," "*Kepentingan Tabligh*," dan "*ayat-ayat Mi'raj*".

³⁵ Lihat, Arnold T.W. "*The Preaching of Islam*." Low Price Publications. 1990. hlm. 364-365.

sejarah dan orientalis Barat, dengan menambahkan suatu pengamatannya pada masalah mazhab Shafi'i,³⁶ sebagai mazhab yang istimewa di Mekah dan mempunyai pengaruh yang terbesar di Nusantara dan khasnya daerah Aceh. Hal tidak dibicarakan secara mendalam dan terperinci oleh para ahli sejarah Barat sebelumnya.

Selain itu, HAMKA menolak pendapat yang menyatakan bahawa, agama Islam baru masuk ke Nusantara pada abad ke-13, kerana di Nusantara pada abad ke-13 telah terbina suatu kekuatan politik Islam, iaitu kerajaan Samudera Pasai. Menurutnya, tidak mungkin dalam masa singkat setelah kedatangannya umat Islam telah mampu membina sebuah kekuatan politik. Jadi masuknya agama Islam ke Nusantara menurut HAMKA bukannya abad ke-13, melainkan jauh sebelumnya pada tersebut pada abad ke-7 sudah adanya ajaran Islam.

Para ahli geografi dari bangsa Arab, mendapatkan suatu maklumat tentang rajah bumi yang telah dimiliki oleh bangsa Arab yang di dalamnya terdapat Samudera Indonesia khasnya daerah Aceh. Kalau diperhatikan fakta sejarah ini, bahawa bangsa Arab telah memiliki suatu peta bumi yang dilengkapi dengan Samudera Indonesia dan telah menguasai laluan laut menuju Nusantara, sehingga tidaklah menghairankan apabila pada tahun 674 telah terbina di perkampungan orang

³⁶ Muhammad Ibn Idris Ibn al-Abbas, al-Imam al-Shafi' , Abu Abdullah al-Shafi' al-Hijazi al-Quraishi al-Hashimi al-Mutalib bin Abdul Manaf. Imam Shafi' berkahwin dengan Syaidah Hamidah binti Nafiq Hafidah Uthman bin Affan. Adapun Imam Shafi' pada usia 7 tahun telah khatam Qur'an seluruhnya, beliau juga amat rajin dan aktif dalam menuntut ilmu di pelbagai negeri seperti, Mekah, Madinah, Yaman dan Iraq, jumlah Syaikh (*ustaz*) mencapai 19 orang; 5 di Mekah, 6 di Madinah, 4 di Yaman dan 4 di Iraq, (Gazza, Palestin, 150H-819/204 H). Lihat, "*Manaqib Imam Shafi'*". Lihat juga, dalam Kitab "*al-Umm*," Abi Abdullah Muhammad bin Idris as-Shafi' , Beirut: Dar al-Fikr. Jz 1. hlm, 6-7. Ia juga, keturunan daripada Bani Hashim dan Abdul Muthalib. Keturunannya bertemu dengan keturunan Rasulullah ﷺ di sebelah datuk Baginda iaitu Abdul Manaf. Mazhab Shafi' dicetuskan oleh Muhammad bin Idris as-Shafi'. Dasar-dasarnya yang pokok berpegang pada: 1. *Tafsir* lahirnya Qur'an selama tiada dalil yang menegaskan bahawa yang dimaksudkan bukan akhirnya. 2. *Sunnah* Rasulullah ﷺ. 3. *Ijm'*, yang tak diketahui ada perselisihan tentang itu. 4. *Qiyas*, ditolak asas *istihsan* dan *istislah*. 5. *Istidlal*. Mazhab ini kebanyakan dianut para penduduk Mesir Bawah, Arab bahagian Barat, Syuria, Indonesia, Tanah Melayu, Pantai Koromandel dan Malabar, Hadramaut, Bahrain, dan beberapa daerah di Asia Tengah. Lihat, al-Imam Abi Abdullah Muhammad bin Idris as-Shafi'i." *al-Umm*." Beirut: Dar al-Kitab al-'Imyayy. 1993. Jz.1. hlm. 3. Dan lihat juga, as-Sya'ran . "*at-Tabiqat al-Qubra* ." Jz. 1. hlm. 50, at-Tahdib al-Tahzib. Jz. 9. hlm. 20, al-Bayhaqi. "*Manaqib as-Shafi'* ." Jz. 1. hlm. 48, Jz. 2. hlm. 306, ar-Rizki. "*Idbah as-Shafi'* ." hlm. 73-79, dan "*Shafat al-Shafiq* ." Jz. 2. hlm. 259.

Arab Islam dipantai Barat Sumatera. Selain itu, fakta tersebut memberikan maklumat tentang telah terjadinya hubungan Nusantara dengan negeri Arab jauh sebelum abad ke-13. Oleh sebab itu, sukar kiranya untuk difahami mengapa pendukung teori Gujerat, hanya melihat hubungan antara India dengan Nusantara sahaja yang telah menghapuskan peranan orang Arab dalam perdagangan lautnya, termasuk penguasaan laluan laut ke Nusantara dan Aceh. Apabila kenyataan sejarah semacam ini kemudian dianggap tidak pernah terjadi, ertinya adanya peranan bangsa Arab atas bangsa Indonesia tidak ingin diakui oleh para sejarawan dan *orientalis* Barat.

Mereka lebih mengarah dan memperbanyak maklumat tentang hubungan India dengan Nusantara. Adapun tujuan maklumat dalam sejarah yang bersifat Hindu adalah untuk menanamkan kecintaan intelektual Indonesia terhadap sejarah sebelum Islam di Nusantara sahaja. Maka apabila tujuan pengaruh maklumat sejarah adalah sikap politik kalangan intelektual Indonesia, amatlah tepat bahawa HAMKA telah menyebutkan pandangan Snouck Hurgronje yang bertujuan hanya menentang pengaruh bangsa Arab³⁷ yang ditemuinya dalam perang Aceh.

Di samping itu, dibawa oleh para pedagang yang datang dari negara Arab, HAMKA juga memberikan suatu pernyataan bahawa orang-orang Nusantara mengambil inisiatif sendiri untuk belajar dengan berlayar ke negeri China, Hindustan, Laut Merah, Pantai Jeddah, bahkan hingga membina sebuah negara baru di Madagascar (*Malagasi*). Dengan keterangan ini, HAMKA cuba memberikan suatu maklumat kemampuan penguasaan laut orang Nusantara pada saat itu. Hal ini biasanya tidak terdapat pada penulisan sejarah oleh pemerintah kolonial Belanda, sehingga terbaca bahawa bangsa Indonesia adalah sebagai bangsa yang pasif, dalam

³⁷ Lihat, Hamid al-Qadri. "Islam dan Keturunan Arab dalam pemberontakan Melawan Belanda" Jakarta: Sinar Harapan. 1984. hlm. 98-102.

erti bangsa Indonesia tidak memainkan peranan begitu penting pada peringkat global dan lain-lain.

Dalam teori Parsia lebih menfokuskan dalam tinjauannya pada kebudayaan yang hidup di kalangan masyarakat Islam Indonesia yang dirasakan mempunyai persamaan kebudayaan dengan Parsi dan antara lainnya;

Pertama: Peringatan 10 *Muharram* atau Asyura', sebagai hari peringatan Syiah³⁸ atas kematian Imam Husain. Biasanya diperingati dengan membuat bubur Syura'. Sementara di daerah Aceh (Sumatera) ada bubur kanji atau bubur Asyura' yang dirayakan pada bulan *Muharram* disebut juga bulan Hasan Husain dan di Jawa disebut dengan Bubur Suro,³⁹ di Bengkulu, Padang Pariaman dan Sumatera Barat, ada upacara Hoyak Tabuik⁴⁰ (*Tabut*) atau Hoyak Husain. Bahkan masyarakat Jawa dan juga masyarakat lainnya menyebut dengan bulan *Muharram* dengan sebutan bulan Suro, daripada kata Asyura yang bererti hari kesepuluh daripada bulan *Muharram*, hari terjadinya pembunuhan terhadap Imam Husain sebagai cucunya Nabi Muhammad ρ.

Kedua: Adanya kesamaan ajaran antara ajaran Syekh Siti Jenar dengan ajaran Sufi Iran al-Hallaj,⁴¹ sekalipun telah meninggal pada 310H/922M. Tetapi,

³⁸ Menurut ajaran *Syiah*, mencintai kepada Imam Husain tentu tidak cukup dengan hanya ditunjukkan di hari tersebut. Semboyan "*Kull Ya min Asy r ' wa Kull Ardhin Karbala*" ertinya: Setiap Hari adalah *Asy r '* dan setiap tempat adalah Karbala," yang mengisyaratkan bahawa hari tersebut mesti selalu ada di setiap hati para pencintanya.

³⁹ Bubur Suro adalah bubur gurih, bubur yang dimasak dengan santan. Di atas bubur itu biasanya ada *entho-entho* (bergedel daripada kelapa muda yang dibuat bulat-bulat dan digoreng), sambal goreng daging giling, telur dadar diiris-iris dan abon. Sebagai taburannya, ada yang menggunakan kedelai hitam atau bubuk kedelai hitam, kecambah kecil, dan 2-3 lembar daun kemang.

⁴⁰ Orang-orang berkumpul dan berkabung pada masa petang hari menjelang matahari terbenam saat berarak selesai, semua benda-benda di atas diarak ke laut kemudian dibuang ke tengah laut, lalu mereka pulang sambil melantunkan *Ali Bidaya... Ali Bidaya, Ya Ali, Ya Ali, dan Ya Husain*.

⁴¹ "*al-Hallaj*" nama lengkap Abu Mughith al-Husain Ibn Mansur Ibn Muhammad al-Baidawi (244-309 H./858-922 M.), di Tur, al-Baida', Pars, Iran Tenggara. Penduduk "*Tur*" berbahasa Arab dialek Iran. Al-Baida' adalah pusat negara-negara Arab. *al-Hall j* adalah Sufi Islam terbesar makamnya dijunjung tinggi sebagai orang suci atau wali. Lihat, Louis Massignon. "*Diw n al-Hall j.*" 2003. hlm.7.

ajarannya terus berkembang dalam bentuk puisi, sehingga memungkinkan Syeikh Siti Jenar⁴² yang hidup pada abad ke-16 dapat mempelajarinya.

Ketiga: Penggunaan istilah bahasa Iran dalam sistem membaca dengan huruf Arab, untuk tanda-tanda bunyi dan panjang pendek dalam pengajian Qur'an peringkat awal. Adapun teori Parsia⁴³ mendapat tentangan daripada pelbagai pihak kerana bila berpedoman kepada masuknya agama Islam pada abad ke-7, hal ini bererti terjadi masa kekuasaan Khalifah Umayyah. Sementara, pada saat itu pemimpin daripada ajaran Islam dalam bidang politik, ekonomi dan kebudayaan yang berada di negeri Mekah, Madinah, Damaskus dan Baghdad.

Menurut kesimpulan pengkaji, bahawa sebelum ajaran Islam masuk ke Nusantara khasnya daerah Aceh, maka para mubaligh dan pedagang dari Arab singgah dalam sementara masa sahaja, kemudian melanjutkan perjalanannya dari Arab melalui perantara daerah Gujerat. Dalam sejarah juga disebutkan, bahawa pada abad ke-5 M. Lamuri sudah merupakan sebuah kerajaan Hindu. Hal itu juga, yang telah dibuktikan oleh penyebaran angkatan perang Cola, India sekitar tahun 1023.

3. 2 Daerah Yang Pertama Menerima Ajaran Islam

Adapun daerah yang pertama kalinya yang telah menerima ajaran Islam adalah daerah bahagian penghujung pulau Sumatera Utara, setakat ini sudah menjadi Nanggroe Aceh Darussalam. Namun, hingga kini belum ada suatu kepastian yang

⁴² Syeikh Siti Jenar, dikenal dengan banyak nama lain, iaitu: Sitibrit, Lemahbang dan Lemah Abang. Dari mana sebenarnya wali yang ajarannya dituduh sesat oleh Wali Songo ini, tidaklah jelas benar. Di masyarakat, terdapat banyak varian cerita mengenai asal-usul Syeikh Siti Jenar dan juga dikenal dengan tokoh kontroversial sekaligus legenda dalam sejarah ajaran Islam di Jawa, kerana "pembangkangan tasawuf" dan mitos kesaktian yang dimilikinya. Beliau mengembangkan ajaran cara hidup sufi yang bertentangan dengan cara hidup Wali Songo. Pertentangan praktik sufi Syeikh Siti Jenar dengan Wali Songo terletak pada penekanan aspek formal ketentuan syariah yang dilakukan oleh Wali Songo.

⁴³ Lihat, Abdurrahman Haji Abdullah. "Asia Tenggara Tradisional Politik dan Kebudayaan." 1985. hlm.55.

sebenarnya, bahawa apakah Peureulak daerah yang pertama menerima ajaran Islam ataupun daerah Pasai. Dalam sejarah pada permulaan tahun 1292 Marco Polo berlayar dari pelabuhan China Selatan selama beberapa bulan, hingga ke daerah Sumatera di bahagian Utara. Di singgahnya beberapa pelabuhan dagang amatlah ramai pada saat itu yang terdapat di pesisir Sumatera bahagian Utara, sebagaimana diceritakan dalam buku pelayarannya yang terkenal. Maka daripada cerita tersebut, dapat diketahui suatu kesimpulan bahawa orang khabar berita pertama tentang kerajaan Islam di kepulauan Indonesia dan pelabuhan yang pertama dikunjunginya adalah Perlak.

Dalam kitabnya tertulis "*Ferlec*" iaitu *Peureulak*, terletak disebelah timur, suatu kampung yang setakat masih teradapat di Aceh Timur, Marco Polo menceritakan bahawa "kerajaan yang pernah dikunjungi oleh pedagang Islam yang pada amnya. Sehingga mereka pada akhirnya dapat di Islamkan penduduk membuat mereka tunduk dan patuh kepada undang Islam sebagaimana yang telah ditentukan. Maka dengan maksud mereka yang masuk ajaran Islam hanya penduduk kota sahaja kerana masyarakat di pedalaman masih hidup seperti haiwan, masih makan daging manusia, bahkan segala macam daging yang suci atau tidak suci."⁴⁴

Pada akhir Pemerintahan sultan Makhdum Alaidin Abdul Malik Syah Johan Berdaulat (334-361 H.), berlaku perang lagi antara Syiah dengan Ahlussunnah, sehingga masing-masing golongan mengangkat sultannya sendiri. Pada tahun 375 H. (986 M.), askar Sriwijaya menyerang Peureulak, yang kemudian dapat dikalahkan. Para perajurit Sultan Makhdum Alaidin Malik Muhammad Amin Syah ke-II Johan yang Berdaulat (622-662 H.), mengahwinkan puterinya Ratna Kemala dengan

⁴⁴ Lihat, "*Risalah Seminar Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia.*" hlm. 105. Lihat juga, A.H. Hill. "*Hikayat Raja-raja Pasai.*" hlm. 9.

seorang daripada Raja Melaka Sultan Muhammad Syah yang bergelar perameswara Iskandar Syah.

Sementara puterinya yang kedua Puteri Ganggang dikawinkan dengan raja Kerajaan Pasai, Marah Silu atau Malikussaleh, keduanya perkahwinan yang bernuansa politik. Mengenai dengan Kerajaan Islam Peureulak, dapat diambil sebuah kesimpulan bahawa kerajaan tersebut telah mempunyai kebudayaan dan bertamadun yang begitu maju, menurut fasa pada saat itu dan antara lain: *Pertama*; Ilmu pengetahuan telah berkembang seperti satu pusat ilmu pengetahuan Dayah Cotkala⁴⁵ dibawah pimpinan ulama yang tersohor Teungku Muhammad Amin yang lebih terkenal dengan panggilan Teungku Cotkala. *Kedua*; Adanya hubungan luar negeri antara Peureulak dengan Arab, Parsia, India dan Melaka. *Ketiga*; Adanya angkatan perang yang handal dan teratur. *Keempat*; Adanya kemakmuran (ekonomi yang baik dan merata). *Kelima*; Sudah mengenal adanya parti politik Syiah dan *Ahlussunnah*,⁴⁶ yang sama halnya untuk turut dalam perebutan kuasa.⁴⁷

Maka dari kesimpulan keterangan yang diatas telah memberikan sebuah kesimpulan yang memberikan keterangan Daerah Peureulak yang mula-mula menerima agama Islam dan pernyataan tersebut berasaskan daripada kitab *Idh h l H q Fi Maml k til*, yang telah di karang oleh Abu Ishaq al-Makarany.⁴⁸ Sementara ada juga yang menerangkan bahawa daerah pertama yang menerima ajaran agama Islam adalah daerah Pasai (sekarang, di kabupaten Aceh Utara) dan di antara adalah

⁴⁵ Dayah Cotkala, Dayah yang pertama diasaskan di daerah Aceh pengasasnya Teungku Chik Muhammad Amin yang terkenal dengan Teungku Chik Cotkala, yang kemudian beliau menjadi raja di Peureulak dengan gelar Sultan Makhdum Alaidin Malik Muhammad Amin Syah Johan Berdaulat (310-334 H.-922-974 M.). Lihat, A. Hasmy. "*Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*". 1983. hlm. 255.

⁴⁶ Lihat, "*Lis n l 'Arab*." Juz.VI. hlm. 399. Sedangkan menurut ulama aqidah, as-Sunnah adalah petunjuk yang telah dilakukan oleh Rasulullah p dan para Sahabatnya, baik tentang ilmu, *i'tiq d* (keyakinan), perkataan mahupun perbuatan. Dan ini adalah as-Sunnah yang wajib diikuti orang yang mengikutinya akan dipuji dan orang yang menyalahinya akan dicela. Lihat, "*Buh ts f 'Aq dah Ahl ss nat*." hlm. 16.

⁴⁷ Lihat, A. Hasjmy. "*Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah*." 1983. hlm. 47.

⁴⁸ H.M. Zainuddin. "*Tarich Atjeh dan Nusantara*." Medan: Iskandarmuda. 1966. Jld. 1. hlm. 95.

pendapat Ibrahim Alfian sebagai salah seorang pakar sejarah di Indonesia, menurut anggapan beliau yang berasaskan daripada terdapatnya perkuburan Raja-raja Islam yang pertama telah menduduki daerah tersebut dan bererti daerah tersebutlah merupakan daerah yang mula mula yang menerima ajaran Islam.

3. 3 Ajaran Islam di Daerah Aceh

Dalam kajian mengenai aliran agama Islam di daerah Aceh, maka pengkaji ingin membuat had aliran tersebut, juga amat diutamakan kepada aliran yang amat banyak pengikutnya yang dianut oleh umat Islam pada saat itu sahaja, khasnya aliran Syiah, aliran Shafi'i dan aliran Hanafi, kerana ketiga-tiga aliran tersebut yang memainkan peranan penting dalam mengembangkan ajarannya. Sebutan kata aliran agama Islam berasaskan fiqh juga disebut juga dengan mazhab.⁴⁹

Jauh sebelum lahirnya ajaran Islam sudah banyak datang orang-orang dari negara India yang mencari tempat tinggal (kolonisasi), di Jawa dan pulau-pulau yang terletak disekitarnya yang membawa peradaban yang disiarkannya di tempat-tempat tersebut, sesudah orang-orang yang beragama Hindu masuk Islam. Namun, orang-orang Hindu yang telah memeluk ajaran Islam ini dan selanjutnya meneruskan jalan penghidupan yang sudah ditempuh dahulu.⁵⁰ Ajaran Islam di daerah Aceh apabila dilihat pada masa yang lalu, terdapat beberapa ajaran yang telah diterima oleh masyarakat pada saat itu, hingga kini ada beberapa ajaran Islam yang masih tersisa dalam masyarakat.

Mazhab imam Shafi'i adalah suatu mazhab yang sudah menjadi suatu aliran yang pada amnya penganutnya, yang pada amnya umat Islam yang tinggal

⁴⁹ Lihat, Slamet Muljana "*Runtuhnya Kerajaan Hindu-Jawa dan Timbulnya Negara-negara Islam di Nusantara.*" LKis. 2005. hlm. 155. Lihat juga, Haji Zainal Abidin Safarwan. "*Kamus Besar Bahasa Melayu.*" Utusan Publications. hlm . 27.

⁵⁰ Lihat, "*Risalah Seminar Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia.*" hlm. 99.

dikawasan Asia Tenggara seperti negara Brunei Darussalam, Thailand, Malaysia dan Indonesia. Maka selain daripada mazhab yang beraliran Shafi'i tidak didapati yang mazhab selainnya. Mungkin disebabkan oleh latar belakang masuknya ajaran Islam dan pembawa ajaran Islam tersebut ke Nusantara penyebarluasan daripada penganut yang mazhab imam Shafi'i, makanya tidak menghairankan hingga kini pada amnya umat Islam yang tinggal di daerah Aceh pada amnya adalah bermazhab Shafi'i.

Dalam sejarah telah dicatatkan bahawa kerajaan Perlak yang terbina pada tahun 840 M. yang merupakan sebagai kerajaan Islam pertama di Indonesia, bahkan di Asia Tenggara. Masuknya agama Islam terjadi pada mula jauh sebelum tahun terbinanya kerajaan tersebut dan sementara kerajaan tersebut dibina pada masa sebahagian besar penduduknya telah cukup lama memeluk agama Islam. Dalam abad ke-IX bahawa Dinasti Abbasiyah yang berpusat di Baghdad telah mengirinkan perutusanya dalam melaksanakan dakwah yang terdiri dari orang-orang Arab yang berakidah *ahlussunnah wal Jama'ah*, tentunya yang bermazhab Shafi'i. Pada tahun 1042, terbina kerajaan Islam Samudra Pasai. Menurut Ibn Bathutah, kerajaan ini, dengan raja pertamanya al-Malikussaleh, menganut paham *Ahlussunnah wal Jama'ah* dan memilih Mazhab Shafi'i.⁵¹

Pada amnya kerajaan Aceh pada masa dahulu adalah yang menganut aliran mazhab Imam Shafi'i maka sudah tentu pula apabila raja menganut ajaran mazhab Shafi'i tentu pula rakyatnya mesti menganut ajaran tersebut dan ini adalah sudah menjadi suatu ketentuan ataupun undang-undang dari kerajaan Aceh. Didalam ketentuan tersebut tidak dibenarkan dalam sebuah negara menganut pelbagai jenis mazhab kerana dengan banyaknya mazhab maka akan terjadinya suatu perbezaan

⁵¹ Lebih jelasnya dapat dilihat, Hasbi Amiruddin. "Perjuangan Ulama Aceh di Tengah Konflik." Yogyakarta. 2004. hlm. 55.

pendapat ataupun pandangan maka sudah tentu apabila terdapat perbezaan pendapat maka akan terjadinya perpecahan antara mazhab satu dengan mazhab yang lain.

Dalam sejarah telah tercatat pada masa kerajaan Malikus Zhahir bahawa Raja dikelilingi oleh orang-orang besar dalam bidang hukum, seperti Syarif Amir Sayyid Asy Syirazi dan Tajuddin al Ashfahani dan lain-lain para ulama dan fuqaha'. Sejarah juga mencatatkan bahawa Sultan Malikus Zhahir itu seorang Islam yang bermazhab Shafi'i dan begitu juga dengan penduduknya yang bermazhab Shafi'i.⁵²

Wilayah Sumatera pula pada tahun 1165 tiba seorang sufi bernama Syekh Abdullah Arif dari Tanah Arab untuk menyebarkan ajaran Islam. Dengan sampainya abad ke-13 berlakulah suatu perubahan besar di Asia Barat yang turut membawa perubahan besar pula dalam sejarah Nusantara. Sebenarnya menjelang abad ini umat Islam sedang menghadapi ancaman daripada gerakan *Salibiyy* ⁵³ di luar negeri dan bahayanya ajaran Syiah⁵⁴ dari dalam negeri. Hasil daripada

⁵² Lihat, Abu Bakar, Aceh. *Sekitar Masuknya Islam ke Indonesia*. Semarang: 1982. Cet. III. hlm. 31.

⁵³ Sejarah Perang Salib itu menurut Carole adalah pengesahannya sebagai Perang Suci. Dalam banyak rujukan para sejarawan mulai berpendapat dan mengambil suatu kesimpulan bahawa Perang Salib merupakan serangkaian operasi askar yang didokong keinginan kaum Kristian Eropah untuk menjadikan tempat-tempat suci umat Kristian, terutama Yerusalem, masuk ke wilayah perlindungan mereka. Dengan kata lain, Perang Salib adalah perang suci untuk mengusir orang-orang kafir dari kerajaan Tuhan. Lihat, Carole Hillenbrand, (terj). *The Crusade; Islamic Perspectives*. Jakarta: Serambi. 2005. Cet.I.

⁵⁴ Istilah Syiah berasal dari bahasa Arab iaitu, الشيعة yang berasal dari bentuk tunggal dari kata ini adalah *Sh* ' شيعي. Syiah menurut etimologi bahasa Arab mempunyai erti iaitu, الأتباع و الأنصار و الأعوان (pengikut, penolong atau pembela). Sedangkan Menurut kamus *Al-Muh th*: شبيعة الرجل بالكسر: Pengikut atau Penolong, atau kelompok kesatuan yang terdiri dari satu orang, dua orang atau lebih, baik itu pria mahupun wanita. Jama' dari kata Syiah iaitu شيع و شيع، Al-Azhari berkata: pengertian Syiah iaitu sebahagian orang-orang yang mengikuti sebagian yang lainnya. Daripada pengertian di atas maka Syiah pada mulanya hanya sebagai erti bahasa sahaja sebagai pengikut atau kelompok. Syiah adalah suatu aliran dalam Islam yang penganutnya berimamkan kepada Ali bin Abi Thalib τ dan keturunannya dan merekapun beranggapan bahawa Ali τ adalah berhak untuk menjadi khalifah setelah Nabi Muhammad ρ.

Mereka menamakan diri pecinta Ahlul Bait⁵⁴ dan memiliki banyak pengikut. Ada pendapat yang mengatakan aliran ini diasaskan oleh Abdullah bin Saba', yang berasal daripada agama Yahudi negara Yaman yang masuk Islam pada zaman khalifah Uthman bin Affan. Tetapi ada juga, pendapat yang menunjukkan bahawa Abdullah bin Saba' ini tidak wujud langsung. Ia mengadakan suatu perlawanan dengan berfatwa bahawa sebenarnya yang berhak untuk menjadi khalifah setelah Rasulullah ρ adalah Ali bin Abi Thalib τ dan sementara tiga khalifah sebelumnya dianggap tidak sah dalam memimpin.

Ahlul Bait, pengertian secara amnya adalah anggota keluarga Nabi Muhammad ρ, yang termasuk daripada isteri beliau, mertua-mertua juga menantu-menantu beliau hingga cucu-cucu

kerjasama golongan Syiah inilah maka datangnya serangan kaum Mongol terhadap Baghdad pada tahun 1258 M. yang membawa bencana besar terhadap umat Islam pada saat itu sehingga menjejaskan korban. Dengan bencana yang menimpa inilah meratanya semangat taklid dan fanatik Mazhab serta berpengaruhnya fahaman tasawuf dan tarekat.

Dalam suasana kelemahan psikologi dan mental dan berkembang ajaran Islam di Nusantara dengan pesatnya. Maka pihak yang memainkan peranan yang amat penting bukan sahaja para tokoh dari Arab-Parsi, bahkan juga dari India. Di antara peringkat ini Syeikh Ismail al-Siddiq yang datang ke Sumatera dan khususnya ke Pasai yang ketika itu diperintahkan oleh Meurah Silu (1261-1289 M).⁵⁵

Adapun, aliran Syiah telah berkembang dan mendapat sambutan baik daripada masyarakat pada saat itu, di Parsi dan India, para mubaligh dan pedagang Parsi dan India pada amnya, telah memeluk agama Islam yang aliran Syiah, maka tidak menghairankan bahawa ajaran Islam yang dianut oleh umat Islam di daerah Aceh yang mempunyai beberapa kesamaan dengan ajaran Syiah dan ajaran Hindu sebagaimana yang hingga setakat ini masih diamalkan oleh para majoriti orang yang beragama Hindu di negara India.

Mereka menetap di Pantai Timur Sumatera dan berhasil mengasaskan kesultanan Perlak (Aceh Timur) di muara sungai Peureulak dan Pasai di muara sungai Pasai dengan bantuan Dinasti Fatimiyah di Mesir. Di samping sebagai pedagang rempah⁵⁶ mereka juga menyebarkan agama Islam dengan aliran Syiah.

beliau. Sementara kaum Syiah lebih megkhaskan lagi Ahlul Bait untuk hanya mencakup Saidina Ali τ dan istrinya Fatimah putri Nabi ρ beserta putra-putra mereka Saidina Hasan τ, Syaidina Husain τ (4 orang ini bersama Nabi ρ juga disebut dengan Ahlul Kisah atau yang berada dalam satu selimut) dan keturunan mereka. Lihat, Abu Bakar, Aceh. *Sekitar Masuknya Islam ke Indonesia*. Semarang: 1982. Cet. III. hlm. 95.

⁵⁵ Lihat, Abdul Rahman Haji. Abdullah. “*Sejarah dan Pemikiran Islam*.” Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdh Bhd. 1981. hlm. 56-67.

⁵⁶ Seperti, cengkeh, lada hitam, kayu manis, minyak nilam dan lain-lain. Lihat juga, Abdul Rahman Haji Abdullah. “*Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*.” hlm. 38.

Pada masa Dinasti Fatimiyah runtuh pada tahun 1268 terputuslah hubungan antara kaum Syiah yang tinggal dipantai Timur Sumatera dengan kaum Syiah yang tinggal di negara Mesir.⁵⁷

Pada tahun 1285 timbulah pada dinasti baru di Mesir yang beraliran Shafi'i. Adapun Dinasti baru ini telah Dinasti Mamaluk. Dinasti Mamaluk (*mamluk*) mengirim Syeikh Ismail kepantai Timur Sumatera untuk memusnahkan aliran Syiah setempat yang amat membahayakan aqidah pada masa itu.

Syeikh Ismail yang telah berhasil membuat rayuan dengan Marah Silu untuk menyeberang ke aliran Shafi'i dan kemudian menobatkannya menjadi Sultan pertama kesultanan baru Samudera dengan nama Malikussaleh. Selama Sultan Malikussaleh yang berkuasa pada masa itu, agama Islam yang aliran Syiah ditindas dan tidak diberikan kesempatan untuk mensyiarkan ajarannya. Maka sejak tahun 1295 aliran Syiah mendapat kesempatan pada kesultanan Aru (*Barumun*), yang dipimpin oleh putera Malikussaleh yang bernama Malikul Mansur. Sejak dibinanya kesultanan Pajang, pada pertengahan abad ke-16 aliran Syiah mendapat pengikutnya di Jawa Tengah.

Akibat ajarannya Syeikh Lemah Abang (Syeikh Siti Jenar/Wali Songo) dikenakan hukum bakar pada tahun 922 oleh para wali lainnya. Diantara para penganjur aliran Syiah yang utama di pantai timur Sumatera sebagai penyair Hamzah Fansuri dari daerah Baros dan Syamsuddin al-Samatrani pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda. Aliran Syiah pada masa kesultanan Aceh telah dimusnahkan dan kemudian diteruskan oleh para pengikut aliran Shafi'i yang dipimpin oleh seorang Syeikh yang bernama Nuruddin ar-Raniri.

Inti daripada ajarannya adalah terdapat kalimat "*An al-h q*" ertinya:

⁵⁷ Lihat, Slamet Muljana. "*Runtuhnya Kerajaan Hindu-Jawa dan Timbulnya Kerajaan Islam di Nusantara.*" hlm. 156.

“Akulah kebenaran yang kreatif (*Aku adalah Tuhan*). Dalam kesultanan Aceh aliran tasawuf *wujudiah* yang diajarkan oleh penyair Hamzah Fansuri dan ahli Sufi Syamsuddin al-Samaterani⁵⁸ yang hidup pada masa pemerintahan Sultan Iskandar Muda. Maka setelah meninggal Sultan Iskandar Muda⁵⁹ kesultanan Aceh kedatangan seorang ahli sunnah Nuruddin ar-Raniri yang berasal dari Gujerat. Tasawuf al-wujudiah adalah ajaran Syamsuddin al-Sumatrani itu kemudian dimusnahkan oleh Nuruddin ar-Raniry. Seluruh Kitab yang termuat ajaran wujudiah dibakar dan dimusnahkan untuk selama-lamanya agar ajaran tersebut hilang dan tidak pernah muncul lagi pada masa ke hadapan.

Pada zaman pemerintahan Sultan Adwijaya di daerah Padang (Sumatera Barat) ajaran wujudiah mempunyai pengaruh besar di dalam masyarakat Islam Jawa di Jawa tengah. Falsafah wujudiah di Jawa yang diasaskan oleh Syeikh Siti Jenar atau Syeikh Lemah Abang, salah satu diantara sembilan wali (*Wali Songo*) yang amat tersohor di Tanah Jawa hingga kini masih juga di kenang.⁶⁰ Syeikh Siti Jenar juga dikenakan hukuman bakar oleh para lainnya. Kerana dituduh sebagai menyiarkan sesuatu yang semestinya dirahsiakan dan tidak boleh disampaikan ajaran tersebut kepada masyarakat, mungkin disebabkan oleh masyarakat pada saat itu, belum sanggup untuk menerimanya daripada seluruh ajaran tersebut yang disampaikan.

⁵⁸ Beliau meninggal pada tahun 1630 M. pada zaman Sultan Iskandar Muda dan antara buku-buku yang terkenal diantaranya: 1. *Mir' tul Mukmin*, 2. *Ja har al-Haq 'iq*, 3. *Mir tul Im n*, 4. *Syarah Ruba'i* Hamzah Fansuri. Lebih jelas lagi lihat, Ismail Hamid. “*Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu.*” 1986. hlm. 128.

⁵⁹ Gambaran keistimewaan Iskandar Muda, sejak masih dalam kandungan ibunya lagi, dengan bapanya (Sultan Mansur) bermimpi beliau berkencing hingga banjir keseluruh negeri Aceh. Kemudian mimpi ini dikatakan memberi tanda yang baik; dengan kelahiran Iskandar Muda nanti, ia akan membawa kemakmuran kepada Aceh. Lihat, Muhammad Yusoff Hashim, “*Persejarahan Melayu.*” hlm. 213.

⁶⁰ Adapun Sunan ke sembilan: Maulana Malik Ibrahim, Sunan Ampel, Sunan Giri, Sunan Bonang, Sunan Dradjad, Sunan Kalijaga, Sunan Kudus, Sunan Muria dan Sunan Gunung Jati. Lebih jelasnya lihat, Slamet Muljana. “*Runtuhnya Kerajaan Hindu-Jawa dan Timbulnya Kerajaan Islam di Nusantara.*” hlm. 87-128.

Selain itu, pemberontakan aliran Syiah Alawiyah yang dipimpin oleh Muhammad bin Ja'far al-Sadiq atau Muhammad al-Dibaj terhadap al-Makmun (813-833) yang juga, turut serta dalam membawa kesan di Nusantara. Kesan kegagalan membangkang itu, lalu terbinalah angkatan dakwah oleh golongan Syiah yang dipimpin oleh Nakhoda Khalifah. Angkatan ini tiba di Perlak pada tahun 800 M. dan seterusnya mendirikan kerajaan Perlak pada tahun 840 dengan rajanya yang pertama Sultan Sayed Maulana Abdul Aziz. Pengaruh ajaran Syiah di Nusantara juga berkembang berikutan dengan tertubuhnya kerajaan Fatimiyah di Mesir (909-1171M).

Diantara kerajaan yang mesti dilaksanakan dalam kerajaan ini, untuk membentuk jabatan propaganda yang bertanggungjawab menyebarkan dakwah-dakwah Syiah ke seluruh pelosok dan di daerah pedalaman. Adapun hasil daripada kegiatan itu juga dipercayai bahawa turut ikut untuk mempengaruhi sampai ke Nusantara, terutama pada kerajaan Samudera-Pasai (1042-1444 M) yang baru ditubuhkan itu.

Oleh kerana itu, bahawa dalam golongan Syiah Darwis yang ingin mencapai suatu kesempurnaan dalam kehidupan melalui ratapan tangis atas kematian Hasan dan Husein ψ . Adapun makam Hasan dan Husein ψ bagi golongan Syiah dan pengikutnya adalah menganggap sebagai tempat yang amat keramat dan suci, bahkan menueur fahaman mereka bahawa lebih keramat daripada Ka'bah Baitullah. Adapun, ziarah kemakam Hasan dan Husein mempunyai nilai yang sama dengan ziarah ke Mekah dan Madinah. Bagi golongan Syiah pada hakikatnya amat berbahaya untuk berziarah ke kota Makah dan Madinah. kerana Makah dan Madinah ada dalam kekuasaan dinasti Umayyah dan Abbasiyah kerananya, ziarah ke makam Hasan dan Husein dijadikan pengganti rukun kelima dalam Islam.

Aliran Syiah menyebarkan fahamnya dari daerah Aceh hingga sampai ke daerah Minangkabau (Sumatera Barat). Adapun penyebaran aliran Syiah telah dimulai dari Pantai Timur Aceh ke daerah Minangkabau telah dimulai sejak tahun 1128. Pada masa Laksamana Nazimuddin al-Kamil mengadakan gerakan askar dari pantai Aceh ke sungai Kampar kanan dan kiri untuk menguasai hasil lada di daerah tersebut. Nazimuddin al-Kamil tidak lama kemudian gugur dalam lawatannya pada tahun 1228 dan jenazahnya telah dimakamkan pada kawasan Bangkinang di tepi sungai Kampar Kanan.

Berasaskan dalam sejarah bahawa daerah Aceh Besar pada zaman Poli sudah pernah dipengaruhi oleh agama Hindu Mahayana⁶¹ dan bahawa agama Islam masuk ke sana melalui dengan dua jalan pertama dari Pase melalui anak Sultan Malik Al Zahir, kedua yang mungkin datang dari negara Iraq, Yaman dan India, sementara negeri-negeri tersebut sudah terdapat di sana fahaman Syiah dan pada amnya negeri Arab Selatan amat dipengaruhi oleh Zaidiyah salah satu faham Mazhab Syiah dan hingga kini masih berkembang dan ini adalah suatu bukti yang jelas bahawa orang-orang Arab tersebut yang membawa ajaran Syiah hingga sampai ke Aceh (Indonesia).⁶²

Bahawa dalam sejarah telah disebutkan, pada permulaannya kerajaan Hindu Lamuri, bernama Indra Purwa. bekas Provinsi yang dahulunya adalah menganut ajaran agama Hindu maka hingga setakat ini nama daerah tersebut masih juga kekal seperti, Indrapuri,⁶³ Indrapurwa dan Indrapatra, pada suatu masa dahulu kerajaan tersebut pernah diperintahkan oleh raja yang beragama Hindu Rawana dan sebagai bukti bahawa terdapat beberapa batu bertulis serta nisan-nisan kuburannya hingga

⁶¹ Istilah Mahayana dan Hinayana muncul di Sutra Saddharma Pundarika atau Sutra Teratai Ajaran Kebajikan. Kira-kira pada abad ke-2 M, Mahayana barulah didefinisikan secara jelas.

⁶² Lihat, Abu Bakar, Aceh. *Sekitar Masuknya Islam ke Indonesia*. Semarang: 1982. Cet. III. hlm. 32.

⁶³ Indrapuri, dekat daerah *Seulimeum*, termasuk dalam Kabupaten Aceh Besar.

kini masih terdapat di *Tanoh Abee*⁶⁴ dan *Reueng-Reueng*⁶⁵ ini adalah salah satu bukti bahawa jauh sebelum ajaran Islam masuk ke daerah Aceh sudah terlebih dahulu daerah tersebut telah menganut ajaran Syiah. Dalam kutipan di sebuah buku bahawa Abu Bakar Aceh bercerita:

Pernah menyatakan bahawa masih terdapat di tempat kelahiran saya iaitu kampung Kedah, beberapa orang Syi'ah yang tinggal di kampung itu dekat kubur Teungku Anjong, yang masih ingat cerita-cerita yang diceritakan mereka, yang kemudian saya ketahui tidak lain daripada cerita-cerita yang berlaku dalam kalangan Syiah. Teungku Anjong adalah seorang Sayyid daripada suku Bilfakih, yang datang dan tinggal di kampung itu mengajara dan meninggal disana. Ia meninggal menurut C. Snouck Hurgronje dalam tahun 1783 M, dan dianggap salah seorang wali yang keramat. Pada masa saya mula-mula mempelajari Qur'an dilakukan suatu upacara di kuburan itu, saya dipakaikan sebuah jubah yang berwarna kuning daripada sutera yang bersulam, agak sama deangan jubah yang dipakai Ibn Sina dalam lukisan-lukisannya. Kopyah yang dipakai di atas kepala saya panjangnya hampir 40 cm, dan diperbuat dari sulam. Orang-orang dapat melihat kopyah itu dalam gambaran orang-orang Parsi yang bermazhab Syiah.⁶⁶

Dalam kutipan ceritera tersebut memberikan suatu kesimpulan bahawa jauh sebelumnya ajaran Syiah telah masuk dan berkembang ke daerah Aceh hingga kini bekas-bekas daripada aliran tersebut dapat terlihat dalam kehidupan masyarakat sehari-hari. Pada tahun 850 M. Ada dinyatakan bahawa terdapat seorang ulama Syiah Zaidiyah dari Yaman bernama Sulaiman Ibn Abdullah tiba di Aceh. Begitu juga dengan dua orang Arab yang datang ke Kedah, Sulaiman tiba pada tahun 851 M. manakala Abu Dulat Mis'ar tiba pada tahun 940 M. Kerajaan Fatimiyah yang

⁶⁴ Terletak di daerah Seulimum, 42 Km, sebelah timur kota Banda Aceh dan didapati satu perpustakaan yang bernama "*Perpustakaan Tanoh Abee*." Untuk mencapai tempat ini dari Banda Aceh dapat ditempuh perjalanan selama satu sahaja, dengan menggunakan kereta. Perpustakaan ini memuat banyak literatur lama mengenai Agama Islam yang tidak ternilai harganya.

⁶⁵ *Tanoh Abee* dan *Reueng-Reueng* kabupaten di Aceh Besar terletak di hujung Barat Daya Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam dan merupakan titik awal dari Banda Aceh menuju daerah Aceh dan Sumatera lain-lain.

⁶⁶ Lihat, Abu Bakar, Aceh. *Sekitar Masuknya Islam ke Indonesia*. Semarang: 1982. Cet. III. hlm. 33.

berfahaman Ismailiyah dilaporkan turut mempengaruhi wilayah Sumatera, khususnya di mana pernah di Pasai (1042-1444 M.) bermazhab Syiah, kemudian aliran tersebut dipupuskan oleh raja Malik al-Salih yang terjadi pada abad ke 13 M. dan kemudian daerah tersebut berada di bawah pengaruh ajaran Syiah.⁶⁷

Dengan keyakinan ibadah orang Syiah dan serta keyakinannya meluas bahkan hingga ke Tanah Hindustan, tetapi sudah keluar dari Parsi dan sudah banyak bercampur dengan ahli sunnah, sehingga amat sukar untuk membezakan kembali antara kedua keyakinan itu. Aliran ini juga dengan kedatangan agama Islam ke Indonesia melalui India terbawa juga dan hingga masa kini masih kelihatan bekas-bekas peninggalan daripada ajaran tersebut.⁶⁸

Adapun dampak pengaruhnya ajaran Syiah di daerah Aceh hampir dapat dirasakan dalam kehidupan seharianya dalam masyarakat Aceh, apabila diperhatikan dalam kehidupan sehari-hari satu contoh, bahawa pada zaman pemerintahan Ratu Nihrasiyah (801-831 H.), telah berkembang faham tarekat (*Wujudiyah*) yang bercabang daripada gerakan ajaran Syiah. Namun, kemudian Ratu telah mengangkat seorang tokoh terkemuka dari gerakan tarikat *Wuj diyah* menjadi *mangkubumi* (Perdana Menteri), yang amat kejam dan telah bunuh lebih 40 orang ulama *Ahlusunnah* yang tidak melakukan kesalahan, maka dengan alasan kerana melarang untuk kahwin dengan anak kandungnya sendiri (*Puteri Madoong Periya*), mangkubumi tersebut yang juga sebagai pemuka tarikat *wuj diyah* ini diberikan hukuman bunuh oleh Malik Mustafa, suami daripada Ratu Nihrasiyah, hingga meninggal⁶⁹

Dalam kebiasaan sehariannya bahawa masyarakat Aceh juga terdapat pengaruh fahaman Syiah seperti, bulan Arab *Muharram* oleh masyarakat Aceh

⁶⁷ Lihat, Abdullah Ishaq, "Islam di India Nusantara dan China." 1992. hlm. 103.

⁶⁸ Lihat, Abu Bakar, Aceh. *Sekitar Masuknya Islam ke Indonesia*. hlm. 32.

⁶⁹ Lihat, A. Hasjmy. "Kebudayaan Aceh Dalam Sejarah." 1983. hlm. 49-50.

dinamakan bulan Hasan dan Husain (*buleun Asan Usen*), yang pada setiap sepuluh bulan *Muharram* merayakan dengan mengadakan kenduri di Surau-surau (*meunasah*) dalam rangka memperingati hari meninggalnya Hasan dan Husein cucu Nabi Muhammad & para kaum Syiah amat dimuliakan. Selain itu, pemakaian “Syah” pada sebahagian besar nama Sultan Aceh selalu dipenghujungnya diberikan nama Syah, seperti Sultan Mansyur Syah, Sultan Mahmud Syah, Sultan Muhammad Dawud Syah dan banyak lainnya, ini semua sebagai contoh bahawa pengaruh Syiah dalam masyarakat Aceh memang sudah bertapak kukuh semenjak dahulu.⁷⁰

Sementara aliran Syiah tersebut tidak bertahan begitu lama di daerah Aceh. Aliran ini pudar sejak runtuhnya kerajaan Peureulak. Tetapi, bekas-bekas pemikiran Syiah masih juga tinggal hingga kini. Setidaknya ada beberapa tradisi yang masih kekal yang merupakan peninggalan aliran Syiah, yakni tarikh 10 *Muharram*, hari tewasnya al-Husain di Karbala yang dikenal dengan hari Asyura diperingati dengan membuat bubur Hasan-Husain. Pada tarikh 10 *Muharram* juga dikibarkan, ini menunjukkan kecenderungan Syiah *Tauwwabun*. Dalam kebiasaan para ibunda Aceh dalam berdendang untuk menidurkan anaknya melagukan syair.⁷¹

3. 4 Konsep dan Aturan Kekeluargaan

Pada masa Kerajaan Aceh boleh dikatakan sudah mendekati ke arah hala tuju yang sempurna dalam menjalankan kehidupan sehari-hari sebagaimana yang diharapkan pada amnya oleh manusia, baik dalam bidang pendidikan, ekonomi atau politik sudah mencukupi sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat pada masa

⁷⁰ Lihat, dalam buku: “*Dari Samudera Pasai ke Yogyakarta.*” Persembahan kepada Teuku Ibrahim Alfian. Jakarta. 2003. hlm. 198.

⁷¹ “*Hasan ngon Husein cucu di Nabi, Aneuk tuan Siti Fatimah Dohra,*” ertinya: *Hasan dan Husein cucu Nabi, Anak Tuan Fatimah Zuhr*). Lihat, Kamaruzzaman, Bustamam-Ahmad, “*Islam Historis: Dinamika Studi Islam di Indonesia.*” Yogyakarta: Galang Press. 2002. hlm. 239. Dan lihat juga, Lihat, Nourouzzaman Shiddieqy. “*Jeram-Jeram Peradaban Muslim.*” Yogyakarta: Pustaka Pelajar. 1996. hlm. 305.

itu. Tetapi, sesudah runtuhnya kerajaan Aceh tersebut hingga kini mungkin boleh dikatakan amat Islam di daerah tersebut telah mundur dan hingga tidak mempunyai lagi suatu asas yang mesti dipertahankan dan dijaga daripada pelbagai bidang, baik dalam bidang ekonomi, pendidikan bahkan politik sekalipun, hingga kini masih belum aman dan damai seratus peratus disebahagian daerah secara majoritinya, sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat yang sendirian mahupun pemerintah lainnya.

Adapun, akhlak dan moral masyarakat Islam Aceh adalah merupakan masyarakat yang dapat dijadikan sebagai simbol yang mencerminkan kepada penerapan syariah Islam di lapangan yang sebenarnya yang semestinya dan serupa dengan masyarakat Madani⁷² seperti yang dikultuskan pada masa setakat ini, yang berhadapan dengan cabaran baik daripada orang kafir itu sendiri bahkan dengan umat Islam, juga diasaskan dengan Qur'an, baik pada kalangan pemuda dan remaja. Secara ilmu sosiologi masyarakat Aceh adalah sebuah kumpulan masyarakat yang masih menjunjung tinggi nilai moral sebagaimana yang telah diperintahkan sesuai dengan ajaran Islam yang telah ditentukan oleh syarak.

3. 4. 1 Sesama Keluarga

Pada amnya, masyarakat Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe adalah masyarakat yang amat ramah, sopan dengan budaya dan tradisi yang berlaku dan begitu juga dengan nilai moral yang amat dijunjung tinggi dengan tatacara syariat

⁷² Lihat, Nurcholish Madjid, "*Islam dan Politik Suatu Tinjauan Atas Prinsip-Prinsip Hukum dan Keadilan*," hlm. 52. Lihat juga, Azyumardi Azra. "*Menuju Masyarakat Madani Gagasan, Fakta, dan Tantangan*." Bandung: Rosdakarya. 1999. hlm. 5. Sementara pengertian "*Madani*" menurut Olaf Schumann adalah; "*Madinah*" diterangkan sebagai "tempat" dimana *din* ditegakkan, atau tempat berlakunya *din*. Dengan demikian, faham *Madinah* sama halnya faham *Madani*, yang amat erat dengan kaitannya agama. Pemahaman ini tampak pula dalam bahasa Ibrani moden di mana "*Medinat*" digunakan dalam erti "negara" seperti, "*Medinat Yisrael*" bererti negara Israel. Lihat, Olaf Schumann, "*Dilema Islam Kontemporer Antara Masyarakat Madani dan Negara Islam*," "*Paramadina*." Vol. I, No. 2, 1999. hlm. 65-66.

Islam berlaku. Dalam aturan pergaulan antara sesama keluarga ia merupakan sebuah aturan yang berasaskan daripada Qur'an dan Hadith Nabi ﷺ, secara asasnya menghormati antara satu dengan yang lainnya, yang muda menghormati orang lebih tua dan orang tua juga menghormati orang yang lebih muda. Maka amalan tersebut adalah merupakan nilai budaya yang amat tinggi nilainya hingga kini masih juga dipertahankan dan diamalkan oleh masyarakat Islam pada amnya masyarakat tersebut tinggal di daerah Aceh.

Bagi masyarakat Aceh pada amnya, keluarga inti merupakan bahagian terpenting di dalam sistem kekerabatan dan kehidupan masyarakat. Di dalam keluarga segala keperluan persendirian, ekonomi, kejiwaan dan sosial dapat dipenuhi. Keluarga juga merupakan tempat anggotanya mencari penyelesaian masalah kehidupan dan yang lebih penting lagi dalam keluarga adalah segala nilai keluarga dan sosial diturunkan dari generasi ke generasi. Dalam keluarga inilah proses sosialisasi bagi anak pada masa hadapan. Di antara anggota keluarga yang telah terjalin dari pelbagai hubungan yang disesuaikan dengan kedudukan, usia dan jenis jantina berasaskan nilai dalam kehidupan yang dihayati keluarga tersebut.

Adapun dalam hubungan antara keluarga ini terlihat pula pelbagai tugas dan hak daripada masing-masing anggotanya yang membentuk suatu kesatuan atau sistem keluarga yang lebih sempurna. Adapun, hubungan dalam keluarga yang telah mencakupi sebagai hubungan antara suami dengan isteri dan hubungan antara orang tua dengan anak.⁷³

Dalam hal hubungan antara suami dan isteri yang telah terikat dengan perkahwinan dan membentuk sebuah keluarga, masyarakat Aceh yang mempunyai konsep pemikiran tersendiri. Menurut konsep pemikiran dan tradisi masyarakat

⁷³ Lihat, Alamsyah. (Disertasi Doktor). "*Transformasi Sosial, Budaya dan Ekonomi Masyarakat Aceh Tahun 1970-1999.*" Yogyakarta: Universiti Gadjah Mada (UGM). 2005. hlm. 168.

Acheh tersebut, suami dan isteri merupakan suatu kesatuan jiwa atau nyawa. Walaupun suami dan isteri merupakan satu jiwa, akan tetapi suami secara sendirinya telah mempunyai kedudukan yang lebih tinggi dan mulia. Sementara isteri lebih pada darjah dan kedudukan yang rendah. Seorang suami diharapkan bertanggungjawab terhadap keluarganya. Sementara itu isteri diharapkan menghormati dan menghargai keluarga dan suaminya itu. Hanya sahaja dalam hal kewajiban menyediakan rumah tempat berlindung bagi keluarganya, suami mendapat bantuan daripada mertua dalam bentuk penyediaan tempat tinggal atau rumah.

Adapun, hal tersebut dipandang menjadi suatu kewajiban bagi pihak orang tua daripada isteri. Sudah menjadi suatu kebiasaan tersebut berlaku apabila anak wanitanya sudah dikahwinkan orang tuanya mesti menyediakan rumah bagi anaknya, sementara rumah tersebut adalah sebagai warisan daripada orang tua untuk mereka. Adapun, hal ini dengan pertimbangan apabila suatu hari kelak terjadi perceraian, maka isteri juga tidak perlu susah untuk mencari tempat tinggal. Seorang isteri mempunyai kewajiban untuk berbakti dan menghormati suami. Kegiatan yang dilakukan oleh seorang isteri, selalu mengikuti suatu ketentuan dalam agama. Selayaknya seorang isteri yang mampu mewujudkan kewajiban tersebut apabila telah mampu memasak nasi, merawat diri dan melahirkan anak, maka apabila seorang isteri telah mampu untuk memenuhi ketiga-tiga hal tersebut maka sempurnalah seorang wanita untuk menjalankan aktiviti rumah tangga.⁷⁴

3. 4. 2 Dalam Masyarakat

Masyarakat Acheh adalah masyarakat yang menjunjung nilai dan kesopanan sosial dan peradaban yang terkandung dalam moral ajaran Islam yang sebenarnya.

⁷⁴ Ibid. hlm. 169-170.

Adapun boleh memberikan sebuah hala tuju kehidupan dalam pergaulan yang dapat bersosialisasi antara satu dengan yang lain dan ini adalah sebuah nilai moral yang sudah lama dipertahankan dari masa Kerajaan Islam pada masa itu, hingga kini.⁷⁵

Namun, kerana masa sudah berubah amat cepat, terbentuklah suatu garis pemisah ataupun membezakan antara satu dengan yang lain. Orang Aceh adalah sebagai umat Islam, kuat memegang keperibadian aqidah Islam dalam kehidupan, sebagai asas pokok dalam bermasyarakat, berbangsa dan bernegara. Wawasan budaya itu amal sejalan dengan perkembangan pola fikir masyarakat Aceh di mana aspek kultur dan struktur telah bersatu dengan adat dan agama Islam, antara satu dengan yang lain sukar untuk dipisahkan.⁷⁶

3. 4. 3 Sesama Agama

Dari keseluruhan orang Aceh adalah sebagai pemeluk ajaran agama Islam. Pada 1980 misalnya, jumlah pemeluk agama Islam di Provinsi Daerah Istimewa Aceh 2.458.286 orang atau 97,65% dari keseluruhan jumlah penduduk daerah Aceh masa itu. Sementara selebihnya (2,35%) pemeluk agama yang lain, dikatakan mereka yang bukan orang Aceh asli dan bukan pula anggota puak bangsa “asal” lainnya. Secara amnya orang Aceh dikenal sebagai pemeluk agama Islam yang taat dan fanatik terhadap ajarannya yang dianutnya.⁷⁷ Maka dengan hal tersebut terbentuklah melalui dengan perjalanan sejarah pengamalan agama Islam selama berabad-abad sejak agama tersebut masuk ke daerah Aceh. Selama itulah aqidah atau nilai kaedah ajaran agama tersebut telah memasuki ke dalam diri anggota

⁷⁵ Sebahagian daripada pengertian ataupun kesimpulan ini adalah hasil dari temu bual penyelidikan dengan Bapak Drs. Rusdi Sufi, sebagai pengetua Arsip daerah, Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (NAD), dan sebagai pakar sejarah dan budaya Aceh. lokasi temu bual di pejabat arsip daerah , pada tanggal, 13/7/2007.

⁷⁶ Lihat, Badruzzaman Ismail. “*Mesjid dan Adat Meunasah Sebagai Sumber Energi Budaya Aceh.*” Banda Aceh: Gua Hira’. 2002. Cet. 1. hlm. 68.

⁷⁷ Ibid. hlm. 68.

masyarakat yang melalui mulai daripada suatu proses yang panjang. Semuanya ini tercermin dalam pelbagai aspek kehidupan, baik dalam perilaku, sistem sosial, ekonomi, seni, teknologi tradisional dan lain-lain.

Adapun, semua hal di atas tentu tidak terlepas daripada suatu sistem transformasi ajaran agama melalui proses sosialisasi dan sistem pendidikan secara rasmi serta tidak rasmi yang dikembangkan sejak masa lalu. Sebagai contoh, setiap kampung (*gampong*) pasti memiliki sebuah binaan keagamaan yang dinamakan *meunasah*, tempat anak-anak lelaki yang umur enam tahun ke atas yang belajar asas keimanan Islam dan belajar mengaji Qur'an. Di sini mereka diberikan pendidikan dan diajar oleh guru agama (*imeum meunasah*). Anak wanita belajar di rumah *imeum meunasah* dengan guru perempuan (*teungku inong*) yang biasanya isteri daripada *imeum meunasah*. Pada masa dahulu setiap anak mesti mengikuti sistem pendidikan tanpa ada dipungut yuran kewangan. Sementara, kewajipan seorang ustaz hanyalah mengajar dan mendidik muridnya dan ini adalah merupakan suatu amalan ibadah.⁷⁸

3. 4. 4 Perbezaan Agama

Dalam kehidupan beragama, masyarakat Islam Aceh amatlah menjunjung tinggi nilai luhur dalam menjalankan keagamaan yang mempunyai fahaman falsafah dalam bidang keagamaan yang taat. Agama juga dijadikan sebagai asas daripada segala hal yang bersangkutan dengan pengamalan sehari-hari, baik sebagai hubungan kepada Allah Ψ mahupun hubungan sesama manusia yang berasaskan pada Qur'an dan Hadith, maka dengan agama pula boleh menentukan atau mencerminkan segala hal yang berkaitan dengan pelbagai sikap dan cara untuk menghubungkan masyarakat sesama Muslim. Apabila dilihat penduduk masyarakat

⁷⁸ Lihat, Muhammad Junus Melalatoa. "Acheh Kembali ke Masa Depan." Jakarta: IKJ Press. Cet. 1. 2005. hlm. 26-27.

yang penganut agama selain dari agama Islam. Ini adalah memberikan kesimpulan bahawa sebahagian besar daripada masyarakat yang tinggal di daerah Aceh yang menganut agama Islam.

Adapun, pergaulan dan hubungan sehari-hari dengan masyarakat yang menganut selain ajaran agama Islam adalah amat menjadikan suatu perbezaan antara satu agama dengan agama yang lain seperti, halnya umat Islam dengan Kristian ataupun umat Islam dengan Buddha dan lain sebagainya. Maka amat jarang dalam masyarakat Aceh didapati melaksanakan pernikahan dengan berlainan, kerana bagi orang Aceh agama Islam adalah merupakan sebagai alat untuk mengukur dalam suatu kehidupan di dalam masyarakat hingga kini. Apabila dijumpai dalam masyarakat yang menikah dengan agama yang berbeza, maka pihak masyarakat tempatan akan memalukannya dan juga tidak menghargainya.

Akan tetapi kehidupan keseharian masyarakat Islam Aceh yang sebenarnya setakat ini sudah terjadi suatu pergeseran yang amat menyedihkan mungkin mengarah ke jalan yang berwarna negatif, dengan usainya pasca bencana tsunami maka masyarakat dengan sendirinya baik disengaja ataupun tidak telah menerima dan menyambut baik kedatangan orang asing atau orang kafir untuk menyatu dalam kehidupan kesehariannya yang sebagaimana telah berlaku pada sebahagian di daerah Aceh, begitu juga masyarakat Islam Aceh tempatan untuk memberikan ataupun menyewakan rumahnya kepada orang kafir untuk dijadikan tempat tinggalnya maka dengan sendirinya lama-kelamaan terjadilah dalam pembauran dan bersosialisasi keseharian dengan orang kafir tersebut, yang pada awalnya alasan menyewakan rumahnya kepada orang kafir kerana sewanya mahal harganya bila dibandingkan kalau disewakan kepada orang sesama Islam, dan ini adalah suatu realita yang sebenarnya yang telah terjadi dalam masyarakat Islam Aceh.

3. 5. Kepercayaan Animisme dan Dinamisme Dalam Masyarakat Aceh

Dalam masyarakat Islam di daerah Aceh masih relatif banyak tentang kepercayaan animisme yang berkembang bahkan hingga kini terdapat anasir tersebut. Seperti, kepercayaan masyarakat Aceh⁷⁹ yang meyakini bahwa ada terdapat malam-malam tertentu roh orang yang telah meninggal akan kembali ke rumahnya untuk berziarah kepada ahli keluarga yang telah ditinggalkan dan sudah menjadi suatu kebiasaanya ahli keluarga mesti menyiapkan makanan dan minuman kepada roh tersebut dan bahkan sudah menjadi suatu kepercayaan apabila ahli keluarga tidak menyiapkan makanan dan minuman maka roh tersebut akan marah dan bahkan roh tersebut tidak akan kembali lagi. Biasanya, roh tersebut akan membalas dendam terhadap orang yang pernah menyakitinya ketika hidup. Masih banyak lagi kepercayaan animisme yang di yakini dalam masyarakat di daerah Aceh.

Maka anasir kepercayaan yang telah diyakini dalam masyarakat Aceh seperti ini hampir sama dengan kepercayaan dan keyakinan reinkarnasi. Sementara reinkarnasi sendiri tidak lain hanya sebagai pemahaman masyarakat Hindu dan Budha pada amnya yang telah dipercaya bahwa roh manusia yang sudah mati bisa kembali lagi ke alam dunia dalam wujud yang lain. Jika orang tersebut baik selama hidupnya, biasanya ia akan ber-reinkarnasi dalam wujud burung merpati.

3. 5. 1 Asal Mula Lahirnya Kepercayaan Terhadap Animisme Dan Dinamisme

Dengan keberadaan faham dalam kepercayaan yang mengandung anasir animisme dan dinamisme tidak terlepas dari sejarah daerah Nanggroe Aceh

⁷⁹ Hasil yang telah diobservasi pada Desa Ujung Blang, Kota Lhokseumawe, Aceh Utara. Sementara amalan yang telah diamalkan ini adalah merupakan amalan yang amat bercanggahan dengan ajaran Islam kerana dalam nash Al-Qur'an telah menerangkan bahawa apabila seseorang yang telah meninggal tidak akan hidup apatah lagi dapat berkomunikasi kembali dengan manusia yang masih hidup. Lihat, Al-Qur'an, Surat Al-Fatir: 22-23.

Darussalam. Sebagaimana telah diketahui bahwa agama Hindu dan Budha telah masuk terlebihdahulu ke daerah Aceh sebelum masuknya ajaran agama Islam. Pada amnya bahwa masyarakat daerah Aceh telah mengenal kedua agama dan budaya tersebut amat bercanggahan dengan ajaran agama Islam. Namun, sebelumnya ada periode khas yang berbeza dengan zaman Hindu-Budha. Maka masa itu adalah masa pra-sejarah. Zaman ini disebut sebagai zaman yang belum mengenal tulisan.

Pada saat itu, masyarakat persekitaran hanya sahaja menggunakan dengan bahasa isyarat untuk sebagai alat komunikasi sesamanya. Dalam buku sejarah disebutkan bahwa nenek moyang bangsa Indonesia (daerah Aceh) berasal dari kawasan tengah benua Asia. Ada juga yang menyebutkan bahwa mereka bersebelahan dengan masyarakat Tiongkok, juga ada yang menyebut nenek bahwa nenek moyang bangsa Indonesia berasal dari kawasan selatan Mongol. Dalam suatu kesepakatan para ahli sejarawan menyebutkan bahwa nenek moyang bangsa Indonesia berasal dari kawasan Asia dan nenek moyang bangsa Indonesia tersebut berpindah-randah mengikuti aliran sungai di India. Sampai pada abad ke-40 SM, mereka pindah dan kemudian menetap di kawasan nusantara.

Mereka tersebar di sepanjang pesisir pulau Sumaterera dan Jawa. Ada juga yang menempati daerah pedalaman Kalimantan dan Sulawesi. Penyebaran ini tidak terjadi dengan proses yang cepat. Pertumbuhan masyarakatnya pun tidak begitu pesat. Hal ini disebabkan karena sedikitnya alat transportasi untuk menghubungkan satu pulau dengan pulau yang lain. Ditambah dengan tidak adanya bahasa yang disepakati antara mereka sehingga menyulitkan mereka dalam berkomunikasi dengan pihak luar.

Nenek moyang bangsa Indonesia ini tidak hanya membawa barang-barang kuno sebagai perbekalan hidup mereka. Menurut sejarah, banyak terjalin interaksi di

antara manusia saat itu. Mereka yang dulu mendiami bumi nusantara telah menjalin interaksi dengan bangsa Tiongkok, Mongol, Aria, dan suku-suku di kawasan India. Dari interaksi inilah, nenek moyang Indonesia banyak mengadopsi pemikiran dan kepercayaan dari bangsa luar, seperti Cina dan India.

Walaupun Hindu dan Budha belum menguasai bumi nusantara, banyak di antara mereka yang sudah melakukan proses ritual-ritual tertentu. Kepercayaan animisme dan dinamisme telah tumbuh dan berkembang pesat di sekitar lingkungan mereka. Dari kepercayaan inilah, mereka membangun sebuah masyarakat. Mereka mengangkat seorang kepala adat sebagai pemimpin. Baik pemimpin kemasyarakatan ataupun pemimpin dalam proses-proses ritual.

Di daerah kawasan Jazirah Arab, sebagian masyarakat masih percaya pada kekuatan sungai Nil atau kesaktian padang Sahara. Fir'aun masih diyakini sebagai sosok yang masih memiliki kekuatan walaupun jasadnya telah rusak. Bahkan di Eropa, kepercayaan terhadap dewa-dewa Yunani atau roh-roh jahat seperti vampir dan zhombie, masih ramai diyakini oleh mereka. Dari semua penelusuran ini dapat disimpulkan bahwa lahirnya kepercayaan animisme dan dinamisme di daerah Aceh adalah berasal dari pengaruh bangsa lain.

Disamping itu, mereka juga membawa budaya, tradisi, ataupun kepercayaan yang sebelumnya telah mereka dapati dari bangsa lain di luar nusantara. Maka tidaklah menghairankan bahawa adat dan budaya dari bangsa tersebut amat berbekas hingga setakat ini dalam masyarakat Aceh pada sebahagian daerah masih mengamalkannya.

3. 5. 1. 1 Munculnya Teori Animisme dan Dinamisme

Apabila dilihat dalam sejarah bahawa factor munculnya dari teori kepercayaan dari animism dan dinamisme adalah suatu teori yang mempunyai kekuatan luar biasa seperti yang dikemukakan oleh Max Muller (1823-1900) dalam bukunya "*The Growth of Religion*" (1880), maka sebenarnya dalam Al-Qur'an banyak kita dapati menyebutkan juga gejala-gejala alam yang mendasyat dan luar biasa, akan tetapi bukannya untuk disembah dan ditakuti dan ini juga hanya sebagai gejala alam yang bersumber dari pada illahiah seperti telah disebut dalam Al-Qur'an:

1. Diantar tanda adanya Tuhan ialah dia memperlihatkan kepada engkau sekalian kilat, untuk menimbulkan ketakutan dan harapan (Q.S. 30: 24).
2. Guntur menyucikan keagungan Tuhan dan Malaikat-malaikat juga, karena takut kepada-Nya, dan Tuhan menurunkan petir-Nya kemudian menimpakan kepada siapa yang dikehendaki-Nya (Q.S. 13: 13).

Menurut Durkheim,⁸⁰ kata primitif mengandung pengertian bahawa sistem agama tersebut terdapat dalam organisasi masyarakat-masyarakat yang amat sederhana, serta sistem agama tersebut dapat dijelaskan tanpa mesti terlebih dahulu menjelaskan elemen-elemen lain dari agama yang lebih tua darinya. Durkheim, mengatakan agama primitif tampak lebih dapat membantu dalam menjelaskan hakekat religius manusia, dibandingkan dengan bentuk agama lain yang datang setelahnya, sebab agama primitif mampu memperlihatkan aspek kemanusiaan yang paling fundamental dan permanen dalam memahami inti daripada kepercayaan tersebut. Adapun agama dalam arti obyektif ialah segala apa yang kita percayai,

⁸⁰ Durkheim, dilahirkan pada tahun 1858 di kota Epinal dekat Strasbourg, daerah Timur Laut Perancis. Ayahnya seorang pendeta Yahudi. Durkheim, seorang pemuda yang amat dipengaruhi oleh guru-guru sekolahnya yang beragama Katolik Roma, walaupun ayahnya seorang pendeta Yahudi. Lihat, Daniel L. "*Seven Theories of Religion*" New York: Oxford University Press, 1996, hlm. 91-92.

sedang agama dalam arti subyektif ialah dengan cara bagaimana kita berdiri di hadapan Tuhan dan bagaimana kita harus berkelakuan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangannya dan ini adalah suatu kewajiban seorang hamba.

3. 5. 1. 3 Pengertian Animisme

Adapun pengertian *daripada kata Animisme* tersebut cukup banyak pengertian daripada kata tersebut dan yang lebih dapat dimengerti iaitu, berasal dari bahasa Latin “*anima*” yang bermakna “roh”, ataupun Kata animisme berasal dari bahasa latin, yaitu *anima* yang berarti “roh”.⁸¹ Kepercayaan animisme adalah suatu kepercayaan terhadap makhluk halus dan roh dan keyakinan semacam ini sudah banyak dianut oleh bangsa-bangsa yang belum bersentuhan ataupun belum pernah menerima ajaran yang berasaskan daripada agama samawi (wahyu). Sebagian kecil saja dari apa yang biasanya disebut agama bangsa-bangsa primitif dan secara keseluruhan merupakan gambaran yang bulat tentang agama bangsa-bangsa primitif.⁸²

Adapun dalam kebiasaan masyarakat selalu memohon perlindungan untuk menginginkan sesuatu kepada roh-roh antara lain: a. Penyembuhan penyakit, b. Keselamatan seseorang, keluarga, puak, bangsa, c. Bercocok tanam, d. Terhindar dari gangguan hama tanaman, d. Kerukunan, e. Berburu supaya berhasil dan selamat, f. Selamat dalam perjalanan jauh, berperang. g. Terhindar dari gangguan bencana alam. misalnya: banjir, gunung meletus, gempa bumi, kebakaran, gangguan cuaca dan lain-lainnya, h. Selamat melahirkan, i. Masuk sorga setelah melahirkan, j. Keselamatan membangun rumah, masuk rumah baru, k. Mencapai kedudukan (jabatan/ fungsi/ kekayaan), l. Masih banyak hal-hal yang dapat dimohon oleh manusia dari roh-roh.⁸³

Inti daripada suatu pemahaman animisme ianya mempercayai bahawa setiap benda yang didapati di bumi ini seperti laut, gunung, hutan, gua, kuburan atau

⁸¹ Lihat, Pooney, Caroline. “*African Literature, Aninism and Politic.*” London: Routledge. 2001. hlm. 10.

⁸² Lihat, Zakiah Daradjat, dkk, “*Perbandingan Agama I,*” Jakarta: Bumi Aksara, 1996. hlm. 28.

⁸³ Lihat, Alan Barnard and Jonathan Spencer, “*Enchyclopaedia of Sosial Culural Anthropology*”, London: Rotledge. 1996. hlm. 595.

tempat-tempat tertentu yang dianggap mempunyai nilai sakral didalamnya), dan semuanya ini mempunyai suatu jiwa yang mesti dihormati dan dijunjung agar jiwa tersebut tidak mengganggu manusia, bahkan dapat membantu mereka dalam kehidupan untuk menjalankan aktifitas kesehariannya.⁸⁴

Adapun ciri yang amat utama bagi kepercayaan terhadap amalan animisme yang diyakini dan percaya kepada kewujudan roh atau semangat.

- a. Masyarakat ini percaya bahawa roh seseorang yang mati akan merayau ibarat tanpa tuan.
- b. Mereka juga percaya roh orang mati akan mengganggu mereka.
- c. Mereka percaya setiap roh orang mati akan kembali datang melawat mereka juga.
- d. Maka, mereka akan selalu mengadakan arwah seperti pada hari ke-3, 7, 100 dan sebagainya.
- e. Mereka percaya kepada semangat-semangat iaitu satu kuasa ghaib terdapat dalam tumbuh-tumbuhan dan binatang, maka pemujaan telah diadakan oleh pawang untuk kebaikan seperti pagi menjadi, hindari bencana alam.
- f. Selain itu, pantang larang juga diamalkan seperti hormat kepada laut dan sungai.

Maka setelah kehadiran ajaran Islam, ke daerah tersebut maka hal-hal daripada segala kepercayaan karut-marut tersebut dengan perlahan-lahan hilang atau diubahsuai, contohnya semangat atau roh itu dikaitkan dengan syaitan, iblis dan jin.

3. 5. 1. 4 Pengertian Dinamisme

Apapun pengertian dinamisme berasal dari bahasa Yunani, iaitu *dunamos*, bila dalam bahasa Inggris bererti *dynamic* dan diterjemahkan kedalam bahasa Indonesia dengan erti kekuatan, daya, kekuasaan hebat atau khasiat. Sementara definisi dari dinamisme memiliki erti tentang anasir kepercayaan terhadap benda-

⁸⁴ Lihat, A.G. Pringgodidgo (peny) “*Ensiklopedi Umum*,” Jakarta: Yayasan Dana Buku Franklin. 1973. hlm. 74.

benda di persekitaran manusia itu sendiri yang diyakini bahawa memiliki kekuatan yang ghaib dan maka keyajinan yang diyakininya adalah amat abstrak dan hamper tidak dapat dirasainya.

Dalam Ensiklopedi am, dijumpai defenisi dinamisme sebagai kepercayaan keagamaan primitif yang ada pada zaman sebelum kedatangan agama Hindu di Indonesia dan khasnya di daerah Aceh yang setakat ini dikenal dengan Serambi Mekah. Dinamisme disebut juga dengan nama *preanimisme*, yang mengajarkan bahawa tiap-tiap benda atau makhluk mempunyai daya dan kekuatan.

Maka maksud dari erti tadi adalah kesaktian dan kekuatan yang berada dalam zat suatu benda dan diyakini mampu memberikan suatu manfaat atau marabahaya. Kesaktian itu bisa berasal dari api, batu-batuan, air, pepohonan, binatang, atau bahkan manusia sendiri. Anasir dinamisme lahir dari rasa kebergantungan manusia terhadap daya dan kekuatan lain yang berada di luar dirinya. Setiap manusia akan selalu merasa butuh dan harap kepada zat lain yang dianggapnya mampu memberikan pertolongan dengan kekuatan yang dimilikinya. Manusia tersebut mencari zat lain yang akan ia sembah yang dengannya ia merasa tenang jika ia selalu berada di samping zat itu.⁸⁵

Sebagai salah satu contoh, bahawa sebahagian masyarakat di daerah Aceh masih terdapat yang mempercayai terhadap benda-benda tertentu yang mempunyai kekuatan yang luar biasa seperti kepercayaan terhadap batu cincin yang menurut sebahagian mereka menyakini bahawa didalam cincin tersebut terdapat suatu anasir ataupun kekuatan ghaib yang dapat menghindarinya dari pelbagai bahaya yang akan menimpainya, dan begitu juga kepercayaan terhadap rencong dan lainnya, yang kesemuaan ini masih terbina dalam masyarakat Aceh. Kalau kita pindah dari teori

⁸⁵ Lihat, Edward B. Tylor. "*Primitive Culture: Research into the Development of Mythology, Philosophy, Religion, Language, Art and Custom.*" New York: Brentano's Publishers. hlm. 160.

kekuatan luar biasa seperti yang dikemukakan oleh Max Muller (1823 - 1900) dalam bukunya *The Growth of Religion* (1880), maka sebenarnya dalam Al-Qur'an banyak kita dapati menyebutkan gejala-gejala alam yang mendasyat dan luar biasa.

3. 5. 4 Peranan Kepercayaan Agama Hindu

Anasir kepercayaan agama Hindu hingga kini, masih juga membekas, bahkan diamalkan dalam kehidupan masyarakat yang tinggal dalam kawasan kabupaten Aceh Utara dan bahkan dikawasan Kota Lhokseumawe sekalipun, akibat daripada pengaruh dari ajaran agama Hindu itu sendiri, bahkan anasir tersebut sudah masuk ke dalam amalan kepercayaan agama masyarakat Islam yang tinggal di daerah pedalaman. Dalam kepercayaan tersebut memang sudah tidak boleh dipisahkan lagi, dan anasir dan pada amalan tersebut amatlah membahayakan dari segi aqidah masyarakat pada amnya dan ini memang semestinya sudah berlaku di dalam kalangan masyarakat Islam Aceh.⁸⁶Dalam hasil kajian yang telah dijalankan dilapangan bahawa;⁸⁷

Jadual: 3.1.1 Adat Istiadat dari Ajaran Agama Hindu.

<i>Adakah anda setuju pada amnya adat istiadat berasal dari budaya agama Hindu</i>						
	Tempat tinggal	Tidak	%	Ya	%	Jumlah
	Desa	161	83.42%	32	16.58%	193
	Kota	38	55.88%	30	44.12%	68
	Jumlah	199	76.25%	62	23.75%	261

Sumber: Analisis Data Primer, 2007

Berasaskan daripada hasil kajian yang dijalankan di wilayah kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, maka hasilnya menunjukkan masyarakat yang setuju pada pada amnya adat istiadat berasal dari budaya agama Hindu, responden

⁸⁶ Lihat, Richard Winstedt. "*The Malay Magician*". hlm. 27-28.

⁸⁷ Hasil kajian soal selidik yang telah dijalankan dilapangan dalam wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, pada bulan April 2007.

yang tinggal di wilayah desa yang menjawab “Tidak” (83.42%) dan yang menjawab “Ya” (16.58%), sementara responden yang tinggal di wilayah Kota yang menjawab “Tidak” (55.88%) dan yang menjawab “Ya” (44.12%).

Akan tetapi, kenyataan yang telah didapati daripada hasil kajian di lapangan, yang majoriti masyarakat memberikan jawapan yang diwakilkan oleh para responden menyatakan bahawa, majoriti masyarakat yang tinggal di dalam wilayah desa ataupun pada wilayah Kota, tidak setuju pada amnya adat istiadat tersebut berasal dari budaya agama Hindu dan hanya sedikit sahaja yang menyatakan bahawa adat dan budaya tersebut yang berasal dari ajaran agama Hindu.

3. 5. 5 Kepercayaan Dalam Perubahan Alam Sekitar

Kepercayaan dalam perubahan alam sekitar hingga setakat ini, dalam sebahagian daripada masyarakat di daerah kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe adalah sudah menjadi hal yang masih dipercayai, dan ini bergantung pada daerah tersebut. Namun, pada majoritinya masyarakat yang tinggal pada daerah tersebut, masih kerap kali terjadi hal yang sama iaitu dan percaya terhadap perubahan alam persekitarannya yang dikaitkan dengan sesuatu kejadian bertepatan dengan masa yang sama, maka dengan secara langsung sahaja dikaitkan dengan perubahan pada amatlah itu, seperti ada suara burung tertentu, maka tidak lama kemudian dalam masa yang dekat akan, ada kematian ataupun musibah yang akan menimpa kepada seseorang yang tidak diketahui siapa yang akan meninggal namun, sebahagian besar dari masyarakat hingga setakat ini masih mempercayai dalam kejadian dialam ini secara kebetulan sahaja.

Apabila dikaitkan dengan kejadian yang berlaku dalam masyarakat Aceh pada amnya adalah suatu kejadian sama halnya yang pernah terjadi pada masa

Rasulullah ﷺ. Apabila kematian yang menimpa seseorang bertepatan dengan terjadinya gerhana (bulan ataupun matahari), maka yang demikian tidaklah menunjukkan sesuatu apa pun. Keyakinan atau kepercayaan hal itu menunjukkan keagungan mayat adalah khurafat (*dongeng*) Jahiliah dibatalkan oleh Islam melalui Rasulullah ﷺ ketika putra beliau, Ibrahim, meninggal dan bertepatan dengan terjadinya gerhana matahari, beliau berkhotbah, *Amma ba'du*, wahai segenap manusia, orang-orang di zaman Jahiliah dahulu berkeyakinan bahawa matahari dan bulan tidak akan tertutup cahayanya (gerhana) kecuali kerana kematian seorang yang agung. Ketahuilah, sesungguhnya gerhana itu (matahari dan bulan) adalah dua tanda daripada tanda-tanda kebesaran Allah ﷻ. Tidaklah terjadi gerhana kerana kematian seorang yang agung dan tidak pula kerana hidupnya.

Akan tetapi, terjadinya gerhana tersebut bererti Allah ﷻ memberikan peringatan kepada hamba hamba-Nya. Oleh sebab itu, apabila kalian menyaksikan gerhana segeralah kalian berzikir, berdoa dan beristighfar kepada-Nya, dan perbanyaklah sedekah, bebaskan budak-budak dan lakukan solat gerhana di masjid-masjid hingga gerhana berakhir.⁸⁸

3. 5. 6 Peradaban Sosial Dan Adat Istiadat Dalam Masyarakat

Adapun peradaban yang mempunyai nilai yang baik dan mengandungi nilai positif di dalamnya yang telah pupus dan punah dalam kalangan masyarakat, mungkin diakibatkan oleh tamadun dan pergaulan yang datang daripada peradaban dari bangsa Barat. Peranan dalam peradaban adalah merupakan cerminan dan gambaran daripada suatu bangsa yang amat bererti sekali, itu sendiri apabila

⁸⁸ Lihat, Muhammad Nashiruddin al-Albani. "*Tuntunan Lengkap mengurus jenazah.*" hlm. 59-60.

dirincikan amatlah amat banyak telah menjadi pupus maka apabila ditinjau tersebut amat menghairankan, apabila dikaitkan dengan yang berlaku hingga kini.

Setiap kebudayaan mempunyai sistem nilainya sendiri, yang disebut nilai budaya masyarakat itu. Sistem nilailah yang berperanan membentuk pola kebudayaan. Nilai budaya dalam suatu masyarakat dipengaruhi oleh lingkungannya yang membuat seseorang itu berfikir dan bersikap dengan cara tertentu. Disadari atau tidak bahawa pemikiran dan perbuatan seseorang anggota masyarakat adalah digerakkan dan diarahkan oleh nilai budayanya. Masyarakat Aceh mempunyai nilai-nilai budayanya sendiri yang menggambarkan ciri budaya Melayu dengan Aceh, yang tumbuh dalam masyarakat dan diwarisi dari generasi ke generasi sebagai tradisi. Pertanyaannya ialah bagaimana corak nilai-nilai budaya Melayu Aceh yang asli yang telah menjadi tradisi. Pertanyaan ini tidak mudah dijawab, kerana masyarakat Aceh sejak zaman dahulu telah mengalami pelbagai percampuran budaya melalui proses perkahwinan antara satu puak dengan puak yang lain.

Kepercayaan dalam masyarakat Aceh kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe hingga kini masih juga percayai terhadap mistik dan pada amnya terhadap segala sesuatu yang misteri, masyarakat Aceh juga masih memiliki kesamaan dengan teman seagama dari suku yang berketurunan sama, juga dengan orang India dan dengan banyak golongan Muslim dari negara lain. Hanya dengan perkecualian dan kecenderungan itu sedemikian rupa, sehingga melibatkan suatu penyimpangan yang secara sedar daripada ajaran ortodoks.⁸⁹

Kebudayaan asli masyarakat Aceh tidak dikenali lagi. Kalaupun kebudayaan asli masyarakat Aceh itu adalah kebudayaan Melayu, kerana Aceh adalah

⁸⁹ Lihat, Snouck, Hurgronje. "*Acheh Rakyat dan Adat Istiadatnya*." Jakarta: INIS. (terj. Sultan Maimoen). 1996. hlm. 224.

bahagian dari dunia melayu, namun budaya Melayu-Acheh itupun sudah tidak dapat disebut asli lagi, kerana kemudian sudah dipengaruhi oleh kebudayaan Hindu, Islam dan Barat. Tidak dapat ditepis bahawa agama Islam amat banyak mempengaruhi cara hidup orang Acheh sehingga sebagaimana dengan orang Melayu pada amnya, orang Acheh sering dihubungkan dengan orang-orang yang beragama Islam. Islam merupakan salah satu ciri atau jati diri orang Acheh. Sebelum agama Hindu masuk ke Acheh, orang Acheh menganut kepercayaan animisme dan dinamisme.

Walaupun kemudian mendapat pengaruh agama Hindu, namun kepercayaan kepada animisme dan dinamisme tetap kuat kerana anasir kepercayaan Hindu yang diperkenalkan itu tidak jauh berbeza dengan konsep mukhluk ghaib yang dipercayai oleh penduduk asli. Sementara yang terjadi dalam masyarakat Acheh adalah suatu proses terjadinya pencampuran suatu fahaman (*sinkretisme*) antara kepercayaan Hindu dengan kepercayaan penduduk asli tempatan.

Tetapi ketika datangnya Islam ke Acheh, nilai-nilai budaya Hindu dan kepercayaan animisme itu digantikan dengan nilai-nilai Islam. Selanjutnya ketika kebudayaan Barat mulai mempengaruhi ternyata amatlah sedikit yang dapat diterima atau hampir seluruhnya ditolak oleh masyarakat, kerana nilai-nilai Islam sudah amat dalam tertanam dalam masyarakat Acheh pada masa lampau. Pada zaman moden yang global ini ternyata masyarakat Acheh tidak dapat lagi menutup pintu atau menolak pelbagai pengaruh kebudayaan yang datang dari luar, termasuk kebudayaan Barat. Sehingga akibatnya perkara yang sebelumnya telah menjadi tradisi yang kuat tertanam dalam masyarakat, hingga setakat ini sudah hampir hilang sama sekali dan kini telah terjadi banyak perubahan nilai dalam kehidupan masyarakat Acheh.⁹⁰

⁹⁰ Lihat, Darwis A. Soelaiman (peny). "Warisan Budaya Melayu Acheh." Banda Aceh: Pusat Studi Melayu-Acheh (PUSMA). 2003. hlm. 26-27.

Perubahan kebudayaan pada umumnya bersifat tetap namun cenderung berubah kerana pengaruh yang berasal dari lingkungannya. Kebudayaan itu bersifat dinamik. Satu kebudayaan boleh berubah lebih cepat daripada kebudayaan lainnya. Perubahan itu terjadi dalam rangka merespons atau menjawab tentangan dari lingkungannya tadi. Perubahan kebudayaan terjadi oleh beberapa faktor, misalnya kerana (a) perubahan jumlah dan komposisi penduduk, (b) perubahan lingkungan fizik seperti bencana, alam, perubahan sumber alam, (c) penemuan teknologi baru, (d) adanya invasi, penyerangan atau penjajahan oleh kumpulan lain, peperangan, (e) terjadinya suatu hubungan kebudayaan dengan masyarakat lain, maka terjadinya menggantikan social dan kebudayaan tempatan.

Akan tetapi, perubahan itu terjadi kerana masa transisi yang menyebabkan tidak menentunya pedoman hidup masyarakat. Perubahan kebudayaan itu terjadi dari keadaan yang amat normal yang masih sempurna berubah menjadi keadaan yang sepertinya tidak ada aturan dan tatanan, lalu menjadi terintegrasi kembali, atau menjadi disintegrasi.⁹¹

Sehubungan dengan perubahan kebudayaan itu, dalam beberapa tahun belakangan ini, Indonesia sepertinya telah terjejas digoncang pelbagai macam krisis. Pada akhirnya Krisis itu menyebabkan warga bangsa ini berperilaku “pelik-pelik” seperti kehilangan akal sehat. Perilaku itu meluas hingga ke pelbagai golongan, lalu menular hingga pada kaum miskin akibat kekecewaan, baik di Kota mahupun di desa. Sedangkan normalnya, perilaku yang tertib dan teratur dalam satu kumpulan sosial, kumpulan pelbagai puak atau bangsa tentu kerana acuan dan fungsinya bagi kehidupan sosialnya. Pedoman itu berintikan nilai-nilai dan moral-moral yang biasa disebut sistem budaya tadi. Kalau demikian, krisis yang dialami bangsa Indonesia

⁹¹ Lihat, Muhammad Junus Melalatoa. “*Acheh Kembali ke Masa Depan* “. hlm. 9-10.

adalah “krisis panduan,” yang sesungguhnya amat berarti “krisis kebudayaan,” yang sering pula disebut krisis mental atau krisis moral.

Namun, daerah budaya, berwujud “fikiran kolektif” yang kekuatan beberapa “*Skala Richter*,” sehingga menghancurkan segala binaan dan nilai-nilai sosio budaya bangsa ini. Gejala ataupun kenyataan perubahan semacam tersebut di atas itulah yang ingin untuk di pahami pada masyarakat Aceh hingga kini.

Nanggroe Aceh Darussalam keterbatasan masa dan terbatasnya asas rujukan tidak memungkinkan mengurai secara mendalam kebudayaan lapan suku bangsa itu. Lapan suku bangsa itu semestinya digarap pada kesempatan khas lain, dan alangkah baiknya kelak deskripsi itu berdasarkan hasil kajian lapangan dan langsung boleh mengungkapkan kadar kebudayaannya yang lebih terkini.⁹²

3. 5. 6. 1 Peradaban Sosial dan Adat Istiadat yang Berlaku

Apabila dilihat dalam sejarah bahawa peradaban sosial masyarakat pada kerajaan Aceh pada masa yang lalu, memang sudah mendekati kepada peradaban yang boleh dikatakan sudah mencapai pada titik kecemerlangan dan kegemilangan. Namun, paling dikesali bahawa sebahagian nilai peradaban sosial sudah mulai pupus dan hilang dalam kehidupan masyarakat hingga setakat ini. Adat dan istiadat yang masih tinggal setakat ini memang apabila dilihat nilai budayanya memang amat berbeza dengan masa yang lalu. Sebenarnya asas utama pembudayaan adat istiadat Aceh pada amnya terkandung di dalamnya tiga tujuan dan wawasan, iaitu:

Pertama: Mengandung unsur ritual, untuk mengarahkan kepada masyarakat, bahawa dalam pelaksanaan tata adat, misalnya kenduri Mawlid Rasul, mendiami rumah baru, membuka perniagaan baru, tetap selalu dimasukkan nilai-nilai agama

⁹² Ibid. hlm. 10.

iaitu dengan berzikir dan bacaan doa, selawat dan lain lain, digunakan untuk meluruskan aqidah dan menggantung harapan kepada Allah Ψ.

Kedua: Mengandung unsur ekonomi, seperti penerapan hari pasar (*Uroe Peukan*), kunjung mengunjungi *silaturrahmi*, antara sesama keluarga, mengunjungi orang bersalin, sakit, khitan, acara pernikahan dan lain-lain, selalu diiringi dengan acara makan kenduri bersama, bawaan bungkusan, sehingga dengan demikian untuk memenuhi keperluan untuk mengunjungi. Memastikan masyarakat untuk melakukan kegiatan ekonomi sesuai dengan zamannya iaitu seperti menanam mangga, sawuh, jeruk bali, nenas, tebu, kelapa dan termasuk sayur-sayuran dan lain-lain di persekitaran rumah.

Ketiga: Pembinaan dan pemeliharaan lingkungan hidup, maka dengan menghasilkan benda-benda ekonomi sebagai tersebut pada kedua-dua di atas, bererti mereka telah turut pula melestarikan lingkungan hidup. Penampakkan adat budaya Aceh tidak hanya dinikmati oleh masyarakat Nasional Bangsa, bahkan hingga ke dunia antarabangsa, seperti Amerika, Jepun dan negara lainnya di Asia Tenggara yang terutama yang berkaitan dengan tari-tarian dan kesenian. Semua itu berasaskan dari keperibadian dan moral bangsa tersebut.⁹³

Adat adalah merupakan suatu kebudayaan dalam bentuk yang ideal, di dalamnya terkandung nilai-nilai yang menjadi asas untuk bertindak dan pedoman bagi masyarakat dalam berbudaya atau dalam menjalankan kehidupan sehari-hari.⁹⁴ Tidak ada satu masyarakat pun di dunia ini yang tidak memiliki adat istiadat sebagai tradisi budaya mereka.

⁹³ Lihat, Badruzaman, Ismail. "*Mesjid dan Adat Meunasah Sebagai Sumber Energi Budaya Aceh*". Banda Aceh: Gua Hira'. Cet.1. 2002. hlm. 84-85.

⁹⁴ Dalam falsafah hidup masyarakat Aceh masa dulu yang secara nasional materi-materi yang semestinya untuk diamalkan sebagai pandangan hidup itu dalam kedudukannya mengandung makna:1. Dalam segala kehidupan negara dan rakyat mesti berjiwa dan berasaskan Islam. 2. Wajah politik dan wajah ajaran Islam pada asas masyarakat dan negara Aceh telah menyatu.3.

Keberadaan adat amat bergantung kepada pemerintah dan masyarakatnya. Pada zaman kerajaan Aceh Darussalam adat menjadi tenaga penggerak dalam roda pemerintahan dan kehidupan sosial budaya. Dalam falsafah hidup rakyat Aceh pada masa itu tercermin dalam ungkapan pepatah sebagai berikut:

*Adat bak Poteu Meureuhom
Hukom bak Syiah Kuala
Qanun bak Potroe Phang
Reusam bak Laksamana
Hukom ngon adat lagee zat ngon sifeut.*

Ertinya:

Kekuasaan atas adat berada di tangan raja,
Kekuasaan atas hukum agama (Islam) di tangan ulama,
Kekuasaan atas pembuatan undang-undang pada Puteri Pahang
Kekuasaan atas resam (adat kebiasaan) pada Laksamana
Hukum Islam dengan adat tidak terpisahkan, ibarat zat dengan sifat.

Daripada ungkapan tersebut terkandung makna bahawa dalam masyarakat Aceh masa dahulu, adat memainkan peranan yang amat mustahak. Kehidupan masyarakat diatur oleh adat dan hukum dan kedua-duanya berasaskan pada ajaran agama Islam. Hukum yang berlaku adalah hukum Islam dan adat bersendikan pada ajaran Islam itu. Adat dan hukum Islam tidak boleh bercanggahan, sehingga adat istiadat yang tidak sesuai dengan hukum Islam dilihat sebagai bukan adat Aceh.⁹⁵

Adat Aceh dapat menjangkau ke pelbagai bidang kehidupan, seperti dalam pemerintahan, sosial, ekonomi dan seni budaya. Oleh itu, di samping adanya adat bagaimana mengatur pemerintahan dan bermusyuarat, terdapat juga adat yang berhubungan dengan perkahwinan, kelahiran, kematian, adat yang berhubungan

Sifat gotong-royong yang telah menjadi ciri khas Islam, telah menjadi asas bagi rakyat dan kerajaan Aceh Darussalam dalam bahasa Aceh disebut dengan *meuseuraya*. Lebih jelasnya dapat dilihat, Badruzaman, Ismail. "*Mesjid dan Adat Meunasah Sebagai Sumber Energi Budaya Aceh.*" hlm. 112.

⁹⁵ Ibid. hlm. 112.

dengan beniaga, bertani, menangkap ikan, adat yang berkaitan dengan cara bertamu dan menerima tamu, adat berpakaian, bersopan santun dan sebagainya.⁹⁶

Sementara itu kita mesti merebut kemungkinan perencanaan yang amat besar dan menyeluruh penyelamatan yang berkaitan khazanah masa lalu dan berterusan hari ini dengan masa depan yang lebih baik lagi. Maka untuk itu ada beberapa hal yang sebaiknya dikerjakan antara lain;

- i. Penyelamatan serta pemeliharaan benda tradisi kebudayaan dan kesenian Aceh mesti segera dijalankan dengan segera. Kompleks makam kuno yang ada di Kampung Pande, Kandang XII, dan lain-lain di sekitar Banda Aceh mesti dipelihara kembali.
- ii. Untuk pembinaan kembali Aceh diperlukan amat banyak tenaga pakar, mahupun tenaga sarjana teknik lulusan akademi. Mengingat masa pembangunan yang akan bertahun-tahun ke hadapan, akan amat bermanfaat apabila Aceh membina sekolah-sekolah kejuruan menengah setingkat politeknik di Aceh. Aceh ke depan memerlukan tenaga manusia yang lebih terampil dan bermutu. Sekolah politeknik ini sekurangnya mencakup bidang pengajian teknik, pengajian seni, pengajian ekonomi dan pelancongan.
- iii. Sebagai tindakan lanjutan aktiviti Pekan Kebudayaan Aceh (PKA) telah empat kali dilaksanakan dengan berjaya di Banda Aceh dan telah membangkitkan mutu seni tari Aceh yang lama terpendam sebelumnya, sehingga memengaruhi seni tari tradisional daerah lainnya, pantas pula diberikan satu perhatian yang khas.
- iv. Untuk menjaga kesinambungan nafas masa lalu Aceh yang inheren dengan ajaran Islam, yang terus bertaut dengan masa kini, diperlukan wadah yang lebih konkrit, seperti Muzium Kebudayaan Aceh. Kompleks Muzium Aceh yang sekarang masih ada dapat dipersiapkan menjadi pengasas Muzium yang mengatur ulang dengan asas pemikiran yang lebih luas.
- v. Gempa dan tsunami Aceh adalah bencana alam yang berskala dunia. Seluruh dunia tergugah, seluruh dunia ingin tahu, seluruh dunia ikut membantu. Bencana ini tidak membuat Aceh dikenal dunia antarbangsa. Ini tentunya masa depan membuat pintu gerbang masuk ke Aceh akan selalu dilalui oleh pelancong antarbangsa.
- vi. Pada akhirnya, apapun yang direka bina dan dilaksanakan di Nanggroe Aceh Darussalam pasca bencana adalah untuk mengembalikan ke martabat rakyat Aceh yang terlalu lama telah mengalami penderitaan.⁹⁷

⁹⁶ Ibid. hlm. 113.

Maka sudah amat jelas bahawa direka bina adat dan budaya dalam masyarakat Aceh adalah amat penting dan amat mendokong dalam memainkan peranannya dalam pembinaannya, baik itu pembinaan, fizik, sosial mahupun mental masyarakat itu sendiri.

3.6 Kenduri dan Memperingati Hari Besar Islam

Dalam adat dan tradisi masyarakat Aceh mengenai pelaksanaan acara kenduri sudah merupakan bahagian yang tidak terpisah dalam kehidupan masyarakat Aceh. Kenduri juga dalam adat masyarakat Islam Aceh sudah menjadi tradisi dalam memperingati hari besar Islam. Maka dengan melaksanakan acara kenduri bersama-sama tersebut mendapat berkah dan bertambah rezeki pada kemudian hari. Kemudian masyarakat membahagikan suatu kumpulan dan tradisi ini memang sudah lama pelaksanaan acara tersebut.

Daerah Aceh juga merupakan daerah yang masih kerap dengan amalan ajaran Islam dan hingga semua yang ada hari-hari besar dalam kalendar Islam semuanya hari besar tersebut dijadikan sebagai hari yang mempunyai nilai sakral di dalamnya, sebagaimana firman Allah Ψ berkata:

Ertinya:

“Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya”.
(*Surat al-Isr* : 36).

Ayat yang di atas menyatakan dengan jelas bahawa, Allah Ψ melarang untuk mengikuti segala hal yang sementara tidak memiliki sedikitpun tentang ilmu

⁹⁷ Lihat, Sardono W. Kusumo. (peny). “*Acheh Kembali ke Masa Depan.*” Jakarta: IKJ Press. 2005. cet. 1. hlm. 308-314.

pengetahuan dan asas hukum yang jelas yang sedang amalkan. Dan Allah ﷻ akan bertanya kepada seluruh anggota tubuhnya dari hambanya untuk diminta bertanggungjawab dari segala hal yang mereka telah kerjakan di dunia ini yang tanpa ada asas hukum yang jelas dalam firman Allah ﷻ yang lain menyatakan juga.

Ertinya:

Dan segala yang mereka sembah yang lain dari Allah ﷻ, tidak mempunyai sebarang kuasa untuk memberikan syafaat pertolongan, kecuali sesiapa yang memberi penerangan mengakui kebenaran dengan mentauhidkan Allah ﷻ, Tuhan Yang Sebenar-benarnya secara mereka mengetahuinya dengan yakin (bukan dengan kata-kata orang; maka merekalah yang mungkin diizinkan memberi dan mendapat syafaat itu). (*S rat az-Zukhruf: 86*).

Firman Allah ﷻ yang di atas menerangkan bahawa, segala sesuatu yang mereka sembah selain dari Allah ﷻ, maka tidak ada sedikitpun mendatangkan, memberikan syafaat dan pertolongan kepadanya, hanya kecuali kepada orang-orang yang mendapatkan penerangan dan petunjuk juga disertakan dengan mentauhidkan Allah ﷻ semata-mata dan kepada orang yang selalu mengikuti perintah Allah ﷻ yang telah ditentukan. Allah ﷻ juga berfirman dalam surat yang lain.

Ertinya:

Dan jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah ﷻ; tiadalah yang mereka turut melainkan sangkaan semata-mata dan mereka tidak lain hanyalah berdusta. (*S rat al-An' m: 116*).⁹⁸

Berasaskan keterangan daripada firman Allah ﷻ yang di atas, maka sekiranya umat manusia mengikuti segala hal yang daripada kebanyakan daripada manusia

⁹⁸ Lihat, Syeikh Muhammad al-Amin bin Muhammad al-Mukhtar al-Jakani, al-Syankaiti. “*At-W 'al-Bay n Fi 'Id t al-Qur' n al-Karim.*” Jz. 2. hlm. 116.

dibumi ini, maka mereka akan menyesatkan dan membawa kejalan yang tidak benar, mereka mengikuti dari orang-orang terdahulu hanyalah hanya sebagai sangkaan semata-mata ataupun hanya sebagai perkiraan semata yang tidak diasaskan dengan ilmu pengetahuan yang sah, maka yang sebenarnya mereka itulah sebagai orang pendusta agama dan kepada Allah ﷻ juga.

Hingga kini, amat banyak adat, tradisi dan budaya yang sedang diamalkan oleh masyarakat di daerah Aceh yang hanya sekadar untuk mengikuti orang-orang terdahulu ataupun kerana nenek moyangnya telah mengamalkan amalan tersebut, maka mesti menurunkan amalannya kepada anak cucunya agar melaksanakan yang dikerjakan pada masa dahulu dan sekalipun amalan tersebut amat bercanggahan dengan ajaran Islam ketika tetap menirunya.

3. 6. 1 Kenduri dan Memperingati Maulid Rasul

Amalan kenduri dalam memperingati Maulid Rasul Sudah dijadikan suatu adat dalam masyarakat di Aceh, bahawa kenduri itu yang dinamai dengan kenduri *moklot*, bukan sahaja amalan tersebut dilakukan pada malam 12 *Rabiul Awal*, tetapi dapat dilakukan dalam waktu 100 hari (*Ihee buleuen siploh uroe*). Kenduri yang diadakan sesudah malam 12 *Rabiul Awal*, biasanya diadakan pada siang hari.⁹⁹

Dalam masyarakat di daerah Aceh pada majoritinya masih berkaitan dengan masalah peringatan dengan hari Maulid Muhammad ﷺ sudah menjadi sebuah tradisi yang mesti dirayakan untuk memperingati hari lahirnya baginda Rasulullah ﷺ sebagai kekasih Allah ﷻ, maka amatlah wajar sekali bagi umatnya untuk merayakannya dan kebiasaan dalam melaksanakan acara Maulid Rasul, akan dilaksanakan dengan pelbagai macam kegiatan ataupun aktiviti, diantaranya pada

⁹⁹ Ibid. hlm. 116.

siang hari membacakan selawat bersama-sama dan diakhiri dengan membaca doa yang dipimpin oleh para alim ulama tempatan dan kemudian menikmati hidangan makanan dan minuman yang telah disediakan.¹⁰⁰ Pada akhir acara tersebut akan diadakan acara dakwah yang disampaikan oleh para pendakwah.

Apabila dilihat dalam sejarah belum pernah didapati bahawa Rasulullah ﷺ untuk merayakan acara dalam kelahirannya. Hingga kini, belum pernah ada satu Hadith pun yang membolehkan dan untuk menerangkan dapat membenarkan bahawa pada setiap tarikh 12 *Rabiul Awwal* akan diraiakannya. Sehingga beliau telah wafatnya Rasulullah ﷺ, belum pernah membolehkan para Shahabat τ untuk melaksanakannya, begitu juga dengan para Shahabat τ dan begitu juga para tabi' dan tabi'in dan para *salafussalih*.¹⁰¹

Menurut para ahli sejarah diperkirakan bahawa, orang yang pertama sebagai pengasas daripada pelaksanaan acara memperingati hari kelahiran Rasulullah ﷺ, adalah Sultan Muhammad Qutuz yang pada masa itu negeri tersebut sedang dalam posisi kurang aman untuk berusaha membolehkan kesempatan tersebut untuk memberikan semangat kembali kepada para pejuang umat Islam di dalam peperangan. Maka dengan menggunakan kesempatan dan masa pada hari kelahiran Rasulullah ﷺ iaitu yang bertepatan pada tarikh 12 *Rabiul Awwal*.

Pada puncak pelaksanaan acara tersebut untuk memberikan semangat juang dan kemudian membacakan syair dan karya sastera menceritakan tentang kelahiran Muhammad ﷺ diantaranya yang amat terkenal adalah karya Syeikh al-Barzanji yang menampilkan riwayat kelahiran Rasulullah ﷺ yang berbentuk nazam (puisi). Maka

¹⁰⁰ Lihat, Muhammad Husain. "*al-Lum ' fi Tajliyyat al-Bid'i*." al-Isk ndariyyah-al-Misr : D r al-Da'w t. 2004. hlm. 107.

¹⁰¹ Lihat, Syeikh Muhammad al-Ghazali. "*Bid' t Bukan dari Ajaran Islam*." hlm. 184.

hingga kini masih dikenal dengan bacaan *barzanji*, apabila masa perayaan acara maulid maka akan dibacakan bacaan *barzanji*.¹⁰²

Maka pada masa itu hingga kini, pada majoriti negara Islam masih memperingati acara tersebut untuk mengingati kepada Rasulullah ﷺ dan untuk menyatu padukan umat Islam yang pada masa ini sudah pudarnya rasa kebersamaanya dan diharapkan kepada seluruh umat Islam di dunia dan untuk menghadapi bersama pelbagai serangan bersama-sama dan tuduhan yang dibuat oleh orang selain daripada umat Islam.

Namun, hingga kini dalam merayakan acara maulid juga dijadikan sebagai tempat media dakwah yang mengandungi amat banyak manfaatnya dan hikmahnya. Sementara, mengenai cara peringatan acara tersebut memang berbeza-beza daerah satu dengan daerah yang lain.

Pada inti pati pelaksanaannya acara sama sahaja dan akhirnya acara tersebut, sudah dijadikan suatu tradisi di pelbagai daerah Aceh pada amnya, yang mesti diamalkan pada setiap tahun dan apabila ada sebuah kampung yang tidak melaksanakan acara tersebut maka kampung tersebut dianggap tidak taat menjalankan Syariat Allah ﷻ yang telah diperintahkan. Di samping itu, untuk dijadikan sebagai media dakwah juga sebagai acara bakti sosial yang lebih menyentuh dan lebih memahaminya dalam lingkungan masyarakat yang amat memerlukan bantuan tersebut ataupun belas kasihannya.

¹⁰² Ada pendapat lain yang mengatakan bahawa orang yang pertama sekali yang melaksanakan acara perayaan Mawlid Rasul adalah Bani Ubaidul Qadah, dan mereka menakan dirinya adalah sebagai keturunan Fatimah dan kemudian melaksanakan acara tersebut juga untuk mengenang kelahiran Imam Ali. Lihat, "*Bid yat l wa Nih yah*". Jl. 11. hlm. 202. Lihat juga, "*Lis n al-Arab*". Jl. 2. hlm. 556, "*Wafi t al-Aky n*". Jl. 3 hlm.118. Akan tetapi, Imam Jal luddin as-Syay ti, Menyebutkan dalam Kitabnya berjudul "*Husn l Maksyid fi 'mal al-M ulid*". Berpendapat bahawa: Orang yang pertama yang melaksanakan acara peringatan Mawlid Rasul adalah Irbal al-Malik al-Madaffar Ab Said Kukubri bin Zainuddin Ali bin Baktuqin. Lihat, "*al-H wi*". Jl. 1. hlm. 189.(no. kitab: 24).

Adapun upacara Maulid ini dilangsungkan dalam tiga tahap, yaitu dalam masa tiga bulan.¹⁰³ Dimulai pada bulan pertama yang disebut Maulid Awal (*Maolud awai*) yaitu yang jatuhnya atau bertepatan dengan tarikh 12 bulan *Rabiul Awwal*. Jadi kalau ada orang yang akan melaksanakan Maulid dimulai pada tarikh 12 bulan *Rabiul Awwal*. Sebelum tarikh 12 bulan *Rabiul Awwal* ini tidak dibenarkan mengadakan upacara Maulid, kerana tarikh 12 bulan *Rabiul Awwal* itu adalah tarikh kelahiran Muhammad ﷺ dan tegasnya upacara Maulid itu adalah untuk memperingati kelahiran Nabi Muhammad ﷺ.

Sungguhpun tarikh 12 bulan *Rabiul Awwal* sebagai permulaan jatuhnya tarikh untuk memperingati upacara Maulid, tetapi boleh sahaja diadakan pada tarikh lain asal sahaja bulan di luar bulan Maulid, kerana yang termasuk bulan Maulid sejak tarikh 12 bulan *Rabiul Awwal* hingga dengan tarikh 30 *Jumadil Awwal*. Jadi jelasnya masa untuk mengadakan upacara Maulid itu panjang sekali iaitu hingga 3 (tiga) bulan lamanya, dengan perincian sebagai berikut:

- i. Maulid Awal (*Maulod awai*), dimulai mulai tarikh 12 *Rabiul Awwal* hingga dengan tarikh *Rabiul Awwal*.
- ii. Maulid tengah (*Maulud Teungeuh*), dilangsungkan dalam bulan *Rabiul Akhir* dan upacaranya dapat dilangsungkan pada tarikh bila-bila sahaja sepanjang bulan ini.
- iii. Maulid akhir (*Maulud Akhe*) dilangsungkan dalam bulan *Jum dil Awwal*, dan ini pun dapat dilaksanakan sepanjang bulan asal sahaja tidak lebih dan bulan ini.

Demikianlah pembahagian tahap-tahap upacara Maulid yang dilangsungkan setiap tahun di daerah, memang hal yang demikian itu, biasanya berlaku pada amnya. Maksud dan tujuan pembahagian tahap-tahap tersebut ialah agar para warga desa

¹⁰³ Lihat, Syamsuddin. T. (peny). “Upacara tradisional yang berkaitan dengan peristiwa alam dan kepercayaan Daerah Istimewa Aceh”. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. 1985. hlm. 57.

dapat melaksanakan upacara kenduri Maulid Nabi (*Pang Ulee*) itu secara keseluruhan dan merata, ertinya kalau tidak dapat atau tidak ada kemudahan untuk melaksanakan Maulid pada tahap pertama iaitu pada bulan *Rabiul Awwal*, dapat ditunda dan dilaksanakan pada tahap kedua iaitu pada bulan *Rabiul Akhir*. Andai-kata pada bulan *Rabiul Akhir* tidak dapat juga dilaksanakan, maka masih ada kesempatan tahap ketiga, iaitu pada bulan *Jum dil Awwal*, sehingga dengan demikian biasanya jarang sekali upacara Maulid itu tidak dapat dilaksanakan oleh penduduk tempatan, bahkan dalam tenggang masa tiga bulan tersebut setiap orang berusaha dengan setiap kemampuan yang ada padanya, agar mereka dapat juga melaksanakan kenduri (*Pang Ulee*) yang tradisi diadakan setiap tahun sekali.¹⁰⁴

Maka kembali kepada persoalan hukum untuk merayakannya apakah hal ehwal tersebut termasuk bidaah ataupun dibenarkannya, memang secara amnya bahawa para ulama salaf menganggap amalan tersebut termasuk dalam golongan amalan bidaah yang amat berlebihan.¹⁰⁵ Hal ini karena tidak pernah diperintahkan oleh Rasulullah ρ dan tidak pernah diamalkan oleh para sahabat dan *salafussalih*, ada juga yang menganggap amalan tersebut bukanlah daripada amalan bidaah yang menyesatkan kerana tidak berkait dengan ibadah *mahdhah* suatu peribadatan dalam syariat, sebagaimana Allah Ψ berfirman kepada orang-orang Yahudi dan Nasrani.

Ertinya:

Dan mereka (Yahudi dan Nasrani) berkata pula:
“Tidak sekali-kali akan masuk Syurga melainkan orang-orang yang beragama Yahudi atau Nasrani.”
Yang demikian itu hanyalah angan-angan mereka sahaja. Katakanlah (wahai Muhammad ρ): “Bawalah kemari keterangan-keterangan yang (membuktikan

¹⁰⁴ Ibid. hlm. 57.

¹⁰⁵ Dalam lampiran “*Tarikh Ath-Thabari*”, al-Firghani menceritakan mengenai *al-Hall j* yang amat disucikan oleh para pengikutnya. Sampai-sampai air kencing *al-Hall j* mereka usapkan pada tubuh mereka, bahkan kotorannya mereka perebutkan, seakan-akan mereka menganggap bahawa *al-Hall j* adalah Tuhannya.

kebenaran) apa yang kamu katakan itu, jika betul kamu orang-orang yang benar.” (*S rat al-Baqarah*: 111).

Dalam keterangan ayat yang telah disebutkan di atas, orang Yahudi dan orang Nasrani mengatakan kepada orang selain dari agamanya, dengan ucapan tidak akan masuk ke dalam syurga kecuali orang-orang yang beragama sama dengannya sahaja ataupun sama ajaran dengan orang Yahudi dan Nasrani. Di sisi yang lain para orang Yahudi dan Nasrani menentang dan melawan dengan Muhammad ρ, dengan ucapan sekiranya ajaran yang dibawa oleh Muhammad ρ benar, maka cuba diperlihatkan bukti yang jelas sebagai kebenaran ajaran yang dibawa oleh Muhammad ρ. Ini adalah suatu hambatan yang mesti dihadapi oleh Muhammad ρ dan disisi yang lain mesti memperlihatkan kebenaran tersebut, akan tetapi bagi Muhammad ρ ini adalah sebahagian daripada untuk menyampaikan syariat dari Allah Ψ, dalam Hadith Sahih lain Rasulullah ρ bersabda.

Ertinya:

Dari Abdullah bin Umar, beliau berkata, *Rasulullah ρ* bersabda: “Tidaklah Allah Ψ mengutus seorang Allah Ψ kecuali wajib atas Allah Ψ itu menunjukkan kebaikan dan memperingatkan umatnya dari kejahatan yang Allah Ψ ajarkan atasnya. “(*H.R. Muslim*).

Daripada sabda Rasulullah ρ diatas maka jelaslah bahawa, Rasulullah ρ telah menunjukkan kebaikan dan juga untuk memperingatkan kepada umatnya supaya mendapat petunjuk kearah jalan yang baik dari kejahatan dan menyesatkan, Allah Ψ juga mengutus Rasulnya Muhammad ρ adalah sebagai Rasul ρ yang melebihi dari segala Rasul dan ia juga sebagai penutup daripada para Rasulullah ρ. Maka juga

diutuskan untuk menyampai segala dari syariat kepada umatnya didunia dan tidak ada satupun risalah yang tertinggal daripada untuk disampaikannya kepada manusia dimuka bumi ini, sebagaimana Allah ﷻ berfirman.

Ertinya:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah ﷺ itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah ﷻ dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah ﷻ banyak-banyak (dalam masa sukar dan senang). (*Surat al-Ahzab: 21*).

Maka dalam keterangan ayat yang telah disebutkan di atas jelaslah, bahawa telah diutuskan Rasul ﷺ untuk memperbaiki segala ajaran-ajaran dan teladan serta yang sentiasa kepada umat yang taat dan mengharap keridhaan Allah ﷻ dan sentiasa juga selalu untuk mengingati Allah ﷻ dimana-mana sahaja dia berada, ataupun baik ia dalam keadaan susah ataupun dalam keadaan senang, tanpa ada masa tertentu, ataupun tempat tertentu kecuali hanya beberapa sahaja yang telah disebutkan secara dalil yang sahih dengan diasaskan Qur'an dan Hadith.

Namun, hukum untuk merayakan ataupun melaksanakan acara Maulid Rasul, memang ada sebahagian ulama yang tidak membenarkan dan ada juga sebahagian ulama yang membenarkannya. Adapun Jumhur ulama yang tidak membenarkan untuk melaksanakannya kerana amalan tersebut adalah merupakan salah satu amalan bidaah dan mungkar yang amat berbahaya, sementara Rasulullah ﷺ sendiri tidak pernah untuk merayakannya dan begitu juga dengan para Shahabat τ , tabi' dan tabi'in dan hingga para Salifussalih hingga abad ketiga, tidak pernah untuk merayakan acara Maulid Rasul tersebut yang amat tidak eloknyalah lagi adalah pada masa pelaksanaan acara tersebut bercampurunya antara kaum lelaki dengan wanita

dan malan seperti ini adalah amat dibenci oleh Allah ﷻ dan Rasulnya. Bahkan Rasulullah ﷺ sendiri untuk melarangnya, sebagaimana sabdanya.

Ertinya:

Janganlah kamu melampau memujiku sebagaimana kaum Nasrani melampau memuji Nabi 'Isa bin Maryam. Sesungguhnya aku adalah seorang hamba. Maka katakanlah hamba Allah ﷻ dan Rasul-Nya. (*H.R. al-Bukhari dan Muslim*).¹⁰⁶

Dalam pengertian Hadith yang di atas telah jelas bahawa Rasulullah ﷺ melarang untuk memuji yang amat melampau, agar jangan mengikuti jejak para kaum Nasrani yang merayakan dan memuji hari kelahiran Nabi Isa bin Maryam secara bersama-sama dan semeriah mungkin, agar dengan amalan perayaan tersebut mendapatkan keberkahan. Amalan menyambut Maulid Rasul adalah suatu amalan yang *tashabbuh* ataupun meniru amalan golongan kaum Nasrani. Ramailah daripada golongan orang Muslimin yang jahil dan sebahagian kecil para ulama yang menyelewengkan amalan tersebut untuk mengadakan sambutan Maulid Rasul pada bulan Rabiul Awwal pada setiap tahunnya.¹⁰⁷

Sebahagian ulama hingga kini telah membolehkan untuk melakukan suatu acara Maulid Rasul adalah dengan alasan bahawa perayaan Maulid Rasul tersebut sebagai memuliakan kepadanya dan untuk mengenang perjuangan menegakkan kalimat Allah ﷻ dan sekiranya pelaksanaan perayaan acara tersebut bidaah, hanya sebagai bidaah *hasanat*, bidaah untuk kebaikan dan kemaslahatan bersama.¹⁰⁸

Ertinya:

¹⁰⁶ Lihat, "*Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*." Jz. 1. hlm. 23. Dan Shahih al-Bukhari, Kitab al-Anbiya'. Dan lihat juga, "*Shahih al-Bukhari*." Jz. 4. hlm. 142. Bab. 48.

¹⁰⁷ Lihat, al-Fawzan, Salih bin Fawzan Abdullah. (terj.). "*Bid'ah Konsep dan Pengertiannya*." Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Sdn. Bhd. 1994. hlm. 32.

¹⁰⁸ Lihat, al-Hafid Ibn Kathir. "*al-Bidayat w Nihayat*". Jz. 13. hlm. 137.

“Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah ﷻ dan taatlah kamu kepada Rasulullah ﷺ dan kepada “*Ulii-Amri*” (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah ﷻ (Qur’an) dan (Sunnah) Rasulnya jika kamu benar beriman kepada Allah ﷻ dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya. (*Surat an-Nis* ’: 59).¹⁰⁹

Ayat yang di atas telah jelas bahawa, memerintahkan agar taat kepada Allah ﷻ dan kemudian taat kepada Rasulnya dan kemudian baru taat kepada pemimpin ataupun kepada pemerintahan. Apabila terdapat perbezaan pendapat, mesti kembali kepada Qur’an dan Rasulnya yang dapat menjadikan segala dari asas sesuatu masalah. Sesungguhnya dalam acara perayaan terhadap masa yang telah disebutkan di atas, adalah termasuk daripada amalan bidaah, khurafat dan tahyul belaka yang pada gilirannya akan menyebabkan timbulnya ke syirik, yakni jika seseorang sudah berani meminta pertolongan atau perlindungan kepada sesama makhluk. Bagi seorang yang berakal, cerita mengenai adanya perayaan-perayaan tersebut bukanlah sesuatu asing yang terjadi di dalam sejarah Islam, sekalipun itu bercanggahan dengan ajaran Islam sendiri.¹¹⁰

3. 6. 2 Kenduri Dan Memperingati Israk Dan Mikraj

Malam mikraj yang bertepatan pada tarikh 27 *Rajab*, diperingati di *meunasah*, masjid dan rumah ibadat Islam lainnya, dengan membaca riwayat Nabi Muhammad ﷺ. Untuk mengadakan kenduri untuk pembacaan Mikraj.¹¹¹ Adapun

¹⁰⁹ Lihat, Syeikh Muhammad al-Amin bin Muhammad al-Mukhtar al-Jakani, al-Syankaiti. “*At-W ‘al-Bay n Fi ‘Id t al-Qur’ n al-Karim.*” Jz. 2. hlm. 261.

¹¹⁰ Lihat, Muhammad Nashiruddin al-Albani, Ali bin Nafi al-Ulyani. “*Tawasul dan Tabruk.*” hlm. 283.

¹¹¹ Lihat, Moehammad Hoesin. “*Adat Atjeh.*” hlm. 123.

acara untuk memperingati Israk dan mikraj¹¹² sudah menjadi suatu kebiasaan para masyarakat yang tinggal di daerah Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe dengan melakukan amalan kenduri ataupun makan bersama-sama, yang mana makanan tersebut dan minuman tersebut yang dibawakan oleh para masyarakat tempatan dan biasanya dilaksanakan di masjid dan surau ataupun dikawasa terbuka. Sebagian ulama memandang sebab penamaan tersebut adalah kerana kemuliaan bulan-bulan tersebut dan besarnya pahala atau dosa bagi yang melakukan kebaikan atau kemungkaran padanya.

Bagi masyarakat Aceh pelaksanaan acara tersebut biasanya disertai dengan acara dakwah diketuai kan oleh para Tok Guru ataupun para ustaz yang kebiasaannya dijemput daripada luaran daerah agar supaya masyarakat dapat mendengar dengan khusyuk. Sebenarnya mengadakan perayaan hari keagamaan seperti Israk dan Mikraj. Sekalipun demikian rupa memang tiada dalil yang shahih untuk yang menyuruh dan membenarkan melaksanakan acara tersebut menurut syara'.¹¹³ Tidak diragukan lagi bahawa peristiwa Israk dan Mikraj adalah merupakan sebagai tanda-tanda kekuasaan Allah ﷻ yang maha agung dan sebagai bukti kebenaran Rasul-Nya Muhammad ﷺ, sebagaimana firman Allah ﷻ dalam Al-Qur'an.¹¹⁴

Mengenai peringatan pada malam saat diselenggarakannya Israk dan Mikraj itu belum pernah diterangkan ketentuannya (kapan kejadiannya) oleh Rasulullah ﷺ,

¹¹² Lihat, Imam al-Hafid Abi al-Fida' 'Maduddin Ismail bin Kathsir. "*Israk dan mikraj*". Kahirat: Mu'asyar al-Mukhtar. 2005. Lihat juga, *Syarah al-Aqdat al-Thahawi*. hlm. 223-226. *Majma' al-Fatawa*. Jz. 4. hlm. 328 / Jz. 5. hlm. 256. Dan *Dar' Ta'rid al-Aqal wa al-Naqal*. Jz. 5. hlm. 354.

¹¹³ Lihat, Al-Fawzan, Salih Ibn Fawzan Abdullah. (terj). "*Bid'ah Konsep dan Pengertiannya*." hlm.40

¹¹⁴ Ertinya: Maha Suci Allah ﷻ yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad ﷺ) pada malam hari dari Masjidilharam (di Mekah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah ﷻ adalah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Lebih jelasnya lihat dalam al-Qur'an (*Surat al-Israk*: 1).

jikalau ada ketentuannya maka itupun bukan dari Rasulullah ﷺ, menurut para ahli ilmu. Hanya Allah ﷻ yang mengetahui segala akan hikmah daripada kelalaian manusia. Sebagaimana dalam firman Allah ﷻ.

Ertinya:

Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. (*S rat. al-M idah: 3*).

Berasaskan daripada keterangan ayat yang telah disebutkan diatas bahawa, pada tersebut ketika masa akhir usianya Rasulullah ﷺ mengatakan bahawa pada hari ini adalah telah disempurnakan syariat Rasulullah ﷺ dan juga Allah ﷻ telah meridha'i ajaran agama tersebut. Sementara dalam Hadith Rasulullah ﷺ pernah bersabda.

Ertinya:

Dari A'isyah r.a. dari Nabi ﷺ bahawasanya beliau bersabda: Barangsiapa mengada-adakan suatu perbuatan (dalam agama) setelahku, yang belum pernah ada, maka tidak akan diterima." (*H.R. Bukh r*).

Dalam keterangan Hadith yang telah diriwayat oleh Aisyah r.a. bahawa Rasulullah ﷺ bersabda sesiapa di antara daripada umatnya untuk mengada-ngadakan suatu amalan dan sementara Rasulullah ﷺ sendiri tidak pernah mengerjakannya maka amalan tersebut akan ditolak atau tidak akan diterimanya disisinya, maka sia-sialah amalan tersebut seperti, perayaan dalam memperingati acara Israk dan Mikraj Rasulullah ﷺ.

Adapun perayaan untuk meyambut upacara Israk dan mikraj pada amnya hanya terdapat di negara Asia Tenggara sahaja seperti Indonesia, Malaysia, Thailand, Brunei dan lain-lain. Sementara acara perayaan dalam memperingati acara tersebut

tidak pernah didapati di negara Arab sebagaimana perayaan yang biasanya dilaksanakan di negara Asia Tenggara.¹¹⁵

3. 6. 3 Kenduri dan Memperingati Nisfu Sya'ban

Peringatan bulan Nisfu Sya'ban adalah sudah merupakan acara tahunan yang selalu diamalkan dalam masyarakat daerah Aceh. Adapun menyambut Nisfu Sya'ban dengan mengkhaskan solat tertentu di waktu malamnya dan dengan puasa pada siang harinya. Ini kerana tidak pernah dijumpai Nabi Muhammad ﷺ mengkhaskan ibadah yang sedemikian halnya.¹¹⁶ Dalam hal ini, pada amnya para ulama yang menyatakan bahawa mengenai tentang Hadith yang berkenaan dengan fadhilah memperingati Nisfu Sya'ban dan diantara pendapat daripada para ahli Syam (Syiria, kini) diantaranya al-Hafid Ibn Rajab dalam bukunya "*Lathaif l al Ma' r f*" mengatakan bahawa perayaan malam Nisfu Sya'ban adalah suatu amalan bidaah dan Hadith yang menerangkan keutamaannya dalam memperingati acara tersebut semuanya dalil tersebut lemah.

Adapun Hadith yang kedudukannya amat lemah boleh diamalkan apabila dalam hal ibadah jika asalnya didukung oleh Hadith yang sahih. Namun sementara, dalam memperingati upacara pada malam Nisfu Sya'ban tidak ada asas dalil yang dapat menguatkannya amalan tersebut dan sehingga tidak dibenarkan untuk menggunakan dengan Hadith yang dhaif.

Apabila dilihat sejarah yang lalu, memang ada sebahagian Hadith yang masih mengamalkan dan memperingatinya acara tersebut. Namun, ada juga yang menolak amalan tersebut kerana *nash* yang menerangkan tentang amalan tersebut memang

¹¹⁵ Sebagaimana pengkaji bahawa pernah tinggal di negeri Arab hingga lima tahun selama belajar di Universiti Al-Azhar-Mesir, akan tetapi belum pernah mendapatkan suatu amalan acara untuk memperingati hari lahirnya Nabi Muhammad ﷺ, sebagaimana yang telah diraikan daerah Aceh Darussalam.

¹¹⁶ Lihat, Al-Fawzan, Salih Ibn Fawzan Abdullah. (terj). "*Bid'ah Konsep dan Pengertiannya*." hlm. 41.

amat lemah kedudukannya bahkan dhaif. Adapun golongan yang menerima tentang amalan tersebut adalah dari Basrah dan sebahagian sahaja yang lainnya, dan sementara golongan yang mengingkari dengan amalan tersebut seperti majoriti penduduk Hijaz (Saudi Arabia, kini) seperti Atha' dan Ibn Abi Mulaikah dan dinukil oleh Abdurrahman bin Zaid bin Aslam dari ulama fiqh Madinah, iaitu pandangan para murid dan pengikutnya Imam Malik dan lainnya, bahkan mereka mengatakan tentang hukum untuk memperingati Nisfu Sya'ban adalah merupakan amalan bidaah yang amat membahayakan aqidah umat Islam pada amnya.¹¹⁷ Asy-Syawkani menulis dalam kitabnya "*al-faw'id l Majmu'h*" bahawa Hadith yang mengatakan seperti berikut.

Ertinya:

“Wahai Ali, barang siapa yang melakukan solat pada malam Nisfu Sya'ban sebanyak 100 rakaat, ia membaca setiap rakaat *al-fatimah* dan *Qul huwAllah* ah d sebanyak sepuluh kali, pasti Allah Ψ memenuhi segala keperluannya ...”

Sebagaimana Hadith ini adalah *maudh* ' tersebut di atas, pada lafaznya menerangkan tentang pahala yang akan diterima oleh orang yang mengerjakan pelakunya adalah tidak diragukan kelemahan Hadith tersebut, sedangkan sanadnya *majh l* (tidak dikenal), Hadith ini diriwayatkan dari kedua dan ketiga jalur sanad, dari semuanya *mawdh* ' dan perawinya dari Hadith tersebut tidak diketahui dengan jelas kedudukannya.

¹¹⁷ Adapun pendapat ulama Syam berbeza dalam pelaksanaannya dengan adanya dua pendapat: 1- Menghidupkan malam nisfu sya'ban dalam masjid dengan berjamaah adalah mustahab (disukai Allah Ψ). Dahulu Khalid bin Ma'dan dan Luqman bin Amir memperingati malam tersebut dengan memakai pakaian paling baru dan mewah, membakar kemenyan, memakai sipat (celak), dan mereka bangun malam menjalankan *Shal tul la l* di masjid, ini disetujui oleh Ishaq bin Rah waih, ia berkata: Menjalankan ibadah di masjid pada malam itu secara berjamaah tidak bidaah, keterangan ini dicuplik oleh Harbu al-Karmaniy. 2-Berkumpulnya manusia pada malam Nisfu Sya'ban di masjid untuk solat, bercerita dan berdoa adalah *makr h* hukumnya, tetapi boleh dilakukan jika menjalankan solat khas untuk dirinya sendiri.

Dalam kitab “*al-Mukhtashir*” Syawkani memberikankan keterangan bahawa Hadith yang menerangkan tentang solat dan peringatan Nisfu Sya’ban adalah *bathil*, Ibn Hibban meriwayatkan Hadith daripada Ali bin Abi Thalib jika datang malam nisfu Sya’ban solat malam dan berpuasa pada siang harinya, adalah Hadith tersebut dhaif. al-Hafid al-Iraqi berkata: Bahawa Hadith yang menerangkan tentang solat Nisfu Sya’ban itu *maudlu’* dan pembohongan terhadap diri Rasulullah ﷺ.

3. 6. 4 Kenduri dan Memperingati Nuzul Qur’an

Adapun Kenduri dalam memperingati Nuzul Qur’an pada malam hari yang disebut malam “*geupeutron Qur’an*” yang jatuhnya pada malam 17 Ramadan yang selalu diperingati di tempat ibadah umat Islam di Aceh. Dalam pelaksanaan orang menghantarkan makanan dan minuman untuk berbuka puasa ke *meunasah* di kampung.¹¹⁸ Dalam masyarakat di daerah Aceh memperingati Nuzul Qur’an sememangnya sudah menjadi suatu acara yang dilaksanakan setiap tahunnya. Di samping memperingati tersebut juga diselangi dengan acara makan bersama. Bagi masyarakat setempat dianjurkan untuk membawa makanan dan minuman menurut kemampuannya yang akan disajikan pada pelaksanaan acara tersebut.

Peringatan dalam acara Nuzul Qur’an adalah merupakan acara yang amat banyak nilai dan hikmah yang dapat diambil dari acara itu sendiri, kerana pada malam itu adalah malam yang amat suci ataupun malam tersebut ia sebagai malam yang didalamnya diturunkan Qur’an kepada umat Islam, pun pada malam yang sama juga adalah malam di dalamnya terdapat malam juga *la ila ila-Qadr* yang malam lebih baik daripada seribu bulan, sebagaimana firman Allah ﷻ.

Ertinya:

¹¹⁸ Lebih jelasnya dapat dilihat, Moehammad Hoesin.”*Adat Atjeh*.” hlm. 123.

Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Qur'an) ini pada Malam *Lailat l-Qadar*, Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran Malam *Lailat l-Qadar* itu? Malam *Lailat l-Qadar* lebih baik daripada seribu bulan. Pada Malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut); Sejahteralah Malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar! (*S rat al-Qadr: 1-5*)

Dalam keterangan ayat yang telah disebutkan bahawa Allah ﷻ telah menurunkan Qur'an pada malam *Lailatul-Qadar* dan bahawa malam tersebut baik daripada seribu bulan, kerana pada malam tersebut malaikat Jibril juga turun ke bumi untuk membawa pelbagai perkara yang telah terjadi.

Menurut Qadhi iyyadh mengatakan sebagaimana yang telah dikutip oleh Imam Nawawi dalam *Syarah Muslim* bahawa *laylat l qadr* terjadi setiap tahun dari turunnya ayat ini pada zaman Rasulullah ﷺ pada 10 hari akhir daripada bulan Ramadan hingga hari kiamat nanti.

3. 6. 5 Kenduri dan Memperingati 10 Muharram

Adapun, pelaksanaan suatu amalan kenduri yang selalu diperingati ianya pada sepuluh hari bulan *Muharram* 61 H. (10 Oktober 680 M.), sebagai hari kematian Husain anaknya Imam Ali τ dari cucunya Rasulullah ρ yang telah terbunuh.¹¹⁹ Adapun peringatan hari tersebut adalah sudah merupakan sebagai adat dan tradisi turun-temurun yang telah lama diamalkan oleh masyarakat di sebahagian daerah di Aceh. Dalam tradisi tersebut warga juga tidak pernah melupakan untuk membuat makanan bubur Asyura yang terbuat dari pelbagai bahan seperti rempah, mulai beras, sayur-sayuran, hingga ubi-ubian untuk dimakan bersama-sama yang merupakan sebagai tanda kesyukurannya kepada penciptanya dan sebagaimana

¹¹⁹ Lihat, G.E. Von Grunebaum. "*Muhammadan Festival*." London: Curzon Press. 1976. hlm. 86.

diketahui bahawa bulan *Muharram* ini adalah suatu bulan yang mulia, sebagaimana firman Allah ﷻ:

Ertinya:

Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ﷻ ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah ﷻ semasa Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati. Ketetapan yang demikian itu ialah agama yang betul lurus, maka janganlah kamu menganiaya diri kamu dalam bulan-bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangannya) dan perangilah kaum kafir musyrik seluruhnya sebagaimana mereka memerangi kamu seluruhnya dan ketahuilah sesungguhnya Allah ﷻ beserta orang-orang yang bertakwa. (*Surat at-Ta bah: 36*).

Dari keterangan dan huraian ayat di atas telah jelas, Allah ﷻ menciptakan bulan sebanyak dua belas bulan sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Qur'an dan ada empat bulan yang amat dihormati dan dimuliakan. Allah ﷻ pun juga untuk memerintahkan atau menganjurkan untuk tidak mengotori bulan suci tersebut apalagi mengotori dengan amalan yang bercanggahan dengan syariat Islam yang telah ditetapkan. Sementara menurut pandangan Imam Bukhari menafsirkan ayat di atas, menyebutkan dengan satu Hadith daripada Abu Bakrah dari Nabi ﷺ, bersabda:

Ertinya:

“Sesungguhnya zaman itu berputar sebagaimana keadaan amatlah Allah ﷻ menciptakan langit dan bumi. Setahun ada dua belas bulan diantaranya terdapat empat bulan haram, tiga bulan berurutan iaitu *Dhulqa'iddat*, *Dhulhijjat*, *Muharram* dan Rajab Mudhar yang terletak antara *Jum dil* (akhir) dan *Sya'b n*”. (*H.R. Bukhari*).¹²⁰

¹²⁰ Lihat, dalam kitabnya, “*Shah h al-Bukh ri*”. (n. h. 4662).

Dari keterangan Hadith yang di atas bahawa, Allah ﷻ telah menciptakan langit dan bumi, juga di dalamnya terdapat dua belas bulan daripada *Zulkaidah*, *Zulhijah*, *Muharram* dan *Rajab* yang terletak antara *Jumadil* (akhir) dan *Sya'ban*. Pada bulan *Muharram* ini terdapat hari yang pada hari itu terjadi peristiwa yang besar dan pertolongan yang nyata, menangnya kebenaran dan mengalahkan ke bathilan, dimana Allah ﷻ telah menyelamatkan Musa ﷺ dan pengikutnya, kemudian menenggelamkan Fir'un dan pengikutnya. Hari tersebut juga mempunyai keutamaan yang agung dan kemuliaan yang abadi sejak dulu hingga kini dan hari kesepuluh yang dinamakan *Asyura*.¹²¹ Sudah menjadi suatu kebiasaan apabila masuknya bulan *Muharram* maka secara langsung pada sebahagian daripada masyarakat melaksanakan berpuasa¹²² sunnat pada bulan tersebut agar supaya mendapatkan pahala dari amalan dan ini adalah juga merupakan sebagai syariat yang telah ditentukan, sebagaimana dalam Hadith Rasulullah ﷺ bahawa:

Ertinya:

“Dahulu Rasulullah ﷺ memerintahkan untuk berpuasa *Asyura*, tatkala puasa *Ramadan* diwajibkan, maka bagi siapa yang ingin berpuasa puasalah, dan siapa yang tidak ingin, tidak usah berpuasa.” (H.R. *Bukh ri*).¹²³

Dalam keterangan Hadith yang di atas menyatakan di atas bahawa Rasulullah ﷺ memerintahkan kepada umatnya pada masa itu untuk berpuasa *Asyura* pada didalam terdapat bulan *Muharram*, sebelum puasa *Ramadan* diwajibkan kepada pengikutnya dan ketentuannya adalah sesiapa yang ingin menjalankan puasa maka dipersilakan dan sesiapa yang tidak ingin menjalankan puasa *Asyura* tersebut tidak

¹²¹ Lihat, Abdul Malik al-Qasim. “*Dur sun ‘An’m n*”. hlm. 10.

¹²² Adapun bagi orang yang mengerjakan puasa *Asyura*, maka ianya dapat menghapus segala dosa selama setahun yang lalu, berasaskan Hadith “*Rasulullah ﷺ* ditanya tentang puasa *Asyura*, jawabnya : “*Puasa Asyura, menghapus dosa setahun yang lalu.*” (H.R. *Muslim*). (n. h.: 1162). Lihat juga, at-Tirmizi. (n. h.: 752), Ab Daw d. (n. h.: 2425). Ibn M jah. (n. h.: 1738). Ahmad. (n. h. : 22031).

¹²³ Lebih jelasnya lihat dalam kitab; Sah h Bukhar . (n. h.: 2001).

ada sangsi hukum padanya. Maka pelaksanaan puasa pada bulan *Muharram* hukumnya adalah sunnat bukannya wajib yang mesti dikerjakan. Sabda Rasulullah ﷺ yang lain bersabda.

Ertinya:

Tatkala Rasulullah ﷺ datang ke Madinah, beliau mendapati orang-orang Yahudi berpuasa pada hari Asyura,. Mereka mengatakan: Hari ini adalah hari yang agung dimana Allah ﷻ telah menyelamatkan Musa ﷺ dan menenggelamkan pasukan Fir'un, lalu Musa ﷺ berpuasa pada hari itu sebagai rasa syukur kepada Allah ﷻ.” Rasulullah ﷺ bersabda; “Saya lebih berhak atas Musa ﷺ daripada mereka,” lalu beliau berpuasa dan memerintahkan untuk berpuasa pada hari itu”.
(*H.R. Bukhari*).¹²⁴

Dengan Hadith di atas jelaslah bahawa, dengan rasa syukur atas kemenangan dan telah diselamatkan Nabi Musa ﷺ dan pengikutnya dari kejaran Firun dan pengikutnya, lalu kemudian Nabi Musa ﷺ berpuasa atas kemenangan yang diperolehinya. Maka kemudian Rasulullah ﷺ pun memerintahkan kepada umatnya untuk berpuasa pada hari itu,¹²⁵walaupun sebelumnya orang Yahudi dan Nasrani telah berpuasa pada hari Asyura untuk rasa syukur juga, kerana Nabi Musa ﷺ yang telah selamat dari kejaran Firun dan berserta dengan para pengikutnya, yang kesemuanya ini hanyalah bantuan Allah ﷻ semata-mata sebab tidak mungkin dengan tongkat kecil Nabi Musa ﷺ dengan kuasa Allah ﷻ dapat membelah laut, lalu menenggelamkan firun dan pengikutnya.

¹²⁴ Lebih jelasnya lagu lihat dalam kitab, Sah h Bukhar (n. h.: 3397).

¹²⁵ Lihat, “*Fath l al-B ri*”. Kit b al-Sa m. Jz. 4. (n. h.: 2004). hlm. 244. Lihat juga, “*Shah h Muslim*”. Jz. 2. (n. h.: 1130). hlm. 796. *al-H wi*. Jz. 1. (n. h.: 24). hlm. 196.

Dalam memperingati peristiwa yang pernah dialami oleh Nabi Nuh ؑ , pada zaman itu Nabi Nuh ؑ bersama umatnya selamat dari banjir besar yang menenggelamkan seluruh isi negerinya, maka dengan menumpang sebuah kapal, selama penantian banjir tersebut, bahan makanan yang tersedia terus sedikit.”disebabkan keterbatasan itu, maka bahan makanan yang ada dicampur menjadi satu untuk dimakan semua penumpang kapal yang ada dalam kapal tersebut.

Menurut pandangan orang Syiah, orang Syiah sememangnya setiap bulan *Muharram* memperingati gugurnya Imam Husain di Karbala tahun pada 61 H, peringatan tersebut dilakukan dengan cara berlebih-lebihan. Dari tarikh 1 *Muharram* hingga 9 *Muharram* diadakan pawai besar-besaran dijalan-jalan menuju ke al-Husainiah. Peserta berarak beramai-ramai yang hanya mengenakan sarung sahaja sedang badanya terbuka. Selama pawai mereka memukul-mukul dada dan punggungnya dengan rantai besi sehingga luka dan mengeluarkan darah.

Dalam acara puncak daripada amalan dengan melukai kepala terutama dahinya sehingga berlumuran darah. Darah yang mengalir ke kain putih yang dikenakan sehingga tampak amat kelihatan dan jelas. Suasana seperti itu membuat mereka yang hadir merasa sedih, bahkan tidak sedikit yang menangis.¹²⁶

Menurut dalam kandungan isi kitab di atas, sekiranya sesiapa datang untuk berziarah ke kubur al-Husain dan mengakuinya atas haknya, maka Allah ﷻ akan menulis kepadanya seribu kali haji yang diterima dan seribu kali umrah yang diterima pula dan seribu kali mengikuti peperangan dengan Rasulullah ﷺ .

¹²⁶ Lihat, “*Mengapa kita menolak syi’ah.*” Jakarta: LPPI. hlm. 51. Dalam kitab orang Syiah yang menyebutkan, diriwayatkan: “... Barangsiapa mendatangi kubur al-Husain pada hari Arafah dengan mengakui haknya maka Allah ﷻ akan menulis baginya seribu kali haji Mabruur, seribu kali umrah mabruur dan seribu kali peperangan bersama Allah ﷻ yang diutus dan Imam yang adil”.Dapat dilihat dalam; Ibn Babawih dan kitabnya “*Fur ’al-K fi oleh al-Kul ni, M n La Yadh ruhul F qqih* ”.

Dalam kitab *Bahir l Anw r* (kitabnya orang Syiah) telah disebutkan “ Ziarah kubur al-Husain merupakan amalan yang paling mulia,” riwayat lainnya, “Termasuk amalan yang paling mulia adalah ziarah kubur al-Husain.” Bahkan Karbala itu lebih mulia dibandingkan Makkah *al-Mukaramah*, kerana Imam al-Husain dikuburkan disana.¹²⁷Dalam kajian yang telah dilaksanakan di lapangan;¹²⁸

Jadual: 3.1.2 Upacara Peringatan 10 *Muharram*.

Adakah anda merayakan upacara amalan 10 <i>Muharram</i> mengenang wafatnya al- Husain						
	Tempat tinggal	Tidak	%	Ya	%	Jumlah
	Desa	116	60.10%	77	39.90%	193
	Kota	58	85.29%	10	14.71%	68
	Jumlah	174	66.67%	87	33.33%	261

Sumber: *Analisis Data Primer, 2007*

Berasaskan daripada hasil kajian yang dijalankan di wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, maka hasilnya menunjukkan masyarakat yang masih merayakan upacara amalan sepuluh *Muharram* mengenang kewafatan al-Husain, responden yang tinggal di wilayah desa yang menjawab “Tidak” (60.10%) dan yang menjawab “Ya” (39.90%), sementara responden yang tinggal di wilayah Kota yang menjawab “Tidak” (85.29%) dan yang menjawab “Ya” (14.71%).

Daripada hasil kajian yang telah dilaksanakan di lapangan bahawa, pada majoritinya dalam masyarakat Aceh Utara ataupun Kota Lkokseumawe tidak lagi merayakan upacara amalan 10 *Muharram* atas mengenang wafatnya al-Husain.

¹²⁷ Lihat, Nashir al-Qifari. “*Ush l Madzh b asy-Syi’ t al-Imam yat al-Itsn Asy’riy h*”. hlm. 460-464.

¹²⁸ Hasil kajian soal selidik yang telah dijalankan dilapangan dalam wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, pada bulan April 2007.

Namun, hanya sedikit sahaja masyarakat yang masih merayakan acara sepuluh *Muharram* untuk mengenang al-Husain.

Akan tetapi, menurut pengkaji semua ini yang terkandung dalam kitab-kitabnya yang majoriti dikarang oleh orang Syiah adalah sengaja dibuat-buat tanpa ada asas dalil hukum yang kuat menurut bukti sejarah, apa hal lagi yang mengatakan apabila kita pergi berziarah ke kuburan al-Husain laksana mengerjakan haji seribu kali disertai dengan mabrur, sungguh ini tidak ada asas yang membenarkan perkataannya yang ditulis didalam kitab tersebut.

Orang-orang Jahilliah pada masa yang lampau, selalunya mengait hubung dengan kepada masa dan kejadian, sementara masa tidak dapat memberikan apa pun.¹²⁹Jadi mereka telah jatuh ke dalam perkara amalan yang diharamkan atau syirik.

3. 6. 6 Kenduri Menyambut Puasa Bulan Ramadan (*meugang*)

Bagi masyarakat Aceh pada amnya bahawa bulan yang dianggap ada nilai dan sebagai bulan penyucian diri, masyarakat Aceh memandang bagi orang yang meninggal pada bulan ini maka akan masuk syurga.¹³⁰Menurut suatu kepercayaan daripada majoriti masyarakat Aceh bahawa pada bulan *Ramadan* merupakan bulan yang mempunyai nilai kesucian dan maka layak nya bagi masyarakat tempatan sudah sepantasnya untuk membersihkan diri, yang mana selama satu tahun lamanya telah mengotori jiwanya, sebagaimana firman Allah Ψ :

Ertinya:

“...Sesungguhnya Allah Ψ mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat dan mengasihi orang-orang

¹²⁹ Ertinya: “Dan mereka berkata: Tiadalah hidup yang lain selain daripada hidup kita di dunia ini. Kita mati dan kita hidup (silih berganti) dan tiadalah yang membinasakan kita melainkan edaran zaman. Pada hal mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang hal itu; mereka hanyalah menurut sangkaan semata-mata”. Lihat, (*S rat al-Jaathiyah*: 23).

¹³⁰ Lihat, Aslam Nur. H. “*Ramadan dalam Persepsi Masyarakat Aceh: Sebuah Interpretasi Antropologis.*” Banda Aceh: Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional. 1996. hlm. 69.

yang sentiasa mensucikan diri. (*S rat al-Baqarah: 222*).¹³¹

Dalam ayat di atas telah dinyatakan dengan jelas bahawa, Allah Ψ amat mengasihi ataupun menyanyangi orang-orang yang banyak bertaubat atas kesalahan yang telah mereka perbuat pada masa dahulu dan tidak akan mengulangi amalan yang sama halnya dan juga Allah Ψ amat mengasihi orang-orang yang sentiasa menucikan dirinya dengan jalan bertaubat dan memperbanyak amalan yang salih sebagai bekalan di akhirat kelak.

Kesucian jiwa dan raga selama bulan suci Ramadan sudah menjadi perhatian utama masyarakat Aceh. Perhatian yang besar terhadap suasana suci bukan semata-mata kerana seluruh ibadah hanya berlaku jika dilakukan dalam suasana suci, namun yang terpenting adalah kerana inti dari bulan *Ramadan* itu sendiri sebagai bulan penyucian dan pengampunan manusia daripada dosa-dosa. Allah Ψ menjanjikan jika hamba mengikuti perintah dan menjauhi larangannya, maka dosa mereka akan diampunkan.¹³²

Orang-orang yang akan berpuasa merasa takut mereka tidak akan mendapatkan inti bulan *Ramadan* tersebut jika mereka tidak bersih, kerananya, beberapa amalan ritual dalam proses penyucian diri mesti dilakukan. Dalam pelaksanaan kenduri makan (*kaurie bu*), misalnya, suatu proses penyucian jiwa demikian jelas kelihatan. Melalui *kaurie bu*, masyarakat Aceh mencuba untuk berkomunikasi dengan nenek moyang mereka untuk mendapatkan *gleeh hate* (pembersihan hati). Dengan melakukan itu, mereka merasa aman dan damai memasuki bulan suci *Ramadan* yang penuh dengan keampunan Allah Ψ .

¹³¹ Lihat, Syeikh Muhammad al-Amin bin Muhammad al-Mukhtar al-Jakani, al-Syankaiti. “*At-W 'al-Bay n Fi 'Id h al-Qur' n al-Karim.*” Jz. 1, hlm. 116.

¹³² Lihat, G.E. Von Gruebaun.”*Muhammad Festival.*” hlm. 51-56.

Bulan *Ramadan* dipandang sebagai bulan penyucian diri, segala sesuatu yang dapat membatalkan pahala itu sendiri pada bulan *Ramadan* mesti dijauhi. Kadang-kadang, sesuatu yang dapat menghancurkan makna kesucian Ramadan muncul semata-mata daripada anggapan masyarakat Aceh, bukan dari aturan ajaran Islam. Pada malam hari bulan *Ramadan*, misalnya, banyak lelaki tidak berada di rumah dan menghabiskan masa mereka di warung atau di *Meunasah*. Alasan mereka bukanlah semata untuk bertemu dengan teman atau membaca Al-Qur'an di *Meunasah*, namun juga adalah untuk menghindari kontak langsung dengan isteri-isteri mereka. Jika lelaki di warung atau di *Meunasah* akan kembali ke rumah pada malam hari, teman-temannya sering bergurau dengan mengatakan: "*nyou buleun puasa, bek tou that ngon inong*" (Ini bulan puasa, jangan terlalu dekat dengan isteri). Walaupun sedikit sukar untuk bertanya langsung kepada setiap orang tentang hubungan suami isteri mereka selama bulan *Ramadan* contoh di atas setidaknya memberikan sedikit gambaran.¹³³

Aktiviti terakhir yang termasuk ke dalam bahagian proses penyucian diri di bulan *Ramadan* adalah ritual pada hari Raya Aidil Fitri. Hari Raya pada asasnya mempunyai dua sisi yang amat penting, di mana ia merupakan bahagian dari suatu proses penyucian diri dan juga merupakan sebuah simbol kemenangan daripada pertempuran melawan nafsu syaitan. Amalan penyucian diri terlihat jelas pada sikap umat Islam pada hari Aidul Fitri. Mandi di pagi hari raya merupakan sebagai contoh, bahawa acara puncak dari sebuah proses penyucian diri. Sikap dan tingkah-laku atau sikap seseorang telah berada dalam kondisi bersih pada hari Raya tersimbol dalam pakaian baru dan bersih yang dipakai oleh setiap Muslim. Disamping itu, ungkapan takbir dan tahlil (*Allahu Akbar*, tiada Tuhan melainkan Allah Ψ) yang terlontar dari

¹³³ Ibid. hlm. 56.

mulut umat Islam dan dilanjutkan dengan solat sunnat dua rakaat merupakan deklarasi akan bersihnya iman seseorang dari segala bentuk persekutuan.

Tradisi memohon dan memberi maaf yang dilakukan dalam tindakan saling bersalaman dan saling mengungkap "*meah lahe baten*" (maaf lahir dan batin) juga merupakan amalan penyucian jiwa dan raga. Jika mengenakan baju baru yang bersih dan menggunakan wangian adalah simbol kebersihan fizikal, maka alunan takbir, tahlil, solat dua rakaat dan ungkapan saling memaafkan adalah simbol kebersihan jiwa (*spirit*). Yang terpenting dari semua itu, proses penyucian diri pada Hari Raya merupakan proses akhir dari makna bulan Ramadan sebagai bulan yang suci dan sebagai bulan yang penuh dengan berkah.¹³⁴

4.6 Kesimpulan

Daerah Aceh adalah merupakan daerah yang pertama kali menerima ajaran agama Islam di Asia Tenggara melalui pedagang dan pendai yang pada saat itu adalah mereka yang kebanyakan menguasai wilayah tersebut. Tetapi, ada sebahagian anggapan yang mengatakan bahawa ajaran Islam yang pertama kali datang ke daerah Aceh yang dibawa oleh pedagang daripada Tanah Arab dan ada juga pernyataan lain berpendapat yang mengatakan bahawa pedagang Gujerat (India) yang mulanya membawa ajaran Islam ke daerah Aceh.

Tetapi, menurut pengkaji adalah lebih memandangkan bahawa ajaran Agama Islam asal mulanya yang membawa ajaran tersebut adalah berasal dari Tanah Arab lalu singgah didaerah Gujerat untuk sementara masa, untuk membawa dan menawarkan barang dagangannya, yang terkenal pada masa itu rempah-rempah dan beras dari kepulauan Indonesia dan seramik, teh dan kain sutera dari negeri China

¹³⁴ Ibid. hlm. 56.

sementara dari Tanah Arab pula, berupa wangi-wangian, emas, permaidani ataupun hambal dan kayu gaharu dan lain-lain.

Untuk di pasarkan ke Gujerat, di samping itu juga, berupa keperluan menambah perbekalan bahan makanan dan air tawar untuk diperjalanan nanti, maka setelah mendapatkan barang dagangan yang berasal dari Gujerat (India) untuk dibawakan untuk diperdagangkan kembali ke daerah Asia seperti wangi-wangian, rempahan dan lain-lain, di samping untuk keperluan berdakwah. Kemudian melanjutkan perjalanannya menuju ke wilayah Nusantara iaitu khasnya daerah Aceh, untuk keperluan perniagaannya juga untuk membawa ajaran agama Islam.

Adapun, ajaran Islam yang ada hingga kini di daerah Aceh adalah merupakan suatu percampuran antara suatu budaya, adat dan tradisi agama Islam dengan agama Hindu yang terdapat di India kini, yang asal mulanya dari tanah Arab. Hingga kini, masih tertinggal budaya, adat dan tradisi yang sudah menjadi amalan sehari-hari, dan juga telah bertapak-kukuh didaerah Aceh. Daerah Aceh juga dikenal sebagai Serambi Mekah, sebab asal mulanya ajaran Islam masuk pertama kali ke wilayah Asia Tenggara adalah daerah Aceh.

Sebelum kedatangan ajaran Islam lagi, masyarakat di Nusantara kebanyakan berfaham kepada tiga bentuk kepercayaan; Hindu, Buddha dan animisme. Walaupun ketiga-tiga kepercayaan tersebut begitu lama resah di dalam daerah tersebut, namun masing-masing tidak berjaya sepenuhnya bagi menyatupadukan semua penganutnya. Kepercayaan ajaran agama Hindu dan Buddha dicampuradukkan dalam amalan sehari-hari di samping penyerapan dan pengaruh dengan faham animisme tetapi, telah didapati selalu bercanggahan didalam kalangan para penganutnya.

Adapun, pertentangan fahaman baik itu, sikap dan citarasa antara penganut masing-masing kelihatan amat jelas dan sukar untuk mengwujudkan perpaduan dan kerjasama dalam erti kata yang sebenarnya. Sebagai contoh, yang dapat diketengahkan iaitu, berlakunya percanggahan antara kerajaan Majapahit dengan Sriwijaya walaupun kedua-duanya menganut kepercayaan yang sama.

Masyarakat Aceh pada amnya adalah menganut mazhab Imam Shafi'i, kerana disebabkan asal mulanya kerana memang sudah menjadi satu keturunan yang tidak mungkin lagi untuk mengalihkan kepada aliran lain. Apabila dilihat dalam sejarah pada masa yang lampau, pada amnya Raja Aceh pada mulanya adalah menganut Mazhab Shafi'i makanya hingga ke masyarakat mesti mengikut sebagai aliran yang telah dianutkan oleh raja pada masa itu. Tidak mungkin untuk mengalihkan fahaman kepada aliran yang lain-lain.

Maka oleh sebab itu, pada masa kerajaan Aceh telah menjalinkan hubungan kerjasama dalam bidang perdagangan dan politik dengan kerajaan Fathimiyah yang berada di Mesir, sebagai daerah asal mulanya Imam Shafi'i, pada amnya atau kebanyakan masyarakat di Mesir adalah menganut aliran Mazhab Imam Shafi'i, sebahagian Mazhab Hanafi dan sebahagian lagi adalah yang bermazhab Imam Maliki.

Maka dengan panjang lebar masalah yang telah dihuraikan dan menerangkan permasalahan adat, tradisi, budaya dan sosial pelbagai yang berlaku dalam masyarakat di Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, baik itu hal yang mempunyai nilai positif dan negatif pelbagai masalah sosial dan kemasyarakatan yang terjadi di lapangan hingga kini. Agama dan sistem perubahan sosial dalam masyarakat pada kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe.

Adapun konsep dan sistem kekeluargaan dalam masyarakat Islam Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, pada umumnya amat mencerminkan suatu aturan sosial dan kebudayaan yang amat teratur rapi. Dalam pelbagai bidang atau aturan sosial baik dalam masyarakat, sesama keluarga, sesama agama dan berlainan agama dan hal ini tidaklah menghairankan bahwa daerah Aceh juga disebutkan dengan daerah Serambi Mekah.

Masyarakat daerah Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe juga merupakan masyarakat yang masih kerap sekali mengamalkan pelbagai macam upacara adat dan istiadat dalam kepercayaan. Dalam adat dan tradisi masyarakat bahwa upacara perayaan yang diamalkan mulai sejak dari hari kelahiran, seperti adat upacara menyambut bayi, mencukur rambut bayi, aqiqah dan turun tanah, dan kemudian disertai dengan pelbagai adat dan pantang larang yang dimulai dari sebelum lahir hingga sudah melahirkan pada masa empat puluh empat hari dan adat tradisi tidak semuanya orang mengamalkan apatah lagi setakat ini dengan perubahan sosial dan budaya maka pantang larang tersebut sudah banyak ditinggalkan dan tidak diamalkan lagi oleh sebahagian orang.

Adat dan tradisi dalam upacara kematian dalam masyarakat adalah sudah merupakan sebagai kebiasaan yang mesti diamalkan apabila ada warganya yang meninggal dunia maka para keluarga dan masyarakat tempatan ikut serta untuk membuat suatu upacara menguburkan secara bersama-sama masyarakat. Dalam melaksanakan dan memperingati upacara pemakamannya mayat tersebut yang dimulai dari awal hingga dengan selesai.

Sebelum kedatangan ajaran Islam lagi, masyarakat di Nusantara kebanyakan berfaham kepada tiga bentuk kepercayaan; Hindu, Buddha dan animisme. Walaupun ketiga-tiga kepercayaan tersebut begitu lama resah di dalam daerah tersebut, namun

masing-masing tidak berjaya sepenuhnya bagi menyatupadukan semua penganutnya. Kepercayaan ajaran agama Hindu dan Buddha dicampuradukkan dalam amalan sehari-hari di samping penyerapan dan pengaruh dengan faham animisme tetapi, telah didapati selalu bercanggahan didalam kalangan para penganutnya.

Adapun, pertentangan fahaman baik itu, sikap dan citarasa antara penganut masing-masing kelihatan amat jelas dan sukar untuk mengwujudkan perpaduan dan kerjasama dalam erti kata yang sebenarnya. Sebagai contoh, yang dapat diketengahkan iaitu, berlakunya percanggahan antara kerajaan Majapahit dengan Sriwijaya walaupun kedua-duanya menganut kepercayaan yang sama.

Masyarakat Aceh pada amnya adalah menganut mazhab Imam Shafi'i, kerana disebabkan asal mulanya kerana memang sudah menjadi satu keturunan yang tidak mungkin lagi untuk mengalihkan kepada aliran lain. Apabila dilihat dalam sejarah pada masa yang lampau, pada amnya Raja Aceh pada mulanya adalah menganut Mazhab Shafi'i makanya hingga ke masyarakat mesti mengikut sebagai aliran yang telah dianutkan oleh raja pada masa itu. Tidak mungkin untuk mengalihkan fahaman kepada aliran yang lain-lain.

Maka oleh sebab itu, pada masa kerajaan Aceh telah menjalinkan hubungan kerjasama dalam bidang perdagangan dan politik dengan kerajaan Fathimiyah yang berada di Mesir, sebagai daerah asal mulanya Imam Shafi'i, pada amnya atau kebanyakan masyarakat di Mesir adalah menganut aliran Mazhab Imam Shafi'i, sebahagian Mazhab Hanafi dan sebahagian lagi adalah yang bermazhab Imam Maliki.

Adapun, masyarakat Aceh juga dikenal dengan masyarakat yang selalu melaksanakan kenduri dan juga dengan memperingati hari besar dalam ajaran Islam seperti, kenduri dalam memperingati Maulid Rasul, memperingati Israk dan Mikraj,

Nisfu Sya'ban, Nuzul Qur'an, pada hari ke sepuluh *Muharram* dan masih banyak juga lainnya.

Masyarakat pada amnya yang tinggal di wilayah kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, masih menganut kepercayaan yang bercorak animisme yang mempunyai kewujudan makhluk halus dan ini terus ditanamkan oleh masyarakat Aceh khasnya dalam wilayah Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, walaupun pada dasarnya telah menganut ajaran agama Islam yang telah dibawakan oleh para pedagang dan saudagar daripada Tanah Arab. Masyarakat daerah Aceh yang tinggal wilayah pedesaan hingga setakat ini masih juga mempercayai unsur animisme yang mempunyai landasan bahawa manusia masih juga beranggapan ada kekuatan yang ghaib selain daripada manusia dan juga mempunyai pelbagai nama yang terdapat dalam kalangan masyarakat di daerah Aceh.

Walau bagaimanapun masih terdapat kepercayaan kepada animisme yang sebagaimana masih juga diyakini oleh masyarakat yang tinggal dalam wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe. Mereka tidak lagi mempunyai kesempatan yang kekuasaan sebagaimana terdahulu, setakat ini juga sudah terdapat pendakwah yang menyampaikan misinya tentang materi pemurnian aqidah yang telah percampuran dengan ajaran agama Hindu dan Buddha yang sebagaimana bahawa banyak terdapat bukti sejarah di daerah Nanggroe Aceh Darussalam bekas peninggalan binaan dari kerajaan Hindu.

BAB EMPAT

KEPERCAYAAN TERHADAP UNSUR ANIMISME DALAM MASYARAKAT ISLAM ACHEH

4.1 Upacara Berkaitan Dengan Keagamaan

Masyarakat Aceh adalah suatu kumpulan masyarakat yang selalu melaksanakan amalan kenduri dalam pelbagai upacara yang berkaitan dengan upacara ritual yang mengandungi pelbagai anasir. Adapun, kepercayaan-kepercayaan, undang-undang, adat-adat dan fahaman-fahaman yang diambil oleh orang tempatan merupakan suatu percampuran daripada ajaran agama Hindu dan Buddha.¹Masyarakat Aceh juga terkenal dengan masyarakat yang amat dekat dengan amalan yang unik daripada pelbagai acara yang menjadikan sebagai acara ritual yang berkaitan dengan upacara ritual agama.²

Adat dan Istiadat Agama Hindu telahpun muncul pada lebih kurang dari 1000 tahun yang lalu, yang juga selalu disertakan dengan upacara-upacara keagamaan yang panjang lebar di raikan dari melahirkan hingga meninggal selalu sahaja dibuat pelbagai upacara tertentu untuk diikuti yang sertakan dengan acara tersebut. Dengan perlahan-lahan telah membawa suatu perubahan yang akhirnya menjadikan seorang pemerintah itu berlagak sebagai seorang dewa.

Upacara yang mempunyai hubung kait dengan ritual keagamaan pelbagai jenis yang kerap sekali diamalkan pada setiap kali tanpa ada had masa dalam pelaksanaannya sebagaimana yang dijumpai dalam kalangan masyarakat hingga

¹ Lihat, Joginder Singh Jessy. *Malaysia Siangapora dan Brunai 1400-1965*. Selangor Darul Ehsan: Longman. 1975. hlm. 51.

² Ibid. hlm. 51.

kini masih diamalkan. Sudah menjadi suatu tradisi upacara ritual keagamaan yang kerap sekali dilaksanakan hingga kini seperti;

1. Upacara Tepung Tawar (*Peuseujuk*) dan kemunculanya.
2. Upacara Tepung Tawar (*Peusijuk*) Ucap Syukur.
3. Upacara Tepung Tawar (*Peusijuk*) Pohon Doa Restu dan Petunjuk.
4. Upacara Tepung Tawar (*Peusijuk*) Pohon Berkah dan Keselamatan.
5. Upacara Tepung Tawar (*Peusijuk*) Pohon Maaf pada Manusia
6. Upacara Kenduri dan Memperingati Maulid al-Rasul.
7. Upacara Kenduri dan Memperingati Israk Mikraj.
8. Upacara Kenduri dan Memperingati Nisfu Sya'ban.
9. Upacara Kenduri dan Memperingati Nuzul Qur'an.
10. Upacara Kenduri dan Memperingati 10 *Muharram*.
11. Upacara Kenduri Menyambut Puasa Bulan Ramadan .

Sebagaimana yang telah disebutkan di atas ini adalah hanya sebahagian kecil sahaja adat upacara dan sementara upacara yang masih diamalkan pada amnya oleh masyarakat Aceh dan masih banyak juga adat dan upacara yang berkaitan dengan ritual keagamaannya.

4. 1. 1 Upacara Tepung Tawar (*Peuseujuk*) dan kemunculanya

Peusijuk adalah dari asal kata “*sijuk*” (dingin) yang ditambah pada kata awalnya “*Peu*” dan menjadi kata kerja “*Peusijuk*” ertinya pendingin ataupun mendinginkan yang mana dalam Arabnya *Tak f l*. Bermakna “Mengharapkan yang baik.” *Peusijuk* juga sebagai lambang untuk “*Peusijuk Leum beng Peurisee*” (menjatuhkan lembing dan perisai) adalah satu adat Aceh yang berfungsi dan

ditetapkan mulanya sebagai pelengkap salah satu hukum Adat.³ Sebagai had terakhir dalam penyelesaian suatu perselisihan yang menjejaskan korban jiwa, luka berat, luka ringan dan lain-lain.

Tetapi ada juga pengertian sebagai penduduk dewasa ini, Adat *Peusijuk* bahawa merupakan Adat yang diamalkan, kerana tidak pernah adanya penjelasan daripada.⁴Ataupun dalam pengertian yang lain erti tepung tawar (*Peusijuk*) adalah merupakan salah satu adat yang dilaksanakan pada acara tertentu iaitu, pada masa amat senang, jaya dan sukacita, lagi pula tepung tawar merupakan salah satu kegiatan sebagai ungkapan terima kasih dan rasa syukur kepada Allah ﷻ kerana telah mendapat suatu rahmat dan terlindung dari segala kesusahan dan rintangan.⁵

Dalam pengertian lain "*Peusijuk*," adalah sebuah nama yang bermakna dalam tatanan budaya hingga kini masih dilestarikan dalam memasuki abad globalisasi yang moden dan canggih ini. *Peusijuk* dikenal diseluruh Daerah Istimewa Aceh, sebagai bahagian daripada salah satu ciri khas dinamika mempunyai kepribadian budaya hidupnya, Menurut Hosein Djajadiningrat, *peusijuk* bermakna, sejuk, menyejukan (*transit*), memperkenalkan sejuk, menyegarkan (*figuratif*), tenang, menyenangkan, berkesan, berlibur, yang semuanya dilambangkan dalam percikan air tepung tawar melalui kuas tangkai dan daun berkasiat daun *sisijuek*, *manek*, *mano*, *pineng sikemeu*, *mayang*, *tuba* dan *naaleung sambo*. Tata cara pelaksanaan *peusijuk* dilakukan dengan urutan, pertama menamburkan *breueh pade* (beras padi), menaburkan air tepung tawar, ketiga menyunting *bu leukat* (nasi ketan) pada telinga

³ Sebahagian daripada pengertian ataupun kesimpulan ini adalah hasil dari temu bual penyelidikan dengan Bapak Badruzzaman Ismail sebagai pengetua Dinas Lembaga Adat (LAKA) Provinsi Nangroe Aceh Darussalam (NAD). lokasi temu bual di rumah kediamannya dan di Swissbell Hotel di Banda Aceh, pada tanggal, 22/7/2006.

⁴ Lihat, Hasil Proceeding Loka Karya Adat dan Budaya "*Upacara Peusijuk*." Lhokseumawe: Lembaga Adat dan Kebudayaan Aceh (LAKA). 1988. hlm. 35.

⁵ Ibid. hlm. 35.

sebelah kanan dan terakhir (keempat) melakukan *teumeuteuk* (pemberian wang) sekadarnya.⁶

Dalam adat dan tradisi masyarakat Aceh amalan tepung tawar (*peuseujuk*) adalah merupakan sebuah amalan yang hingga kini masih dipertahankan dan diamalkan, apabila ada sebuah acara ritual maka amalan tepung tawar adalah sebagai amalan yang amat sakral yang mesti dilakukan menurut kepercayaan masyarakat tempatan, supaya akan menbolehkan keberkatan dan perlindungan daripada Allah Ψ dengan mengamalkan acara ritual tepung tawar dan dengan disertai dengan membaca doa⁷ dan sebagainya. Dalam masyarakat daerah Aceh terdapat juga suatu adat dan tradisi upacara *peusujuk*.⁸

Maka apabila dikaji lebih mendalam lagi, bahawa asal mula muncul adat dan tradisi tepung tawar (*Peusujuk*) maka apabila dilihat dalam lembaran sejarah yang memberikan kesimpulan bahawa asal mula bahawa suatu amalan daripada amalan orang Jahiliah pada masa yang lalu, masa sebelum datangnya ajaran Islam pada daerah tersebut, maka para masyarakat ketika itu adalah amat banyak melaksanakan amalan orang Jahiliah pada ketika itu ajaran Islam belum diturunkan Allah Ψ dan juga belum diutusnyanya Rasulullah.

Namun, pada amnya bahawa ulama tempatan berpendapat alasan daripada asal mula melaksanakan amalan tepung tawar (*peusujuk*) adalah daripada Rasulullah ε pernah memercik air ke atas kepala anaknya yang bernama Siti Fatimah dan kemudian para sebahagian ulama tersebut berpendapat bahawa hukum melaksanakan

⁶ Lihat, Badruzzaman Ismail. "Mesjid dan Adat Meunasah Sebagai Sumber Energi Budaya Aceh." Banda Aceh: Gua Hira'. 2002. Cet. 1. hlm. 161. Lihat juga, "Pedoman Adat Umum Aceh." Lembaga Adat dan Kebudayaan Aceh. 1990. hlm. 89.

⁷ اللهم انا نسئلك من خيرها ونعو

⁸ Tepung Tawar dalam bahasa disebutkan dengan "*peusujuk*." Lihat, Hasil Proseding Loka Karya Adat dan Budaya "Upacara Peusujuk." 1988. hlm. 55-56. Lihat juga, "Pedoman Umum Adat Aceh." hlm. 89

tepung tawar (*peusijuk*) adalah boleh sahaja kerana Rasulullah ﷺ sendiri pernah melasnakannya.⁹ Akan tetapi apabila ditanyakan mengenai kedudukan Hadith tersebut sahah atau tidaknya maka ulama tempatan tidak dapat memberikan alasan yang sahah dan tepat mengenai kedudukan Hadith tersebut, hanya alasan sebagai amalan *tabarruq* sahaja kepada Rasulullah ﷺ.

4. 1. 1. 1 Tepung Tawar (*Peusijuk*) Ucap Syukur

Dalam masyarakat Aceh bahawa tepung tawar (*peusijuk*) sudah menjadi suatu tradisi yang akan dilaksanakan ketika mendapatkan sesuatu nikmat daripada Allah ﷻ maka dengan rasa berterima kasih kepada Allah ﷻ maka akan dilaksanakan acara *peusijuk* dan agar supaya menambah rasa syukurnya dan juga apabila terdapat berupa musibah juga turut untuk melaksanakan adat upacara tepung tawar tersebut. Sudah menjadi suatu adat dan tradisi bahawa, tepung tawar (*peusijuk*) ucap syukur ini dapat dibahagikan menjadi tiga bahagian:

- i. *Ketika mendapat kebahagiaan ataupun kenikmatan dan keberuntungan dalam suatu usaha ataupun tercapainya cita-cita.*

Sudah menjadi suatu kebiasaan ataupun tradisi dalam masyarakat Aceh apabila mendapatkan kebahagiaan, kesenangan dan kenikmatan dalam mencapai cita ataupun hal yang diinginkan maka selalunya akan dilaksanakan suatu upacara tepung tawar sebagai tanda kesyukuran kepada Allah ﷻ.

- ii. *Diamalkankan terhadap orang baru pulang daripada perantauan jauh untuk belajar dan kembali dalam keadaan selamat.*

Didalam sebuah keluarga apabila pulang dari perantauan ataupun pulang dari menuntut ilmu, dan kemudian pulang dengan selamat dan menyertai dengan ilmu

⁹ Sebahagian daripada pengertian ataupun kesimpulan ini adalah hasil dari temu bual penyelidik dengan Tgk. H. Mustafa Puteh, sebagai pengetua Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU) kabupaten Aceh Utara, Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (NAD). lokasi temu bual di pejabat MPU, pada tanggal, 29/6/2006.

yang telah dituntutnya, maka setelah sampai ke rumahnya seluruh ahli keluarga untuk membuat upacara tepung tawar sebagai tanda terima kasih terhadap Allah Ψ.

iii. *Diamalkan terhadap orang yang luput daripada cubaan bahaya.*

Apabila seseorang ataupun sekumpulan pulang daripada perjuangan dengan selamat maka selalunya akan dilaksanakan suatu acara tepung tawar ataupun seperti orang hilang yang ditemukan kembali, begitu juga apabila seseorang kembali dari medan perang dan sebagainya dan ini adalah sudah menjadi suatu tradisi yang tidak dapat dihilangkan lagi kerana sudah menjadi suatu peninggalan daripada nenek moyangnya walaupun tanpa ada asas hukum yang jelas.

4. 1. 1. 2 Tepung Tawar (*Peusijek*) Mohon Doa Restu dan Petunjuk dari Tuhan

Adat dan tradisi tepung tawar (*Peusijek*) untuk memohonkan doa restu dan sebagai petunjuk daripada Tuhan sebagaimana telah memberikan kebahagiaan dan kenikmatan kepadanya hambanya. Maka adat dan tradisi tepung tawar tersebut terbahagi menjadi empat macam:

i. *Dilaksanakan untuk kedua penganten baru dalam acara perkahwinan.*

Bagi masyarakat Aceh sudah merupakan suatu kebiasaan yang dijadikan sudah semenjak dahulu hingga kini, ketika akan menurunkan (mengahantar) pengantin lelaki ke rumah pengantin wanita, mesti diadakan acara peusijek. Tujuannya adalah supaya mempelai tersebut diharapkan mendapat sesuatu kedamaian dan ketenangan dalam menempuh hidup yang baru. Dengan *peusijek* ini diharapkan pula agar selalu mengingat keluarganya, ibu, bapa dan lain-lain.¹⁰

ii. *Diamalkan untuk orang yang memulai sesuatu usaha ataupun kegiatan yang baik.*

¹⁰ Lihat, "Pedoman Umum Adat Aceh." Banda Aceh: Lembaga Adat dan Kebudayaan Aceh. 1990. hlm. 89.

Sudah menjadi suatu adat dan tradisi dalam masyarakat di Aceh apabila memulai segala sesuatu pekerjaan ataupun segala usaha maka mestilah mengadakan adat upacara tepung tawar yang dipimpin oleh para Tuan Guru dan para pemangku adat tempatan. Dalam pelaksanaan kegiatan tersebut semoga maka dengan harapan untuk mendapatkan lindungan dari Allah Ψ, sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat pada amnya.

- iii. *Diamalkan untuk orang yang akan maju kemedan perang bersama dengan alat senjatanya.*

Adat dan tradisi tepung tawar terhadap orang yang pergi dan kembali dari peperangan, dengan hanya menyediakan nasi pulut kuning (*Bu Leukat*), lengkap dengan ayam panggang, *breuh kunyet*, *berteeh*, *Ie Peunawa* dan *seu ikat naleung samboo*, *on sisijeut* dan *on silaklak*. (Semua daun dan tumbuhan tersebut hanya terdapat di daerah perkampungan sahaja).

- iv. *Diamalkan untuk anak yang akan memulihkan pengajiannya dengan seorang Tuan Guru (Teungku Meunasah) dan lain-lain.*

Sudah menjadi suatu adat dan tradisi yang berlaku hingga kini, apabila anaknya akan melanjutkan pengajian baik pengajian di pondok ataupun di universiti maka akan dibuatkan acara berupa tepung tawar (*Peusijuk*) agar mendapatkan kejayaan dalam mencari ilmu dan selamat hingga pulang ke rumahnya tanpa sembarang masalah. Begitu juga sudah menjadi kebiasaan apabila pulang dari menuntut ilmu, hingga sampai ke rumah mereka akan ditepung tawarkan lagi.

4. 1. 1. 3 Tepung Tawar (*Peusijuk*) Mohon Berkah dan Keselamatan.

Adat dan tradisi tepung tawar (*peusijuk*) dalam masyarakat di daerah Aceh untuk memohon berkah dan keselamatan daripada Allah Ψ dan sudah menjadi suatu kebiasaan yang selalu diamalkan. Menurut fahaman masyarakat tempatan bahawa

dengan melaksanakan acara tepung tawar (*Peusijek*) akan mendapatkan keberkahan dan keselamatan daripada Allah Ψ. Adapun acara tepung tawar (*Peusijek*) ini dapat dibahagikan menjadi empat bahagian:

- i. *Terhadap rumah yang akan diduduki, sawah yang Akan dikerjakan, lahan yang akan dijadikan perkebunan.*

Acara tepung tawar “*peusijuek pade bijeh*” dilakukan oleh petani terhadap padi yang akan dijadikan benih sebelum penyemaian di sawah. Tujuan dari *peusijuek* ini juga mengandungi harapan agar benih yang akan ditanam mendapat rahmat dari Allah Ψ yang Maha Kuasa, subur dan berbuah lebat, sebagaimana yang diharapkan.¹¹

- ii. *Terhadap penggunaan kenderaan (transportasi) baru ataupun alat-alat teknologi.*

Dalam masyarakat Aceh apabila seseorang yang membeli kenderaan baru maka sudah menjadi suatu kebiasaan selalu di *peusijek* kenderaan tersebut, agar kenderaan (kereta) tersebut terhindar daripada bencana dan kecelakaan. Sudah menjadi suatu kebiasaan pula dalam masyarakat Aceh apabila terdapat seseorang mendapat kemalangan di jalan, maka langsung sahaja dikaitkan bahawa kenderaan tersebut belum di tepung tawari (*peusijek*) lalu mendapatkan kemalangan di jalan raya.

Sementara, amalan tepung tawar terhadap kenderaan yang baharu dibeli bukan sahaja terdapat di daerah Aceh, tetapi juga amalan tepung tawar tersebut juga didapati di Pulau Pinang (Malaysia), apabila orang yang berbangsa India membeli kereta baharu maka langsung datang ketempat ibadah orang India (kuil) untuk dilaksanakan upacara ritual tepung tawar (*peusijek*) agar terhindar daripada kemalangan di jalan. Amat anehnya dan menghairankan bahawa amalan tepung

¹¹ Ibid. hlm. 89.

tawar tersebut juga diamankan oleh orang Cina apabila membeli kenderaan baru maka langsung sahaja ditepung tawari (*dipeusijuk*) di kuil tempat ibadah orang India untuk ditepung tawari (*dipeusijuk*) agar terhindar dan mendapatkan keberkatan dari Dewa.¹² Dengan harapan kenderaan tersebut selamat daripada gangguan hantu, kemalangan dan lain-lain, semasa dalam perjalanan. Upacara ini dilakukan dengan jampi serapah dan mentera dengan menggunakan tepung tawar dan sebagainya.

iii. *Terhadap perletakkan batu asas pembangunan Masjid, Rumah, Jalan ataupun jambatan dan Irigasi.*

Membina masjid, rumah, jalan ataupun jambatan dan irigasi maka selalunya akan dilaksanakan acara *peusijeuk* dan ini adalah sudah menjadi suatu kebiasaan bagi masyarakat di daerah Aceh. Oleh sebab kegiatan ini selalu dipilih pada hari baik menurut kebiasaan penduduk tempatan. Adapun bahan-bahan untuk keperluan pembinaan tempat tersebut yang dianggap lebih baik dan seterusnya akan dilaksanakan acara *peusijuk*.¹³

Maka setelah selesai pelaksanaan acara tepung tawar dan bekas daripada daun ataupun rumput tersebut yang telah digunakan, maka akan diletakkan diatas sudut atap rumah agar dapat terhindar dari malapetaka dan bencana, dan amalan ini adalah merupakan amalan yang amat karut dan tahyul yang terjadi dalam masyarakat Aceh hingga kini.

iv. *Terhadap anak yang akan Sunat Rasul dan sebagainya.*

Khitan ataupun Sunat Rasul adalah suatu kewajiban yang mesti dilakukan bagi anak perempuan dan anak lelaki, dan sudah menjadi suatu kebiasaan dalam masyarakat Aceh bahawa pelaksanaan *Khitan* ataupun Sunat Rasul bagi anak lelaki lebih meriah dan ramai tetamu jemputan yang datang pada acara tersebut. Maka

¹² Berasaskan daripada hasil kajian yang telah dijalankan pada tarikh, 27 Pebruari 2008, (hari Selasa, pukul: 10:30 pagi di Pulau Pinang). Gambar pelaksanaan tepung tawar (*peusijuk*) tersebut dapat dilihat dalam lampiran M, pada hlm: 320.

¹³ Lihat, "Pedoman Umum Adat Aceh." hlm. 100-101.

dalam pelaksanaan acara tersebut sehingga lazim adanya upacara tersebut. Sebelum dilakukan Sunat Rasul biasanya diadakan upacara *Peusijuek* bagi anak yang akan disunatkan. Apabila seorang anak lelaki sudah berumur tujuh hingga dengan 14 tahun, maka anak itu wajib untuk disunatkan.

Pada hari upacara Sunat Rasul, anak tersebut dimandikan lebih dahulu. Kemudian pakaikan adat dan dilakukan (*peusijuek*) Bagi sesiapa yang mampu, anak itu diarak di atas tandu atau kuda dengan diiringi kesenian gendrang (*seurunee kale*) dan lain-lain. Bagi orang yang tidak mengadakan acara tersebut, biasanya langsung mengadakan pengajian Qur'an yang dilangsungkan pada malam yang lain dalam acara pembacaan Qur'an ini biasanya diundang orang-orang yang mahir dan merdu suaranya.¹⁴

4. 1. 1. 4 Tepung Tawar (*Peusijuk*) Mohon Maaf pada Manusia ataupun Taubat pada Tuhan.

Tepung tawar (*Peusijuk*) untuk memohon maaf pada manusia ataupun taubat kepada Tuhan adalah acara tersebut bertujuan sebagai menyelesaikan untuk mendamaikan kedua belah pihak yang sedang bertelagah dan apabila acara tepung tawar telah dilaksanakan maka kedua-dua belah pihak sudah berdamai dan kemudian bertaubat kepada Allah Ψ dan berjanji tidak akan mengulangnya pada hari kemudian. Adat dan tradisi tepung tawar tersebut dibahagikan menjadi tiga bahagian;

i. Pada Perdamaian akibat daripada perselisihan.

Apabila terjadi perselisihan diantara sesama masyarakat, misalnya, antara A dengan B ataupun antara penduduk kampung A dengan penduduk kampung B dan perselisihan ini mengakibatkan pertumpahan darah, maka setelah diadakan perdamaian, dilakukan pula Tepung tawar "*peusijuek*" dan ini selalu disebut dengan

¹⁴ Ibid. hlm. 101.

“*peusijuek meulangga.*” Pada upacara itu juga sering diberikan wang, yang disebut *sayam*, yang jumlahnya menurut kesepakatan. Apabila perselisihan terjadi seperti tersebut di atas tetapi tidak menyebabkan pertumpahan darah, misalnya perkelahian, maka dengan perdamaian dan upacara *peusijuek* dilakukan, tetapi tidak diberikan wang.¹⁵

ii. *Pada orang yang akan rujuk kembali pada isterinya.*

Kebiasaan dalam masyarakat di daerah Aceh apabila ada seseorang yang ingin kembali kepada isterinya maka akan dilaksanakan acara tepung tawar (*Peusijuk*) oleh para orang tua, Tok Guru dan para tokoh di kampung tersebut, agar kedua pasangan tersebut tidak lagi ada perselisihan di antara kedua-duanya agar damai selalu sepanjang masa.

iii. *Pada orang taubat daripada orang berbuat dosa besar dan sebagainya.*

Tepung Tawar (*peusijuk*), bermakna dalam tatanan budaya hingga kini masih diamalkan dalam memasuki abad globalisasi yang serba moden. *Peusijuk* dikenali di seluruh Daerah Istimewa Aceh, sebagai bahagian dari salah satu identiti dinamika keperibadian budaya hidupnya Menurut Hosein Djajadiningrat, *peusijuk* bermakna, sejuk, menyejukkan, memperkenalkan sesuatu yang sejuk, meyegarkan, tenang, menyenangkan dan berkesan yang semuanya dilambangkan dalam percikan air tepung tawar melalui kuas tangkai dan daunan berkasiak *daun sisijuek*, *manek*, *mano*, *pineng sikemeu*, *mayang*, *tuba*, dan *naaleung sambo*. Tata cara pelaksanaan tepung tawar (*peusijuk*) dilakukan dengan urutan,

- i. Menaburkan beras padi (*breueh pade*),
- ii. Menaburkan air tepung tawar,
- iii. Menyunting nasi ketan (*bu leukat*) padi telinga sebelah kanan

¹⁵ Ibid. hlm. 101.

iv. Melakukan pemberian wang semampunya (*teumeuteuk*).¹⁶

Amalan tersebut juga merupakan sebagai suatu tradisi yang sudah lama diamalkan dalam masyarakat didaerah Aceh bahkan hingga ke tanah Melayu juga ada acara tepung tawar, bila ditelusuri asal mulanya acara ritual tepung tawar ia merupakan amalan suatu budaya yang ditinggalkan oleh ajaran Hindu. Dalam ajaran agama Hindu apabila melaksanakan sesuatu hajat mesti dimulakan dengan acara tepung tawar, yang lebih menganehkan dan menghairankan bahawa apabila terdapat masyarakat yang keluar daripada lokap juga mesti di tepung tawari dengan alasan agar semangatnya kembali lagi seperti semula, dari hasil kajian yang telah dijalankan di lapangan;¹⁷

Jadual: 4. 1. 1 Amalan Tepung Tawar.

<i>Adakah anda yakin amalan tepung tawar menghasilkan keberkatan dalam hidup</i>						
	Tempat tinggal	Tidak	%	Ya	%	Jumlah
	Desa	58	30.05%	135	69.95%	193
	Kota	49	72.06%	19	27.94%	68
	Jumlah	107	41.00%	154	59.00%	261

Sumber: Analisis Data Primer, 2007

Berasaskan daripada hasil kajian telah yang dijalankan di wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, maka hasilnya menunjukkan masyarakat yang masih yakin amalan tepung tawar tersebut dapat menghasilkan keberkatan dalam hidup, responden yang tinggal di wilayah desa yang menjawab “Tidak” (30.05%) dan yang menjawab “Ya” (69.95%), sementara responden yang tinggal di wilayah Kota yang menjawab “Tidak” (72.06%) dan yang menjawab “Ya” (27.94%).

Hasil dari kajian yang telah dilaksanakan di lapangan dapat memberikan keterangan daripada kebanyakan masyarakat yang tinggal dalam wilayah desa lebih

¹⁶ Lihat, Badruzzaman Ismail. “Mesjid dan Adat Meunasah Sebagai Sumber Energi Budaya Aceh.” hlm. 161.

¹⁷ Hasil kajian soal selidik yang telah dijalankan di lapangan dalam wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, pada bulan April 2007.

cenderung dan mengarah yang berpendapat bahwa amalan tepung tawar menghasilkan keberkatan dalam hidup. Sementara majoriti masyarakat yang tinggal di wilayah Kota berpendapat bahawa tidak yakin dengan amalan tepung tawar yang dapat memberikan keberkatan dalam hidup.

4. 1. 2 Pemangku Adat

Dalam pandangan para pemangku adat bahawa adat dan tradisi tepung tawar adalah merupakan suatu amalan yang mesti diamalkan apabila ada acara-acara tertentu yang mengandungi nilai mistik. Agar ia dapat memberikan keberkatan dalam kehidupan dan sehari-hari. Menurut para pemangku adat tepung tawar adalah suatu amalan ritual dan sebagai cara untuk mendekatkan diri dengan Allah Ψ semata-mata agar selalu dilindungi dan terpelihara. Kononnya untuk mengelakkan daripada diganggu oleh jin dan syaitan dan untuk mendapatkan kesejahteraan dan keselamatan kepada sesiapa yang mengamalkan amalan tersebut. Sebenarnya upacara tersebut tidak lebih daripada upacara menjamu jin dan tidak ada sedikitpun yang kenamengena dengan keselamatan dan kesejahteraan penghuni rumah tersebut.

Adapun amalan adat dan tradisi tepung tawar (*peuseujuk*) dalam masyarakat Aceh pada amnya adalah merupakan suatu amalan yang sakral dan adat dan tradisi ini adalah suatu budaya yang telah lama diamalkan oleh masyarakat baik masyarakat yang tinggal dalam wilayah desa ataupun tinggal dalam bandar hingga kini masih diamalkan budaya tersebut yang telah ditinggalkan oleh nenek moyangnya. Amalan tersebut apabila diamalkan maka boleh-boleh sahaja apabila tidak bercanggahan dengan ajaran Islam, akan tetapi salah satu contoh seperti adat tradisi tepung tawar untuk menyambut tetamu jemputan yang beragama Kristian ataupun selain beragama Islam, maka turut juga disambut dengan adat upacara tepung tawar. Uniknyanya lagi

bahawa adat tradisi tepung tawar tersebut juga dilaksanakan kepada orang-orang yang baharu sahaja keluar daripada lokap kerana telah melakukan jenayah maka turut juga ditepung tawari, dan ini adalah merupakan suatu adat dan tradisi yang menyalahgunakan amalan tersebut.

4.2 Unsur Kehidupan dalam Kepercayaan

Kehidupan masyarakat Islam Aceh hingga kini tidak terlepas daripada pengaruh hal anasir-anasir kepercayaan, yang sudah menyatu dengan jiwa yang ditanamkan dalam kehidupan seharian, sementara untuk menghapuskan dan hingga kepada tahap pemurnian aqidah masyarakat Islam Aceh mungkin memerlukan masa yang banyak dan didukung dengan kerjasama pemerintahan tempatan dalam pemurnian aqidah tersebut. Apabila dilihat dari sejarah telah tercatat bahawa latar belakang masuknya ajaran Islam juga berasal dari negeri India yang majoriti penduduk di daerah tersebut yang beraliran ajaran Hindu *Tantri Bhirawa*.¹⁸

Maka keadaan kepercayaan tersebut terbentuklah suatu anasir kepercayaan yang sudah bercampur antara ajaran Hindu dengan ajaran Islam, kemudian yang pada akhirnya ajaran Islam tersebut sudah menjadi suatu percampuran antara sebuah budaya asing dengan budaya tempatan yang masuk ke daerah Aceh, lalu

¹⁸ Lihat, *Hindu Tantri Bhirawa* mempunyai banyak aliran baik dalam tradisi mistik Hindu mahupun Buddha. Merupakan suatu asas ajaran ini berkenaan dengan istilah *moksa*, penyatuan diri dengan Yang Mutlak, melalui ajaran *asketisme* (ajaran yang menghindari suatu kenikmatan dunia seperti banyak makan, berhubungan dengan isteri dan lainnya). Atau sebaliknya, melanggar suatu pantangan itu semua makan daging, minum anggur, berhubungan suami isteri dan lain-lain. Maka pada akhir abad ke-13, termasuk *tantrisme* melanggar pantangan. Candi Suku dekat Surakarta adalah salah satu pusat pemujaan *tantrisme* kelompok kedua ini. Sedangkan *tantrisme* yang dipraktikkan Adityawarman di Sumatra merupakan bentuk yang lebih ekstrim lagi daripada aliran yang kedua. Lihat, Braginsky: “*Satukan Hangat dan Dingin: Kehidupan Hmzah Fansuri, Pemikir dan Penyair Sufi Melayu*.” Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka. 2004. hlm. 86-9. Dan lihat juga, Sardono Kusumo, W. (peny). “*Acheh Kembali ke Masa Depan*.” Jakarta: IKJ Press. 2005. Cet. 1. hlm. 272.

menjadikan suatu amalan hingga menjadi suatu kepercayaan yang erat dengan amalan ajaran Hindu, yang tanpa ada diasaskan dari ajaran Islam yang benar.

Pada masa sebelum datangnya ajaran Islam di daerah Aceh bahawa masyarakat masih pula menganut suatu anasir kepercayaan animisme dan dinamisme atau masih menganggap ada kekuatan yang tersembunyi di dalam benda mati dan kepada anasir kekuatan ghaib di segala tempat yang boleh membantu mereka pada masa memerlukan bantuan untuk segala keperluan. Akan tetapi, anasir kepercayaan terhadap animisme dan dinamisme yang tidak bertahan begitu lama dalam masyarakat Aceh dan tidak lama kemudian hingga ajaran Islam masuk ke daerah Aceh yang melalui jalur dari Gujerat yang pada mulanya masyarakat pesisir laut yang pertama menerima ajaran Islam tersebut dan pada tahap berikutnya barulah masyarakat yang tinggal di wilayah pedalaman yang pada majoriti amatlah kental dengan anasir kepercayaan kepada benda mati dan ghaib yang hingga kini, masih tersisa dan membekas dalam faham masyarakat Aceh yang amat untuk sukar diubah dan dimurnikan kepada ajaran Islam yang sebenarnya.

Namun, supaya agar tidak terlarut lama dalam lembah yang lebih menyesatkan lagi demi mempertahankan amalan yang telah diamalkan oleh nenek moyangnya pada masa yang lampau, sementara amalan tersebut belum tentulah benar dan sahih menurut ajaran Islam yang sebenar, sebagaimana firman Allah ﷻ:

Ertinya:

Sebenarnya mereka telah mendapati datuk nenek mereka berada dalam kesesatan. Lalu mereka terburu-buru menurut jejak langkah datuk neneknya. Dan demi sesungguhnya, telah sesat juga sebelum kaummu (wahai Muhammad ﷺ) kebanyakan kaum yang telah lalu. Pada hal, demi sesungguhnya, Kami telahpun mengutus dalam kalangan kaum itu, Rasul-Rasul pemberi amaran. Maka lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang (yang mendustakan Rasul-Rasul Kami)

setelah diberi amaran. Kecuali hamba-hamba Allah Ψ yang dibersihkan dari sebarang syirik (maka mereka akan terselamat dan mendapat sebaik-baik balasan). (*S rat as-Saff t: 69-74*).

Dalam firman Allah Ψ di atas telah jelas, menerangkan bahawa suatu kumpulan yang mengikut daripada jejak nenek moyangnya walaupun ia dalam keadaan kesesatan dan mereka juga untuk meniru segala hal yang diamalkan pada masa nenek moyangnya mereka itu, dan bahkan telah sesat juga sekumpulan manusia sebelum datangnya ajaran Nabi Muhammad ρ , pada hal sebelumnya telah banyak diutus para Rasul kedalam kumpulan mereka itu. Tetapi, mereka tetap ingkar dan tidak mematuhi amaran yang telah diamalkan, lalu dengan sikap mereka yang melawan maka ia akan menerima azabnya yang sebagaimana yang telah dijanjikan dan kecuali ia kepada hamba-hambanya yang bersih hatinya, amalannya dan aqidahnya dan selalu taat terhadap amarannya agar menjauhkan diri daripada amalan yang dapat menjadi ia kepada amalan syirik. Sebagaimana hasil kajian dilapangan yang telah jalankan;¹⁹

Jadual: 4.1.2 Perkara Berkaitan dengan Hantu dll.

<i>Adakah anda masih percaya kepada perkara yang berkaitan dengan hantu, polong, pelesit, pontianak dan lain-lain.</i>						
	Tempat tinggal	Tidak	%	Ya	%	Jumlah
	Desa	159	82.38%	34	17.62%	193
	Kota	48	70.59%	20	29.41%	68
	Jumlah	207	79.31%	54	20.69%	261

Sumber: Analisis Data Primer, 2007

Berasaskan daripada hasil kajian yang dijalankan di wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, maka hasilnya menunjukkan masyarakat tersebut yang masih percaya kepada perkara yang berkaitan dengan hantu, polong, pelesit, pontianak dan lain-lain, responden yang tinggal di wilayah desa yang

¹⁹ Hasil kajian soal selidik yang telah dijalankan di lapangan dalam wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, pada bulan April 2007.

menjawab “Tidak” (82.38%) dan yang menjawab “Ya” (17.62%), sementara responden yang tinggal di wilayah Kota yang menjawab “Tidak” (70.59%) dan yang menjawab “Ya” (29.41%).

Maka dengan hasil kajian yang telah didapati di lapangan adalah yang majoriti masyarakat yang tinggal di wilayah Desa dan Kota di daerah Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, tidak kerap lagi untuk percaya kepada perkara yang berkaitan dengan hantu, polong, pelesit dan pontianak dan ini adalah menunjukkan kepada masyarakat tempatan telah membuat perubahan sedikit demi sedikit untuk mengarah kepada sampai pada tahapan dalam pemurnian aqidah yang sebenarnya dan agar tidak lagi untuk mempercayai perkara yang dapat menakutkan diri sendiri. Salah satu faktor apabila tidak mempercayai kepada perkara tersebut maka dengan sendirinya dapat melaksanakan segala jenis aktiviti pada malam hari seperti melaksanakan solat berjamaah di masjid ataupun di surau dan begitu jula dapat mengikuti pengajian.

4. 2. 1 Acara Kelahiran

Kebiasaan menurut adat masyarakat daerah Aceh, apabila sesudah melahirkan, menjadi suatu kebiasaan pihak keluarga yang baru sahaja melahirkan dengan senang hati memberikan sejenis hadiah kepada keluarga yang sedang hamil (*mablien*), pada kebiasaan lain seperti 1. Sirih setapak (bahan-bahan sirih) 2. Pakaian sesalinan (kebiasaan yang berlaku hanya satu set pakaian) 3. Wang secukupnya.²⁰

Maka apabila setelah upacara itu selesai, akan diberikan hadiah untuk bidan yang berupa: 1. Pakaian sesalinan, 2. Wang secukupnya, 3. Wang penebus cincin suasa, 4. Beras dua bambu, 5. Padi dua bambu (*segantang*), 6. Pulut kuning, ayam

²⁰ Lihat, Syamsuddin, T. “*Adat Istiadat Daerah Provinsi Daerah Istimewa Aceh.*” Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. 1997. hlm. 125-128.

panggang, dan satu ekor ayam yang hidup, sebagai tanda ucapan terima kasih yang diberikan kepada bidan tersebut, kerana telah memberikan layanan yang cukup baik terhadap keluarga yang telah melahirkan anak bayi tersebut dengan baik dan selamat.

Pada masa pelaksanaan upacara amalan turun tanah bayi tersebut dengan tidak mempunyai kesamaan masa di daerah Aceh dan berbeza pula bergantung pada wilayah yang didiami seperti turun tanah bayi pada masyarakat Gayo (Aceh Tengah) dilakukan pada hari ke tujuh setelah bayi lahir, bersamaan dengan upacara cukur rambut, pemberian nama dan aqiqah. Pada masyarakat *Aneuk Jamee* (Aceh Selatan) turun tanah bayi disebut dengan *turun ka aie*, yang kebiasaan dilakukan pada hari ke empat puluh empat, bersamaan pula dengan cukur rambut dan pemberian nama, kadang pula disertai dengan acara pemberian hadiah hanya sekadarnya sahaja. Begitu pula dengan pelaksanaan di daerah Aceh Tamiang dan masyarakat Aceh yang lainnya. Pada masa dahulu, pelaksanaan acara turun tanah bayi dilakukan setelah bayi berumur satu hingga dua tahun dan apabila bayi tersebut anak yang pertama, menurut adat dan tradisinya biasanya upacara tersebut lebih besar dan meriah dalam meraikan acara aqiqah tersebut.

Pada masyarakat Gayo sebelum bayi tersebut diturunkan melalui tangga, terlebih dahulu Imam beserta peserta upacara membaca doa agar mendapatkan berkah bayi panjang umur, mudah rezeki serta beriman dan beragama. Kemudian bayi dipangku oleh seorang kerabat wanita daripada pihak ibu bayi (*ralik*) sambil melekatkan pulut kuning di telinga bayi, melumurkan manisan lebah di bibir bayi dengan mengucapkan mudahlah rezekimu, taat dan beriman serta berguna bagi agama dan negara. Kemudian bayi itu dipangku oleh semua peserta upacara secara bergantian dengan mengucapkan ucapan yang sama hingga selesai. Kemudian bayi tersebut dibawa turun ke tanah melalui sebuah tangga, dan kemudian bayi tersebut

dibawa ke tempat pemandian atau sungai untuk dimandikan dengan upacara tertentu yang hingga kini, masih juga diamalkan di daerah Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe kerana ini memang sudah menjadi suatu adat dan tradisi yang amat sulit untuk dihilangkan secara sempurna dan adapun rencana menghilangkan dengan tujuan memurnikan yang boleh menghabiskan masa yang banyak.

Sementara dalam masyarakat Tamiang turun tanah bayi disebut dengan *menyangke rambut budak*, disertai dengan acara cukur rambut, pemberian nama, kenduri dan marhaban, kadang-kadang dengan aqiqah langsung, bayi diayun dalam buaian seirama dengan irama yang mempunyai unsur Islami (*qasyidah*). Kemudian anggota *qasyidah* untuk mengambil posisi berdiri, bayi diangkat dari ayunan oleh seorang anggota keluarga untuk dibawa keliling anggota *qasyidah* tersebut. Dalam suasana ini bayi ditepung tawari oleh Tuan Guru *marhaban*. Rambut digunting kemudian dimasukkan kedalam kelapa muda terukir yang telah disediakan dalam talam.

Demikianlah pula dengan pengguntingan rambut dilakukan oleh anggota *qasyidah* secara bergiliran dan bergantian, yang telah menyelesaikan guntingan rambut bayi kemudian diserahkan kepada bidan. Kemudian dilanjutkan dengan acara jejak tanah bayi yang dilaksanakan oleh para Tok Guru dan para pembuka adat tempatan yang ikut menghadiri acara ritual aqiqah dan juga mengambil suatu peranan dalam pelaksanaan acara ritual tersebut dengan sukses.²¹

4. 2. 1. 1 Mencukur Rambut Bayi

Pada upacara amalan mencukur rambut bayi semasa usia bayi berumur enam bulan. Amalan tersebut adalah sudah merupakan sebuah acara tradisi ritual yang

²¹ Lihat, Syamsuddin, T. "Adat Istiadat Daerah Propinsi Daerah Istimewa Aceh." hlm. 128-129.

mesti dijalankan dan diamalkan dalam masyarakat daerah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe dan acara ritual ini juga mesti melibatkan sebahagian para tokoh daripada masyarakat, tokoh adat dan para ulama ataupun ustaz tempatan untuk menjayakan acara ritual tersebut, berasaskan temu bual yang telah dijalankan di lapangan dengan ketua Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU) Kota Lhokseumawe.²² Menyatakan bahawa masuknya segala kepercayaan khurafat dan *bidaah*²³ adalah melalui upaya para ustaz yang tidak bertanggungjawab untuk menjadi perantara yang amat berperanan dalam penyebaran amalan yang dapat merosakkan aqidah masyarakat dan bukan daripada masyarakat sahaja, akan tetapi dua belah pihak tersebut amat menentukan masuknya ajaran tersebut.

Adat dan tradisi ritual upacara dalam pelaksanaan cukur rambut (*cuko ok*), dilakukan setelah bayi berumur satu bulan. Upacara ini bertujuan membuang rambut yang kotor yang dibawa sejak lahir. Selain dari itu juga mempunyai tujuan agar rambut bayi tumbuh lebih sihat. Pada kebiasaannya upacara ini biasanya yang disertai dengan mengadakan acara kenduri makan dan minum bersama tetamu yang telah dijemput, baik dengan tetangga, kerabat dan orang terkemuka dan lainnya dalam rangka untuk merayakan acara ritual tersebut ini, menurut kadar kemampuan kewangan keluarga yang dimilikinya.

Dalam kebiasaannya untuk mengadakan upacara ritual tersebut biasanya alat dan kelengkapan untuk keperluan upacara ritual mencukur rambut dan mencicipi bibir (*peucicap*), telur ayam mentah, madu lebah (*ie unoe*), buah kurma dan jenis

²² Nama lengkapnya, Tgk. H. Syamaun Risyad, Lc. Beserta dengan para anggota komisi yang menjabat sebagai pengurus pada lembaga yang sama, sebagai pengkaji sempat bertemu bual selama dua kali pertemuan yang berlokasi di pejabat Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU), berlokasi di Kota Lhokseumawe, yang menghabiskan masa selama dua jam.

²³ Lihat, Abu Ishaq Ibrahim as-Syatibi. *al-'Tisy m. al-K hirat: D r al-Hadith*. 2003. hlm. 27.

makanan lain yang berzat manis dan bergizi. Semua bawaannya diserahkan kepada pihak besan yang diterima oleh salah seorang wanita terkemuka di tempat tersebut.²⁴

Dalam perayaan majlis upacara ritual tersebut, sudah menjadi kebiasaan diletakkan pada sebuah dulang (*dalong*) bertutup tudung saji (*sangee*) yang di dalamnya berisi pulut kuning (*bu leukat kunfeng*) dan penganan lainnya seperti, ikan kayu (*keumamah*) yang telah dimasak menjadi gulai atau adonan tepung (*tumpoe*) ataupun masakan daging. Setelah kenduri selesai dan para undangan pulang ke tempat masing-masing, tinggal ahli keluarga, tetangga dan para pemuka kampung dan pemuka adat.

Sementara bayi yang telah selesai dicukur rambutnya dan kemudian ditudurkan di atas kasur kecil yang bertutup hiasan kain warna-warni lalu, dibawa ke suatu bilik di mana orang alim terkemuka (*Teungku Sagoe*) telah menunggunya. Kepada menantunya memberikan wang sembah (*seuneumah*), yang diikuti dengan tindakan yang sama oleh ahli keluarga dan orang tua daripada kaum wanita lain yang hadir di tempat tersebut. Tamu lelaki membawa hadiah berupa tembakau, sirih, buah-buahan dan ikan yang disebut barang pasar (*barang peukan*), gunanya sebagai pengikat tali persaudaraan dan guna meringankan beban biaya daripada pihak keluarga tersebut.²⁵

4. 2. 1. 2 Turun Tanah Bayi dan Mencicipkan Manisan (*Peucicap*).

Upacara menurunkan anak bayi (*peutron aneuk*) ke tanah adalah sudah menjadi suatu amalan yang mesti diamalkan oleh masyarakat Aceh apabila telah melahirkan bayi dan acara tersebut ini juga telah dijadikan suatu adat dan tradisi dalam masyarakat. Dalam kebiasaannya acara tersebut dilaksanakan bayi yang sudah

²⁴ Lihat, "Pedoman Umum Adat Aceh." Banda Aceh: LAKA. Edisi I. 1990. hlm. 81.

²⁵ Ibid. hlm. 81.

berusia tujuh hingga lima belas hari yang diiringi pula dengan perayaan yang disebut dengan “*peucicap*”²⁶ dan dalam kebiasaannya acara tersebut dilaksanakan di rumah. Bayi pada usia tiga bulan, lima bulan atau tujuh bulan dibawa keluar rumah (*peutron*), pada hari *peutron* itu diadakan kenduri menurut kemampuan dari orang tua (keluarga) yang berkaitan.

Tok Guru (*Teungku Sagoe*) dijemput untuk menghadiri acara tersebut, demikian juga orang alim lainnya dan keluarga terdekat. Adakalanya pada hari itu diadakan permainan rebana turun bayi (*peutron aneuk*). Acara turun bayi ini dilanjutkan dengan acara membelah kelapa (*plan boh u*). Menurut fahaman masyarakat Aceh maksudnya dari acara tersebut ialah, agar bayi tidak merasa takut apabila mendengar suara mengejutkan atau mengerikan apabila telah dewasa kelak. Setelah bayi ditegakkan di tanah, Tuan Guru (*Teungku Sagoe*) menyebut: 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7 dan disambung dengan ucapan: *Lagee bumoe' nyoe teutap, Meunan beuteutap pendirian gata.* (ertinya; Seperti kukuhnya bumi ini, Demikian pulalah pendirianmu mesti tetap).

Sesudah kelapa dibelah, lalu diperebutkan oleh keluarga pihak ayah dan ibu bayi (*wali karong*). Selesai acara itu disugukan sirih kepada para tamu yang hadir.²⁷ Adat dan tradisi mencicipkan manisan (*peucicap*) dalam masyarakat Aceh adalah suatu acara yang selalu diamalkan apabila memperoleh seorang anak bayi. Upacara *peucicap* upacara untuk memberi rasa makanan kepada bayi rasa yang diberikan ini terdiri daripada manisan lebah dan air buah-buahan yang rasanya manis.

Bahan yang mesti dipersiapkan dalam upacara tersebut terdiri dari manisan lebah, buah sauh, mangga, rambutan, nangka, dan tebu. Di samping itu, diperlukan

²⁶ Lihat, Hoesin, Moehammad. "Adat Atjeh." (t.t.p): Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Prov. D.I. Aceh. 1970. hlm. 69.

²⁷ Lihat, "Pedoman Umum Adat Aceh." hlm. 84-85.

juga hati ayam, ikan dan lainnya termasuk Surat Yasin dan rencong dan semua bahan-bahan tersebut dipersiapkan oleh nenek bayi dipihak ibunya.²⁸ Apabila bayi yang *dipeucicap* anak lelaki maka dilakukan oleh orang lelaki dan apabila wanita oleh orang wanita. *Peucicap* itu dimulai dengan;

*Bismill hirr hm nirrahim,
Beu mameh lidah,
Panyang umu, Mudah reseuki,
Di thee lam kawam, Taat keu agama.*

Ertinya:

*Bismill hirr hm nirrahim,
Manislah lidah, Panjang umur,
Mudah rezeki, Terpandang dalam keluarga,
Taat dalam agama.*

Setelah ucapan itu selesai lalu dilumurkan dengan manisan daripada madu lebah, air (sari) buah-buahan pada mulut bayi. Tujuan pengolesan manisan lebah dan sari buah-buahan, adalah untuk memberi rasa kepada bayi, agar nanti tidak merasa asing hidup dalam masyarakat, dan rajin bekerja.²⁹ Maka setiap ahli keluarga yang melakukan *peucicap*, lalu menghadihkan kepada bayi tersebut dengan wang tunai ataupun cincin emas. Hadiah cincin emas lazimnya dilakukan oleh para keluarga yang kaya, kerana untuk menjaga maruah diri agar jangan sampai diremeh temehkan oleh orang yang lain.³⁰

4. 2. 1. 3 Amalan Aqiqah

Adat aqiqah³¹ dalam masyarakat Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, dan hampir seluruh daerah Nanggroe Aceh Darussalam juga sudah menjadi hal yang

²⁸ Ibid. hlm. 85.

²⁹ Lihat, Hoesin, Moehammad. "Adat Atjeh." hlm. 69.

³⁰ Ibid. hlm. 69.

³¹ Lebih lanjutnya maka lihat, Imam Abi Zakaria Muhyiddin bin Syaraf al-Nawawi. "*al-Majm'*." Syarah al-Muh z b. al- Misr : D r al-Fikr. (t.t.). Jz. 8. hlm. 448. Lihat juga, al-Imam al-Hafid. Abi Abdullah bin al-Qayyim al-Jauzi. "*Z d l Ma' d fi Hadi Khairi al-'B d.*" al-Q hirah: Dar al-

biasa diamalkan oleh masyarakat tersebut. Apabila melahirkan seorang anak bayi maka dengan sendirinya akan dirayakan acara ritual aqiqah yang diikuti sertakan antara lain para ulama dan para pemuka adat yang amat faham tentang kepercayaan yang telah diamalkan dalam acara tersebut. Apabila keluarga yang mampu melaksanakannya pada hari ketujuh dari kelahiran bayinya dan boleh juga yang meraikannya setelah anak tersebut sudah sampai dewasa kelak.³²

Sementara, menurut ajaran Islam hukum melaksanakan aqiqah adalah sunnah dan bukannya wajib³³ yang berasaskan dari pendapat jumhur ulama dan termasuk pendapat yang sahih dan ada sebahagian pendapat yang mengatakan bahawa hukum merayakan aqiqah tersebut adalah hukumnya wajib.³⁴ Dalam perayaan acara tersebut juga disunatkan juga untuk mengucapkan kepada sesiapa yang melahirkan anaknya dengan selamat dengan mengucapkan kata-kata yang baik.³⁵ Namun, ada juga pendapat ulama yang melarang amalan tersebut dilaksanakan ataupun diperingati bahkan amalan tersebut adalah merupakan amalan yang bidaah, menurut pendapat Imam Abi Hanifah yang diasaskan menurut Hadith Nabi ﷺ, ketika Rasulullah ﷺ ditanya mengenai masalah aqiqah lalu Rasulullah ﷺ menjawabnya, kami tidak menyukai perbuatan aqiqah tersebut.³⁶

Fikr.(t.t.). Jz. 2. hlm.2. Lihat juga, al-'Im al-'alamat al-Syikh S lih Abdul Syami' al-Abi al-Azhari. "*Jaw hir l al-'qlail*". Beirut: D r al-kit b al-'Ilm yaṭ. 1999. Jz. 1. hlm. 307. Lihat juga, al-Azhari, Syikh Abdullah bin Hijazi bin Ibrahim as-Shafi' . *H syiyat al-Sy rq wi*. Beirut: D r al-Kit b al-'Ilm yaṭ. 1997. hlm. 230. Lihat juga, Zuhaili, Wahbat. "*al-Fiqh al-Islami wa'dilatuhu*." Beirut: D r al-Fikr al-Mu' syir. 1997. hlm. 2745, Al-Baghwi, al-Imam 'Abi Muhammad al-Husain bin Mas' d bin Muhammad bin Fir' . *al-Tahzib Fi Fiqh al-Imam as-Sh fi'i*. Beirut: D r al-Kit b al-'Ilm yyaṭ. 1997. Jz. 8. hlm. 45.

³² Lihat, Hoesin, Moehammad. "*Adat Atjeh*." hlm. 71.

³³ Lihat, al-Baghwi, al-Imam Abi Muhammad al-Husain bin Mas'ud bin Muhammad bin Fira'. *al-Tahzib Fi Fiqh al-Imam as-Sh fi'i*. Beirut: D r al-Kit b al-'Ilm yyaṭ. 1997. Jz. 8. hlm. 47.

³⁴ Ibid.

³⁵ *بارك الله لك فيما وهب ورزقك الله به* dan disunatkan juga untuk menjawabnya. Lihat, Al-Azhari, Syaikh Abdullah bin Hijazi bin Ibrahim as-Shafi'i. "*H syiyat al-Sy rq wi*." hlm. 431.

³⁶ Lebih jelasnya lihat, Al-Baghwi, al-Imam Abi Muhammad al-Husain bin Mas'ud bin Muhammad bin Fira'. *al-Tahzib Fi Fiqh al-Imam as-Sh fi'i*. Jz. 8. hlm. 47.

Adapun mengenai dengan acara aqiqah itu sendiri adalah suatu amalan yang amat baik dan amalan ini juga pernah dilakukan oleh Rasulullah ﷺ pada masanya,³⁷ dan hingga setakat ini. Namun, adat dan tradisi tersebut masih juga diamalkan di dalam masyarakat Aceh, agar supaya anak yang baru sahaja lahir agar dipanjangkan umur dan keberkatan dalam kehidupannya nanti di dunia, sebagaimana ada sebuah riwayat bahawa Rasulullah ﷺ pernah ditanyakan oleh sahabat mengenai hal aqiqah, dan kemudian Rasulullah ﷺ mengatakan sekiranya mahu melaksanakan aqiqah maka laksanakan untuk anak lelaki dua kambing dan untuk anak wanita satu kambing,³⁸ adapun pelaksanaannya acara aqiqah tersebut disunnatkan pelaksanaannya pada hari ketujuh dari kelahirannya.³⁹

Sementara menurut Imam Shafi'i dan Hanabilah bahawa sekiranya melaksanakan acara aqiqah masa pada hari ke tujuh ataupun sebelumnya maka boleh sahaja tanpa ada larangan.⁴⁰ Ibn Umar berkata: Masa yang tepat untuk mencukur rambut bayi ia pada saat melaksanakan acara aqiqah, dan sementara para ulama' berpendapat bahawa pelaksanaan aqiqah tersebut adalah hukumnya sunnat, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Rasulullah ﷺ dalam sebuah Hadithnya mengenai aqiqah; "*Cukurlah rambutnya dan kemudian berikanlah namanya.*"⁴¹

Namun, dalam sebuah Hadith yang telah diriwayatkan oleh Siti Aisyah r.a. ia telah berkata; Sesungguhnya orang Jahiliah apabila melaksanakan mencukur rambut bayi dan kemudian melumurkan darah dari aqiqah tersebut di atas kepala bayi

³⁷ Lihat, "*Sunan Ab Daw d.* Jz: 3. hlm. 105. Lihat juga, Imam Baihaqi. Dalam kitabnya. "*al-Kubr* . Jz: 9. hlm. 312.

³⁸ Lihat, Ibn Abdul Bar Ali "*Fath l al-M lik.*" Lubn n: D r al-Kit b al-'Ilm yyat. Jz. 7. hlm. 101. Lihat juga, Imam Thahawi dalam kitabnya. "*al-Masy qqil*". Jz. 1. hlm. 461.

³⁹ Lihat, "*Sunan Tirmizi*". Bab. 'Aqiqah. n. h. 1522. Jz. 4. hlm. 101. Lihat juga, al-Thabrani, dalam kitabnya. "*al-Kabir*." Jz. 7. hlm. 242. Dan *al-H kam*. Jz. 4. hlm. 238.

⁴⁰ Lihat, Zuhaili, Wahbat. "*al-Figh al-Islami wa' dilatuhu.*" hlm. 2748. Dengan menyebutkan doa Rasulullah ﷺ pernah mengucapkan dengan ucapan yang sama pula: *بِسْمِ اللَّهِ، اللَّهُمَّ لَكَ وَالْيَاكُفِيَّةُ فُلَانٌ...*

⁴¹ Lihat, Ibn Abdul Birr Ali "*Fath l al-M lik.*" hlm. 108.

tersebut dan kemudian Rasulullah ﷺ memerintahkan dari bekas darah yang telah dilumurkannya, dengan digantikannya mencukur rambut.⁴²

Dalam riwayat lain Siti Aisyah r.a. telah menyatakan bahawa asal mulanya munculnya amalan aqiqah adalah pada masa jahiliah apabila melahirkan anaknya yang lelaki maka akan disembelih satu ekor kambing dan dilumurkan kepalanya dengan darah kambing tersebut, dan ketika datangnya ajaran agama Islam, maka apabila melaksanakan aqiqah dengan menyembelih satu kambing dan mencukur rambut di kepalanya dan melumurkan dengan wangi-wangian *ja'far n* di kepalanya.⁴³Sudah menjadi sebuah tradisi bahawa, penyembelihan kambing yang dilaksanakan oleh orang Arab pada masa jahilliah mereka menyembelih kambing untuk dimasak dan memakannya bersama sama pada bulan *Rajab*, dan menurut dalam riwayat bahawa amalan tersebut termasuk para *'ahli bayt* juga mengamalkannya.⁴⁴Sebagaimana hasil kajian di lapangan yang telah dijalankan;⁴⁵

Jadual: 4.1. 3 Aqiqah dan Mencukur Rambut bayi.

<i>Adakah anda masih mengamalkan upacara amalan aqiqah dan mencukur rambut bayi.</i>						
	Tempat tinggal	Tidak	%	Ya	%	Jumlah
	Desa	5	2.59%	188	97.41%	193
	Kota	9	13.24%	59	86.76%	68
	Jumlah	14	5.36%	247	94.64%	261

Sumber: Analisis Data Primer, 2007

Berasaskan daripada hasil kajian yang dijalankan di wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, maka hasilnya menunjukkan masyarakat yang masih mengamalkan upacara amalan aqiqah dan mencukur rambut bayi, responden yang tinggal di wilayah Desa yang menjawab “Tidak” (2.59%) dan yang menjawab

⁴² Lihat, Abdul al-Razak, dalam kitabnya. “*al-Musanaf*.” Jz. 4. hlm. 330.

⁴³ Lihat, Imam al-Baihaqi. “*Sunan al-Kubr* .” Jz. 4. hlm. 303.

⁴⁴ Lihat, Wahbat, Zuhaili. “*al-Figh al-Islam wa’dilatuhu*.” Beirut: D r al-Fikr al-Mu’ syir. 1997. hlm. 2745.

⁴⁵ Hasil kajian soal selidik yang telah dijalankan di lapangan dalam wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, pada bulan April 2007.

“Ya” (97.41%), sementara responden yang tinggal di wilayah Kota yang menjawab “Tidak” (13.24%) dan yang menjawab “Ya” (86.76%).

Dari hasil kajian di atas menunjukkan bahawa masyarakat yang tinggal di Desa ataupun di Kota, hingga setakat ini masih banyak dan majoriti yang masih mengamalkan adat upacara amalan aqiqah dan mencukur rambut bayi dalam kehidupan sehariannya. Namun, hanya sedikit sahaja masyarakat yang meninggalkan dan tidak melaksanakan acara ritual aqiqah tersebut.

4. 2. 1. 4 Berpantang Sebelum Melahirkan

Sudah menjadi suatu kebiasaan dalam masyarakat Aceh, apabila isterinya sedang hamil maka sudah mulai mesti untuk mulai menjaga dan untuk mematuhi tradisi pelbagai pantang, baik pantang bagi isteri mahupun bagi suaminya. Adapun, pantang larang yang mesti ditempuhnya, antara lain larangan duduk di hujung tangga (*ulee reunyueun*), berada di luar rumah pada petang dan malam hari melangkahi kuburan, datang tempat suram, membicarakan hal yang kurang elok, melihat benda dan haiwan yang ajaib dan serba ragam dan pantang larang yang lain. Semua pantang tersebut maksudnya ialah untuk mencegah dirinya daripada kemungkinan tertimpa bencana, seperti terjatuh dan terbentur tubuh dengan benda-benda keras, masuk angin dan hal lain-lain yang diperkirakan dapat memberi pengaruh yang berakibat buruk terhadap pertumbuhan janin bayi yang sedang dikandung. Sementara itu terdapat pula anggapan, bahawa seseorang yang hamil, kerana keadaan tubuhnya yang semakin lemah dan aliran darah mengalami perubahan maka dengan mudah dapat dipengaruhi oleh syaitan dengan maksudnya yang jahat.⁴⁶

⁴⁶ Lihat, “*Pedoman Umum Adat Aceh.*” Banda Aceh: Lembaga adat dan Kebudayaan Aceh (LAKA). 1990. hlm.69. Lihat juga, Richard Winstedt. “*The Malay Magician.*” Kuala Lumpur: Oxford University Press. 1982. hlm. 103.

Para tamu, tetangga dan ahli keluarga tidak dengan bebas berkunjung ke rumah tersebut pada malam hari, kerana pada saat tersebut kunjungannya dapat mengejutkan wanita yang sedang hamil sehingga mengganggu ketenangannya. Kadang kala dikatakan, bahawa syaitan jahat selalu ikut bersama dengan setiap tamu yang berkunjung ke rumah wanita yang sedang hamil pada malam hari. Jika ada kunjungan malam yang dilakukan oleh tetangga ataupun ahli keluarga, maka mereka setibanya di halaman rumah tersebut mestilah mengeluarkan suara (*mendehem*) kemudian berhenti beberapa saat di bawah (di luar) rumah.

Apabila yang datang itu ialah tamu-tamu dari kampung lain, maka para tamu mesti berhenti terlebih dahulu di *meunasah* ataupun di pinggir jalan kampung (*jurong*) dengan tujuannya adalah agar syaitan tidak mengikutinya. Suaminya sendiri, ayah dan saudaranya yang biasanya pulang kerumah pada malam hari. Namun, setakat ini telah berubah daripada kebiasaan tersebut maka sebelum hari bersambut malam, mereka telah berada di rumah, sebab dipercayai oleh masyarakat apabila pulang pada malam hari maka akan diikuti oleh makhluk jahat yang selalu mengganggu dan menakutinya.⁴⁷

4. 2. 1. 5 Berpantang 44 Hari Sesudah Melahirkan

Adapun, adat dan tradisi berpantang selama empat puluh empat hari bagi wanita yang baru sahaja melahirkan tidak dibenarkan untuk keluar dari rumah walau satu langkahpun tidak dibenarkan demi untuk menjaga kesihatan ibunda yang baru sahaja melahirkan. Sementara adat dan tradisi tersebut merupakan dari amalan yang berasaskan daripada nenek moyang yang mempunyai pelbagai rahsia supaya para wanita yang baru sahaja melahirkan agar kelihatan segar seperti semula dan sama ia

⁴⁷ Lihat, “*Pedoman Umum Adat Aceh.*” 1990. hlm.70

ingin menyembuhkan luka dan kesakitan ibu amatlah bersalin dan selepas bersalin. Selama empat puluh empat hari lamanya wanita bersalin tidur dan bangun di tempat tidurnya, dilarang berdiri dan berjalan, diberikan nasi putih dengan ikan kayu kering, dan paling sedikitnya amat dihadkan. Namun, pantang empat puluh empat hari (*madeueng*) tersebut dimaksudkan supaya kesihatannya segera pulih kembali dan bahagian-bahagian dari tubuhnya yang sakit dan telah mengendur ketika melahirkan bayi, dapat pulih dengan segera.⁴⁸

Bagi mereka yang tahu akan rahsia amalan berpantang dapat dipergunakan semaksimumnya adalah untuk mengembalikan kecantikan dan kesihatan diri luar dan ini adalah merupakan amalan bagi para wanita pada zaman dahulu, yang mana pada masa itu belum adanya doktor kandungan dan bidan seperti halnya setakat ini. Akan tetapi, kini sudah banyak dijumpai para pakar perubatan yang amat mengerti tentang kandungan dan hal melahirkan.

Namun, hingga kini tradisi berpantang empat puluh empat hari sudah banyak ditinggalkan oleh wanita yang baru melahirkan, mungkin kerana kesibukan berkerja bagi wanita yang bekerja di luar rumah, maka apabila mengikut tradisi daripada nenek moyang akan membolehkan kerja bagi wanita yang bekerja di luar rumah dan ini bererti menjadi mudharat bila mengikuti tradisi berpantangan empat puluh empat hari. Adapun, pantangan yang mesti diikuti dan dipatuhi oleh wanita yang sedang bersalin tidak dibolehkan makan ikan yang bertulang keras, ikan yang berduri, nasi sejuk dan nasi bercampur air seperti bubur. Manakala bagi bayi yang baru lahir terutamanya dari hari pertama hingga hari ke tujuh, bayi tidak boleh dibawa ke ruang yang terdedah, seperti ke halaman rumah. Ini untuk mengelakkan bayi itu daripada diganggu oleh roh jahat dan selalu menangis hingga pada malam hari.

⁴⁸ Ibid. hlm. 70.

Amalan berpantang bagi wanita yang baru sahaja melahirkan, dalam tradisi masyarakat Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe adalah merupakan suatu amalan yang hingga kini masih dipertahankan. Akan tetapi, bagi wanita yang tinggal di wilayah bandar mungkin sudah amat sedikit untuk menjaga dan menghiraukan pantang bagi wanita yang baru sahaja melahirkan. Mungkin kerana kesibukan untuk berkerja diluar rumah dan tidak mungkin berdiam diri hingga empat puluh empat hari tidak masuk ke pejabat, ataupun boleh jadi dengan kemungkinan yang lain, para wanita setakat ini tidak menghiraukan lagi pantang yang telah diamalkan oleh orang-orang terdahulu.

4. 2. 1. 5. 1 Pemangku Adat

Menurut adat yang berlaku dalam masyarakat Aceh kini, apabila tidak menghiraukan lagi segala pantang bagi wanita yang baru sahaja melahirkan maka ia akan menerima dampak yang berat dan boleh dipengaruhi bayi yang sedang dikandungnya ataupun yang sudah dilahirkan bayi tersebut akan dipengaruhi jiwa dan mentalnya. Dalam hukum adat yang sebenarnya yang berlaku hingga kini pada sebahagian daerah yang masih mengamalkan pantang larang bagi wanita yang sedang hamil ataupun yang sudah melahirkan. Maka menurut pandangan bagi para pemangku adat juga, menuruti aturan ataupun pantang larang bererti ia telah menjaga bayi yang sedang dikandungnya ataupun yang telah dilahirkan daripada gangguan syaitan ataupun makhluk halus yang jahat dan amat senang mengganggu anak bayi yang jiwanya bersih dan suci.

4. 2. 2 Acara Perkahwinan

Perkahwinan⁴⁹ adalah suatu perintah daripada Allah ﷻ kepada orang Muslim yang mampu dalam pelbagai bidang baik mampu dalam zahir dan batin. Perkahwinan juga merupakan salah satu tanda daripada kesempurnaan Iman seseorang dalam mengamalkan ajaran Islam yang semestinya. Adapun perkahwinan juga merupakan sebagai perisai dalam kehidupan agar dapat terhindar dari segala hal yang berupa maksiat dan fitnah yang amat membahayakan kepada manusia, maka salah satu cara untuk meneruskan keturunannya adalah dengan cara perkahwinan yang sah, tentunya yang beragama Islam.⁵⁰

Perkahwinan dalam masyarakat Aceh juga merupakan sebagai pusat dari segala untuk mengawal emosi dalam bermasyarakat dan dalam sebuah keluarga yang akan dibina, dan dengan perkahwinan tersebut dapat memberikan had dalam pergaulan yang kurang baik, maka dengan terbentuknya sebuah perkahwinan maka dengan sendirinya menjadi pelindung dan dapat melaksanakan sebahagian amalan

⁴⁹ Perkahwinan menurut kepercayaan masyarakat Aceh ia merupakan suatu kemestian yang ditetapkan dalam agama dan perkahwinan itu juga suatu bentuk hidup bersama dari seorang lelaki dengan seorang wanita yang memenuhi syarat dalam hukum Islam. Dalam masyarakat untuk mendapatkan jodoh bagi anak lelaki mereka, maka diperlukan langkah pelaksanaan sebagai berikut: 1. Apabila keluarga pemuda sudah cocok untuk melamar seorang gadis, diutuslah kepada keluarga wanita seorang penghubung (*seulangke*). Sementara *Seulangke* tersebut mesti orang yang pandai bicara yang terdiri dari lelaki atau wanita. 2. Dalam rangka ini oleh utusan tadi dibawalah tanda ikatan (*kongnarit*) berupa benda yang berharga, biasanya emas. Apabila tanda tersebut diterima bererti kedua belah pihak telah terikat dengan suatu tali pertunangan. Sekaligus pada waktu itu ditetapkan pula tanggal pernikahan. 3. Tetap pada masa pernikahan itu berlangsung, ditetapkan pula jumlah emas kahwin (*Jeunamee*) yang mesti diserahkan pihak pemuda. Emas kahwin itu jumlahnya berbeza-beza. 4. Apabila penentuan emas kahwin itu selesai maka selang beberapa bulan baru diadakan pernikahan atau perasmian perkahwinan. Lihat, Koentjaraningrat. "*Manusia dan Kebudayaan di Indonesia*." hlm. 236. Dan lihat juga, Wirjono Prodjodikoro. "*Hukum Perkahwinan Indonesia*." Bandung: Sumeer. 1961.

⁵⁰ Lihat, Karl, G. Heider. "*Seeing Anthropology: Cultural Anthropology Through Film*." USA: Allyn and Bacon. 2000. hlm. 229. Dan Lihat juga, Scupin, Raymond. "*Cultural Anthropology: A Global Perspective*." New Jersey: Prentice Hall. Edisi. 5. 2002. hlm. 239.

ibadah yang dapat dihubungkan antara ibadah dengan muamalat,⁵¹ melalui cara yang mesti ditempuh dengan perkahwinan sebagaimana firman Allah ﷻ:⁵²

Ertinya:

“Dan demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-Rasul sebelummu dan Kami jadikan untuk mereka isteri-isteri dan zuriat keturunan dan tiadalah sebarang kuasa bagi seseorang Rasul untuk mendatangkan sesuatu mukjizat melainkan dengan izin Allah ﷻ. Tiap-tiap satu tempoh dan masa ada baginya perkara dan hukum yang telah ditentukan oleh “Suratan Az li”.(S rat ar-R ’d: 38).⁵³

Dalam penjelasan pada firman Allah ﷻ di atas telah jelas bahawa Allah ﷻ telah menyatakan bahawa telah menciptakan isteri dan keturunannya secara berpasangan, supaya boleh untuk memperbanyak keturunan di muka bumi dan ini hanya semata-mata kepada umatnya yang telah menempati bumi ini dan kesemua ini adalah telah ditentukan oleh Allah ﷻ yang sebagaimana telah dicatatkan pada azali, yang tidak ada satu pun manusia yang dapat mengetahuinya daripada isi suratan tersebut, sebagaimana yang telah ditentukan oleh Allah ﷻ, dalam ayat yang lain Allah ﷻ berfirman juga sebagai berikut:

Ertinya:

“Dan di antara tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatnya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi

⁵¹ Lihat, John L. Esposito. “*Women In Muslim Family Law.*” New York: Syracuse University Press. 1982. Cet. 1. hlm. 15-16.

⁵² Lihat, Syeikh Muhammad al-‘Amin bin Muhammad al-Mukhtar al-Jakani, al-Syankaiti. “*At-W ’al-Bay n Fi’Id h al-Qur’an al-Karim.*” Beirut: D r al-Kit b ‘Ilm yyat. 1996. Jz. 3. Cet. 1. hlm. 76.

⁵³ Lihat juga: *an-Nis ’: 1 & 3, an-N r: 32, an-Nahl: 72, Y sin: 36, ar-R m: 21, al-Zariy : 49, al-Luqma: 10, Q f: 7.*

keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesadaran) bagi orang-orang yang berfikir". (*S rat ar-Rum: 27*).

Kandungan daripada ayat yang telah disebutkan di atas adalah sebagai tanda kekuasaan Allah Ψ dan rahmatnya, adalah telah diciptakan manusia berpasangan daripada jenis yang sama dan agar saling membina dan saling menyanangi serta saling mengasihi antara satu dengan yang lain. Agar tidak terjadi perkelahian antara satu dengan yang lainnya, dan yang dipohon hanyalah kasih dan sayang sesamanya. Ini adalah sudah menjadi suatu sifat fitrah semulajadi manusia yang tidak dapat dipisahkan satu dengan yang lainnya, dalam kesimpulan ayat yang telah disebutkan di atas di antara lain yang dapat diambil beberapa rahsia penting:

- i. Bahawa pernikahan yang berlangsung antara lelaki dengan wanita adalah salah satu tanda kekuasaan Allah Ψ .
- ii. Bahawa isteri yang akan kita nikahi nanti adalah dari jenis kita sendiri, iaitu dari jenis manusia, dan bukan dari jenis jin atau malaikat. Rahmat Allah Ψ seperti ini mesti kita syukuri.
- iii. Bahawa isteri yang akan kita nikahi nanti adalah makhluk Allah Ψ yang diciptakan daripada diri kita sendiri.
- iv. Salah satu fungsi ataupun hikmah pernikahan untuk mewujudkan ketenangan, seperti ketenangan jiwa, ketenangan jasmani dan ketenangan materi. Bahawa cinta yang tumbuh dalam pernikahan bukan sekadar cinta jasmani, atau cinta seorang lelaki terhadap wanita sebagaimana yang difahami orang selama ini.

Adat dan tradisi dalam pesta perkahwinan dalam masyarakat Islam Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe adalah sudah menjadi suatu tradisi yang tidak boleh ditinggalkan dan dipisahkan dalam pelaksanaan perkahwinan, kerana sudah memang menjadi suatu amalan yang berlaku sejak dahulu yang telah diturunkan daripada nenek moyangnya hingga kini, yang pada asasnya adat dan tradisi tersebut belum tentu jelas dan apatah lagi untuk diamalkan.

Apabila dikaji menurut pandangan syariat Islam, sementara amalan tersebut juga sudah bercanggahan dengan ajaran Islam yang sebenar dan mungkin apabila ada niat untuk menghilangkan adat dan tradisi tersebut boleh menghabiskan masa yang panjang. Kerana sebahagian besar para pemuka agama belum dapat untuk menciptakan sebuah aturan yang dapat untuk menghapuskan dan menghilangkan adat dan tradisi tersebut dan menurut mereka amalan seperti ini tidak bercanggahan dengan Qur'an dan Hadith.

Sistem perkahwinan telah terbentuk dalam suatu bahawa suami tinggal di rumah isteri (sistem matrilokal). Mereka tinggal bersama dengan orang tua isteri hingga mereka mempunyai rumah sendiri. Selama masih bersama tinggal dengan mertua, maka suami tidak mempunyai tanggungjawab terhadap rumah tangga dan yang bertanggungjawab adalah mertua (ayah wanita). Perceraian dalam masyarakat Aceh amat jarang terjadi, jika kerana terpaksa sekali (misalnya campur tangan mertua terlalu jauh dalam soal rumah tangga mereka) maka dapat terjadi perceraian. Perceraian bukanlah suatu pola yang disenangi oleh masyarakat. Hidup damai dan tanpa ada kacau bilau sesuai dengan contoh yang diberikan oleh Nabi ﷺ dan sahabatnya adalah teladan yang baik dan mesti dihormati.⁵⁴

Dalam masyarakat Islam Aceh masalah sebenar yang tidak mesti terjadi dalam masyarakat yang majoriti menganut ajaran Islam apa hal lagi sudah menjadi sebuah provinsi dengan sebutan Nanggroe Aceh Darussalam yang telah menjalankan syariat Islam. Maka apabila ada suatu rumah yang mana anaknya telah melaksanakan pernikahan dengan pasangannya, maka dengan sendirinya dalam pandangan hukum Islam sudah menjadi isteri yang sah dalam hukum fekah dan

⁵⁴ Lihat, Koentjaraningrat. "*Manusia dan Kebudayaan di Indonesia*." Djakarta: Djambatan. hlm. 237.

suami juga diperbolehkan untuk pulang ke rumah pengantin wanita kerana sudah menjadi seorang isteri dan pedamping yang sah dan halal.

Tetapi, hal yang terjadi yang sebenar dalam masyarakat Aceh di sebahagian daerah kini, menurut mereka yang masih mempertahankan adat dan tradisi yang tidaklah jelas yang menyatakan adalah bagi pengantin lelaki tidaklah dibenarkan untuk pulang terlebih dahulu jika sebelum melaksanakan acara pesta perkahwinan terlebih dahulu. Maka apabila dilihat dalam pandangan hukum Islam yang sebenarnya, hal ia yang telah diamalkan oleh sebahagian masyarakat Aceh amat bercanggah dengan Syariat Islam.

Bila dilihat, dalam sejarah bahawa asalnya pelaksanaan acara perkahwinan di daerah Aceh adalah sebagai tanda pemberitahuan bahawa mereka tersebut telah melaksanakan suatu acara perkahwinan dan ini juga sebagai bertanda mereka sudah menjadi suami isteri yang telah sah, kerana memang pada masa dahulu aturan berkomunikasi hanya dengan cara berkumpul dan menyaksikan pelaksanaan acara tersebut, mungkin ini memang pada masa Rasulullah ﷺ apabila ada pasangan pengantin ingin melaksanakan perkahwinan, maka disunahkan oleh Rasulullah ﷺ untuk melaksanakan acara “*walimatur ‘ur s.*”, asalkan dengan satu persyaratan bahawa adat dan tradisi pelaksanaan acara tersebut bukan berasaskan daripada budaya Yahudi dan Nasrani.

4. 2. 2. 1 Meminang (*meulakee oleh seulangke*)

Seseorang yang akan mencari jodoh anaknya, terlebih dahulu ia akan menjemput untuk datang para tokoh masyarakat, baik dari kalangan ulama ataupun daripada pemuka adat tempatan. Dalam bahasa Aceh disebut dengan “*kawom*” untuk musyawarah (*duekpakat*), atau *ngelih nguik* di Aceh Tamiang, *bisiek uwaik*

ayah pada masyarakat Aneuk Jamee. Apabila mesyuarat telah ada kesesuaian yang dibolehkan untuk meminang seseorang anak gadis maka ditugaskanlah seorang utusan daripada salah satu pihak (*teulangkee*) untuk menyampaikan maksud ataupun keinginan daripada pihak kerabat lelaki.

Sudah menjasi suatu kebiasaan orang yang diutuskan untuk meminang sering menggunakan pantun sebagai adat dan tradisi, dengan menggunakan perkataan yang halus, sopan dan terhormat yang telah tersusun dalam bait syair tersebut. Apabila maksud lamaran itu ditolak, biasanya orang tua wanita akan memberikan alasan yang halus pula supaya pihak lelaki tidak tersinggung dan tidak marah, apabila lamaran tersebut diterima, biasanya orang tua gadis meminta wang masa sekitar tiga hari untuk bermesyuarat sesama keluarga dan dengan kerabatnya (*duek pakat*).

Maka kalau lamaran tersebut diterima, maka pihak keluarga wanita mengirimkan kembali khabar kepada pihak lelaki untuk datang kembali untuk meminangnya. Dalam kebiasaan yang terjadi dalam masyarakat apabila datang untuk meminang maka tetamu tersebut akan diberikan dengan satu hidangan sirih untuk dimakan dan ini adalah merupakan sebagai tanda untuk penghormatan kepada tetamu yang datang untuk meminang dan amalan tersebut juga merupakan suatu anjuran dalam syariat dan amalan ini juga telah menjadi suatu tradisi dan budaya dalam masyarakat di daerah Aceh. Sebagaimana dalam sebuah pantun;

Tepak sirih kami persembahkan
Sila nikmati dimakan
Ujud beriring serta kiasan
Setepak sirih sejuta pesan

Setapak sirih penuh berisi
Jika sudah Tuan hamba rasai
Seandai pahit usah dikeji
Seumpama Mani usah dipuji

Dari isi kandungan daripada pantun telah disebutkan di atas bahawa dalam masyarakat Aceh apabila datang tetamu untuk bertamu ke rumah, maka sebelum menyampaikan keperluannya, terlebih dahulu pada kebiasaan yang pertama diberikan adalah hidangan sirih⁵⁵ yang dilengkapi dengan kapur, pinang dan lain-lain, apabila sudah selesai menikmati sirih baru kemudian melanjutkan untuk menyampaikan keinginannya dan pembicaraan yang dimaksudkan.

Adapun adat dan tradisi memberikan hidangan sirih hingga kini, masih diamalkan oleh masyarakat Aceh, apabila dilihat dalam sejarah adat dan tradisi yang selalu menggunakan sirih dalam menyambut tetamu yang datang dan ini adalah merupakan daripada amalan budaya yang telah dipengaruhi oleh ajaran agama Hindu,⁵⁶ yang mana orang Hindu selalu menggunakan pelbagai acara dan terutama pada acara ritual yang tentukan dalam ajarannya dan sudah mesti ia mempunyai kaitan yang erat antara masyarakat Aceh dengan budaya Hindu yang masih diamalkan dalam kehidupan hariannya oleh sebahagian masyarakat Islam Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe.

Adapun mengenai *teulangkee*, dan juga beberapa orang penting datang ke rumah keluarga wanita untuk meminang dan dalam kebiasaan sesudah menerima sesuatu barang yang telah dibawa kepada pihak keluarga wanita tersebut, maka sudah menjadi ketentuan dalam ajaran Islam, bagi pihak keluarga wanita tidak boleh lagi menerima lamaran orang lain.⁵⁷ Apabila ketentuan dan kesepakatan bersama ini dilanggar pihak keluarga wanita akan dikenakan saman yang telah ditetapkan, secara

⁵⁵ Sirih (*ranub*) yang terdiri dari tiga macam, iaitu : a. Sirih yang dibalut dengan daun pisang yang sudah dilayukan dengan api (*Ranub Patee*). b. Sirih yang dibuat seperti bentuk piramid yang dicucuk dengan bunga cengkih (*Ranub meususon*). c. Sirih seperti biasanya (*Ranub meukat biasa*). Lihat, "Pedoman Adat Aceh." 1990. hlm. 49.

⁵⁶ Lihat, Richard Winstedt. "The Malay Magician." Kuala Lumpur: Oxford University Press (Sun U Book Co. Sdn. Bhd.) 1982. hlm. 27.

⁵⁷ Rasulullah ﷺ bersabda: "Orang mukmin satu dengan lainnya bersaudara. Ia tidak boleh membeli barang yang sedang dibeli saudaranya dan tidak boleh meminang pinangan saudara saudaranya sebelum ia ditinggalkan". (H.R. Ahmad dan Muslim).

adat yang pada kebiasaannya adalah sebanyak dua kali ganda dari tanda yang telah dilanggar (*tanda kong haba*), yang mesti dikembalikan kepada pihak keluarga pihak lelaki, pada hari pinangannya tersebut di atas.

Maka setelah bermusyawarah untuk membolehkan dalam persetujuan juga mendapatkan persetujuan daripada pihak saudara-maranya berkenaan dari ketentuan yang akan dituruti antara lain seperti berikut:

- i. Hari dan masa meminang secara rasmi.
- ii. Emas kahwinnya.
- iii. Hantaran serba satu atau serba dua.
- iv. Jumlah belanja hangus.
- v. Hari dan masa perkahwinan, yakni hari langsung.
- vi. Syarat lain yang diperlukan menurut kesepakatan bersama.

Di samping itu, persetujuan juga akan dicapai sebagai suatu kata persepakatan tentang majlis hari pertunangan yang akan diamalkan menurut masa yang telah ditentukan. 1. Jumlah rombongan pihak lelaki. 2. Jumlah dulang yang akan dibawa pada hari itu, selain daripada tepak sirih. 3. Sama ada sebahagian daripada belanja hangus dikehendaki atau tidak pada hari pinangan yang akan dilaksanakan.

Apabila dikaji secara mendalam sebenarnya dalam adat dan tradisi hukum Islam tidaklah sesukar yang seperti disebutkan di atas, yang penuh dengan persyaratan yang dibuat oleh orang terdahulu dan pada amnya tradisi tersebut hanya kepada orang kaya sahaja yang dapat menjalankan aturan sepertinya dan ini adalah sebuah peraturan yang dapat menjadikan mudarat dan amat menyulitkan bagi orang lelaki dan keluarganya yang ingin melaksanakan perkahwinan, apalagi bagi orang

lelaki dan keluarga yang tidak mempunyai harta yang banyak dan ini adalah menjadikan baginya kendala yang berat untuk berkahwin secara yang sah.

4. 2. 2. 2 Mahar

Mahar⁵⁸ adalah suatu kewajiban yang mesti dipersiapkan dan dipenuhi oleh pengantin lelaki dan ini memang sudah berasaskan hukum yang telah berlaku untuk memenuhi persyaratan tersebut, apabila ingin melangsungkan perkahwinan dan ini memang sudah menjadi hukum tetap yang tidak boleh lagi untuk diubah.⁵⁹ Sementara jumlah dari mahar kahwin tidak ditentukan ataupun batas tertentu dalam hukum Islam menurut kemampuan kewangan yang dimilikinya, dalam melangsungkan pernikahan secara sah menurut pandangan syariat Islam.⁶⁰

Adat dan tradisi masyarakat Aceh telah menetapkan banyaknya emas kahwin yang patut dan mesti diminta oleh pihak pengantin wanita kepada pihak lelaki, sebagaimana telah diterangkan dalam bahagian terdahulu. Biasanya emas kahwin ini diterima oleh orang tua pengantin wanita dan tidak diserahkan kepada anaknya, melainkan dipergunakan hanya sebagai bantuan belanja dalam acara perkahwinan anaknya itu. Sementara dalam masyarakat Aceh juga dikenal dengan “*wang hangus*”.⁶¹ Tidak dibiasakan di Aceh Darussalam seorang lelaki mewakili

⁵⁸ Lihat, Zuhaili, Wahbah. “*al-Fiqh al-Islami wa’ dilatuhu*.” Beirut: Dar al-Fikr al-Mu’ sir. 1997. Jz. 7. hlm. 6758. Mahar ada dua jenis: 1. *Mahar misil*: mahar yang dinilai berasaskan mahar saudara perempuan yang telah berkahwin sebelumnya, 2. *Mahar muthamma*: Mahar yang dinilai berasaskan keadaan, kedudukan, atau ditentukan oleh perempuan atau walinya. Ada pendapat yang mengatakan bahawa, asal-mula mahar itu adalah daripada orang *jahiliyyah* yang diambil dari orang yang hendak kahwin, dinamakan dengan *Nakhl*. Lihat, Zuhaili, Wahbah. “*al-Fiqh al-Islami wa’ dilatuhu*.” Jz. 7. hlm. 6759. Lihat juga, “*Mughni al-Muht j*.” Jz. 3. hlm. 227-239.

⁵⁹ al-Baghwi, al-Imam Abi Muhammad al-Husain bin Mas’ud bin Muhammad bin Fira’. *al-Tahzib Fi Fiqh al-Imam as-Sh fi’i*. Beirut: Dar al-Kitab al-’Ilmiyyat. 1997. Jz. 5. hlm. 507-508.

⁶⁰ Ibid. hlm. 6762-6763. Lihat juga, *al-Bad’*. Jz. 2. hlm. 286. al-Dar al-Mukhtar. Jz. 2. hlm. 452. *al-Muhhazab*. Jz. 2. hlm. 55. *al-Kasyf al-Qan’*. Jz. 5. 142. Dan lihat juga, *Sirat an-Nis*: 20.

⁶¹ Dalam adat masyarakat Aceh bahawa wang hangus ia, wang yang tidak dapat kembali lagi dan wang tersebut dianggap sebagai wang sedakah sahaja, akan tetapi wang tersebut mesti diserahkan kepada pihak keluarga pengantin wanita dan tidak boleh tidak, yang seperti suatu kewajiban untuk diberikan.

pria lain (calon pengantin lelaki) untuk kahwin dengan seorang wanita bagi lelaki yang diwakilinya, istimewa di kalangan orang baik-baik.

Apabila seorang lelaki hendak kahwin dengan seorang wanita dari suatu kampung, maka lelaki tersebut mesti berada di kampung itu untuk dapat bernikah.⁶² Adapun mahar yang mesti disiapkan pada masa acara pernikahan yang akan dilaksanakan tersebut. Akan tetapi, ada juga dari sebahagian keluarga untuk ditanggungkannya dan ini tergantung pada kesepakatan keluarga di pihak pengantin wanita yang berkaitan. Menurut pandangan hukum Islam, dalam adat dan tradisi tersebut, sebagai landasan hukum yang berasaskan Qur'an dan Hadith, sebagaimana firman Allah ﷻ:

Ertinya:

“Dan berikanlah kepada wanita-wanita itu mas kahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari emas kahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya.” (*S rat an-Nis* ' : 4).

Dari ayat yang di atas telah jelas, bahawa menyatakan emas kahwin diwajibkan⁶³ untuk memberikan untuk calon pengantin (isteri) disebabkan adalah suatu kewajiban yang mesti ditunaikan bagi pengantin lelaki yang ingin melaksanakan pernikahannya. Namun kini, sudah menjadi suatu perselisihan antara sesama dan banyak didapati dalam kalangan masyarakat Aceh khususnya masyarakat yang tinggal di wilayah daerah Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, mengenai jumlah ketentuan emas kahwin sudah menjadi suatu masalah yang diberikan perhatian dalam sosial dalam masyarakat hingga kini.

⁶² Lihat, Moehammad Hoesin. “*Adat Atjeh.*” Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Provinsi. D.I. Aceh. hlm. 158.

⁶³ Lihat, *al-Mughni*. Juz. 6. hlm. 679, *al-Muhhazab*. Juz. 2. hlm. 55.

Kisah yang sebenar yang terjadi dalam kalangan masyarakat apabila tidak mempunyai wang yang banyak ataupun yang cukup tidak mungkin untuk melangsungkan perkahwinan kerana sudah ada ketentuan yang tidak tertulis mengenai jumlah emas kahwin dengan kata lain “apabila tidak mempunyai wang yang cukup maka niat untuk berkahwin mesti dihilangkan sahaja” kerana tidak mungkin kalau tidak ada wang yang banyak untuk kahwin, kerana kahwin juga mesti memerlukan modal ataupun wang.⁶⁴

Sementara apabila dilihat dalam sejarah seorang sahabat Rasulullah ﷺ yang ingin berkahwin hanya cukup emas kahwinnya dengan satu cincin besi putih sahaja, dalam ajaran Islam juga diperintahkan untuk meringankan emas kahwin kerana ini akan mendatangkan lebih banyak berkatnya.⁶⁵ Namun, Rasulullah ﷺ menasihatkan anak-anak gadisnya agar tidak meletakkan mahar yang terlampau tinggi walaupun bagi anak gadis mempunyai hak untuk menentukan nilai ataupun kadar mahar tersebut, tetapi Rasulullah ﷺ juga memerintahkan agar menuntut mahar yang rendah. Sementara, kadar mahar yang sebenarnya menurut dalam kajian para ulama yang terdahulu secara fiqhiyah adalah, dalam kalangan Al-Hanafiyah berpendapat bahawa minimum mahar itu adalah 10 dirham. Sedangkan Al-Malikiyah mengatakan bahawa minimum mahar itu 3 dirham. Meskipun demikian sebahagian ulama mengatakan tidak ada batas minimum dengan mahar dalam melaksanakan suatu pernikahan.⁶⁶

⁶⁴ Apabila mengikut adat resam masyarakat Aceh yang berlaku pada masa kerajaan Aceh, yang telah ditentukan mahar untuk seorang puteri rajanya 500 Ringgit Aceh (atau satu kali emas), puteri orang terkemuka, yakni kerabat Raja (*uleebalang*) 100 Ringgit Aceh (4 bungkai emas), anak wanita kalangan menengah 50 Ringgit Aceh (2 bungkai emas), amnya 25 Ringgit Aceh (1 bungkai emas).

⁶⁵ Sebagaimana Hadith Rasulullah ﷺ bersabda: Ertinya: “Dari Aisyah r.a. bahawa Nabi Muhammad ﷺ ada bersabda: Sesungguhnya sepeenting-penting nikah keberkatannya semurah-murah belanjanya.”(H.R Ahmad 6/145).

⁶⁶ Pernah terjadi pada zaman Rasulullah ﷺ terdapat seorang lelaki ingin melaksanakan perkahwinan tetapi tidak mempunyai wang maka Nabi mengkahwinkan dengan mahar sepasang sendal, sebagaimana terdapat dalam Hadith: Dari Amir bin Rabi’ah bahwa seorang wanita dari bani Fazarah menikah dengan mas kawin sepasang sendal. Lalu Rasulullah ﷺ bertanya, “Relakah kau

Dari Hadith di atas amat jelas bahawa yang amat penting dalam perkahwinan itu sendiri adalah agar membolehkan banyak keberkatan dan kebahagiaan daripada Allah ﷻ, kerana apabila tidak ada keberkatan dan kebahagiaan dalam perkahwinan maka tidak akan membolehkan kedamaian dan ketenangan dalam berumah tangga, maka salah satunya syarat untuk membolehkan keberkatan dari Allah ﷻ, mesti dipermudahkan emas kahwin pada masa ingin melaksanakan acara pernikahan tersebut dan jangan hingga dimahalkan mahar tersebut. Sebagaimana Hadith Rasulullah ﷺ menyatakan bahawa:

Ertinya:

“Sebaik-baik wanita yang cantik, manis rupanya dan murah pula emas kahwinnya.” (*H.R. Ibn Hibban*).

Sebagaimana sabda Nabi ﷺ di atas menyatakan bahawa, wanita yang cantik, manis rupanya adalah apabila emas kahwin dimudahkan dan bukannya dimahalkan, kerana apabila dimahalkan besar kemungkinan lelaki yang ingin menikah dengannya akan membatalkan niatnya ataupun paling tidak mesti memikirkan dari mana wang untuk membelikan mahar tersebut, maka apabila ini terjadi maka boleh membuat mudarat bagi lelaki yang ingin menikah dengannya.

Jika ditinjau dari dampak segi sosialnya dalam masyarakat tentang mahalunya emas kahwin, apabila seseorang Muslim ingin melaksanakan perkahwinan dan sementara emas kahwinnya mahal dan sejarah adat tidak mungkin membolehkan wangnya dengan begitu banyak kerana tidak menurut dengan kemampuannya maka niat untuk menikah mesti dibatalkan. Maka niat untuk mendekati melakukan perbuatan zina makin dekat dan hal sejenis inilah yang dilarang dalam agama,

dinikahi jiwa dan hartamu dengan sepasang sendal ini?”Dia menjawab,” Rela.” Maka Rasulullah ﷺ pun membolehkannya (HR. Ahmad, Jz. 3. hlm. 445, dan lihat juga, Tirmidzi 113, Ibn Madjah 1888).

sebagaimana terjadi disebahagian dalam kalangan masyarakat Islam, sementara dalam Hadith Rasulullah ﷺ menyatakan hal tersebut.⁶⁷ Dalam Hadith ini juga, Rasulullah ﷺ memberikan suatu pernyataan bahawa sebaik-baik emas kahwin adalah yang amat murah qadar maharnya, bagi orang lelaki yang ingin melaksanakan perkahwinan.

Namun, dalam pengamalan yang terjadi dalam lapangan bahawa amat bercanggahan dengan yang semestinya, bahkan hingga setakat ini, sudah ada ketentuan kadar emas kahwin (mahar) apabila ingin melangsungkan perkahwinan walaupun tidak tertulis di atas kertas akan tetapi, memang sudah menjadi suatu ketentuan suatu adat dan tradisi yang tidak tertulis dalam suatu ketentuan, namun adat dan tradisi tersebut tetap diamalkan dan dijaga supaya menurut para pemuka adat agar tidak pupus.

Masalah yang terjadi hingga kini, kerana emas kahwin mahal dan memerlukan pelbagai jenis adat dan tradisi yang diguna pakai maka dengan sendirinya mesti memerlukan banyak modal untuk mengikuti adat tersebut. Namun, tidak menghairankan dengan mahalnya emas kahwin, terjadilah maksiat dan zina di mana-mana kerana dengan alasan apabila melaksanakan perkahwinan mesti mempunyai wang yang banyak, maka alasan yang seperti yang disebutkan dapat kemungkinan benar ataupun boleh jadi ini sekadar alasan yang dibuat-buat sahaja, agar mereka dapat melakukan segala maksiat.

Sebagaimana halnya yang terjadi di sebahagian negara Arab akibat dari mahalnya emas kahwin maka terjadilah kemaksiat, bahkan yang amat disayangi lagi, sebahagian negara Arab apabila ingin melakukan maksiat maka mereka pergi ke luar

⁶⁷ Rasulullah ﷺ bersabda: Sebaik-baik emas kahwin itu adalah yang paling murah (bagi lelaki)". (*H.R. al-H kim dan Ibn M jah*). Lihat, "*Sh hih al-J mi'us Sh gh r.*" (n. h. 3279).

negaranya untuk mencari wanita di negara yang masih majoriti emas kahwinnya yang murah menurut mereka, bukan untuk menikah yang sebenarnya. Tetapi, menikah hanya dalam tempo tertentu sahaja dan kemudian yang ditinggalkan begitu sahaja tanpa ada sedikitpun jaminan kewangan untuk masa kemudian.⁶⁸

Berasaskan hasil kajian yang telah dijalankan pada tahun 1989 di Aceh Besar dan salah satu penyebab terjadinya kes kahwin lari di Aceh setakat ini adalah kerana orang sudah tidak mempraktikkan hukum adat ini. Orang tua menetapkan besarnya emas kahwin tanpa ada asasnya yang jelas. Sehingga orang yang kurang mampu meniru amalan tersebut untuk menetapkan emas kahwin yang tinggi demi kehormatan, maka akibatnya tidak mampu untuk membayar emas kahwin yang tinggi dan mengambil jalan pintas dan cepat dengan melakukan kahwin lari.⁶⁹

Dalam pandangan hukum Islam yang sebenarnya bahawa tidak menentukan jumlah dan nilai pemberian mahar tersebut, bahkan dibenarkan dan sah pernikahan tersebut walaupun hanya memberikan cincin yang dibuat daripada besi putih sekalipun. Namun, hanya mengikut pada persetujuan diantara kedua-dua belah pihak suami dan isteri. Sebaik-baik mahar ia rendah kadarnya. Bayaran mahar boleh dilakukan secara tunai atau hutang yang sebagaimana telah tertulis dalam Hadith pada muka surat yang lalu.⁷⁰ Sekiranya berlaku perceraian atau isteri meninggal dunia, pihak suami wajib membayar segera daripada mahar tersebut yang belum pernah ditunaikan.

⁶⁸ Lihat, Syeikh Muhammad al-Ghazali. "*Bidaah Bukan dari Ajaran Islam.*" (terj). Dar al-Iman. Kuala Lumpur: Dar al-Iman. 1999. hlm. 177.

⁶⁹ Lihat, "*Pedoman Umum Adat Aceh.*" hlm. 182. Sebagaimana dalam ungkapan pantun: "*Ta meukawen ngon sabe padan, Ta meurakan ngon sabe bangsa (agama).*" ertinya: Melakukan perkahwinan dengan orang sedarjat dan bersahabat dengan orang yang seagama.

⁷⁰ Lihat, Ibid. hlm. 151-152.

4. 2. 2. 3 Sirih Pertunangan

Pada acara sirih pertunangan kebiasaannya acara tersebut dikenal juga dengan acara tukar cincin, hingga kini sudah menjadi suatu kebiasaan bagi kaum lelaki (calon pengantin lelaki) memasukkan cincin ke jari wanita yang akan dinikahinya dan ini adalah merupakan sebuah amalan budaya dan tradisi orang kafir. Sementara amalan dan pelaksanaan belum pernah ada dalam ajaran Islam, baik pada masa Nabi ﷺ, Shahabat, Tabi' ataupun tabi'in, maka amalan tersebut menurut pandangan hukum Islam adalah haram hukumnya untuk menyentuh tangan wanita yang bukan mahramnya dan ia juga merupakan suatu perbuatan yang amat berdosa.⁷¹

Bertukar cincin bukanlah tradisi, budaya dan cara ajaran Islam dan bukan pula cara bangsa-bangsa Asia, melainkan cara bangsa Eropah yang mendapat pengesahan dari dewan gereja pada masa itu. Jadi, amalan tukar cincin pada mulanya bukan cara umat Kristian, adalah warisan tamadun bangsa Romawi yang menganut ajaran agama Kristian. Amalan tersebut juga merupakan amalan yang menyerupakan amalan orang Nasrani dan ini adalah amat bercanggahan dengan ajaran Islam, dan sementara Rasulullah ﷺ sendiri tidak pernah untuk menyentuh tangan wanita selain daripada mahramnya, seperti dalam Hadith yang diriwayatkan Aisyah r.a.

Ertinya:

”Tiada pernah tangan Rasulullah ﷺ menyentuh tangan seorang wanita kecuali wanita yang telah menjadi miliknya.”(H.R. Bukhari, at-Tirmizi dan Ahmad dari Aisyah).

⁷¹ Lihat, al-Imam al-Hafid Syamsuddin al-Jahabi. “*al-Kabir*.” Beirut: Dar al-Fikr. (t.t). hlm. 217. Sebagaimana Rasulullah ﷺ bersabda: “*Barangsiapa yang memakai sutera di dunia maka tidak akan memakainya lagi pada masa di akhirat*”. (H.R. at-Tirmiz dan an-Nasa’i). Dalam Hadith lain Rasulullah ﷺ bersabda: “*Haram untuk memakai sutera dan emas atas umatku yang lelaki*”. (H.R. Abd Dawud dan an-Nasa’i).

Apabila dilihat dari Hadith yang tercantum di atas telah jelas, bahawa Rasulullah ﷺ dalam kehidupan kesehariannya bahkan sepanjang usia Rasulullah ﷺ tidak pernah menyentuh tangan wanita kecuali dengan mahramnya ataupun isterinya. Maka sebagaimana amalan yang telah diamalkan oleh sebahagian masyarakat Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe hingga setakat ini, sungguh bercanggah dengan Syariat yang telah diajarkan oleh Rasulullah ﷺ dalam Hadithnya;

Ertinya:

“Seseorang dari kamu ditikam kepalanya dengan jarum dari besi lebih baik daripada menyentuh perempuan yang tidak halal baginya.” (*H.R. Thabarani*)

Dari Hadith Rasulullah ﷺ di atas bahawa, begitulah beratnya hukumnya menyentuh wanita selain bukan mahramnya dan kemudian Rasulullah ﷺ mengibaratkannya lebih baik mencucuk jarum ke atas kepalanya daripada menyentuh wanita yang bukan daripada mahramnya ataupun wanita yang tidak halal baginya.

Maka jelas pernyataan pada Hadith tersebut di atas, Rasulullah ﷺ tidaklah pernah menyentuh tangan dari wanita ataupun bersalaman dengan wanita yang selain daripada mahramnya, dengan sendirinya telah mengandungi sebuah pernyataan dan sebuah hukum yang menyatakan bahawa tidak ada pertunangan dalam adat tradisi hukum Islam dan ini adalah haram hukumnya apabila diamalkan, kecuali pertunangan dengan pelaksanaannya tanpa ada pegangan tangan ataupun memasukkan cincin ke jari calon wanita yang akan dinikahnya. Namun, bukan hanya terhad setakat itu sahaja banyak.

Akan tetapi, juga amalan menukar cincin dan memakainya juga sudah haram, kerana menyerupakan amalan orang kafir (*Tasyabbuh*) dengan orang “Barat”

dan memakai cincin emas bagi lelaki juga haram hukumnya, sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ:

Ertinya:

Ali bin Abu Thalib τ berkata: “Rasulullah ﷺ mengambil sutera, ia letakkan di sebelah kanannya, dan ia mengambil emas kemudian diletakkan di sebelah kirinya, lantas ia berkata: Kedua ini haram buat orang lelaki dari umatku.” (*H.R. Ahmad, Abu Dawud, Nasa’i, Ibn Hibban dan Ibn Majah*)

Dari keterangan Hadith di atas Rasulullah ﷺ menegaskan bahawa, haram hukumnya bagi orang lelaki untuk memakai kain sutera dan emas, kerana kedua-dua perhiasan tersebut adalah perhiasan untuk para kaum wanita dan bukan untuk kaum lelaki. Namun, keduanya perhiasan tersebut akan dihalalkan bagi kaum lelaki di hari akhirat kelak apabila sudah masuk dalam syurga.

Dalam adat dan tradisi masyarakat Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, sebagai orang tua juga memberikan izin pergi ke mana-mana berdua-dua apabila sudah melaksanakan acara sirih pertunangan, maka seakan-akan sudah dihalalkan dalam hukum Islam kerana telah bertunangan, dan ini adalah sebuah amalan yang amat dicela dalam syariat Islam. Adat dan tradisi pertunangan yang hingga kini masih diamalkannya amalan tersebut yang menyerupakan amalan orang kafir (*jahilliah*) dan adat tradisi sama halnya daripada warisan agama nenek moyang iaitu yang berasaskan ajaran agama Hindu atau Buddha, sebagaimana Rasulullah ﷺ mengatakan pada kaumnya sesiapa yang mengikuti acara orang kafir, maka ia akan termasuk golongan mereka, seperti dalam sabdanya.

Ertinya:

“Barangsiapa yang menyerupai suatu kaum maka ia termasuk golongan mereka.” (*H.R. Imam Ahmad dan Abu Dawud*).

Dalam kandungan Hadith yang telah disebutkan di atas adalah telah jelas bahawa apabila menyerupai amalan orang kafir maka sama halnya sudah menjadi bahagian golongan daripada mereka itu, dengan secara tidak langsung bahawa adat dan tradisi mengamalkan sirih pertunangan adalah sama halnya menyerupai amalan orang kafir dan yang berlaku pada amya di negara Barat dan sementara adat dan tradisi tersebut sudah diamalkan oleh para umat Islam khususnya yang tinggal di wilayah Aceh Utara. Tetapi, hanya berbeza sedikit sahaja amalan tersebut.

Dalam adat dan tradisi masyarakat Aceh apabila ada sepasang insan yang ingin melakukan pertunangan, maka sudah menjadi suatu kebiasaannya dalam keseharian selalu membuat serangkaian sirih pertunangan dan ini sudah menjadi adat atau tradisi yang tidak boleh ditinggalkan dalam masyarakat Aceh hingga kini. Apabila dikaji bahawa asal mulanya sirih digunakan dalam masyarakat daerah Aceh hingga kini, mungkin ini sudah menjadi sebuah budaya dan tradisi yang telah diamalkan dari budaya orang India yang majoritinya menganut agama Hindu yang menyembah patung, berhala dan dewa yang telah disucikannya dalam falsafah agama tersebut. Sementara sirih juga diguna pakai dalam masyarakat Aceh selain untuk hantaran perkahwinan, juga digunakan sebagai upacara menjampi seseorang dalam proses mengubati pesakit, dan selain dari itu juga, daun sirih boleh dimakan dengan menggunakan kapur dan gambir sebagai untuk khasiat mengubati sakit gigi dan sebagai ubat cirit-birit.

Dalam falsafah yang masih diamalkan di sebahagian daerah Aceh, sirih adalah boleh melambangkan sebagai tumbuhan yang dapat memberikan nilai tertentu ataupun boleh dikatakan daun sirih tersebut merupakan daun yang dianggap mempunyai nilai mistik apabila ingin melakukan adat tradisi upacara tidak boleh ketinggalan sirih tersebut mesti digunakan menurut keperluannya. Apabila dibuat

satu perbandingan bahawa asal mula yang menggunakan daun sirih pada setiap pelaksanaan acara ritual adat tradisi pada acara tertentu adalah daripada orang Hindu yang majoriti yang tinggal di negeri India.⁷²

4. 2. 2. 4 Pernikahan

Pernikahan adalah suatu proses untuk melangsungkan perkahwinan menurut hukum Islam yang berlaku hingga setakat ini, yang berasaskan daripada Sunnah. Apalagi majoriti masyarakat Islam yang tinggal di daerah Aceh adalah beragama Islam. Perkahwinan juga adalah merupakan sebuah tanda kebesaran Allah Ψ sebagai maha pencipta dari segalanya yang ia menciptakan sebuah kehidupan yang saling mengasihi dan sayang menyayang (*Maw dd h*) yang saling membina antara sesamanya, sebagaimana firman Allah Ψ .

Ertinya:

“Dan di antara tanda yang membuktikankekuasaannya dan rahmatnya, Bahawa ia menciptakan untuk kamu (Wahai kaum lelaki),isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya Yang demikian itu mengandung keterangan-keterangan (yangmenimbulkan kesedaran) bagi orang-orang Yang berfikir.” (*S rat al-R m: 21*).

Jika dilihat secara mendalam ayat ini dengan jelas yang terkandung di dalamnya ada tiga kata kunci dalam membina dan menjadikan sebuah perkahwinan yang direndhai oleh Allah Ψ dan kekal selamanya hingga akhir kehidupannya.

⁷² Berasaskan daripada hipotesis, bahawa pengkaji juga telah tinggal di India selama tiga tahun, disamping belajar juga mengamati adat, tradisi dan sosial budaya masyarakat India kesehariannya yang terjadi.

Sebagaimana hari dan masa yang telah ditetapkan oleh kedua-dua belah pihak keluarga, untuk melaksanakan acara pernikahan yang akan. Dilaksanakan upacara pernikahan. Biasanya upacara tersebut berlangsung pada tarikh 2, 6, 12, 16 atau 22 hari bulan Islam kerana tarikh tersebut dipercayai baik dan jarang sekali pernikahan dilakukan pada bulan Safar kerana menurut anggapan “bulan panas” sehingga boleh memberikan pengaruh pada kehidupan rumah tangga yang kurang harmoni pada masa hadapan.

Acara nikah dilakukan oleh seorang qadhi nikah yang bertauliah di setiap daerah (*mukim*), dan jika berhalangan boleh diwakilkan kepada pemimpin Agama setempat untuk menyelenggarakan acara tersebut. Sebelum akad nikah dimulai, qadhi telah lebih dahulu menbolehkan *wakilahkan* (kuasa) daripada ayah anak wanitanya dan juga didampingi oleh dua orang saksi khas di samping anggota majlis lainnya yang juga dianggap sebagai saksi. Lebih dahulu, Ketua kampung daripada rombongan pemuda yang menyerahkan mahar yang telah tersedia di dalam cawan (*cerana*) dan selalunya diterima oleh Ketua kampung tempatan. Ketua kampung memperlihatkan mahar tersebut kepada pimpinan Agama, saksi-saksi dan kepada anggota majlis sekalian untuk membenarkan bahawa jumlah ataupun berat dan nilainya yang sesuai dengan perjanjian awal.

Selanjutnya pemuda tersebut disuruh untuk duduk di hadapan qadhi, sambil menggenggam tangannya, qadhi membacakan khutbah nikah dan doa serta melafazkan akad nikah sesuai dengan ajaran hukum Islam yang telah ditentukan. Pemuda tersebut menyambut akad nikah secara tepat. Jika tidak jelas ataupun kurang sempurna ia juga mesti mengulangi berkali-kali, hingga selesai akad nikah.

4. 2. 2. 4. 1 Nikah Gantung

Pengertian daripada nikah gantung di sini adalah merupakan suatu istilah yang dipakai daripada bahasa Aceh, maksudnya adalah nikah yang dilakukan biasanya kerana calon isteri belum dewasa atau masih amat muda. Kahwin gantung ini dalam masyarakat Aceh sudah jarang dilakukan, mungkin kerana pada masa setakat ini pada amnya, apabila ingin melaksanakan pernikahan majoriti adalah sudah menyelesaikan kuliahnya dan apabila sudah selesai kuliah di universiti pada peringkat ijazah pertama, maka umur anak tersebut sudah mencapai akil balighnya dan dari segi psikiologi sudah mencapai ke tahap penyempurnaan dalam fikiran serta ketabahan dalam menjalankan hidup untuk berkeluarga, dalam suatu kajian telah menyebutkan bahawa apabila usia sudah mencapai usia tua maka orang tersebut hingga sudah tidak ada pekerjaan yang menjamin segala biaya kehidupan yang sempurna dan sebaiknya pada masa hadapan dan ini adalah sudah menjadi sebuah kendala yang mesti dihadapi.

Adapun, pengertian nikah gantung, suatu pernikahan antara seorang pemuda dengan seorang wanita yang tidak dengan seketika diikuti hidup serumah bersama. Sementara penyebab terjadinya nikah gantung tersebut di dalam masyarakat disebabkan antara lain, misalnya anak perempuan itu mempunyai orang tua yang amat miskin, orang tuanya telah meninggal dunia dan lainnya. Dalam perkahwinan ini biasanya digantungkan sahaja yang dinamakan orang “Kahwin Gantung.” Pada hakikatnya kaum lelaki dan wanita belum hidup sebagai suami-isteri. Telah menjadi suatu adat bahawa orang lelaki menunggu sampai isterinya itu dewasa.

Manakala wanita yang telah menjadi isterinya berada dalam hidup susah sehari-harinya dan mungkin disebabkan orang tuanya amat miskin dan sebagainya. Oleh itu, memberikan juga nafkah hidup isterinya seperti biasanya, meskipun mereka belum hidup selaku orang suami isteri yang sebenarnya dan seakan ini semua sebagai

satu ikatan sahaja. Pemberian belanja (nafkah hidup) yang serupa ini juga telah menjadi suatu tradisi dalam Kerajaan Aceh pada masa itu, dan amalan tersebut juga hingga kini masih juga amalkan pada tempat tertentu sahaja akan tetapi adat dan tradisi tersebut memang sudah jarang diamalkan, kerana memang sudah bukan masanya lagi.⁷³

Walaupun mereka sudah sah sebagai suami isteri, tetapi mereka belum melakukan hubungan suami isteri. Maka apabila salah satu pihak meninggalkan pihak lain, akan membawa akibat terhadap mas kahwin yang telah diberikan pada isteri. Apabila daripada keluarga isteri yang ingkar, maka pihaknya mesti untuk mengembalikan seluruh emas kahwin dalam jumlah dua kali (ganda) kepada pihak keluarga suami.

Namun apabila suami yang ingkar, maka emas kahwin hilang. Ertinya mutlak menjadi milik isteri (bekas isterinya). Walaupun mereka belum pernah serumah, namun bekas isteri tetap rugi sebab telah menyandang gelaran janda. Atau lebih dikenal dengan istilah janda berhias (*janda bungong*).⁷⁴

4. 2. 2. 4. 2 Nikah Pulang Terus

Dalam istilah nikah pulang terus adalah salah satu adat dan tradisi yang sering diguna pakai pada sehari-hari dalam masyarakat di daerah Aceh hingga kini. Nikah pulang terus sebahagian daripada adat dan tradisi masyarakat didaerah Aceh yang hingga kini, masih di amalkan adat dan tradisi ini, apabila ditinjau dari segi kewangan nikah tersebut amatlah hemat dan bercermat dalam pelaksanaan acara tersebut dan tidak banyak menghabiskan masa dan wang yang banyak, kerana nikah

⁷³ Lihat, Moehammad Hoesin. “*Adat Atjeh*.”Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Provinsi. D.I. Aceh. 1970. hlm. 9

⁷⁴ Lihat, “*Pedoman Umum Adat Aceh*.” hlm. 181.

tersebut tidak menggunakan acara yang amat rasmi dan hingga menjadikan amat berlebihan.

Disamping itu, untuk menghindarkan dari perbuatan maksiat, fitnah dan pemborosan kemudian hari dan nikah tersebut amatlah elok dan bijaksana untuk diamalkan, kerana apabila dipandang dari sudut ajaran Islam tidak memberatkan salah satu daripada pihak yang akan melaksanakan perkahwinan. Adapun nikah pulang terus adalah suatu nikah yang sudah menjadi amnya yang selalu dilaksanakan acara tersebut yang sebagaimana dijumpai kini.

Salah satu cara untuk menghindari daripada perbuatan yang dapat menimbulkan suatu fitnah daripada masyarakat sebab sudah menjadi suatu tradisi dan amalan dalam kalangan masyarakat Aceh, dan nikah pulang terus ini adalah lebih baik dari nikah gantung yang mana nikah gantung tersebut amatlah erat daripada perbuatan khalwat iaitu bersunyan dan berduaan, sementara perbuatan ini adalah suatu amalan yang amat bercanggahan dengan ajaran Islam yang sebenarnya dan amalan ini juga merupakan amalan yang selalu diamalkan oleh majoriti masyarakat Barat yang tanpa berasaskan Syariat Islam.

4. 2. 2. 5 Pesta Perkahwinan (*walimatul urus*)

Pengertian *walimah* adalah untuk mengadakan dan membuat acara jamuan makan (kenduri), walaupun hanya satu ekor kambing sahaja yang akan dihidangkan kepada ahli jemputan yang telah dijemput. Maka sudah menjadi suatu tradisi acara tersebut yang dilaksanakan ketika selesai berlangsungnya acara akad nikah. Sementara hukum untuk melaksanakan acara perayaan *walimatul urus* (kenduri perkahwinan),⁷⁵ adalah Sunnat yang berasaskan dari fatwa ulama Ibn Taimiyyah, dan

⁷⁵ Lihat, Al-Baghwi, al-Imam Abi Muhammad al-Husain bin Mas'ud bin Muhammad bin Fira'. *al-Tahzib Fi Fiqh al-Imam as-Sh fi'i*. Beirut: D r al-Kit b al-'lmiyyah.1997. hlm. 526. Dan lihat

sementara wajib untuk menghadiri kepada sesiapa yang dijemput untuk datang dalam acara tersebut.⁷⁶Sebahagian kecil sahaja ulama yang berpendapat untuk mewajibkan melaksanakan acara *walimah* tersebut, kerana untuk memberitahu ataupun sebagai makluman kepada masyarakat, kawan-kawan⁷⁷dan kepada orang ramai, bahawa ia telah melaksanakan pernikahan dengan pasangannya dan sebagai demi untuk tidak terjadinya fitnah.⁷⁸

Akan tetapi, jika terjadinya sebuah acara *walimah* yang berbau dengan dosa ataupun maksiat seperti, bercampurnya antara kaum lelaki dengan wanita dan juga disertai dengan muzik dan nyanyian yang membuat semua undangan yang dijemput hingga terbuai dalam nyanyiannya, maka pelaksanaan daripada acara *walimah* tersebut sungguh tidak dibenarkan bahkan diharamkan.⁷⁹Dalam Hadith tersebut di atas yang bermaksudkan juga hendaklah mengadakan *walimah* mengikut kemampuan kewangan dari pihak keluarga suami dan seeloknya dan jangan hingga bercanggahan dengan *nash* yang telah *qat'i* yang sebagaimana telah disebutkan dalam Qur'an dan Hadith Nabi ﷺ, sementara hukum untuk menghadiri jemputan ke tempat acara *walimah* tersebut adalah wajib menghadiri sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ,⁸⁰sekalipun pada masa itu sedang melaksanakan puasa kecuali ia puasa wajib tidak disunatkan untuk berbuka dan begitu juga wajib tidak menghadiri apabila didalam acara tersebut sekiranya terdapat didalam ada mengandungi anasir maksiat

juga, Shahih al-Bukhari. Jz. 9. hlm. 139. Dalam kitab Nikah. Imam Muslim. Jz. 9. hlm. 306, Abdurrahman Dawud. Jz. 2. hlm. 235-236, Imam at-Tirmidzi. Jz. 3. hlm. 402, dan Ibnu Majah. Jz. 1. hlm. 615, dalam Bab. *Walimah* (n. h.: 1907) Hadith daripada Anas bin Malik.

⁷⁶ Lihat, Syaikh Taqiuddin Ahmad bin Taimiyyah al-Harani. "*Majma' at al-Fatawa*." al-Mansur: Dar al-Wafa'. 2001. Jz. 32. hlm. 131.

⁷⁷ Ibid. hlm. 131. Lihat juga, "*Sunan at-Timazi*," Bab. Nikah. (n. h.: 1089).

⁷⁸ Ibid. hlm. 131.

⁷⁹ "*Adakanlah perayaan walimahtulur s sekalipun hanya memotong seekor kambing.*" (H.R. Bukhari dan Muslim).

⁸⁰ Lihat, Al-Baghwi, al-Imam Abi Muhammad al-Husain bin Masud bin Muhammad bin Fira'. *al-Tahzib Fi Fiqh al-Imam as-Shafi'i* Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyat. 1997. hlm. 527. Dan lihat juga, Shahih al-Bukhari. Jz. 9. hlm. 148. Dalam Bab. Nikah. (n. h.: 5173), Imam Muslim. Jz. 2. hlm. 1052, Imam Malik dalam kitab "*al-Muwat'*." Jz. 2. hlm. 546, Abdurrahman Dawud. Jz. 2. hlm. 367, Imam at-Tirmidzi. Jz. 3. hlm. 404, Ibnu Majah. Jz. 1. hlm. 616, dan Tahawi. Jz. 4. hlm. 147.

kepada Allah Ψ dan Rasul-Nya.⁸¹ Kecuali apabila ada maksud untuk mengubah acara tersebut dengan segala hal yang lebih maslahat, asalkan tidak terlarut dalam acara kemungkaran, seperti halnya di bawa ini;

- i. Tidak membazir makanan dan minuman yang telah tersedia.
- ii. Tidak ada perkara kemungkaran yang terjadi seperti, nyanyian muda-mudi dan permainan alat-alat muzik yang boleh membangkitkan nafsu berahi.
- iii. Dipisahkan tempat jemputan lelaki dengan wanita jangan bercampur aduk.
- iv. Tidak diadakan majlis persandingan kerana itu bukan syaria Islamiah
- v. Pelayan tetamu hendaklah lelaki untuk tetamu lelaki manakala wanita untuk tetamu wanita
- vi. Wang tersebut bukan daripada wang pinjaman
- vii. Tidak daripada wang, makanan dan minuman yang haram
- viii. Selain jiran tetangga, saudara-mara dan sahabat handai, jemputlah fakir miskin dan alim ulama tanpa ada pengecualian.

Dalam masyarakat daerah Aceh pesta perkahwinan adalah salah satu acara yang merupakan acara yang dianggap suatu nilai kepercayaan *walimat lurs* dalam suatu perkahwinan di daerah tersebut, dalam suatu adat dalam acara puncak perkahwinan. Maka pada hari tersebut kedua-dua pengantin dijadikan raja sehari dan dijaga oleh dua orang pengawal yang berdiri disebelah kiri dan kanan yang memakai pakaian gaun pengantin. Dalam acara *walimatul urus* yang sebaiknya bagi pengantin wanita hendaklah mengikut sunah Nabi Muhammad ρ dengan cara bersederhana dan

⁸¹ Adapun Syarat-syarat wajib untuk hadir ke majlis kahwin apabila diundang; a. Penggunaannya jemputan bukan khas untuk orang kaya sahaja. b. Jemputan itu juga daripada orang Islam. c. Yang menjemput itu juga beragama Islam. d. Kenduri itu tidak menggunakan harta atau wang yang haram. e. Yang dijemput itu tidak menerima jemputan yang lain terlebih dahulu, jika jemputan diterima pada satu masa lebih dari satu, maka hendaklah pergi dan menerima jemputan yang terlebih dahulu. jika jemputan pada satu masa maka hendaklah menerima jemputan yang lebih dekat dari segi keluarga kemudian dari segi tempat. f. Tidak didapati perkara-perkara yang mungkar di majlis tersebut. Seperti mengadakan jamuan minuman keras, majlis tari menari, permainan judi, percampuran lelaki perempuan di luar batasan syarak, melainkan apabila kita hadir mungkin perbuatan itu tidak jadi dilakukan, maka kehadiran di kala itu adalah wajib.g. Wajib diperkenankan (hadir) jamuan perkahwinan ialah hari permulaan, kalau jamuan diadakan melebihi dua hari, kehadiran hari kedua adalah sunat, dan pada hari ketiga makruh. Lihat, Burhanuddin Abdul Jalal. "*Keluarga Muslim*."Kuala Lumpur: Kementerian Pertahanan Malaysia. 1995. hlm. 42. dan lihat juga, *S rat. an-Nis* ' : 59.

tidak mengarah kepada perbuatan yang kemewahan.⁸²Apalagi dapat membawa kearah yang menjadikannya mubazir, maksiat dan kemungkaran dilarang sama sekali, seperti berhutang yang dapat membebankan ataupun memberatkan mudharat, kerana hingga kini banyak dibolehkan dalam masyarakat Islam Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, apabila melaksanakan acara perkahwinan penuh dengan kemewahan dan dengan pencampuran antara jemputan lelaki dengan wanita yang tidak ada tirai penghad, di samping itu juga disertai dengan iringan muzik yang boleh mengundang segala hal maksiat.

Namun, lebih dikesan lagi dijumpai sebahagian keluarga apabila tidak mempunyai wang yang cukup untuk melaksanakan acara tersebut, maka pada pihak keluarga berhutang dengan orang lain atau dengan keluarga yang mempunyai wang, dengan tujuan untuk melaksanakan acara *walimah* tersebut. Sementara yang dibenarkan di dalam lingkungan masyarakat hingga kini dalam pelaksanaan acara perkahwinan sebagai tidak dijumpai membazir dan amalan tersebut sebagai pemborosan yang tidak dibenarkan dalam ajaran Islam, sebagaimana firman Allah ﷻ:

Ertinya:

“Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang amat kufur kepada Tuhannya.”
(*Surat al-Israa'*: 27).

Maka dengan ayat Al-Qur'an telah jelas bahawa Allah ﷻ melarang kepada orang-orang yang memboroskan hartanya, selain daripada tempatnya, kerana bagi orang-orang yang selalu menghambur-hamburkan hartanya ia menjadi saudara syaitan yang terkutuk, sebagaimana yang telah disebutkan pada ayat yang di atas,

⁸² Lihat, al-Syeikh Ali Mahfud. “*al-'bd ' Fi Mad ri al-'btid .*” al-K hirat: D r al-'q dat. 2005. hlm. 335- 356. Lihat juga, al-Thabr n . “*al-Kabir*”. Jz. 10. hlm. 156.

dan majoriti yang amat banyak mengamalkan amalan adat dan tradisi sejenis ini adalah orang-orang kafir dan yang jelas bukan daripada ajaran Islam yang sebenarnya.

Namun, yang sering menjadi amalan dan bercanggah dengan Syariat Islamiah, biarpun kenduri diadakan di dalam dewan serbaguna yang luas dan lengkap kemudahan kerusi meja namun tidak dititikberatkan kawalan akhlak. Jemputan lelaki dan wanita bercampur gaul, duduk sebelah-menyebelah, berhadapan bertentangan muka tanpa pengasingan lelaki dan wanita. Bukan itu sahaja malah kedua pengantin ditempatkan bersama-sama para jemputan kenamaan dan bercampur lelaki dengan wanita tanpa ada malu-malu.

Sudah embiasanya apabila terdengar bunyian yang dapat mengkhayalkan dan larut dalam irama muzik tersebut atau lagu yang didendangkan didapati dalam bait lagu tersebut menjurus kepada hal-hal yang kotor dan tidak enak didengar dan bahkan dapat merangsang kepada para jemputan yang sedang menghadiri acara tersebut. Hingga ke acara kemuncak *walimah* apabila jamuan selesai, kedua pengantin berdiri di pintu keluar. Menunggu jemputan balik sambil berjabat tangan tanpa menghiraukan bersalam tanpa lapik tangan dengan mereka dengan yang bukan *mahram* dan sementara amalan tersebut adalah merupakan amalan yang dapat diharamkannya dan sementara banyak masyarakat Aceh Islam hingga kini masih tidak menghiraukan larangan yang telah membawa kepada arah mudharat daripada manfaatnya.

Dalam adat tradisi masyarakat Aceh hingga kini, apabila akan membuat pernikahan anaknya, maka sudah menjadi suatu kebiasaan bahawa pesta *walimah* tersebut sudah menjadi adat dan tradisi dalam masyarakat kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, dan juga hal yang sama acara tersebut selalu diamalkan

oleh masyarakat Aceh di sekitarnya hingga kini masih juga diamalkan. Maka dalam acara tersebut mesti diamalkan menurut kemampuan ataupun kesanggupan yang disesuaikan kewangan rumah tangga itu sendiri. Namun apabila, tidak melangsungkan acara tersebut maka akan menjadi sebuah keaiban dalam rumah tangga tersebut dan kebiasaannya akan diremeh-temehkan oleh masyarakat tempatan yang tidak mengikuti adat tradisi yang telah lama diamalkan.

Apabila seseorang tersebut ingin melaksanakan perkahwinan maka dianggap untuk menempuh hidup baru dengan pelbagai suka dan derita di dalam rumah tangga antara suami isteri. Oleh sebab itu, untuk menjadi adat pula dalam rangkaian sesuatu upacara perkahwinan, bahawa menjelang malam perasmian pesta perkahwinan, pengantin pada siang harinya mesti lebih dahulu ditepung-tawari sebagai sempena orang-orang tua melepaskan mereka menuju hidup berumah tangga yang kekal selama-lamanya hingga ke akhir hayatnya.⁸³ Acara tersebut dilakukan atau dipimpin oleh salah seorang ahli yang terkemuka di kampung, biasanya terdiri daripada wanita yang sudah berusia lanjut, sementara bahan-bahan yang akan digunakan ialah tepung tawar yang dilarut ke dalam air sejuk, beras padi, daun sidingin (*on sisijuek*) dan daun manik sejenis rumput.

Dalam adat dan tradisi masyarakat di daerah Aceh apabila mengadakan acara pesta perkahwinan, maka sudah menjadi kebiasaan untuk menghias gaun pengantin dan wajah kepada wanita supaya agar dipandang indah dan cantik. Pengantin tersebut akan duduk diatas pelamin yang berhadapan kearah para tetamu, baik ia tetamu lelaki ataupun tetamu wanita yang datang untuk menghadiri acara pesta perkahwinan tersebut. Agar pengantin supaya kelihatan cantik dan menawan maka kebiasaannya menggunakan segala sesuatu yang boleh mempercantik wajah dan

⁸³ Lihat, LAKA. “*Pedoman Umum Adat Aceh.*” Banda Aceh: Lembaga Adat dan Kebudayaan Aceh. 1990. hlm. 95-96.

dirinya bagi pengantin wanita seperti, memakai sanggul agar kelihatan elok dan indah dipandang dan biasanya mereka yang memakai sanggul atau rambut palsu atau pura-pura dalam rangka mempercantik diri, kerana majoriti masyarakat tempatan menganggap amalan tersebut adalah acara sebagai acara yang hanya satu kali sahaja pelaksanaannya dalam seumur hidup di dunia yang tidak mungkin terulang kedua kalinya.

Amat dikesali, sudah menjadi suatu kebiasaannya apabila pada masa berlangsung acara pesta perkahwinan maka kedua pengantin tersebut tidak melaksanakan solat zuhur sementara sudah masuk masa solat, dengan alasan dan dalih adalah apabila mengambil wudu' maka hilang semua bedak dan kosmetik yang telah dioleskan pada wajah kedua-dua pengantin tersebut.

Sementara alasan ini tidaklah boleh diterima dan dibenarkan di dalam hukum Islam dan hal yang sejenis inilah yang masih diamalkan oleh masyarakat Islam di daerah Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe hingga kini. Sementara amalan tersebut adalah dilarang keras dalam ajaran agama Islam, kerana amalan ini adalah termasuk dalam hal penipuan kecantikan kepada para tamu yang hadir dan ini adalah tergolong dalam amalan yang amat dilarang oleh Rasulullah p , sebagaimana dalam sabdanya;

Ertinya:

“Sesungguhnya yang menyebabkan Bani Israil binasa adalah kerana mereka mengambil ini (rambut palsu) untuk wanita mereka.” (*H.R. Bukhar, Abu Dawud dan at Tirmidzi*).

Maka dalam Hadith di atas telah jelaslah bahawa, penyebab daripada kaum wanita bani Israil binasa dan celaka hanya disebabkan kerana menggunakan rambut palsu untuk diletakkan di atas kepalanya, agar supaya kelihatan cantik, rupawan dan indah apabila dilihat oleh orang lain, amalan ini adalah suatu amalan yang amat

dibenci oleh Rasulullah ﷺ, yang sebagaimana dilakukan oleh orang-orang Jahiliyah pada masa sebelum datangnya ajaran Islam ke Tanah Arab. Maka apabila dilihat amalan tersebut hingga setakat ini, masih amat banyak yang diamalkan dan dijumpai apabila ada acara pesta perkahwinan pengantin wanita menggunakan gaun pengantin yang tanpa menutup aurat sebagaimana yang disyariatkan dan juga menggunakan rambut palsu agar supaya kelihatan cantik dipandang oleh para tetamu jemputan yang datang, maka amalan suatu amalan yang amatlah bercanggahan dengan ajaran Qur'an dan Hadith, dalam Hadith lain Rasulullah ﷺ bersabda.

Ertinya:

“Rasulullah ﷺ bersabda: Ada dua golongan ahli neraka yang belum pernah aku melihat mereka, sekumpulan manusia (kaum) yang memiliki cambuk seperti ekor lembu, yang dengannya mereka memukul orang lain. Dan para wanita yang berpaling dari taat kepada Allah ﷻ: dari apa yang mesti mereka pelihara, serta mengerjakan tindakan-tindakan yang tercela tersebut kepada wanita-wanita yang lainnya. Kepala mereka menyerupai bonggol (bungkul) seekor unta yang mendoyong, mereka tidak masuk syurga dan tidak pula menbolehkan baunya, dan sesungguhnya bau syurga sudah tercium dari jarak yang demikian.” (*H.R. Muslim*).

Sabda Rasulullah ﷺ di atas telah jelas bahawa, Rasulullah ﷺ telah melihat penghuni dari neraka adalah sekumpulan wanita yang memiliki seperti, halnya ekor lembu yang panjang maka dengan ekor tersebut ia memukul orang yang lain, adalah sebagai wanita yang tidak taat kepada perintah Allah ﷻ dan melanggar larangannya untuk mengerjakan hal yang amat tercela perbuatannya kemudian menyeru kepada wanita yang lain lagi untuk mengerjakan hal yang sama pula.

Yang amat disayangkan adalah adat dan tradisi yang telah diamalkan oleh masyarakat daerah Aceh adalah berasaskan daripada ajaran agama Hindu, seperti

penaburan beras, suap-menyuap di antara pengantin perempuan dengan pengantin laki-laki, pembinaan panca persyada, dan akhirnya adat bersanding yang merupakan kemuncak kepada satu-satu upacara perkahwinan itu.⁸⁴Dimana kedu-dua pengantin duduk bersanding di atas pelamin dan dilayani sebagai raja dan diambil daripada pihak pengantin perempuan juga diminta menunjukkan tata-tertib yang penuh dengan kesopanan.⁸⁵

4. 2. 2. 5. 1 Menginjak Telur dan Bersanding

Dalam adat dan tradisi menginjak telur pada masa bersanding, memang hingga setakat ini sudah amat jarang sekali dibolehkan dalam masyarakat Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe. Akan tetapi, pada sebahagian daerah tersebut masih mengamalkan adat tradisi tersebut. Sementara amalan tersebut adalah merupakan amalan yang berlebihan dan kemudian dapat menjadi suatu amalan yang boros, dan serta menginjak benda yang boleh dimakan lalu dibuang yang tanpa erti yang jelas, maka amalan tersebut amat bercanggahan dengan hukum Islam dan di samping juga merupakan amalan yang dapat memboroskan makanan dan kemudian ini adalah merupakan amalan yang tidak sesuai dengan ajaran Islam, dan hanya sahaja mengikut dari amalan-amalan orang terdahulu ataupun daripada nenek moyangnya, sebagaimana firman Allah ﷻ;

Ertinya:

Sebenarnya mereka telah mendapati datuk nenek mereka berada dalam kesesatan. Lalu mereka terburu-buru menurut jejak langkah datuk neneknya. Dan demi sesungguhnya, telah sesat juga sebelum kaummu (wahai Muhammad ρ) kebanyakan kaum-kaum yang

⁸⁴ Lihat, Desai, Sunderlal T. *“Mulla Principles of Hindu Law.”* Bombay: N.M. Tripathi Private Limited. 1995. hlm. 485-484 dan 638.

⁸⁵ Lihat, Joginder Singh Jessy. *Malaysia Singapura dan Brunai 1400-1965.* Selangor Darul Ehsan: Longman. 1975. hlm. 53.

telah lalu. Pada hal, demi sesungguhnya, Kami telahpun mengutus dalam kalangan kaum-kaum itu, Rasul-Rasul pemberi amaran. Maka lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang(yang mendustakan Rasul-Rasul Kami) setelah diberi amaran. Kecuali hamba-hamba Allah ﷻ yang dibersihkan darisebarang syirik (maka mereka akan terselamat dan mendapat sebaik-baik balasan). (*S rat as-Saffat: 69-74*).⁸⁶

Dalam penjelasan ayat di atas, telah jelas ada suatu kumpulan manusia yang yang mengamalkan sebuah tradisi yang menyesatkan, kerana mengikuti dari jejak nenek moyang mereka, sebelum datangnya ajaran Islam yang dibawakan oleh Rasulullah ﷺ. Maka dengan datangnya Rasulullah ﷺ untuk memberikan amaran kepada mereka yang telah mengikuti amalan yang bercanggahan dengan ajaran Islam. Sementara dalam firman Allah ﷻ;

Ertinya:

Dan jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah ﷻ; tiadalah yang mereka turut melainkan sangkaan semata-mata, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta. (*S rat al-An' m: 116*).⁸⁷

Daripada penjelasan ayat yang di atas bahawa, jika manusia menurut hawa nafsunya dan adat tradisi daripada kebanyakan mereka yang tinggal di muka bumi mesti menyesatkan, daripada ajaran yang sebenar yang diturunkan kepada manusia melalui Rasulnya. Kebanyakan daripada mereka yang mengamalkan suatu amalan hanya menurut sangkaan semata mata sahaja dan bukan berasaskan daripada petunjuk yang benar dan kebanyakan mereka itu adalah hanya sebagai pendusta sahaja.

⁸⁶ Lihat, Syeikh Muhammad al-Amin bin Muhammad al-Mukhtar al-Jakani, al-Syankaiti. “*At-W ' al Bay n Fi 'Id h al-Qur'an al-Karim.*” Jz. 6. hlm. 446.

⁸⁷ Ibid. hlm. 446.

Maka apabila dikaitkan dengan amalan yang telah diamalkan sebahagian daripada masyarakat yang tinggal pada wilayah Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, tidak jauh halnya dengan amalan yang telah dilakukan oleh masyarakat yang seakan belum menerima ajaran Islam yang sebenarnya, dan tidak salahnya apabila ayat Qur'an tersebut dapat dikaitkan dengan amalan yang telah dilakukan oleh masyarakat di Aceh seperti menginjak telur pada masa melaksanakan perkahwinan dan hingga kini juga masih berlaku amalan tersebut di dalam kalangan masyarakat Aceh.

4. 2. 2. 5. 2 Adat Amalan Orang Hamil

Sudah menjadi sebuah tradisi dalam masyarakat di daerah Aceh, apabila ada wanita yang sedang hamil, pada pada masa awal hamilan yang berusia tiga hingga lima bulan, maka orang tua daripada pihak lelaki akan menjenguk dan ziarah menantunya dengan membawakan nasi bungkus (*buu kulah*) serta buah-buahan yang segar dan kebiasaan kedatangan orang tua daripada pihak ibunda suaminya yang sudah diberitahukan terlebih dahulu akan kedatangannya ke rumah menantunya, dalam kedatangannya tidak ditemani oleh para pemuka adat dan para ustaz hanya datang dengan keluarga kecil sahaja dan hal pembawaan ini juga disebut dalam bahasa Aceh dengan "*buu cue*".

Kebiasaan daripada pihak keluarga suami (*lintoo baro*) dalam setiap masa yang luang, sudah menjadi suatu kebiasaan bahawa oleh kerabat isteri (*dara baro*) untuk menghantarkan nasi kepada dara baro yang sedang hamil pertama, dan menurut pada kebiasaan yang terjadi ketika wanita yang sedang hamil ada beberapa pantang larang yang mesti dijaga antara lain: 1. Suami tidak boleh pulang ke rumah sesudah magrib (pada malam hari). 2. Bagi wanita yang sedang hamil tidak

dibenarkan keluar rumah. 3. Bagi keluarga wanita yang sedang hamil tidak dibenarkan menerima tamu pada malam hari.

Wanita yang hamil di Aceh ada yang di pinggangnya terdapat benang yang sudah dijampi (*di rajah*) terhadap syaitan, burung. Bagi para wanita tersebut mesti banyak menjaga pantang larang. Dalam adat dan tradisi bahawa tidak boleh duduk di atas tangga (*ulee reunyeuen*), kerana akan mendapat kesukaran pada masa melahirkan, tidak boleh melihat kera, sebab dikhuatir anaknya akan serupa kera. Mulai waktu Magrib mesti sudah berada di dalam rumah dan tidak boleh bermain-main lagi di luar, sebab dikhuatiri akan mendapat gangguan dari syaitan. Orang lain juga datang ke rumahnya pada waktu malam dan juga tidak boleh masuk terus ke rumah tersebut.

Akan tetapi, mesti menunggu sebentar dan kalau datang dari kampung lain, ia mesti menunggu dulu di tempat lain, seperti *meunasah* (surau) dan sebagainya, sebab dikhuatiri pontianak (*burong*) mengikuti orang yang datang itu dan akan mengganggu *darabaro* (pengantin wanita) yang sedang hamil (*teumajeuen*).⁸⁸

Sudah menjadi suatu adat dan tradisi dalam masyarakat di daerah Aceh, apabila wanita yang sedang hamil selalu makan bersama-sama dengan wanita-wanita lain di tepi laut, di masjid ataupun pada tempat yang lain. Acara tersebut dinamakan dengan "*meuramien*". Masanya lebih kurang setelah hamil tujuh bulan, mertua perempuan memikirkan mengenai bidan untuk menantunya itu. Ia berusaha untuk memperoleh seorang bidan yang telah berpengalaman. Dengan bidan ini ia mengikat suatu perjanjian akan memanggilnya kalau menantunya akan bersalin. Maka jika

⁸⁸ Lihat, Hoesin, Moehammad. "*Adat Atjeh*." (t.t.p): Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Provinsi. D.I. Aceh. 1970. hlm. 63.

dirasakan perlu, diundang bidan ini supaya datang untuk mengurut perut wanita yang sedang hamil itu, sebelum melahirkan.⁸⁹

Apabila dilihat dalam sejarah dari semua adat dan istiadat yang diamalkan oleh para wanita daerah Aceh ketika bersalin adalah berasal daripada adat dan tradisi budaya Hindu, dan sama halnya seperti adat dan tradisi mandi-manda pada bulan yang ke tujuh perempuan tersebut hamil, kemudian mencalitkan lidah anak-anak yang baharu jadi tiga kali dengan manisan dan minyak sapi. Sementara amalan-amalan tersebut adalah mengikuti dalam ayat-ayat yang tertulis dalam kitab *Rig-Veda*⁹⁰ sebagai kitab sucinya agama Hindu, sebagai berikut;⁹¹

Meletakkan besi atau keluli di atas katil ibu yang baharu bersalin untuk melindungkannya dari kecelakaan, membawa bayi itu keluar untuk melihat matahari dan menjejakkan kakinya ke bumi, memotong rambut anak lelaki dengan gunting secara diusap tujuh kali sambil mengekalkan seikal rambut.

Dalam keterangan daripada kitab Rig-Veda yang telah disebutkan di atas telah jelas bahawa mengenai adat dan tradisi meletakkan besi atau keduli di atas katil ibu yang baharu sahaja melahirkan dan lain-lain agar terlindung dari segala gangguan syaitan dan kecelakaan lain-lain adalah merupakan amalan orang Hindu sebagaimana yang telah diperintahkan dalam kitab sucinya.

Namun, hingga kini bahawa amalan tersebut mungkin sudah banyak para wanita meninggalkannya mengenai pelbagai hal yang telah diamalkan oleh para

⁸⁹ Ibid. hlm. 63.

⁹⁰ Kata Rigweda atau dalam bahasa Sanskrit *rig veda*, adalah sebuah kata tunggal berbentuk *tatpuru a* dari *rc* "pujaan, himne" dan *veda* "pengetahuan") adalah sebuah kumpulan suci himne-himne atau nyanyian pujaan dalam bahasa Weda yang berasal dari anakbenua India. Teks ini termasuk empat teks Hindu kanonik (*ruti*) yang dikenal sebagai *Caturweda*. Berasaskan bukti filologis dan linguistik, Rigweda digubah kurang lebih antara tahun 1700 -1100 SM (masa Weda awal) di daerah Sapta Sindhu ("Tanah Tujuh Sungai Agung") yang sekarang terletak di sekitar Punjab. Dengan ini teks ini termasuk salah satu teks religius tertua dunia yang masih tetap digunakan dan juga termasuk teks-teks tertua dalam bahasa Indo-Eropa manapun. Lihat, http://id.wikipedia.org/wiki/Rgveda#_note-0 (dipetik pada tarikh 4 Mac 2008.)

⁹¹ Lihat, Joginder Singh Jessy. *Malaysia Siangapora dan Brunai 1400-1965*. Selangor Darul Ehsan: Longman. 1975. hlm. 53.

wanita masa dahulu, apa hal lagi untuk keluar dan makan bersama ditepi pantai untuk menikmati udara pantai. Tetapi, masih ada juga amalan tersebut masih juga diamalkan terutama para wanita yang tinggal dalam wilayah desa, apabila tidak ada masa untuk pergi ke tepi pantai maka sudah cukup untuk makan bersama-sama di tepi sawah ataupun di masjid dengan tujuan agar wanita yang sedang hamil terhibur.

4. 2. 2. 5. 3 Melahirkan

Dalam masyarakat Aceh Utara maka pada masa melahirkan bayi selalunya akan diamalkan acara yang berkaitan dengan ritual dan adat tersebut mestilah dijaga dan dipertahankan. Pada masa dahulu, jika ada wanita yang akan melahirkan anak tidak melalui proses ketentuan dari ketentuan adat yang berlaku, maka dianggap sudah melanggar adat istiadat dan merupakan suatu kesalahan yang besar daripada nenek moyang mereka. Ini bererti, seorang wanita yang membelakangi dan memandang rendah adat maka dianggap sebagai mencelakan masyarakat dan keluarga. Majoriti hingga setakat ini, banyak adat dan tradisi mengenai aturan yang telah diatur dalam ketentuan sudah banyak ditinggalkan dan sebahagian memang sudah tidak relevan lagi untuk diamalkan.

Amalan azan dan qamat dilakukan sebagai amalan yang telah disunatkan oleh Rasulullah ρ , sebagaimana ketika lahir cucunya Rasulullah ρ yang bernama Husain τ yang dilahirkan oleh Fatimah r.a, maka langsung Rasulullah ρ mengazankannya di telinga sebelah kanan.⁹² Ada pula sebahagian menganggap azan dan iqamah hanya sebagai simbolik sahaja untuk menyambut kedatangan seorang Muslim atau Muslimat dan ini adalah suatu amalan yang amat bercanggahan dengan ajaran syariat

⁹² Lihat, Zuhaili, Wahbat. “*al-Fiqh al-Islami wa 'dilatuhu.*” Beirut: D r al-Fikr al-Mu' sy r. 1997. Jz. 4. hlm. 2750. Lihat juga, “*Mughni al-Muht j.*” Jz. 4. hlm. 296. “*al-Muhazab.*” Jz. 1. hlm. 242. *Kasy f al-Qan '.* Jz. 3. hlm. 25.

Islam. Adapun amalan azan dan iqamah ketika pada masa bayi telah lahir adalah merupakan sebagai syiar Islam yang amat objektif dan logik, sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ.

Ertinya:

Dari Ibn Abbas, bahawa sesungguhnya Nabi ﷺ azan pada telinga Hasan bin Ali pada hari kelahirannya, dan iqamah pada telinganya sebelah kiri. (*H.R. Bayhaqi*).

Dari Hadith yang telah disebutkan di atas bahawa Rasulullah ﷺ ketika lahir cucunya Hasan bin Ali maka Rasulullah ﷺ langsung sahaja mengazankan pada telinga sebelah kanan dan kemudian mengiqamat pada telinga sebelah kiri dan ini adalah merupakan suatu amalan yang pernah diamalkan oleh Rasulullah ﷺ. Ada pula amalan sunnat yang apabila diamalkan akan mendapat pahala ataupun suatu amalan yang pernah diamalkan oleh Rasulullah ﷺ ketika bayi lahir seperti, menyulangi buah kurma (*thamar*) ke dalam mulut bayi dan apabila tidak dijumpai kurma boleh juga dengan kuih-muih yang manis. Ketika lahir anak Abi Musa, maka datang Rasulullah ﷺ kemudian memberikan nama dengan Ibrahim dan kemudian menyulangkan buah kurma. Kemudian Rasulullah ﷺ juga berkata maka yang amat disenangi oleh orang Anshar adalah buah kurma dan menamakan anaknya dengan Abdullah.⁹³

Di samping itu juga, dalam masyarakat Aceh juga dikenal dengan ritual penanaman ari-ari setelah itu bayi dibaringkan kembali di samping ibunya. Ari-ari bayi (*adoe*) dimasukkan dalam periuk yang bersih dengan dibubuhi aneka bunga dan wangian, untuk ditanam di halaman rumah. Bunga-bunga dan wewangian ini sebagai simbolik agar bayi tadi mengerti erti kebersihan dan kecantikan. Dalam kepercayaan masyarakat Aceh ari-ari (*adoe*) daripada lelaki ditanam dibawah bumbung rumah,

⁹³ Lihat, dalam kitab, "*Nailul al-A th r.*" Jz. 5. hlm. 136.

dan sementara ari-ari daripada bayi wanita akan ditanam di bawah tangga. Tempat penanaman ini dikaitkan hubungannya dengan kedudukan anak lelaki sebagai pencari nafkah dan fungsi anak wanita sebagai ratu di rumah tangga.

Pada hari ketujuh setelah bayi lahir, diadakan upacara cukur rambut dan *peucicap*, dan kebiasaannya dilakukan bersamaan dengan pemberian nama. Acara “*peucicap*” dilakukan dengan mengoles madu pada bibir bayi sambil mengucapkan *Bismill hirr hm nnirrahim*, manislah lidahmu, panjanglah umur mu, mudah rezekimu, taat dan beriman serta terkenal dalam masyarakat.⁹⁴

Apabila dikaji yang lebih jauh bahawa amalan seperti yang telah diamalkan oleh para perempuan yang tinggal dalam kawasan Aceh adalah merupakan amalan yang mirip dengan amalan adat dan istiadat perempuan Hindu yang kini masih juga diamalkan.⁹⁵ Aceh Tamiang upacara cukur rambut diadakan pada hari kedua atau ketiga setelah bayi lahir. Upacara ini disebut dengan *menyangke rambut budak*, kemudian dilanjutkan dengan pemberian nama. Ada pula yang melakukannya pada hari pertama kelahiran. Upacara ini dilaksanakan oleh orang-orang alim, terkemuka dan baik tingkah lakunya. Biasanya *peucicap* dilakukan dengan sebetuk cincin suasa yang telah dilumuri madu, kemudian dioleskan pada bibir bayi. Sementara, cincin tersebut kemudian diserahkan pada bidan. Setelah empat puluh empat hari, cincin akan ditebus kembali oleh keluarga bayi. Selama empat puluh empat hari ibu bayi banyak menjalani pantang larang. Ia mesti tetap berada dalam kamarnya, tidak boleh berjalan-jalan, apalagi keluar rumah. Tidak boleh minum banyak, nasi dimakan tanpa gulai berlebihan minyak atau lauk pauk. Sebahagian hanya makan dengan menggunakan garam dan ikan bilis yang digoreng tanpa begitu pula makanan yang pedas-pedas amat dilarang selama dalam masa pantang, disebut dengan masa

⁹⁴ Lihat, “*Pedoman Umum Adat Aceh.*” hlm. 77.

⁹⁵ Lebih jelasnya dapat dilihat di dalam buku, Olivelle, Patrick. “*Samyasa Upanisad Hindu Scriptures On Asceticism and Denunciation.*” New York: Oxford University Press. 1992. hlm. 42-43.

pantangan atau *du dapu*. Kerana selama pantang ibu bayi selalu dipanasi dengan bara api yang terus-menerus di sampingnya atau di bawah tempat tidurnya.

Maka masa pantang ini sering juga disebut dengan masa “*madeung*”. Setelah masa *madeung* ini selesai, iaitu pada hari ke empat puluh empat, ibu bayi dimandikan oleh *mablien* dengan air yang telah dicampur dengan hirisan limau purut. Acara mandi ini disebut dengan membawa pulut kuning, ayam panggang dan bahan-bahan untuk *peusijuk* iaitu beras, padi, kunyit, daun sedingin, rumput padi dan tepung tawar. Bahan-bahan ini dibawa oleh *mak Tuan* untuk keperluan dalam acara *peusijuk ro darah* (keluar darah) menantunya pada masa melahirkan. Setelah upacara itu selesai, bidan akan diberikan hadiah.⁹⁶

4. 2. 2. 6 Pemangku Adat

Kehidupan seharian dalam masyarakat Aceh pada amnya masih terdapat hal yang masih dipercayai ataupun hal yang berkaitan dengan pelaksanaan pelbagai adat dan tradisi yang selalunya diserahkan dan diperrcayai kepada pemangku adat ataupun orang yang mengerti banyak tentang adat istiadat yang berlaku dalam masyarakat. Apabila masyarakat ingin melaksanakan acara yang mengarah kepada amalan ritual dan lainnya maka sudah menjadi suatu tradisi untuk menjemput datang orang-orang yang mengerti tentang pelaksanaan acara ritual tersebut. Sebagaimana hasil kajian yang telah dijalankan dilapangan;⁹⁷

Jadual: 4.1.4. Sikap Responden Terhadap Adat dan Istiadat.

<i>Adakah menurut anda adat istiadat sekarang mesti dipertahankan dan dijaga</i>
--

⁹⁶ Pada kebiasaan hadiah tersebut berupa: 1. Pakaian sesalinan, 2. Wang ala kadarnya, 3. Wang penebus cincin suasa, 4. Beras dua bamboo, 5. Padi segantang (dua bambu), 6. Pulut kuning, ayam panggang, dan seekor ayam hidup.

⁹⁷ Hasil kajian soal selidik yang telah di jalankan di lapangan dalam wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, pada bulan April 2007.

	Tempat tinggal	Tidak	%	Ya	%	Jumlah
	Desa	35	18.13%	158	81.87%	193
	Kota	18	26.47%	50	73.53%	68
	Jumlah	53	20.31%	208	79.69%	261

Sumber: Analisis Data Primer, 2007

Berasaskan daripada hasil kajian yang dijalankan di wilayah kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, maka hasilnya menunjukkan bahawa masyarakat yang masih percaya kepada adat istiadat sekarang ini, mesti dipertahankan dan dijaga, responden yang tinggal di wilayah desa yang menjawab “Tidak” (18.13%) dan yang menjawab “Ya” (81.87%), sementara responden yang tinggal di wilayah Kota yang menjawab “Tidak” (26.47%) dan yang menjawab “Ya” (73.53%).

Dari hasil yang telah didapati di atas bahawa, pada amnya masyarakat yang tinggal dalam wilayah desa ataupun Kota amatlah setuju untuk mempertahankan adat dan istiadat yang setakat ini masih dan sedang berlaku dalam masyarakat, baik ia adat istiadat yang bercanggahan dengan ajaran Islam ataupun tidak dan kerana memang hasil jawapannya daripada responden, untuk keseluruhan adat istiadat yang berlaku dan yang sedang diamalkan dalam kehidupan sehariannya dan tanpa ada pengecualiannya. Namun, hanya sedikit sahaja daripada jawapan responden yang menyatakan untuk tidak mempertahankan dan untuk tidak menjaga adat istiadat yang berlaku hingga kini.

4. 2. 3 Acara Kematian

Acara kematian dalam masyarakat Aceh yang merupakan suatu acara yang selalu diraikan apabila ada terjadi suatu musibah kematian dalam sebuah keluarga orang Muslim. Sudah menjadi kebiasaan pula di dalam wilayah masyarakat Aceh apabila ada seseorang meninggal dalam kampung tersebut maka para petugas masjid

ataupun surau untuk memberitakan khabar kematiannya kepada masyarakat persekitaran dengan cara memberikan maklumat melauli dengan mikrofon,⁹⁸ apabila dikuatirkan tidak ada orang yang untuk memandikan jenazah tersebut, Sebagaimana Rasulullah ﷺ pada suatu ketika pernah untuk memberikan maklumat.

Ertinya:

Abu Hurairah τ , berkata Rasulullah ﷺ mengumumkan kematian *an-Najasyi* di hari wafatnya seraya keluar ke masjid dan membentuk *sahaf*, kemudian mentakbiri (menshalatinya) dengan empat takbir.” (H.R. *Syaikhain dan lain-lain.*)

Dalam Hadith lain Rasulullah ﷺ bersabda.

Ertinya:

Anas bin Malik τ berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, Zaid bin Haritsah mengemban panji, lalu ia gugur. Maka diembanlah oleh Ja'far, ia pun gugur. Kemudian diemban oleh Abdullah bin Rawahah, ia gugur pula. Maka sesungguhnya kedua mata Rasulullah ﷺ meneteskan air mata kemudian diembanlah panji itu oleh Khalid Ibn Walid tanpa ada pengangkatan komandan maka terbukalah pintu keselamatan baginya. (H.R. *Imam Bukhari*)

Dalam keterangan kedua Hadith di atas tersebut, bahawa Rasulullah ﷺ pernah memberikan maklumat dan mengajak kepada umatnya yang tinggal di wilayah yang dekat dengan masjid agar dapat untuk melaksanakan solat jenazah kepada para syahid yang telah meninggal dalam medan peperangan untuk melawan para orang-orang kafir pada masa itu.

Sudah menjadi suatu tradisi dalam masyarakat Aceh untuk memberikan sedekah kepada orang yang menggali kubur dan menguburkannya. Biasanya untuk

⁹⁸ “Jika aku mati, maka janganlah kamu sekalian memberitakan kepada seorangpun tentang aku. Sesungguhnya aku bimbang, kalau perkara tersebut sebagai na'yu (khabar kematian jahiliyah)” dan sementara juga Abdullah berkata: Pemberitahuan tentang kematian adalah termasuk cara yang dilakukan jahiliyah. Lihat, “*al-Muhaz b.*” Jz. 1. hlm. 376.

orang yang melaksanakan solat jenazah dan penggali kubur diberikan sedekah yang lebih banyak daripada sedekah kepada orang lain yang datang untuk mengunjungi mayat itu. Adapun, bagi para tamu yang mengunjungi mayat tersebut akan mendapatkan makan yang sekadarnya, sesudah kembali dari pekerjaan menguburkan mayat. Pemberian makan dan minum ini tegasnya di hari pertama iaitu setelah dilakukan penguburan mayat, sudah mulai hilang, kerana orang rumah yang sebenarnya tidak mempunyai kesempatan untuk hal ehwal tersebut yang banyak menyusahkan dari pada keringanan. Tetapi, apabila pada hari berikutnya, sekurang-kurangnya yang menyajikan tuan rumah kepada tamu yang datang ta'ziah itu, Tuan rumah sudah mempunyai persediaan.⁹⁹

Dalam masyarakat Aceh sudah menjadi suatu tradisi pula, untuk mengamalkan suatu adat ataupun tradisi yang disebut dengan "*Reuhab*" yang terdiri daripada pakaian orang yang meninggal tatkala menghembuskan nafasnya yang penghabisan dahulu diletakkan di atas tempat tidur (*peurataih*) hingga 44 (empat puluh empat) atau 100 (seratus) hari, pada hari mengunjungi kuburan yang dilakukan oleh familinya yang perempuan, maka *reuhab* itu dibawa serta. Sambil melihat pakaian itu sepotong demi sepotong, keluarganya itu bertangis-tangisan di kubur orang yang mati itu. Perbuatan ini dilakukan dulu, biasanya, pada hari ke-44 atau ke-100 dari orang mati itu. Hal yang tersebut setakat ini dapat dikatakan sudah hilang dengan sendirinya dan pakaian dimaksudkan sesudah dicuci bersih-bersih, dihadiahkan kepada fakir miskin.¹⁰⁰

Sementara, memiliki banyak harta yang telah ditinggalkan boleh sahaja untuk melaksanakan acara kenduri kematian dan membaca Surat Yasin dan diakhirkan

⁹⁹ Lihat, Moehammad Hoesin."Adat Atjeh." Banda Aceh: Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Prov. D.I. Aceh. hlm. 94.

¹⁰⁰ Ibid. hlm, 94.

dengan membaca doa¹⁰¹ yang dipimpin oleh Imam, pada masa amalan ini tidak menjadi amalan yang mudarat dalam pelaksanaan acara kenduri tersebut, kerana sedekah juga merupakan amalan yang disedekahkan kepada orang yang meninggal. Memberi makan dan minum kepada fakir miskin dan para tetangga, serta memuliakan kaum Muslimin dengan menjamunya, adalah suatu bentuk kebajikan dan kebaikan yang dianjurkan oleh syariat.¹⁰²

Maka dalam suatu adat dan tradisi setelah pembacaan talqin itu selesai, maka buah pisang dan makanan yang lain yang dibawa ke kuburan itu dibahagi oleh seorang pembantu kepada para yang datang. Di samping ini, jika yang mati seorang kaya, di bahagikan juga sedekah berupa wang. Adat Aceh dulu menghendaki orang yang pulang dari kubur semuanya balik kerumah orang yang mati untuk makan kenduri secara bersam-sama, tanpa menghiraukan keadaan tuan rumah. Adat ini seperti yang telah pernah dikatakan, telah agak mengurang dan bahkan pada sebahagian daerah telah hilang amalan tersebut.

Pada masa terakhir sebahagian orang Aceh tidak mengadakan lagi talqin, sesudah mayat dikebumikan dan Talqin tersebut diganti dengan pidato atau ceramah yang terdiri dari nasihat keagamaan kepada hadirin yang datang. Sesudah ini, dibacakan doa untuk selamat. Setakat ini pula pembahagian makanan ataupun pulut kuning dan minuman di kuburan, sesudah mayat dikuburkan, pun sudah mulai hilang hanya sebahagian daerah sahaja yang masih mengamalkan adat dan tradisi semacam itu. Namun, begitu juga dengan mengadakan acara kenduri pada hari kematian juga telah hampir hilang dan khasnya di daerah Bandar.¹⁰³

¹⁰¹ Lihat, Riwayat Muslim dalam bab. Jenazah. Jz. 2. (n. h. 975). hlm. 671. Imam Ahmad dalam Musnadnya, Jz. 5. hlm. 353,359 dan 360. Ibn M jah. Jz. 1. (n. h. 1547). hlm. 494. al-Nas i dalam kit b Jenazah. Bab. 4. hlm. 94. Dan Imam at-Tirmizi. Jz. 3. (n. h. 1053). hlm. 369.

¹⁰² Lihat, al-Imam al-Hafid. Abi Abdullah bin al-Qayyim al-Jawzi. "*Z d l Ma' d fi H di Khairi al-B d*. Jz. 1. hlm. 146.

¹⁰³ Lihat, Moehammad Hoesin. "*Adat Atjeh*." hlm. 96.

Namun, ada juga fatwa daripada ulama tersohor seperti, “Syeikh Islam Taqiyuddin Ahmad bin Ibn Taymiyyah yang menyatakan amalan untuk mengadakan acara makan dan minum pada semasa orang telah meninggal maka amalan bid’ah tersebut mesti dijauhkan dan sekiranya melaksanakan amalan tersebut maka hukumnya adalah “*makr h.*”¹⁰⁴Akan tetapi, menyembelih kambing, sapi, unta, unggas atau haiwan-haiwan lainnya pada hari kematian atau pada hari-hari tertentu (sesudahnya), seperti hari ketujuh atau keempat puluh adalah perbuatan yang tidak ada didalam ajaran Islam dan tidak ada dukungan daripada dalil-dalil yang kuat dan sahih,¹⁰⁵ dan ini adalah suatu amalan yang mengandung anasir bidaah dan khurafat. Dalam hal untuk memberikan sedekah atas nama mayat yang telah meninggal, dan ini adalah merupakan amalan penyimpangan yang tidak pernah amalan tersebut pada masa Rasulullah ﷺ. Kerana itulah amalan tersebut wajib untuk meninggalkan penyimpangan ini sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ,

Ertinya:

“Barang siapa yang membuat perkara baru dalam urusan agama kami ini yang bukan berasal darinya, maka (amal itu) tertolak.” (*H.R. Bukhari*).

Maka jelaslah pada Hadith yang telah disebutkan di atas bahawa, barang siapa yang membuat suatu amalan yang tanpa ada asas daripada ajaran Al-Qur’an dan Sunnat yang jelas maka wajiblah untuk ditolak kerana ini termasuk daripada amalan bid’ah dan khurafat yang amat membahayakan aqidah bagi umat yang beragama Islam pada amnya. Pada masa dahulu, di dalam masyarakat Aceh apabila suami meninggal maka wajib bagi isteri yang menguburkan dan demikian juga bila seorang isteri yang meninggal maka yang wajib yang menguburkan suaminya sendiri.

¹⁰⁴ Lihat, Syaikh Taqiyuddin Ahmad bin Taimiyyah al-Harani. “*Majm ‘at al-Fat w I.*” Jz. 32. hlm. 131.

¹⁰⁵ Lihat, Syaikh Mansur bin Yunus al-Bahauti al-Hanbali. “*Kasyaf l Qan ’.*” Beirut: D r al-Kit b al-‘Ilm yyat. Jz. 2. 1997. hlm. 175.

Tetapi, hingga kini amatlah jarang mengamalkan hal yang sedemikian rupa, mungkin kerana perubahan dan pergeseran nilai sosial adat dan budaya yang boleh menjejaskan terjadinya perubahan dalam bersosialisasi kehidupan sehari-hari yang amat erat lagi pengaruhnya keadaan tamadun yang kurang menguntungkan, baik dari segi ekonomi, politik dan sosial bagi, masyarakat tempatan kerana telah terjadi percampuran pelbagai adat dan budaya yang belum tentu dapat diguna pakai kesemuanya.

Dalam adat dan tradisi pada sebahagian dalam masyarakat Aceh, sudah menjadi kebiasaan apabila seseorang meninggal, maka semua pakaian dan kain yang menyelimuti mayat tadi disimpan pada suatu tempat dan kain disebut dengan *reuhab*, menurut kebiasaanya disimpan di atas tempat tidur untuk selama empat puluh hari atau empat puluh empat hari. Setelah selesai upacara penguburan, mulai malam pertama hingga dengan malam ketiga mengadakan kenduri dan tahlil, bahkan apabila keluarga golongan yang mampu mengenai kewangannya, akan melaksanakan hingga pada malam ke tujuh diadakan samadiah, *ta'ziah*¹⁰⁶ atau *tahlil*.¹⁰⁷ Pada malam tersebut, akan hadir semua kerabat dan jiran-jiran dan Tuan Guru tempatan dan pemuka masyarakat. Biasanya acara tersebut diakhiri dengan acara makan bersama (kenduri) atau cukup minum dan kuih-muih sahaja bergantung dengan kemampuan keluarga. Pada malam kelima dan ketujuh diadakan kenduri lagi. Pada malam tersebut kadang-kala diadakan acara mengaji. Pada malam kesepuluh, kedua puluh dan ketiga puluh diadakan acara makan untuk *teungku* sahaja.

Pada hari ke empat puluh atau empat puluh empat, merupakan upacara puncak dalam upacara ritual dalam kematian dan lebih besar dari hari lain-lainnya

¹⁰⁶ Lihat, Syaikh Mansur bin Yunus al-Bahauti al-Hanbali. "*Kasy f l Qan ' .*" Jz. 2. hlm. 185. Dan lihat juga, Ibn Majah pada kitab Jenazah. Jz 1. (n. h. 1601). hlm. 511. Lihat, Ibn Qayyim, al-Jauziyyat ad-Dimsyiqi. *Z d l Ma' d Fi Hadi Kh yri al-'B d*. Beirut: D r al-Kit b al-'Ilm yyat. 1998. hlm. 45.

¹⁰⁷ Lihat, Zainuddin.H.M., "*Tarich Atjeh dan Nusantara.*" Medan: Iskandar Muda. (t.t). hlm. 361.

dalam rangka untuk melaksanakan upacara ritual tersebut. Bagi orang-orang yang mempunyai kemampuan kewangan biasanya memotong kerbau atau lembu. Dalam upacara ritual tersebut hadir semua kerabatnya, jiran tetangga dan orang-orang yang patut datang pada acara tersebut. Biasanya mereka ini dijemput untuk datang terlebih dahulu untuk menghadirinya dalam acara tersebut dan acara ini dilakukan pada malam hari yang diakhirkan membaca doa.¹⁰⁸

Setelah selesai tamu jempunan makan kenduri, maka acara tersebut akan dilanjutkan dengan mengaji atau *zikir (meuseulaweut)*, kadang kala acara tersebut berlangsung hingga pagi hari. Kepada mereka yang mengaji (*meuseulaweut*) biasanya diberikan sejumlah sedekah kepadanya. Acara seperti ini, di Kota-Kota atau oleh pengikut Muhammadiyah. Acara seperti tadi masih terbolelah pada masyarakat desa Aceh seperti halnya pada masyarakat pedesaan disterik Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, sehingga kini masih diamalkan acara ritual tersebut secara berjemaah dan diikuti sertakan oleh para Tok Guru, pemuka adat dan para masyarakat dipersekitaran.

Namun, masa pelaksanaan untuk ta'ziah hanya dibenarkan setelah dikuburkan selama tiga hari, dan makruh hukumnya apabila melebihi tiga hari lamanya untuk berta'ziah. Sebagaimana perkataan Syeikh Abu Muhammad al-Jawaini, adapun, batas yang telah ditetapkan ini adalah sebagai amalan untuk mendekatkan sahaja kepada mayat yang telah dikuburkan dan bukan untuk membataskan masa kepadanya.¹⁰⁹

Setelah selesai upacara tersebut, maka pada besok paginya datang sekali lagi ke kuburan dengan membawa pulut kuning dan dua buah batu nisan untuk diletakkan di atas kubur dan acara ini disebut dengan tanam batu (*pula batee*). Kedua-dua batu

¹⁰⁸ Lihat, Muhammad Abdul Salam Khadra al-Syakiri. "*Sunan wa al-Mubtadi' t al-Muta' likat bil al-Azk r wa al-Shal w t.*" al-Misr : D r al-Fikr. (t.t). hlm. 288.

¹⁰⁹ Lihat, Imam Abi Zakaria Muhyiddin bin Syaraf al-Nawawi. "*al-Majm '.*" Jz. 5. hlm. 306.

nisan itu ditanami pada arah tempat kepala dan di kaki. Setelah ini selesailah acara upacara kematian. Dahulu sering pula dirayakan untuk hari ke seratus, seperti dengan hari ke-empat puluh atau empat puluh empat diatas tadi.

Akan tetapi, hingga kini sudah jarang dilakukan, mungkin kerana sudah terlalu banyak menghabiskan wang dan masa untuk melaksanakan suatu upacara ritual dalam kematian.¹¹⁰Pada masa Rasulullah ρ, apabila ada musibah yang menimpa seseorang maka Rasulullah ρ untuk menyuruh orang lain untuk membuat hidangan makanan dan minuman hanya sekadar sahaja dan sehingga tidak dapat mengarah kepada amalan yang dapat menjadikan amalan boros dan membazir, sebagaimana sabda Hadith Rasulullah ρ;

Ertinya:

Ahmad bin mani dan Ali bin Hujr menceritakan kepada kami mereka berkata: Sofyan bin Uqinah memberitahukan kepada kami dari Ja'far bin Khalid daripada ayahnya dari Abdullah bin Ja'far, ia berkata: Telah datang khabar kematian Ja'far, Nabi ρ bersabda: Buatlah oleh kamu semua makanan untuk keluarga Ja'far kerana keluarganya baru dalam kesibukan (tertimpa kemalangan). (*H.R. at-Tirm z*).¹¹¹

Sabda Rasulullah ρ telah jelas bahawa, Rasulullah ρ memerintahkan kepada sahabatnya untuk membuatkan makanan kepada keluarga Ja'far yang mana keluarga tersebut telah ditimpa musibah dan bukan dari ahli keluarga Ja'far yang membuatkan makanan kepada tetamunya dan amalan seperti ini hingga setakat ini sudahlah berbalik arah, bahkan yang membuat makanan dan minuman adalah keluarga yang sedang ditimpa musibah untuk para tetamunya yang datang untuk berziarah.

¹¹⁰ Lihat, "Adat Istiadat Daerah Propinsi Daerah Istimewa Aceh." hlm. 145.

¹¹¹ Lihat, dalam *Sunan at-Tarmiz (Bab. Maj' fi Ta' m Yusn' li Ahli 'lm)*.

Maka sama halnya keluarga tersebut telah terjadi dua musibah atau kemalangan, yang pertama musibah sudah kehilangan keluarganya dan yang kedua musibah mesti melaksanakan acara kenduri jika tidak mempunyai wang yang cukup untuk melaksanakannya maka keluarga tersebut mesti berhutang dengan orang lain. Maka amalan tersebut yang sudah menyalahi sebagaimana yang diperintahkan oleh Rasulullah ﷺ. Sementara dalam Hadith Rasulullah ﷺ untuk menghimbau agar menghibur bagi seseorang yang sedang ditimpa musibah Maka jelaslah Hadith di atas bahawa Rasulullah ﷺ menyerukan kepada seseorang untuk menghibur dan supaya agar keluarganya ditimpa musibah agar tidak merasa kehilangan saudaranya, kerana pahala untuk menghibur kepada ahli keluarga sedang ditimpa musibah adalah pahalanya akan diberikan pakaian pada masa di syurga nanti dan bukannya untuk menambahkan lagi musibah kepada keluarga yang sedang ditimpa musibah dan ini termasuk adalah sebuah amalan yang amat menyedihkan dan memberatkan bagi keluarga yang telah ditinggalkan.

Kenyataan yang didapati di wilayah Aceh apabila ada keluarga yang meninggal, maka keluarga tersebut dengan bersukar payah untuk melaksanakan kenduri yang akan dilaksanakan pada malam pertama dari kematian, bererti sama halnya keluarga tersebut telah mendapatkan dua musibah yang ditanggungnya, maksudnya ialah pertama musibah meninggalnya keluarga dan yang kedua musibah untuk melaksanakan kenduri pada malamnya. Sekiranya yang ditimpa musibah orang mampu tidaklah menjadi masalah.

Akan tetapi, jika terjadi atas orang yang tidak mampu secara kewangan maka amalan tersebut ia bercanggahan. Maka hendaknya untuk menjauhi dua hal, sekalipun kebanyakan orang-orang melakukan amalan tersebut antaranya adalah.

Pertama: Melakukan ta'ziah¹¹² dengan berkumpul di suatu tempat tertentu, seperti di rumah, di kuburan atau di masjid. **Kedua:** Orang yang sedang berta'ziah menyediakan makanan dan minuman bagi para pelawat yang datang untuk berta'ziah secara bersma-sama.¹¹³ Sebagaimana berdasarkan Hadith Rasulullah ﷺ.

Ertinya:

Dari Jabir bin Abdillah al-Bajali τ , "Dahulu kami menganggap berkumpul (rumah keluarga yang ditimpa kematian, dengan membuat makanan seusai pemakaman termasuk meratapi. (H.R. Imam Ahmad dan Ibn Majah)

Dalam penjelasan Hadith yang di atas telah jelas bahawa, pada masa dahulu apabila ada keluarga yang ditimpa musibah maka akan datang sekumpulan orang ke rumah yang sedang ditimpa musibah untuk berkumpul sambil menikmati makanan dan minum yang telah dibuatnya dan kemudian untuk meratapi kepada orang yang telah meninggal dan amalan tersebut dilaksanakan setelah mayat dimakamkan. Memang, pada asasnya pelaksanaan acara ritual adat dan tradisi dalam amalan kenduri dan membacakan Surat Yasin¹¹⁴ ataupun membacakan mentalkinkan¹¹⁵ amatlah baik dan bermanfaat kepada orang yang telah meninggal dan kepada ahli keluarga, kerana amalan ini adalah digolongkan kepada amalan sedekah, dan dengan acara ritual tersebut masyarakat tempatan juga boleh menikmati makanan tersebut khasnya kepada fakir dan miskin yang amat memerlukan makanan tersebut.

¹¹² Adapun hukum untuk melaksanakan amalan ta'ziah adalah amalan yang disunnahkan oleh Rasulullah ﷺ, sebagaimana bersabda: "Sesiapa yang berta'ziah orang yang lagi ditimpa musibah dan baginya juga mendapatkan pahala yang sama." (H.R. at-Tirmiz dan Ibn Majah). at-Tirmiz berkata bahawa: Hadith tersebut adalah "Hadith gharib", dan Ibn al-Jauzi berkata pula bahawa Hadith tersebut juga dengan "Hadith Ma dh'." Lihat, Zuhaili, Wabbah. "al-Figh al-Islami wa'dilatuhu." Jz. 7. hlm. 1573.

¹¹³ Lihat, Muhammad Nashiruddin al-Albani. "Tuntunan Lengkap mengurus jenazah." Jakarta: Gema Insani Press. 1999. hlm. 160-161.

¹¹⁴ "Bacalah atas orang yang telah meninggal Surah Yasin". (H.R. Abu Dawud dan Ibn Hibban). Dan lebih jelasnya lihat, Abu Dawud pada Sunan, Jz. 3. hlm. 489. (n. h.: 312), dan Ibn Majah. Jz. 1. hlm. 466. (n.h.: 1448).

¹¹⁵ "Talkinkan orang yang telah meninggal lill h i a All h". (H.R. Muslim). Jz. 2. hlm. 631.

Dalam pelaksanaan kenduri kematian ataupun tahlil kebiasaan dilaksanakan di dalam ruangan rumah kerana rumah itu adalah tempat kediaman orang yang telah meninggal dan ada juga sebahagian dari kepercayaan masyarakat di daerah Aceh pada wilayah tertentu, bahawa rumah adalah tempat kembalinya semula arwah yang telah meninggal untuk berziarah kepada ahli keluarga yang telah ditinggalkan dan sambil untuk makan dan minum pada malam jumaat, pelaksanaan acara tersebut tepatnya pada masa pelaksanaan acara tahlil dan membaca Surat Yasin¹¹⁶ secara bersama-sama.

Adapun duduk-duduk dalam berta'ziah, menurut pandangan dan pendapat mengenai pelaksanaan ta'ziah, Imam Shafi'i dan penyusun kitab telah menyatakan sebagai hal yang *makr h*. Mereka menyatakan, "Hendaknya segera meninggalkan tempat apabila usai mengucapkan sukacitanya dan kembali memenuhi keperluan lainnya. Dan tidaklah ada bedanya, dalam hal duduk-duduk di tempat ta'ziah, antara lelaki dengan perempuan."¹¹⁷ Sementara Imam Shafi'i berpendapat bahawa, "Aku cenderung memakruhkan untuk bergerombol (berkumpul) duduk-duduk di tempat ta'ziah sekalipun tanpa adanya tangisan. Sebab yang demikian dapat menimbulkan kesedihan terus-menerus, membebani pengeluaran, di samping adanya riwayat tentangnya."¹¹⁸ Namun, Imam an-Nawawi juga menyokong pendapat daripada Imam Shafi'i, sebagaimana hasil kajian telah dilaksanakan di lapangan bahawa;

Jadual: 4. 1. 5. Amalan Kenduri Tahlil Orang Meninggal.

<i>Di manakah anda sering melaksanakan upacara amalan kenduri tahlil orang meninggal</i>						
	Tempat tinggal	Tidak	%	Ya	%	Jumlah
	Desa	1	0.52%	192	99.48%	193
	Kota	8	11.76%	60	88.24%	68

¹¹⁶ Lihat, Zuhaili, Wahbah. "al-Figh al-Islamiwa'dilatuhu." Jz. 7. hlm. 156.

¹¹⁷ Lihat, Imam an-Nawawi. "al-Majm '." Jz. 5. hlm. 306.

¹¹⁸ Lihat, Imam Shafi'i. "al-Umm." Jz. 1. hlm. 248. Dan lihat juga, "al-Insh f." Jz. 5. hlm. 565.

	Jumlah	9	3.45%	252	96.55%	261
--	--------	---	-------	-----	--------	-----

Sumber: Analisis Data Primer, 2007

Berasaskan daripada hasil kajian yang telah dijalankan dalam di wilayah kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, maka hasilnya menunjukkan masyarakat yang sering melaksanakan upacara amalan kenduri tahlil orang meninggal, responden yang tinggal di wilayah desa yang menjawab “Tidak” (0.52%) dan yang menjawab “Ya” (99.48%), sementara responden yang tinggal di wilayah Kota yang menjawab “Tidak” (11.76%) dan yang menjawab “Ya” (88.24%).

Hasil daripada kajian tersebut bahawa, pada majoritinya masyarakat Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe yang tinggal dalam wilayah desa ataupun Kota, masih sering melaksanakan amalan dan kenduri tahlil kepada orang yang telah meninggal, kerana amalan ini memang sudah amat sulit untuk ditinggalkan dan telah diwarisi dari orang-orang terdahulu. Sementara hanya sedikit sahaja responden yang tidak mengamalkan lagi acara ritual tahlil apabila ada masyarakat yang ditimpa musibah khasnya kepada orang yang telah meninggal.

Namun, kejadian yang sebenar yang telah diamalkan terjadi di lapangan adalah amat bercanggahan dengan hukum Islam, kerana untuk mencari pahala yang banyak, namun bercanggahan dengan hukum yang lain, seperti ada kisah benar yang terjadi di sebuah kampung, apabila ada sebuah rumah menboleh kemalangan, maka pihak keluarga pada malam harinya langsung membuat acara ritual kenduri untuk ditujukan kepada arwah dan menjemput datang seluruh tetangga dan ahli keluarga tersebut. Dalam rangka untuk melaksanakan acara ritual tersebut agar supaya orang telah meninggal mendapat ketenangan dan diterima di sisi Allah Ψ , bagi keluarga yang mampu secara kewangan tidak jadi masalah untuk mengadakan acara tersebut.

Akan tetapi, apabila terjadi musibah kepada keluarga yang amat sederhana maka keluarga tersebut mesti melaksanakan juga acara kenduri tersebut, kerana

memang sudah menjadi adat dan tradisi masyarakat Islam Aceh, walaupun tidak mampu mempunyai kewangan yang cukup untuk membuat acara tersebut dan apabila tidak melaksanakannya acara ritual tersebut, maka masyarakat di sekitarnya menganggap tidak mengerti tentang adat istiadat yang berlaku dan apabila tidak mengerti adat maka dikaitkan dengan tidak mengerti tentang syariat dan apabila tidak mengerti tentang syariat maka tidak mengerti dengan hukum Islam yang semestinya dan perkataan ini adalah sudah menjadi suatu kata-kata kunci para pemuka adat dan para tokoh yang terdapat didalam kalangannya yang bertanggung jawab masalah adat dan tradisi setempat.

Adapun, amalan untuk mengadakan kenduri arwah ke atas orang yang telah mati, menyediakan makanan dan mengupahkan orang untuk membaca Al-Qur'an dengan sangkaan bahawa itu semua adalah termasuk di dalam pengertian ta'ziah atau amalan tersebut dapat menyampaikan manfaat kepada mayat. Kesemua itu adalah bidaah yang memang salah dan melampau serta tidak pernah diizinkan oleh Allah ﷻ untuk mengadakannya.¹¹⁹

4. 2. 3. 1 Hari ke-3 kematian

Dalam kehidupan masyarakat Aceh bahawa acara ritual kematian, adalah merupakan suatu acara yang mesti diperingati secara bersama-sama dan berjemaah. Agar ia membolehkan rahmat dan pertolongan kepada mayat agar ia terhindar daripada seksa didalam alam kubur. Namun, pelaksanaan amalan ritual tersebut, sudah menjadi suatu adat dan tradisi yang telah menjadi dalam masyarakat Aceh.

Di samping itu, untuk mengikuti dan meneruskan peninggalan adat dan istiadat yang telah turun-temurun yang telah diwariskan oleh orang-orang ataupun

¹¹⁹ Lihat, Al-Fawzan, Salih Ibn Fawzan Abdullah. (terj). "Bidaah Konsep dan Pengertian." Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Sdn. Bhd. 1994. hlm. 39-40.

oleh nenek moyangnya terdahulu, untuk tujuan memuliakan dan menghormati kepada ahli keluarga yang telah ditinggalkan untuk menghadap Allah ﷻ di alam kubur. Akan tetapi tidak jarang juga dengan dilaksanakan acara tersebut para ahli keluarga mengingat kembali kepada orang telah meninggal dan akhirnya mengalami kesedihan dan tidak jarang kemudian para ahli kerabat yang ditinggalkan dapat mengeluarkan air mata (menangis). Sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ,

Ertinya:

“Empat macam kebiasaan Jahiliah yang masih dilakukan umatku, dan tidak juga ditinggalkannya, iaitu berbangga-bangga dengan keturunan, mengingkari keturunan, minta turun hujan dengan ramalan bintang, dan meratap.” Lebih jauh Rasulullah ﷺ bersabda, “Dan bagi perempuan yang meratap, apabila tidak bertaubat sebelum wafat maka di hari kiamat kelak ia akan memakai gamis dari pelangkin dan baju besi.” (*H.R.Imam Muslim, al-Baihaqi dan Abu Malik al-Asy’ari*)

Dalam keterangan Hadith yang di atas bahawa, Rasulullah ﷺ ada empat jenis amalan orang Jahilliyah yang akan masih dilakukan oleh umatku dan tidak juga untuk ditinggalkannya amalan tersebut dan diantaranya adalah mengingkari keturunan, minta turun hujan dengan ramalan bintang dan meratap mayat yang telah meninggal, dan apabila wanita yang meratapkan atas kematian seseorang dan tidak bertaubat maka akan memakai baju yang terbuat daripada besi kelak di akhirat nanti dan menurut Hadith tersebut bahawa meratap kepada orang yang telah meninggal amat dibenci oleh Rasulullah ﷺ, dalam Hadith lain Rasulullah ﷺ bersabda.

Ertinya:

Anas bin Malik τ berkata, “Ketika Umar bin Khathab τ tertikam, Hafshah (putrinya) menangisinya dengan suara keras. Berkatalah Umar kepadanya, Wahai Hafshah, tidakkah engkau mendengar Rasulullah ﷺ telah bersabda, Orang yang diratapi itu diseksa! Dan

Suhaib pun meratapi pula sambil berkata, Wahai saudaraku, wahai sahabatku. Umar pun kemudian berkata kepadanya, Wahai Suhaib, tidakkah engkau mendengar Rasulullah ﷺ telah bersabda, "Sesungguhnya yang diratapi akan disiksa!" (Dalam riwayat lain, "Sesungguhnya sang mayat disiksa dengan sebagian ratapan keluarganya"), (dan dalam riwayat lain, "Disiksa di dalam kuburnya kerana ratapan kepadanya.") (H.R. Bukhari, Muslim, al-Baihaqi dan Ahmad)

Keterangan Hadith yang telah disebutkan di atas bahawa, sesiapa yang meratapi orang telah meninggal maka akan disiksa mayat yang di dalam kubur, kerana atas ratapannya, akan tetapi ada juga firman Allah ﷻ yang menyebutkan bahawa seseorang itu tidak akan menanggung dosa daripada perbuatan orang lain.¹²⁰

Maka pada hari ketiga daripada kematian, sudah menjadi suatu hal ritual kebiasaannya bagi pihak keluarga yang telah ditimpa musibah, untuk selalu mengadakan acara ritual tersebut, pada kebiasaannya semua masyarakat dijemput untuk datang secara berjema'ah duduk dan membacakan zikir (*samadiah*),¹²¹ dan membaca Surah Yasin yang pada akhirnya dengan membacakan doa bersama yang dipimpin oleh Imam yang dipercayai dalam kalangan majoriti masyarakat tersebut. Sesudah acara tersebut selesai, maka pihak *ahl l musibah* mesti memberikan makanan dan minuman untuk para tetamu yang datang ke acara ritual tersebut, baik ia makan nasi ataupun hanya minum air dengan kueh muih sahaja.

Namun, pelaksanaan amalan ta'ziah kepada orang yang meninggal adalah merupakan amalan yang disunnatkan oleh Rasulullah ﷺ, sebagaimana sabda Rasul ﷺ

¹²⁰ Dalam Hadith Umar kedua, yang disebutkan dengan lafaz "sebagian ratapan." Kemudian zahir Hadith ini menampakkan kemuskilan kerana secara lahiriah bercanggahan dengan qaidah syar'iyah yang telah baku dan menjadi ketetapan. Diantaranya dengan firman-Nya, "*wal ta' jr w zir tuw wizr 'ukhr*" *al-An' m*: 164; *al-Isr* ': 15; *F thir*: 18; dan *az-Zumar*: 7. Dalam masalah ini ulama berbeza pendapat hingga terbagi menjadi delapan kumpulan. Namun, ada dua yang dekat dengan kebenaran. Abdullah al-Mubarak mengatakan, "Apabila ia pernah melarang semasa hidupnya, kemudian mereka tetap sahaja melakukannya maka ia tidak terancam hukuman apapun. Lihat, "*Umdat l-Qari*". Juz. 4. hlm.79. Lihat, "*Majmu' tur-Ras 'ilil-M niriyyah*". Jz. 11. hlm. 209 dan Ibn Qayyim didalam "*at-Tahdzib*". Jz. 4. hlm. 290-293.

¹²¹ Lihat, Imam Abi Zakaria Muhyiddin bin Syaraf al-Nawawi. "*al-Majm* '." Jz. 5. hlm. 304.

yang bermaksud “Sesungguhnya Rasulullah ﷺ berkata: “Barangsiapa yang melawat orang yang telah ditimpa dengan musibah maka akan mendapatkan pahala”,¹²² dan disunnatkan juga untuk mendoakan kepada mayat. Akan tetapi, ada juga pendapat yang mengatakan bahawa amalan melaksanakan ta’ziah duduk ramai-ramai dengan diniatkan agar pahalanya sampai kepada mayat maka hukumnya adalah *makruh*, kerana Rasulullah ﷺ sendiri tidak pernah dalam kehidupannya melaksanakannya amalan bidaah tersebut.¹²³

Sementara Imam Shafi’i dan juga para kawannya, juga memberikan pendapat dan pandangannya yang mengenai hukum untuk mengamalkan ta’ziah adalah disunnatkan dan sunnat juga untuk mengikut sertakan dengan keluarga yang dekat mayat baik orang lelaki ataupun wanita, dan bagi wanita yang sudah tua tidak dibenarkan untuk ta’ziah kecuali wanita tua daripada keluarganya.¹²⁴ Akan tetapi, tidak boleh duduk berlama-lamaan, Imam Shafi’i menyebutkan: “Hendaknya segera meninggalkan tempat apabila selepas mengucapkan ta’ziah dan kembali memenuhi keperluan lainnya. Namun, tidaklah ada bezanya, dalam hal duduk di tempat ta’ziah, antara lelaki dengan perempuan.”¹²⁵

4. 2. 3. 2 Hari ke-7 kematian

Bagi masyarakat yang tinggal di wilayah Aceh untuk memperingati hari ketujuh dari kematian adalah sebagai upacara ritual untuk melaksanakan acara tahlil dan samadiah disertai dengan membaca Surat Yasin dan diakhirkan dengan kenduri makan dan minum secara bersama-sama agar pahala dari pelaksanaan acara tersebut

¹²² Lihat, Syaikh Mansur bin Yunus al-Bahauti al-Hanbali. “*Kasyaf l Qan ’*.” Jz 2. hlm. 185.

¹²³ Lihat, Imam Abi Zakaria Muhyiddin bin Syaraf al-Nawawi. “*Al-Majm ’*”. Jz. 5. hlm. 305.

¹²⁴ Ibid. hlm. 305.

¹²⁵ Lihat, Imam Shafi’i. dalam kitabnya. “*al-Umm*”. Jz. 1. hlm. 248. Lihat juga, Ibn Hammam. “*Syarh l Hid yat*.” Jz.1. hlm. 473. Imam Ahmad. “*al-Insy ’*.” Jz. 11. hlm. 565.

untuk diniatkan kepada orang yang telah meninggal. Pada hari ketujuh juga merupakan hari yang amat penting untuk melaksanakan acara ritual, yang ia untuk mengingatkan kita kembali kepada orang yang telah meninggal dan acara tersebut adalah sudah menjadi acara tradisi ritual bagi masyarakat di daerah Aceh untuk mengenang kematian.

Adapun membacakan Surah Yasin di hadapan orang yang sudah meninggal sambil menghadapkannya ke arah kiblat, tidak ada satu pun Hadith sahih yang dapat dijadikan anutan. Bahkan Sa'id Ibn Musayyab (Imam para tabi'in) menyatakan makruh menghadapkannya ke arah kiblat Sa'id pernah berkata sambil mengingkari, "Bukankah ia (mayat) seorang Muslim."¹²⁶

4. 2. 3. 3 Hari ke-44 kematian

Maksud dari hari keempat puluh empat daripada hari kematian ertinya, adalah *kenduri ke empat puluh empat hari sebagai tanda roh berpisah daripada waris. Ataupun* untuk memperingati hingga sudah daripada kematian mencapai ke empat puluh hari dan setelah acara tersebut juga pihak daripada keluarga yang terkena musibah untuk menyediakan makan dan minum, sebahagian orang yang datang memberikan sedekah menurut kemampuan kewangannya yang dimilikinya. Setelah selesai maka diadakan acara ritual pada hari ke empat puluh dari kematian, pada malam ke empat puluh empat dan menurut kepercayaan masyarakat tempatan, bahawa pada malam tersebut arwah akan pulang dari kuburnya untuk datang ke

¹²⁶ Mengisahkan dari Zar'ah bin Abdurrahman bahawa telah menyaksikan Said Ibn Musayyab yang tengah sakit dan di sisinya Abu Salamah bin Abdurrahman. Sa'id Ibn Musayyab pengan sehingga Abu Salamah memerintahkan untuk mengalihkan tempat tidur Sa'id Ibn Musayyab menghadap ke arah kiblat. Ketika Said Siuman ia berkata "Kalian telah mengalihkan tempat tidurku, Mereka menjawab "Benar." Sambil melihat ke arah Abu Salamah, Said Ibn Musayyab berkata, "Aku lihat ini karena pengetahuanmu." Abu Salamah menjawab, "Akulah memang yang memerintahkan mereka untuk mengalihkannya." Said Ibn Musayyab kemudian menyuruh mengembalikan tempat tidurnya ke arah semula. Lihat, Ibn Abi Syaibah dalam "*al-Mush nif*". Jz. 4. hlm. 76.

rumah yang telah ditinggalkannya dengan tujuan berziarah dan untuk menikmati hidangan makan dan minum.¹²⁷

Pada sebahagian daerah hidangan tersebut khasnya disediakan untuk arwah tersebut, di beberapa tempat untuk diletakkan dan tidak boleh diganggu makanan dan minuman tersebut. Apabila ahli keluarga tidak menyediakan makanan dan minuman kepada arwah, maka arwah tersebut tidak akan berziarah lagi kepada tempat ahli keluarga yang telah ditinggalkan.

Biasanya dalam masyarakat Aceh pada hari ke empat puluh empat, akan menanam batu nisan sebagai pengganti nisan sementara. Berhubung dengan sesuatu hal, ada juga orang menanam batu nisan itu setelah menuai hasil (panen) padi di sawah. Pada masa keadaan sedang amat perlu turun ke sawah, misalnya masa bertanam dan lainnya, tidak dibenarkan orang menanam batu nisan. kepala desa (*Keuchik*) dari kampung yang berkaitan turut campur tangan (melarang) orang menanam batu nisan pada masa tersebut, apalagi padi sedang menghihau. Masyarakat Aceh mempercayai bahawa hasil sawah akan berkurang, jika batu nisan ditanam dalam waktu yang dimaksudkan.

Batu nisan biasa dipesan dari pulau-pulau yang menghasilkannya di Aceh Rayeuk (Banda Aceh) pada masa itu atau di tempat lain di luar Aceh Rayeuk. Batu yang diukir orang meuraksa biasanya berasal dari pulau Batee, bukan dari pulau Weh. Pada masa dahulu batu Meuraksa ini terkenal di seluruh Aceh. Adapun, batu nisan untuk wanita pada biasanya diukir dengan gambar (ukiran) subang, perhiasan telinga, pada kiri kanannya bahagian atas dari batu itu, sementara untuk lelaki puncak batu itu diukir dengan bentuk kupiah *meukeutob*. Batee badan diletakkan dari kepala hingga ke kaki kuburan dan bersambung dengan kedua kaki dari nisannya.¹²⁸

¹²⁷ Lihat, Zainuddin. H.M., "*Tarich Atjeh dan Nusantara.*" Medan: Iskandar Muda. (t.t). hlm. 363.

¹²⁸ Lihat, Moehammad Hoesin. "*Adat Atjeh.*" hlm. 97-98.

Orang kaya yang tidak kikir ada juga mengadakan kenduri yang agak besar, pada penanaman batu nisan. Bukan tidak ada disembelih kambing gemuk untuk keperluan dimaksudkan. Selesai mengerjakan pekerjaan menanam batu (*pula bate*) itu, maka *Teungku Meunasah* membaca doa, meminta kesejahteraan kepada Allah Ψ dan sebagainya. Setelah itu, Teungku dengan para hadirin jemputan memakan apa yang disajikan oleh keluarga dari orang yang meninggal dunia itu.¹²⁹

Akan tetapi, dalam ajaran Islam hanya yang dianjurkan bagi kerabat dekat mayat dan para jiran untuk berbua baik kepada keluarga mayat dengan memberikan makanan kepada mereka. Ini berasaskan riwayat ketika Ja'far bin Abu Thalib τ mati terbunuh dan kemudian Nabi ... bersabda, ertinya: “Buat makanan untuk keluarga Ja'far. Sebab, mereka didatangi oleh suatu perkara yang membuatkan mereka sibuk.”¹³⁰

4. 2. 3. 4 Hari ke 100 kematian

Kenduri 100 hari sebagai kenduri turun batu nisan dan roh mayat telah masuk ke dalam kumpulannya di alam kubur. Hari ke-seratus dari kematian adalah suatu hari yang amat penting untuk mengadakan acara kenduri ritual kepada orang yang telah meninggal. Menurut kepercayaan dalam masyarakat Aceh, pada hari tersebut adalah sebagai hari naiknya arwah ke langit untuk menghadap Allah Ψ, maka demikianlah menurut adat dan resam tempatan.

Adapun acara ritual kenduri kepada arwah orang yang telah meninggal kini, majoriti masyarakat pada hanya melaksanakan acara kenduri pada rumah yang mengalami musibah hanya pada hari kesepuluh, dua puluh dan tiga puluh sahaja, mungkin kerana banyaknya menghabiskan masa dan wang yang telah terbuang

¹²⁹ Ibid. hlm. 98.

¹³⁰ Lebih jelasnya lihat dalam kitab, “*al-Muh jab.*” Jz. 1. hlm. 409.

dalam melaksanakan acara ritual tersebut yang secara *n sh* belum boleh bertanggung jawabkan dan semata hanyalah mengikut kepada adat dan tradisi yang telah diamalkan oleh orang-orang terdahulu tanpa maksud dan tujuan yang sebenarnya.

4. 2. 3. 5 Pemangku Adat

Adat istiadat masyarakat Aceh adalah sudah menjadi suatu kebiasaan yang mesti dijalankan dalam kehidupan sehari-hari, adat juga merupakan suatu perkara dan aturan yang mesti untuk dilindungi dengan baik, institusi atau lembaga adat istiadat untuk boleh untuk mengarah dan mengawasi ke arah dan tujuan yang semestinya yang diharapkan. Lembaga adat juga merupakan tempat rujukan para masyarakat yang ingin mengadakan dan melaksanakan upacara yang baik yang berkaitan dengan ritual ataupun kebiasaan yang sudah menjadi amalan dilakukan. Tetapi, tidak bercanggahan dengan hukum Islam yang semestinya.

Sementara pandangan mengenai pelaksanaan amalan tersebut dalam hukum adat suatu amalan yang mesti untuk dikerjakan kerana sebagai penghormatan manusia yang hidup kepada manusia yang meninggal. Penghormatan kepada manusia yang mati samahalnya sebagaimana menghormati manusia pada masa hidupnya tidak ada perbezaannya. Apabila ada seseorang dalam masyarakat yang didapati tidak mengikut adat ataupun tradisi yang telah ditanamkan maka seseorang itu kebiasaanya disingkirkan ataupun tidak dianggap sebagai warga yang taat kepada perintah Allah Ψ .

Berasakan jadual daripada hasil kajian yang telah dijalankan di lapangan maka dapat diambil suatu kesimpulan anaara lain;

Jadual: 4.1.6 Adat yang Bercanggahan Syariat Islam

<i>Adakah anda setuju secara adat istiadat sekarang bertentangan Syariat Islam</i>
--

	Tempat tinggal	Tidak	%	Ya	%	Jumlah
	Desa	146	75.65%	47	24.35%	193
	Kota	44	64.71%	24	35.29%	68
	Jumlah	190	72.80%	71	27.20%	261

Sumber: Analisis Data Primer, 2007

Berasaskan daripada hasil kajian yang dijalankan di wilayah kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, maka hasilnya menunjukkan masyarakat yang setuju secara adat istiadat sekarang bertentangan *Syariat* Islam, responden yang tinggal di wilayah desa yang menjawab “Tidak” (75.65%) dan yang menjawab “Ya” (24.35%), sementara responden yang tinggal di wilayah Kota yang menjawab “Tidak” (64.71%) dan yang menjawab “Ya” (35.29%).

Hasil dari kajian yang di atas memberikan kesimpulan bahawa, responden memberikan jawapan pada keseluruhan adat dan istiadat yang berlaku hingga kini, adalah amat bercanggahan dengan ajaran Islam yang sebenarnya, maka secara tidak langsung masyarakat menerimanya lagi amalan adat tersebut.

Akan tetapi, jawapan dari responden yang menyatakan bahawa amalan tersebut tidak adanya hal yang terdapat percanggahan dengan syariat Islam yang sebenar, sebagaimana hasil kajian yang telah dijalankan dilapangan;¹³¹

Jadual: 4. 1.7 Adat Istiadat berasas Qur'an dan Hadith.

Adakah anda yakin semua adat istiadat yg diamalkan berasas Qur'an dan Hadith						
	Tempat tinggal	Tidak	%	Ya	%	Jumlah
	Desa	76	39.38%	117	60.62%	193
	Kota	50	73.53%	18	26.47%	68
	Jumlah	126	48.28%	135	51.72%	261

Sumber: Analisis Data Primer, 2007

Berasaskan daripada hasil kajian yang dijalankan di wilayah kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, maka hasilnya menunjukkan masyarakat yang masih yakin semua adat istiadat yang diamalkan berasas Qur'an dan Hadith,

¹³¹ Hasil kajian soal selidik yang telah dijalankan di lapangan dalam wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, pada bulan April 2007.

responden yang tinggal di wilayah desa yang menjawab “Tidak” (39.38%) dan yang menjawab “Ya” (60.62%), sementara responden yang tinggal di wilayah Kota yang menjawab “Tidak” (73.53%) dan yang menjawab “Ya” (26.47%).

Kesimpulan daripada hasil yang telah diambil di lapangan yang diwakilkan oleh para responden yang bersedia untuk mengisi soal selidik dan temubual bersama, yang yakin semua adat istiadat yang diamalkan berasaskan daripada Qur’an dan Hadith yang dapat diambil kesimpulan adalah majoriti masyarakat yang memberikan jawapan yang tinggal di wilayah desa adalah adat istiadat yang hingga kini masih berlaku tidak berasaskan daripada ajaran Islam, dan sementara responden yang memberikan jawapan yang menyatakan bahawa adat istiadat yang diamalkan hingga kini adalah bukan berasaskan daripada Al-Qur’an dan Hadith.

Namun, apabila dikaji mengenai pelaksanaan suatu amalan yang diniatkan agar pahalanya sampai kepada mayat tersebut, mayat, tidak boleh dibacakan apapun berasaskan keterangan yang mutlak daripada ulama terdahulu (*mutaq ddimin*); bahawa bacaan (yang pahalanya dikirimkan kepada mayat) adalah tidak sampai kepadanya. Sebab pahala bacaan itu adalah untuk pembacanya sahaja. Sedang pahala hasil amalan tidak boleh dipindahkan dari amal (orang yang mengamalkan) perbuatan tersebut, berasaskan firman Allah ﷻ.¹³²

Ertinya:

Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya. (*S rat. An-Najm: 39*)

Dalam keterangan firman Allah ﷻ di atas telah jelas bahawa, tidak akan mendapatkan sesuatu balasan ataupun pahala kebaikan daripada yang dikejarjakan bagi orang yang hidup kepada orang yang telah meninggal, melaikan segala hal yang

¹³² Lebih jelasnya lihat dalam kitab al-Haitsami. “*al-Fat w al-Kubr al-Fiqhiyyat.*” Jz. 2. hlm. 9.

diamalkan pada masa hidupnya, kecuali ada beberapa amalan yang sampai kepada orang yang telah meninggal; 1. Anak soleh yang mendoakannya, 2. Sedekah jariah, 3. Ilmu yang dimanfaatkan Amal yang soleh.¹³³

Maka keterangan tersebut telahlah jelas tentang asas penjelasan amalan asas dibalasnya amal perbuatan manusia. Sementara pendapat yang masyhur adalah daripada mazhab Imam Shafi'i menyatakan bahawa bacaan Qur'an (pahala yang akan disampaikan) adalah tidak akan sampai pahalanya sedikitpun kepada mayat.¹³⁴ Dalam tafsir Jalalain menyatakan bahawa; Maka seseorang tidak akan memperoleh pahala sedikitpun daripada hasil usaha orang lain.¹³⁵

Imam Syafi'i telah berkata : ertinya, Barangsiapa yang telah menganggap baik suatu amal ibadah (tanpa berlandaskan dalil), maka sungguh ia telah membuat syariat, dalam kaedah usul; الأصل في العبادة البطلان حتى يقوم دليل على الأمر ertinya, Hukum asal ibadah adalah batal/terlarang, sehingga terdapat dalil yang memerintahkannya.¹³⁶

4. 3 Waktu, Hari dan Bulan yang Mengandung Nilai Mistik

Masyarakat Aceh boleh dikatakan dengan masyarakat yang amat unik, hingga dalam masalah hari juga ada istilah dengan hari baik dan hari malang seperti, hari Jumaat dan hari Rabu. Sudah menjadi suatu kebiasaan dalam masyarakat di daerah Aceh bahawa pada hari tertentu (Jumaat dan Rabu) amat jarang pada hari tersebut untuk berpergian ke suatu tempat yang jauh, kerana pada hari tersebut merupakan hari yang amat berbahaya dan kebiasaannya pada hari tersebut amat

¹³³ Lihat, Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim.

¹³⁴ Lihat, al-Khazin. " *al-Jamal.*" Juz. 4. hlm. 236.

¹³⁵ Lihat, Imam Jalaluddin Abdul Rahman Suyuti dan Jalaluddin Muhammad Ahmad al-Mahalli. " *Tafsir Jal lain.*" Jz. 2. hlm. 197.

¹³⁶ Lihat, Abu Abdillah Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyub Ad-Dimasyqi. " *T'lamil-Muw qi'in.*" Jz. 1. hlm.344.

kerap terjadinya kemalangan ataupun musibah lainnya. Bahkan dalam amalan masyarakat Aceh yang tinggal di wilayah pantai laut pada hari Jumaat tidak dibolehkan untuk pergi berlayar mencari ikan ke laut, kerana menurut faham dari masyarakat tempatan bahawa hari tersebut adalah sebagai hari amat kerap berlaku kemalangan dan apabila tetap melakukan untuk pelayaran maka tidak akan mendapatkan ikan.

Namun, boleh jadi apabila berlayar pada hari Jumaat tidak sempat untuk melaksanakan solat Jumaat. Tetapi, masyarakat lebih yakin dan cenderung bahawa pada hari tersebut merupakan hari yang dapat mendatangkan kemalangan. Sementara dalam ajaran Islam tidak ada waktu, hari dan bulan yang terbaik dan sebenarnya semua bulan dalam Islam adalah baik kecuali hanya waktu, hari bulan bulan tertentu sahaja namun, tidak terangkan hari yang dimaksudkan dalam masyarakat Aceh, sebagaimana Rasulullah ρ bersabda:

Ertinya:

Dari Abu Hurairah τ berkata Rasulullah ρ : “Janganlah kamu sekalian mengkhaskan malam Jumaat dari pada malam malam lainnya dengan solat tertentu, dan janganlah kamu sekalian mengkhaskan siang harinya dari pada hari-hari lainnya dengan berpuasa tertentu, kecuali jika hari bertepatan dengan hari yang ia biasa berpuasa (bukan puasa khas tadi)” (*H.R. Muslim*).

Maksud keterangan sabda Rasulullah ρ di atas bahawa, Rasulullah ρ melarang untuk mengkhaskan malam tertentu untuk melaksanakan suatu amalan ibadah kepada Allah Ψ seperti, pada malam Jumaat dan malam lainnya dan begitu juga dengan mengkhaskan dengan hari tertentu dibandingkan dengan hari yang lainnya dengan melaksanakan puasa tertentu.

4. 3. 1 Hari Jumaat dan Rabu

Dalam masyarakat Aceh terdapat beberapa hari-hari tertentu yang dianggap sebagai hari yang amat suci daripada hari-hari yang di antaranya seperti hari Jumaat dan hari Rabu. Juga menggunakan nama suatu bulan yang bagi orang Islam untuk dijadikan suatu hari untuk keperluan tertentu dalam menjalankan amalan ibadah kepada Allah ﷻ, sebagaimana Rasulullah ﷺ bersabda.

Ertinya:

Sebaik-baik yang terbitnya matahari ialah hari Jumaat, di hari itu Allah ﷻ menciptakan Adam ﷺ, dan pada hari itu Adam dimasukkan ke syurga dan pada hari itu juga dia dikeluarkan daripadanya dan tidak akan berlakunya dari qiamat melainkan pada hari Jumaat. (*H.R. Turmiz*).

Dalam keterangan Hadith di atas telah jelas bahawa Allah ﷻ telah melebihkan dari segala hari yang lainnya, kerana pada hari tersebut adalah sebagai hari yang pertama diciptakan Nabi Adam ﷺ sebagai khalifah di muka bumi dan pada hari itu pula Allah ﷻ membangkitkan seluruh manusia yang ada di muka buminya, hari kiamat sebagai hari pembalasan. Ertinya pada hari tersebut mempunyai suatu kandungan daripada pelbagai nilai sakral dan mistik pada hari tersebut. Sementara dalam pandangan ajaran Islam tidak pernah terdapat ketentuan waktu, sebagaimana firman Allah ﷻ:

Ertinya:

Dan mereka berkata: Tiadalah hidup yang lain selain daripada hidup kita di dunia ini. Kita mati dan kita hidup (silih berganti) dan tiadalah yang membinasakan kita melainkan peredaran zaman. Pada hal mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang hal itu; mereka hanyalah menurut sangkaan semata-mata". (*Surat al-Jaathiyah: 23*).

Dari ayat yang telah disebutkan di atas bahawa, sebahagian para manusia yang telah meyakini bahawa kehidupan di dunia ini adalah yang semata-mata kekal dan mereka juga berpendapat bahawa tidak ada kehidupan selain daripada kehidupan hanya di dunia ini sahaja. Sementara pada hal mereka tidak ada ilmu pengetahuan yang dapat dijadikan rujukan dan mereka hanya menjadikannya hanya semata-mata sebagai sangkaan sahaja.

4. 3. 2 Bulan Safar

Hari Rabu terakhir dari bulan Safar bagi orang Aceh untuk mandi di laut, sambil makan nasi bersama-sama. Ada juga sebahagiannya membawa makanan yang telah dimasak di rumah dan sebahagian lainnya memasak makanan tersebut di tepi laut. Biasanya mereka menyembelih kambing ataupun haiwan lainnya yang disumbangkan oleh seorang kaya atau membeli secara bersama-sama (*meuripe*). Buah-buahan mereka bawa dari kampung masing-masing, menurut kepercayaan orang Aceh, mandi-mandi pada hari Rabu terakhir dari bulan Safar yang dinamai "*Rabu Abeh*" adalah untuk membuang sial.

Adapun, sial majal yang dibuangnya itu, sulit dapat untuk dikatakan. Orang Aceh menduga bahawa dalam bulan Safar (*Sapha*) banyak jin dan syaitan berkeliaran di mana-mana, disebabkan, mungkin mereka menganggap banyak pula sialnya. Amalan tersebut sudah menjadi suatu adat dan tradisi tradisi, lalu kembali ke rumah pada waktu petang. Kemudian mereka mandi dengan air tawar yang disebut "*cuco*". Adat adat "*manoe Rabu Abeh*" ini hingga kini sukar untuk dihapuskan didaerah Aceh.¹³⁷

¹³⁷ Lihat, Moehammad Hoesin."Adat Atjeh." hlm. 122.

Bulan Safar dalam masyarakat Aceh yang merupakan bulan yang disucikan hingga kini, bulan tersebut adalah merupakan juga bulan yang banyak mengandung nilai mistik didalamnya. Dalam tradisi masyarakat di daerah Aceh bulan Safar adalah bulan yang tidak boleh untuk melaksanakan acara perkahwinan kerana pada bulan ini adalah dianggap bulan “panas,” dalam pandangan masyarakat apabila terdapat masyarakat yang masih melaksanakan pernikahan anaknya pada bulan tersebut, maka anak yang dimaksudkan (kedua-dua pengantin) akan mengakhiri perkahwinannya dengan perceraian.

Hingga kini, majoriti masyarakat Aceh masih juga mempercayai amalan yang dapat mengarah kepada mistik tersebut dan yang amat dikesali lagi, sebahagian para Tok Guru atau ustaz berpandangan yang sama halnya dengan orang awam, yang tanpa diasaskan dengan ilmu pengetahuan yang luas. Sebahagian daripada masyarakat Aceh apabila ingin mengahwinkan anaknya orang tuanya terlebih dahulu datang ke tempat Tok Guru atau Ustaz untuk meminta pandangannya mengenai masa yang amat baik dan tepat untuk melaksanakan acara perkahwinan tersebut.

Namun, apabila dilihat dalam pandangan ajaran Islam yang sebenarnya bahawa, yang ada disebutkan bulan yang mempunyai keberkahan. Memang ada beberapa masa yang diberkahi yang oleh Allah Ψ secara khas diberikan tambahan keutamaan dan berkah. Barangsiapa yang mencari kebajikan padanya dengan melakukan ibadah yang disyariatkan, maka dia akan mendapatkan berkah yang agung daripada Allah Ψ . Adapun masa yang dimaksudkan adalah seperti bulan Ramadan, malam kemuliaan (*lailatul qadr*), sepertiga malam yang terakhir, hari

Jumaat, hari Isnin, hari Khamis, bulan-bulan haram dan tarikh sepuluh Dzul Hijjah.¹³⁸ Mengenai bulan Ramadan, sebagaimana Nabi ﷺ bersabda.

Ertinya:

“Telah datang kepadamu bulan ramadan, bulan yang diberkahi. Allah ﷻ mewajibkan puasanya atas kamu. Pada bulan itu pintu-pintu surga dibuka, pintu-pintu neraka ditutup, dan syaitan-syaitan dibelenggu. Pada bulan itu ada suatu malam yang lebih baik berbanding seribu bulan barangsiapa yang tidak memanfaatkan kebajikannya, maka dia benar-benar merugi.¹³⁹”

Maka dalam Hadith yang di atas telah jelas bahawa dalam ajaran Islam ada keutamaan bulan dalam bulan dalam Islam, bulan Ramadan dan di dalamnya juga terdapat suatu malam yang lebih mulia daripada seribu bulan ia malam *laylat l qadr*. Hingga kini belum pernah dapat diterangkan bahawa keutamaan bulan Safar yang terbaik dalam ajaran Islam, sementara masyarakat di Aceh pada amnya pada bulan tersebut banyak melaksanakan adat dan upacara yang tertentu dengan fahaman juga agar terhindar daripada bala bencana dan musibah.

4. 5 Kesimpulan

Nanggroe Aceh Darussalam adalah merupaka teritorial dari bahagian negara Indonesia, berasaskan dalam pelaksanaan undang-undang Nombor 44 Tahun 1999 tentang penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Aceh perlu diselaraskan dalam penyelenggaraan pemerintahan di Provinsi Daerah Istimewa Aceh sebagai Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (NAD). Sementara, dalam pelaksanaan dan penyelenggaraan pemerintahan seutuhnya pada wilayah Nanggroe Aceh Darussalam terdapat pula beberapa pentadbiran baik ia sebagai pentadbiran rasmi mahupun pentadbiran secara tidak rasmi.

¹³⁸ Lihat, Muhammad Nashiruddin al-Albani. (terj). “*Tawasul dan Tabaruk*.” Jakarta: Pustaka Al-Kautsar. 1998. hlm. 240.

¹³⁹ Lihat, “*Musnad Imam Ahmad*.” Jz. 2. hlm. 230. Dan lihat juga, “*al-Miskat al-Mash bih*.” Jz. 1. hlm. 612.

Dalam kehidupan sosial dan kepercayaan dalam masyarakat di daerah Nanggro Aceh Darussalam dan yang khas pula Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, masih mengamalkan suatu amalan yang berkaitan dengan unsur unsur yang asal mulanya muncul daripada ajaran agama Hindu dan kemudian diislamkan kembali sebagaimana dahulu. Dalam pelaksanaannya memanglah amat dekat dengan ajaran agama Hindu. Akan tetapi, kini amalan seperti yang disebutkan diatas tadi maka telah di ubah dan ditutupi menjadi seakan akan sebagai salah satu adat dan tradisi ajaran agama Islam.

Namun, pesan yang disampaikan sudah bercanggahan bahawa ajaran dan amalan tersebut bukanlah daripada ajaran Agama Islam dan maka sememangnya ajaran tersebut berasaskan amalan animisme dan dinamisme seperti Upacara tepung tawar yang masih berbahagi di dalamnya tepung tawar ucap syukur, tepung tawar mohon doa restu dan petunjuk daripada Tuhan, tepung tawar juga dapat memohon keberkahan dalam keselamatan dan juga dengan tepung tawar untuk mohon maaf pada manusia apabila telah melakukan kesalahan. Masyarakat Aceh juga dikenal dengan masyarakat yang selalu melaksanakan kenduri dan juga dengan memperingati hari besar dalam ajaran Islam seperti, kenduri dalam memperingati Maulid Rasul, memperingati Israk dan Mikraj, Nisfu Sya'ban, Nuzul Qur'an, pada hari ke sepuluh *Muharram* dan masih banyak juga lainnya.

Masyarakat pada amnya yang tinggal di wilayah kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, masih menganut kepercayaan yang bercorak animisme yang mempunyai kewujudan makhluk halus dan ini terus ditanamkan oleh masyarakat Aceh khasnya dalam wilayah Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, walaupun pada asasnya telah menganut ajaran agama Islam yang telah dibawakan oleh para pedagang dan saudagar daripada Tanah Arab. Masyarakat daerah Aceh yang tinggal

wilayah pedesaan hingga setakat ini masih juga mempercayai unsur animisme yang mempunyai landasan bahawa manusia masih juga beranggapan ada kekuatan yang ghaib selain daripada manusia dan juga mempunyai pelbagai nama yang terdapat dalam kalangan masyarakat di daerah Aceh.

Walaupun bagaimanapun masih terdapat kepercayaan kepada animisme yang sebagaimana masih juga diyakini oleh masyarakat yang tinggal dalam wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe. Mereka tidak lagi mempunyai kesempatan yang kekuasaan sebagaimana terdahulu, setakat ini juga sudah terdapat pendakwah yang menyampaikan misinya tentang materi pemurnian aqidah yang telah bercampur dengan ajaran agama Hindu dan Buddha yang sebagaimana bahawa banyak terdapat bukti sejarah di daerah Nanggroe Aceh Darussalam bekas peninggalan binaan dari kerajaan Hindu. Disebabkan kerana berbagai faktor di antaranya;

Pertama: Penyebabnya adalah kesan daripada pengaruh ajaran agama Islam yang tidak membenarkan terhadap pemujaan terhadap kuasa ghaib selain daripada Allah Ψ .

Kedua: Masyarakat yang tinggal dalam wilayah perkotaan dan bahkan masyarakat yang tinggal di desa yang telah mempercayai bahawa makhluk ghaib tersebut tidak lagi memberikan sebarang apa-apa sumber rezeki kepada masyarakat tersebut.

Begitu juga dalam masyarakat didalam wilayah yang telah dijalankan penyelidikan yang sebenarnya, bahawa kenyataan yang sebenar adalah masih terdapat memuja tempat dan benda mati seperti, amalan dan memuja perkuburan yang menurut mereka dapat memberikan sumbangan dan jalan keluar daripada masalah masyarakat pada persekitarannya bahawa dapat menyelesaikan masalah yang sedang dijalaninya. Begitu juga dengan amalan terhadap benda tertentu ataupun pohon yang amat besar, oleh masyarakat tempatan menganggap di pohon tersebut ada

penunggunya. Sudah menjadi salah adat dan tradisi dalam memperingati dan disertai dengan makan dan minum dalam penyambutan dengan Maulid Nabi Muhammad ρ.

BAB LIMA

KEPERCAYAAN TERHADAP UNSUR DINAMISME DALAM MASYARAKAT ISLAM ACHEH

5.1 Pemujaan Tempat dan Benda Mati

Masyarakat di daerah Aceh pada sebahagian wilayah hingga kini, masih juga untuk memuja terhadap tempat-tempat tertentu dan benda mati yang dianggap masih mempunyai nilai yang mistik dan menurut mereka dengan memuja kepada tempat tertentu ataupun benda mati tertentu dapat menolong mereka daripada hal yang berguna dan menjadikannya selamat daripada bahaya dan bencana. Sudah menjadi suatu kebiasaan bahawa apabila melaksanakan upacara ritual maka selalunya diakan upacara makan-makan bersama dan amalan ini adalah mirip dengan amalan adat dan tradisi orang Hindu yang hingga kini masih juga diamalkannya.¹

Sebagaimana masyarakat yang tinggal dalam wilayah kabupaten Aceh Utara masih juga melaksanakan suatu amalan untuk memuja pantai di mana para penangkap ikan memberi hadiah kepada penjaga laut untuk mendapat perlindungan daripada mereka. Begitu juga dengan amalan-amalan untuk menentukan dari pendapatan hasil padi yang amat lumayan dan begitu juga dengan amalan Mandi Safar (*mano safā*) atau upacara bersuci masih juga dipatuhi di sebahagian daerah Aceh.²

¹ Lihat, Hefner, R. "*Hindu Javanese: Tengger Tradition and Islam.*" Princeton: Princeton University Press. 1984. hlm. 104-105.

² Lihat, Joginder Singh Jessy. *Malaysia Siangapura dan Brunai 1400-1965*. Selangor Darul Ehsan: Longman. 1975. hlm. 53. Pada masa pengkaji sedang melaksanakan kajiannya di lapangan banyak terdapat perbuatan maksiat yang amat bercanggah dengan Syariat Islam ia terjadi bercampur baur antara perempuan dengan lelaki pada masa pelaksanaan upacara Mandi Safar bersama-sama dan amalan ini sudah lama terjadi hingga kini dalam satu tahun sekali. Lihat, gambar kajian lapangan tersebut telah dimuat dalam lampiran akhir tesis ini.

Adapun amalan yang masih tetap diamalkan dan apabila ditinjau dari sisi ajaran Islam ia amat bercanggahan serta merupakan sebuah amalan yang dapat menjadikannya amalan syirik³ yang amat membahayakan aqidah seseorang kepada Allah ﷻ, sebagaimana firman Allah ﷻ:

Ertinya:

Sesungguhnya Allah ﷻ tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekutukanNya dengan sesuatu (apa jua) dan akan mengampunkan yang lain daripada kesalahan (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut peraturan hukum-hukumNya); dan sesiapa yang mempersekutukan Allah ﷻ dengan sesuatu (apa jua), maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh. (*Surat an-Nis* ' : 116).

Berasaskan ayat yang telah disebutkan diatas bahawa, dengan tegas Allah ﷻ memberikan pernyataan tidak akan mengampunkan dosa kepada orang yang telah mempersekutukannya dengan apapun jua ataupun melakukan amalan yang dapat tergolong ianya menjadi suatu amalan dosa besar dan juga mengandungi anasir amalan syirik kepada Allah ﷻ dan mereka juga sebagai orang-orang yang telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh. Dalam firman yang lain Allah ﷻ menyatakan.

Ertinya:

Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa dia memberi nasihat kepadanya: Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah ﷻ (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar. (*Surat Luqm n*: 13).

Dalam penjelasan ayat di atas telah jelaslah bahawa, Luqman al-Hakim memberikan nasihat kepada putera-puteranya bahawa, tidak dibenarkan untuk

³ *Pertama: Syirik Akbar*: iaitu mempersyariatkan Allah ﷻ dengan sesuatu makhluk, berdosa memohon pertolongan dari makhluk, mengharapkan kepada sesuatu ataupun kasihkan sesuatu itu seperti kasih kepada Allah ﷻ atau menyembelih atau qurban kepadanya, atau bernazar kepadanya. *Kedua: Syirik Asghar*: ia mengerjakan sesuatu amalan dengan ria atau mengerjakan sesuatu bukan kerana Allah ﷻ semata-mata.

menyekutukan Allah ﷻ dengan segala makhluknya, kerana amalan syirik adalah suatu perbuatan yang zalim dan suatu dosa yang amat besar. Kenyataan hingga kini, dalam masyarakat Islam Aceh, apa hal lagi yang tinggal dalam wilayah pedesaan, mereka masih memuja dan menyakini bahawa jin-jin dapat menjadikan perlindungan daripada keselamatannya dan ini adalah suatu amalan yang amat bercanggahan dengan ajaran Islam yang sebenarnya, sebagaimana firman Allah ﷻ.

Ertinya:

Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat. (*Surat Jinn: 7*).

Dari maksud ayat di atas bahawa, dengan tegas Allah ﷻ menyebutkan kepada beberapa golongan daripada manusia, yang datang untuk meminta pertolongan agar dapat menjaga dan melindungi dirinya daripada pelbagai jin-jin serta makhluk halus lainnya, agar apabila jin-jin itu diminta pertolongan kepadanya maka jin tersebut akan bertambah sombong, jahat dan ingkar, kerana ia telah dijadikan sebagai tempat perlindungan dan tempat pertolongan yang seakan sebagai pencipta alam semesta.

5. 1. 1 Perkuburan yang Dianggap Keramat

Pada masa dahulunya banyak ulama dan pakar dalam pelbagai bidang ilmu, kemudian setelah beliau meninggal, maka oleh para masyarakat tempatan menjadikan kubur tersebut untuk dijadikan tempat keramat dan apabila ada sesuatu hajatnya maka masyarakat tersebut datang dan duduk didekat kuburan tersebut.⁴Ataupun sesiapa yang ingin melaksanakan nazar maka mesti pergi ketempat tersebut yang disertai dengan melaksanakan solat sunat dua rakaat di kuburan

⁴ Lihat, Syaikh Mansur bin Yunus al-Bahauti al-Hanbali. “*Kasyaf l Qan ’*.” Jz. 2. hlm. 186.

tersebut,⁵ sementara amalan tersebut merupakan sebagai pelanggaran dalam ajaran Islam sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ.⁶

Kemudian ada juga sebahagian tempat yang meletakkan sesuatu seperti, kain putih sebanyak tujuh meter dan disertai dengan meletakkan wang sekadarnya, maka kini amalan tersebut masih juga diamalkan khasnya di wilayah perkampungan dan wilayah dekat dengan pantai di daerah tersebut di amnya kurangnya ilmu pengetahuan agama mengenai hal tersebut .

Adapun apabila dilihat dalam ajaran Islam ada masa tertentu dan lebih baik untuk melakukan ziarah ke kuburan seperti, hari Jumaat, Sabtu, Isnin dan Khamis, dan kemudian disunnatkan juga apabila datang untuk berziarah dalam keadaan berdiri dan disertai dengan membaca doa mesti dalam keadaan posisi berdiri, sebagaimana ketika Rasulullah ﷺ ziarah ke tempat perkuburan di *al-Baqi'* dan begitu juga disunnatkan untuk membaca Surat Yasin.⁷

Hingga kini, amalan tersebut masih banyak juga masyarakat yang datang ke kubur tersebut untuk meminta sesuatu kepada Allah ﷻ dengan melalui kubur orang yang dianggapnya sudah mencapai ke tingkatan keramat ataupun kubur para wali,

⁵ Lihat, Zuhaili, Wahbah. "*al-Figh al-Islami wa'dilatuhu.*" Jz. 2. hlm. 1555. Sementara amalan tersebut amat bercanggahan dengan ajaran Islam, sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ: Abu Said al-Khudri, berkata, "Rasulullah ﷺ. bersabda, "*Bumi ini seluruhnya masjid (dapat digunakan untuk shalat) kecuali pekuburan dan tempat pemandian.*" (H.R. Ashhbus-Sunan yang empat, kecuali an-Nasa'i, dengan sanad sahih sesuai persyaratan *Syaikhayn* seperti dinyatakan oleh al-Hakim dan disepakati oleh adz-Dzahabi, dan menilainya sebagai riwayat *Mursal*). Dalam riwayat lain seperti, Anas bin Malik berkata, "Rasulullah ﷺ melarang melakukan solat diantara kubur." Sebagaimana yang telah disebutkan didalam kitab *al-Majm' az-Zaw' d*, "Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bazzar dengan para perawi sahih." Hadith tersebut juga diriwayatkan oleh Ibn Arabi didalam *Mu'jam*-nya, juga ath-Thabrani di dalam *al-mu'jamul Ausath* dan *adh-Dhiya' l-Ah ditsil-Mukhtarah*. Dari Ibn Umar bahawa Nabi ﷺ bersabda, "Lakukanlah sebahagian shalatmu di rumah dan janganlah kamu jadikan rumahmu sebagai kuburan." (H.R. Bukhari, Muslim, dan Ahmad).

⁶ Ertinya: "Janganlah duduk diatas kuburan dan janganlah mendirikan solat diatasnya." (H.R. Muslim.)

⁷ Lihat, Ibid. hlm. 1569. Sebagaimana Rasulullah ﷺ bersabda: "Bacalah atas orang yang telah mati diantara kamu dengan Surat Yasin". (H.R. Ahmad, Abu Dawud dan Ibn Hibban). Maka Hadith tersebut kedudukannya Hadith Hasan.

sementara amalan tersebut amatlah bercanggahan dengan syariat Allah ﷻ, sebagaimana firmanNya yang bermaksud.

Ertinya:

Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang daripada manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat”. (*Surat al-Jinn*: 6).

Maka dari maksud ayat yang di atas telah jelas bahawa, amalan yang tidak dibenarkan di dalam ajaran Islam sebahagian manusia yang datang dan memuja kemudian meminta pertolongan dari para jin, agar supaya terhindarkan dari bencana dan supaya agar dipermudahkan dan diperbanyak rezeki kepadanya dan yang amat menyedihkan apabila ada sepasang manusia yang belum mendapatkan keturunan (anak) datang ke kubur dan memohon kepada Allah ﷻ, akan tetapi melalui kuburan orang alim ataupun wali agar diberikan keturunan kepadanya.

Sementara amalan tersebut merupakan amalan yang amat karut dan syirik yang telah diamalkan oleh sebahagian masyarakat di daerah Aceh yang khasnya di daerah Aceh Utara dan sekitarnya yang hingga kini masih juga tersisa dan melekat dalam batinnya. Sementara amalan tersebut amatlah bercanggahan dan juga merupakan suatu amalan yang amat besar dosanya apabila diamalkan kerana ia merupakan sebagai amalan syirik, sebagaimana firman Allah ﷻ.

Ertinya:

Sesungguhnya Allah ﷻ tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukannya (dengan sesuatu apa jua) dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakinya (menurut aturan SyariatNya) dan sesiapa yang mempersekutukan Allah ﷻ (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang besar. (*Surat an-Nis* ’: 48).

Maksud dari ayat di atas adalah sesiapa yang melaksanakan amalan syirik yang merupakan sebagai dosa yang amat besar kepada Allah ﷻ, kerana telah menyekutukan Allah ﷻ dengan makhluknya yang tidak sebanding dengan walaupun sedikitpun yang seakan memohon kepada selain Allah ﷻ agar dikabulkan segala sesuatu permintaan. Amalan seperti ini adalah sebuah amalan yang pernah diamalkan oleh orang-orang Jahilliah pada masa sebelum datangnya ajaran Islam, maka apakah mesti untuk mengulang segala amalan hal yang sama dengannya. Sebagaimana firman Allah ﷻ.

Ertinya:

Katakanlah: Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah ﷻ sesuatupun dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka dan janganlah kamu hingga kejahatan-kejahatan (zina) yang terang daripadanya dan yang tersembunyi dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah ﷻ (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh Syar k). Dengan yang demikian itulah Allah ﷻ perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya. (*Surat al-An' am: 151*).⁸

Maka dari keterangan yang di atas telah jelas, agar supaya menghindar daripada amalan yang merupakan amalan syirik dan sekutukan Allah ﷻ dengan yang lain dan pada inti patinya juga hanyalah Allah ﷻ semata-mata yang dapat memberikan pelbagai rezeki kepada semua manusia yang tinggal di muka bumi ini dan bukan daripada yang lainnya. Adapun amalan untuk menziarahi kubur sebenarnya tidaklah salah atau menjadi satu kesalahan, bahkan sunat melaksanakan

⁸ Lihat, Syeikh Muhammad al-Amin bin Muhammad al-Mukhtar al-Jakani, al-Syankaiti. "At-W 'al Bay n Fi 'Id t al-Qur' n al-Karim." Bair t: D r al-Kit b 'Ilmiyat. 1996. Cet. 1. Jz. 2. hlm. 209.

amalan tersebut, apa hal lagi menziarahi kubur kedua ibu bapa, sanak saudara, keluarga, sahabat, tuan guru, alim ulama, para syuhada' dan orang-orang yang soleh.

Namun, amalan untuk mengadakan pemujaan atas kubur tersebut, dengan mengadakan sesuatu upacara tertentu atau khasnya di luar batasan syarak, itulah yang menjadi kesalahan dan kadang-kala boleh menyebabkan seseorang itu menjadi murtad dan syirik dengan tidak disedari, seperti amalan-amalan yang telah diamalkan oleh orang-orang yang beragama Hindu dan Buddha. Dalam ajaran Islam mengajarkan hubungan yang lansung antara hamba dengan Tuhannya. Jika seseorang hendak memohon sesuatu kepada Allah ﷻ mohonlah secara langsung kepada-Nya tanpa menggunakan perantara (*wasilah*),⁹ sebagaimana firman Allah ﷻ,

Ertinya:

“...Serulah Aku, nescaya Ku perkenankan kamu...”¹⁰

Berasaskan ayat tersebut di atas bahawa sekiranya menginginkan sesuatu maka langsung sahaja memohon kepada Allah ﷻ tidak perlu berwasilah ataupun suatu perantara dengan ciptaan yang lain, maka apalagi berwasilah dengan kubur tertentu yang tidak mendatangkan suatu cabarang dan faedah untuknya.

5. 1. 1. 1 Bernazar (*meukaoui*)

Bernazar¹¹ adalah suatu bentuk dan sudah menjadi dalam tradisi masyarakat Islam Aceh apabila menginginkan sesuatu keperluan agar dikabulkan oleh Allah ﷻ,

⁹ Lihat, Rahmat, H.O.K. “*Pencemaran Akidah Di Nusantara.*” Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 1983. hlm. 156.

¹⁰ Lebih jelasnya telah diterangkan dalam, *S rat Gh far*: 60.

¹¹ Syaid Sabi', seorang ulama Mesir yang terkemuka telah membahagikan nazar itu kepada dua bahagian: 1. Nazar dengan penyembelihan atau korban ketika mendapat sesuatu nikmat atau menolak sesuatu bala, misalnya seorang berkata: "Jika Allah ﷻ menyembuhkan sakitku, aku akan beri makan tiga orang miskin, atau jika Allah ﷻ hingga kan cita-citaku maka aku akan membacakan Surat Yasin dan lain-lain, 2. Nazar Mutlak; iaitu nazar tanpa syarat. Misalnya seorang berkata: "Bagi Allah ﷻ ke atasku sembahyang sunat dua rakaat. Maka nazar itu wajiblah ditunaikan. Lihat, Syaid Sabi'. “*Fekah Sunnah.*” Bair t: al-Kit b al-'Arab . 1973. Cet ke-2. JI: 3.

maka pada amnya sebahagian masyarakat melaksanakan dengan melakukan nazar di tempat-tempat tertentu dan pada masa tertentu seperti, di kubur yang dianggap keramat dan di tempat tertentu menurut mereka dapat memberikan sesuatu hal kepadanya dan ini adalah sebagai amalan yang pernah dilakukan oleh orang-orang Jahilliah terdahulu.¹²

Maka amalan tersebut, adalah merupakan suatu amalan yang hingga kini masih sahaja diamalkan oleh sebahagian masyarakat di daerah Aceh. Tradisi amalan bernazar dalam masyarakat di daerah Aceh adalah sudah menjadi suatu kebiasaan, apabila menginginkan sesuatu terus pergi ketempat tertentu untuk melaksanakan amalan nazar tersebut, apabila dilihat dalam hukum Islam amalan nazar tersebut boleh dibenarkan bila amalan nazar tersebut tidak bercanggahan dengan Syariat Islam.¹³

Amalan bernazar ataupun membayar nazar telah lama diamalkan dalam sejarah manusia, bahkan hukum untuk membayar nazar hukumnya wajib misalnya tentang berpuasa nazar wajib untuk menunaikannya,¹⁴ dan ketentuan syarat nazar tersebut ia beragama Islam dan tidak sah bernazar daripada anak kecil dan bukan daripada orang gila dan juga bukan daripada orang kafir.¹⁵ Adapun amalan ini juga ada hubung kait dengan aqidah dan ibadah, amalan ini juga mempunyai asas yang kuat, sebagaimana firman Allah ﷻ:

Ertinya:

hlm. 37-38. Lihat juga, Wahbah, Zuhaili “*al-Figh al-Islami wa’dilatuhu.*” Bair t: D r al-Fikr al-Mu’ sir. 1997. Jz. 4. hlm. 2552.

¹² Lihat, Mahmud. Saltut. “*al-Fat w : Dir s t al-Musyaqqilat al-Muslim al-Mu’sir fi Hayatihi al-ya miyyat wa al-‘Mat.*” al-Misr : D r al-Qalam. (t.t.). hlm. 216.

¹³ Lebih jelasnya dapat dilihat dalam Hadith Rasulullah ﷺ yang ertinya: “*Siapa yang bernazarakan mentaati Allah ﷻ: maka hendaklah dia taatkan, dan sesiapa yang bernazar melakukan maksiat kepada Allah ﷻ: maka jangan dia lakukan maksiatnya.*” (H.R. Bukhari dan Muslim).

¹⁴ عن عائشة رضي الله عنها أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: (من مات وعليه صيام، صام عنه وليه)
Hadith tersebut yang diriwayatkan oleh; Bukhari. Jz. 4. hlm. 156, Muslim. Jz. 3. hlm. 155, Abu Dawud. Jz. 1. hlm. 376, dan lain-lain.

¹⁵ Lihat, Zuhaili, Wahbat. “*al-Figh al-Islami wa’dilatuhu.*” Jz. 4. hlm. 2552.

(Ingatlah) ketika isteri Imran berkata: Tuhanku! Sesungguhnya aku nazarkan kepadaMu anak yang ada dalam kandunganku sebagai seorang yang bebas (dari segala urusan dunia untuk berkhidmat kepadaMu semata-mata), maka terimalah nazarku; sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. (*S rat al-'Imr n: 35*).

Dalam ayat yang telah disebutkan di atas jelaslah bahawa, ketika isterinya Imran bernazar kepada Allah ﷻ, sebagaimana anak yang telah dikandungnya akan dikidmatkan kepada Allah ﷻ semata-mata dan kemudian Umi Maryam mengatakan dalam nazarnya terimalah nazarku yang maha mendengar dan lagi maha mengetahui. Maka dari kesimpulan ayat yang telah dikisahkan tentang Umi Maryam yang telah bernazar kepada Allah ﷻ.

Adapun, amalan nazar yang dapat dibenarkan asalkan tidak bercanggahan dengan syariat yang telah diturunkan kepada Rasulnya. Maka apabila bernazar mengadungi unsur bermaksiat kepada Allah ﷻ maka amalan nazar tersebut tidak wajib untuk ditunaikan bahkan wajib untuk ditinggalkan daripada pelbagai hal tersebut.¹⁶Sebagaimana Allah ﷻ berfirman dalam ayat lain.

Ertinya:

“Dan mereka adakan bahagian untuk Allah ﷻ: dari apa yang dijadikan, iaitu sebahagian) dari ladang dan binatang-binatang ternak, sambil berkata: Ini untuk Allah ﷻ: menurut sangkaan mereka dan ini untuk berhala-berhala kami, tetapi apayang (mereka utukkan) buat berhala-berhala mereka itu tidak hingga kepada Allah ﷻ, sedang apa yang (di utukkan) bagi Allah ﷻ: itu hingga kepada berhala-berhala mereka. Jelek sekali apa yang mereka hukuman itu.”(*S rat al-An'am: 137*).

¹⁶ Sebagaimana Rasulullah ﷺ bersabda: “Tidak dibenarkan bernazar dengan bermaksiat kepada Allah ﷻ dan tidak juga dengan apa-apa yang telah dimiliki oleh anak Adam.” (*H.R. Muslim dan Abu Dawud dan Nasa'i*). Agar lebih jelasnya dapat juga dilihat pada; *Nasb al-Ri' yah*. Jz. 3. hlm. 300, *J mi' al-'Us l* . Jz. 12. hlm. 188, *Nail l al-A th r* . Jz. 8. hlm. 238, *al-Bad '* . Jz. 5. hlm. 83.

Firman Allah ﷻ yang di atas telah jelas menyatakan bahawa, pada masa dahulu orang-orang Arab bernazar daripada hasil ladang dan binatang-binatang ternak dari sebahagiannya untuk dinazarkan kepada Allah ﷻ, padahal maksud daripada mereka adalah untuk berhala-berhala yang mereka sembah. Sementara Allah ﷻ mengatakan adalah amalan sejenis ini adalah sejelek apa-apa yang mereka sangkakan kepada Allah ﷻ.

Namun, dalam Hadith lain Rasulullah ﷺ mengatakan bahawa amalan nazar adalah berupa amalan yang sia-sia sahaja yang tidak memberikan sembarang faedah apa-apa yang mereka inginkan. Tetapi, sungguh telah didapati pada sebahagian dari masyarakat Islam yang tinggal didaerah Aceh hingga kini, apabila menginginkan sesuatu yang akan dicapainya, maka mereka melaksanakan nazar dengan tujuan agar permohonan ataupun keinginannya agar dikabulkan oleh Allah ﷻ, sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ.

Ertinya:

“Rasulullah ﷺ menegahkan nazar, sabdanya: Bahawa nazar itu tidak menolakkan apa-apa, hanyalah nazar itu mengeluarkan sebahagian harta orang-orang yang kikir”. (*H.R. Bukhari*).

Sabda Rasulullah ﷺ yang di atas telah jelas menyatakan bahawa, amalan nazar apabila dilaksanakan tidaklah mendapat apa-apa yang mereka inginkan, dan hanyalah sebagai mengeluarkan sebahagian daripada harta orang kikir. Pada asasnya amalan nazar adalah tetap dibenarkan, pada awalnya amalan nazar tersebut suatu amalan orang Jahilliah, maka dengan datangnya ajaran agama Islam amalan nazar tersebut dikukuhkan untuk sebagai amalan dan cara mendekati diri kepada Allah ﷻ bukan untuk niat dan maksud lainnya dan juga bukan untuk maksiat kepadanya,

sekiranya meniatkan kepada selain Allah ﷻ maka hukumnya adalah haram dan wajib untuk mencegahnya.¹⁷

Tetapi apabila tidak bercanggahan dengan ajaran Islam dan hukum syara' yang berlaku, dan tidak dibenarkan untuk bernazar ke tempat tertentu seperti, kubur para wali, orang soleh dan begitu juga tidak dibenarkan dengan menggunakan kepada orang yang telah meninggal, amalan sejenis ini adalah suatu amalan yang dilakukan oleh orang Yahudi pada masa sebelum datangnya ajaran Islam dan ini adalah sebuah amalan bidaah dan khurafat yang amat dibenci oleh Allah ﷻ dan apabila bernazar untuk syaitan maka tidaklah wajib untuk ditunaikan dan diamalkan sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ :

Ertinya:

“Seorang lelaki bernazar di zaman Rasulullah ﷺ untuk menyembelih seekor unta di *Buanah*. Maka orang itu datang kepada Allah ﷻ untuk bertanya: Bolehkah dia pergi membayarkan nazamya. Sebelum Allah ﷻ menjawab pertanyaannya Allah ﷻ bertanya: Adakah di sana berhala yang disembah? Atau ada di sana ada suatu hari yang dirayakan oleh orang musyirikin. Orang itu menjawab: Tidak. Kemudian Allah ﷻ berkata: Kalau demikian, tunaikanlah nazarmu. Semestinya tidak boleh ditunaikan nazar dalam perbuatan durhaka kepada Allah ﷻ: dan tidak boleh pula dalam perkara yang tidak dimiliki oleh Anak Adam”.(H.R. *Abu Dawud*).

Sabda Rasulullah ﷺ di atas telah jelas yang menerangkan bahawa suatu amalan penyembelihan pada tempat berhala dan di tempat perayaan tertentu ataupun di tempat perayaan orang musyrik dan amalan tersebut merupakan suatu amalan yang amat dibenci oleh Allah ﷻ.

¹⁷ Lebih jelasnya dapat dilihat pada; Syaltut, Mahmud. *al-Fat w : Dir s t al-Musyaqilat al-Muslim al-Mu'sir fi Hayatihi al-ya miyyat wa al-'Mat*. hlm. 241.

Apabila seseorang itu yakin dan mempercayai serta berniat bahawa tempat nazar tersebut dapat menyembuhkan dari penyakit dan akan dikabulkan segala doanya dengan ikhtiar dan usaha mereka, ini bererti dia telah menyediakan dirinya jatuh ke dalam murtad, kerana ia telah berpegang teguh dengan keyakinan tersebut sehingga menjadi satu niat bahawa sebab beradat yang Allah ﷻ telah datangkan itu memberi bekas dalam menghasilkan sesuatu.

5. 1. 1. 2 Agar Permintaannya Diterima

Masyarakat Islam Aceh adalah suatu masyarakat yang masih bernuansa dan berfahaman dengan suatu adat dan tradisi yang telah diturunkan daripada nenek moyangnya. Pada masa dahulu apabila menginginkan untuk mendekati diri kepada Allah ﷻ maka biasanya menggunakan dengan cara memakai perantara ataupun wasilah tertentu, seperti dengan menggunakan tempat kuburan tertentu, dengan perantaraan Tok Guru ataupun Syeikh yang telah dianggap sebagai orang keramat (orang yang selalu dekat kepada Allah ﷻ), ataupun dengan menggunakan bacaan-bacaan tertentu.

Apabila dilihat dalam sejarah masa dalu, bahawa masyarakat Arab Jahilliah pada masa dahulu apabila seseorang menginginkan agar mendekati diri kepada Allah ﷻ maka akan menggunakan wasilah ataupun perantaraan agar dekat kepada Allah ﷻ dan kemudian akan dikabulkan segala permintaannya. Adapun dalam sejarah telah disebutkan bahawa orang yang pertama melakukan amalan tersebut adalah Amru bin Lahyi bin Qam'ah bin Khandaq Abu Khaza'at daripada kabilah al-Masyhurat.¹⁸ Maka amalan semacam ini adalah merupakan amalan orang-orang

¹⁸ Lebih jelasnya dapat dilihat, Syeikh Abdullah bin Hijazi bin Ibrahim as-Shafi'i al-Azhari. "*H syiyat al-Sy rq wi.*" hlm. 435.

jahiliah ia amalan yang amat bercanggahan dengan ajaran Islam yang sebenarnya, sebagaimana firman Allah ﷻ.

Ertinya:

Allah ﷻ tidak sekali-kali mensyariatkan *Bahirah*, tidak juga *S'ibah*, tidak juga *Wasilah* dan tidak juga *H m*. Akan tetapi orang-orang kafir itu sentiasa mengada-adakan perkara dusta terhadap Allah ﷻ dan kebanyakan mereka tidak menggunakan akal fikirannya. (*S rat al-Maidah*: 103).

Maksud daripada keterangan firman Allah ﷻ yang di atas telah jelas, bahawa Allah ﷻ tidak akan tanda sesuatu kepada umatnya untuk bernazar dengan perantaraan patung ataupun berhala mereka seperti, *Bahirah*, tidak dengan *S'ibah*, tidak dengan *Wasilah* dan tidak juga *H m*. Namun, orang-orang kafir tersebut selalu mengada amalan tersebut dengan suatu perkara yang mendustakan kepada Allah ﷻ, dan kemudian para orang kafir tidak menggunakan fikiran ataupun akal yang sihat. Berasaskan hasil kajian yang telah dijalankan di lapangan;¹⁹

Jadual: 5. 1. 1 Adat Istiadat Membaca Qur'an di Kubur.

<i>Adakah adat istiadat membaca Qur'an di kuburan mesti dihilangkan</i>						
	Tempat tinggal	Tidak	%	Ya	%	Jumlah
	Desa	159	82.38%	34	17.62%	193
	Kota	48	70.59%	20	29.41%	68
	Jumlah	207	79.31%	54	20.69%	261

Sumber: Analisis Data Primer, 2007

Dari hasil kajian yang telah dijalankan di lapangan bahawa, majoriti masyarakat yang tinggal dalam wilayah desa ataupun yang tinggal di Kota masih mempercayai bahawa adat istiadat membaca Qur'an kubur mesti diamalkan dan tidak boleh dihilangkan begitu sahaja. Akan tetapi, hanya sedikit sahaja masyarakat yang diwakilkan oleh responden yang menganggap bahawa amalan membaca Qur'an

¹⁹ Hasil kajian soal selidik yang telah dijalankan di lapangan dalam wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, pada bulan April 2007.

dikuburan tidak boleh dipertahankan dan mesti dihilangkan. Sebagaimana firman Allah ﷻ:

Ertinya:

Dan mereka menyembah yang lain dari Allah ﷻ, sesuatu yang tidak dapat mendatangkan mudarat kepada mereka dan tidak dapat mendatangkan manfaat kepada mereka dan mereka pula berkata: Mereka (yang kami sembah itu) ialah pemberi-pemberi syafaat kepada kami di sisi Allah ﷻ. Katakanlah (wahai Muhammad): Adakah kamu hendak memberitahu kepada Allah ﷻ akan apa yang Dia tidak mengetahui adanya di langit dan di bumi (padahal Allah ﷻ mengetahui segala-galanya)? Maha Suci Allah ﷻ dan tertinggi keadaanNya dari apa yang mereka sekutukan. (S rat. Y nus: 18).

Dari keterangan firman Allah ﷻ di atas telah ditegaskan bahawa, Allah ﷻ melarang kepada umatnya menyembah dan memuja selain Allah ﷻ, kerana penyembahan selain Allah ﷻ tidak akan mendatangkan apa-apa yang diinginkan hanya kecuali melainkan Allah ﷻ sahaja, dan juga tidak akan mendatangkan mudharat kepada apabila tidak menyembah ataupun memujanya, maka jika melakukan amalan semacam itu maka telah berbuat zalim kepada dirinya dan amalan tersebut juga sebagai amalan syirik.

5. 1. 2 Pohon Besar dan Benda Tertentu

Pohon yang ukuran besar dan benda tertentu adalah merupakan suatu kekuatan yang terkandung di dalam benda tersebut yang dipercayai sebagai penunggu dari pohon tersebut ataupun benda tertentu, yang mana ia dapat memberikan suatu manfaat ataupun dapat memberikan suatu mudharat, beginilah

suatu kepercayaan sebahagian masyarakat Islam Aceh hingga kini masih mengamalkan ajaran yang sesat ini. Adapun asas daripada pelaksanaan amalan yang karut dan ini adalah hanya mengikut dari nenek moyangnya sahaja tanpa diasaskan dengan ilmu yang jelas, sebagaimana firman Allah ﷻ dalam Qur'an.

Ertinya:

Dan apabila dikatakan kepada mereka: “Turutlah akan apa yang telah diturunkan oleh Allah ﷻ”, mereka menjawab: “(Tidak), bahkan kami (hanya) menurut apa yang kami dapati datuk nenek kami melakukannya.” Patutkah (mereka menurutnya) sekalipun datuk neneknya itu tidak faham sesuatu (apa pun tentang perkara-perkara agama) dan tidak pula mendapat petunjuk hidayat (dari Allah ﷻ) (*Surat al-Baqarah: 170*).

Dalam keterangan ayat yang telah disebutkan di atas telah jelas, bahawa Allah ﷻ ketika Allah ﷻ memerintahkan kepada umatnya agar mematuhi untuk mengikut hal yang telah diperintahkan, tetapi umat tersebut membantahnya lalu mereka mengatakannya bahawa hanya mengikut hal yang telah diamalkan oleh para nenek moyangnya dan sekalipun para nenek moyang dan datuk-datuk tidak faham apa yang telah diamalkan tentang hal-hal keagamaan, maka orang seperti sesungguhnya tidak akan mendapatkan petunjuk dan hidayatnya daripada Allah ﷻ.

Sebenarnya segala hal yang telah diamalkan oleh umat setakat ini bukanlah hal yang baru, akan tetapi memang sudah mulai diamalkan oleh orang-orang jahiliah pada masa sebelum datangnya agama Islam. Yang amat disesalkan kepada umat Islam yang hingga setakat ini, sementara umat tersebut telah menerima ajaran Islam yang sebenarnya daripada Rasulullah ﷺ secara *kaffah* dan sempurna, akan tetapi masih juga terdapat dalam masyarakat yang masih tetap untuk mengamalkan amalan

tersebut yang mana amalan tersebut amat bercanggahan dengan ajaran Islam (syariat Islam). Hasil kajian yang telah dijalankan di lapangan menerangkan bahawa;²⁰

Jadual: 5.1.2 Kepercayaan Bidaah dan Tahyul.

<i>Adakah kepercayaan tahyul suatu keyakinan yang mesti dipertahankan</i>						
	Tempat tinggal	Tidak	%	Ya	%	Jumlah
	Desa	172	89.12%	21	10.88%	193
	Kota	67	98.53%	1	1.47%	68
	Jumlah	239	91.57%	22	8.43%	261

Sumber: Analisis Data Primer, 2007

Berasaskan daripada hasil kajian yang dijalankan di wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, maka hasilnya menunjukkan masyarakat yang masih kepercayaan tahyul suatu keyakinan yang mesti dipertahankan, responden yang tinggal di wilayah desa yang menjawab “Tidak” (89.12%) dan yang menjawab “Ya” (10.88%), sementara responden yang tinggal di wilayah Kota yang menjawab “Tidak” (98.53%) dan yang menjawab “Ya” (1.47%).

Majoriti masyarakat Aceh Islam yang tinggal di wilayah desa dan Kota menunjukkan bahawa masyarakat yang tidak lagi mempercayai kepada tahyul dan sejenisnya serta keyakinan ini mesti dihilangkan. Namun, hanya sebahagian kecil sahaja masyarakat yang masih percayai dan yakin terhadap bidaah dan tahyul.

5. 1. 2. 1 Pohon Beringin dan Ketapang

Pohon beringin dan pohon ketapang merupakan pohon yang dianggap sakral dan terdapat penunggu di pohon tersebut, dalam masyarakat hingga kini masih

²⁰ Hasil kajian soal selidik yang telah dijalankan di lapangan dalam wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, pada bulan April 2007.

terdapat dipelbagai tempat ataupun kebun tertentu dan pada amnya amat banyak didapati di pinggiran sungai. Dalam fahaman masyarakat Aceh apabila terdapat pohon yang gergasi maka dianggap telah ada penghuni dari pohon tersebut, akan tetapi amatlah dianggap sakral seperti, pohon yang telah disebutkan diatas, dan dengan pohon tersebut dapat mendekatkan dirinya kepada Allah Ψ ataupun Tuhan sebagai sang pencipta.

Maka dengan perantara pohon tersebut dapatlah lebih dekat dirinya dengan sang pencipta dan mereka mengira bahawa Allah Ψ seperti, halnya Raja Tiran sebagai penguasa yang amat kejam, tidak mungkin dicapai kecuali lewat perantara dan pemberi syafaat. Memang amalan tersebut sudah jarang dipraktikkan tetapi masih kekal juga masyarakat yang mempercayainya hal tersebut, bahawa pohon tersebut dengan sangkaannya dapat meberikan sesuatu kepadanya. Amalan seperti ini adalah suatu amalan yang telah diamalkan pada masa jahillih yang merupakan amalan yang amat karut dan menyesatkan manusia daripada kebenaran sebagaimana firman Allah Ψ.

Ertinya

“...Kami tidak menyembah atau memujanya melainkan supaya mereka mendampingkan kami kepada Allah Ψ sehampir-hampirnya, sesungguhnya Allah Ψ akan menghukum di antara mereka (dengan orang-orang yang tidak melakukan syirk) tentang apa yang mereka berselisihan padanya. Sesungguhnya Allah Ψ tidak memberi hidayat petunjuk kepada orang-orang yang tetap berdusta (mengatakan yang bukan-bukan), lagi sentiasa kufur (dengan melakukan syirik). (*S rat. Az-Zumar: 3*).

Dalam ayat yang telah disebutkan di atas telah jelas bahawa pada masa dahulu apabila mereka telah beribadah kepada Tuhannya maka mereka akan menggunakan dengan cara perantara (*wasilah*) selain daripada Allah Ψ dan

sementara Allah Ψ sedikitpun tidak akan memberikan hidayat dan petunjuk kepada orang-orang yang telah melampaui had-had yang telah ditetapkan dengan jelas. Ataupun mereka yang berdusta kepada Allah Ψ dengan sesuatu daripada makhluknya yang telah diciptakannya. Berasaskan daripada hasil kajian yang telah dijalankan di lapangan bahawa;²¹

Jadual: 5.1.3 Kepercayaan Pada Makhluk Halus.

<i>Adakah menurut anda kepercayaan pada makhluk halus dapat dihilangkan</i>						
	Tempat tinggal	Tidak	%	Ya	%	Jumlah
	Desa	95	49.22%	98	50.78%	193
	Kota	36	52.94%	32	47.06%	68
	Jumlah	131	50.19%	130	49.81%	261

Sumber: Analisis Data Primer, 2007

Berasaskan dari hasil kajian yang dijalankan di wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, maka hasilnya kepercayaan pada makhluk halus dapat dihilangkan, responden yang tinggal di wilayah desa yang menjawab “Tidak” (49.22%) dan yang menjawab “Ya” (50.78%), sementara responden yang tinggal di wilayah Kota yang menjawab “Tidak” (52.94%) dan yang menjawab “Ya” (47.06%).

Daripada hasil kajian yang telah dijalankan bahawa kesimpulannya adalah kebanyakan masyarakat yang tinggal wilayah desa percaya pada makhluk halus mesti dihilangkan dan tidak boleh dipercayainya dan bezanya hanya sedikit sahaja masyarakat yang tinggal di desa berpendapat menyatakan kepercayaan kepada makhluk halus mesti dipertahankan dan dijaga.

Tetapi, majoriti masyarakat yang tinggal di wilayah Kota menyatakan bahawa kepercayaan kepada makhluk halus mesti dipertahankan, dan hanya sedikit

²¹ Hasil kajian soal selidik yang telah dijalankan di lapangan dalam wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, pada bulan April 2007.

sahaja daripada masyarakat Kota yang memberikan pernyataan mesti dihilangkan kepercayaan terhadap makhluk halus tersebut.

5. 1. 2. 2 Rencong dan Benda Azimat

Rencong dan benda azimat adalah suatu benda yang masih dianggap ada nilai holistik dan menurut sebahagian masyarakat yang tinggal didaerah Aceh bahawa benda tersebut dapat memberikan sebagai pelindung diri dari segala sesuatu yang dapat bahayakan dirinya. Dalam adat dan tradisi masyarakat Aceh rencong atau benda tertentu yang menurut fahaman merupakan sebagai alat yang amat tinggi nilai sakral ataupun mempunyai nilai mistik yang amat bererti yang terkandung didalamnya, apalagi rencong tersebut yang sudah usianya mencapai ratusan tahun, maka menurut kepercayaan sebahagian masyarakat Aceh dan khasnya masyarakat yang tinggal dalam wilayah perkampungan merupakan benda azimat yang dapat membantunya dari kesulitan ataupun dari bahaya yang akan menimpanya.

Maka amalan semacam ini adalah suatu yang amat mempunyai nilai syirik. Sementara amalan tersebut merupakan suatu amalan yang melampau dan ini juga merupakan suatu perbuatan dosa yang amat besar dan juga suatu amalan tidak dapat diterima oleh akal yang sihat, sebagaimana firman Allah ﷻ.

Ertinya:

Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak dibumi melainkan Allah ﷻ jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat dia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (*Luh Mahfud*) yang nyata (kepada malaikat-malaikat yang berkenaan). (*S rat Hud: 6*).

Maksud dari firman Allah ﷻ di atas untuk memegaskan tidak ada sesuatupun makhluk yang bergerak dibumi ini, tidak ada sesiapaupun yang dapat memberikan

rezeki kepadanya dan begitu juga tidak ada sesiapaupun makhluk di muka bumi ini yang dapat mengetahui dimana diletaknya dalam kitab *Luh Mahfud* dimana tempat disimpan kitab tersebut. Daripada hasil kajian yang telah dijalankan kan dilapangan bahawa;²²

Jadual: 5. 1. 4 Benda Azimat dan Tempat Keramat.

<i>Adakah anda percaya dan yakin terhadap benda azimat & tempat keramat tertentu.</i>						
	Tempat tinggal	Tidak	%	Ya	%	Jumlah
	Desa	112	58.03%	81	41.97%	193
	Kota	59	86.76%	9	13.24%	68
	Jumlah	171	65.52%	90	34.48%	261

Sumber: Analisis Data Primer, 2007

Berasaskan daripada hasil kajian yang dilaksanakan di wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, maka hasilnya menunjukkan bahawa masyarakat yang masih mempercayai dan yakin terhadap benda azimat dan tempat keramat tertentu, responden yang tinggal di wilayah desa yang menjawab “Tidak” (58.03%) dan yang menjawab “Ya” (41.97%), sementara responden yang tinggal di wilayah Kota yang menjawab “Tidak” (86.76%) dan yang menjawab “Ya” (13.24%).

Daripada hasil kajian yang telah dijalankan di lapangan bahawa, berasaskan hasil kajian yang telah dilaksanakan di lapangan bahawa, kebanyakan masyarakat yang tinggal di wilayah desa dan Kota Lhokseumawe yang hasilnya menunjukkan bahawa masyarakat tidak mempercayai dan tidak juga yakin terhadap benda azimat dan tempat keramat tertentu, kerana tidak sesuai lagi dengan masa dan zaman setakat ini. Sementara masyarakat yang masih percaya dan yakin terhadap benda azimat dan

²² Hasil kajian soal selidik yang telah dijalankan dilapangan dalam wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, pada bulan April 2007.

tempat keramat tertentu hingga setakat ini hanyalah sedikit sahaja. Dari hasil kajian yang telah dilaksanakan di lapangan bahawa;²³

Jadual: 5. 1. 5 Benda Azimat Memberikan Keuntungan.

<i>Adakah anda yakin percaya benda azimat dapat memberikan keberuntungan.</i>						
	Tempat tinggal	Tidak	%	Ya	%	Jumlah
	Desa	159	82.38%	34	17.62%	193
	Kota	65	95.59%	3	4.41%	68
	Jumlah	224	85.82%	37	14.18%	261

Sumber: Analisis Data Primer, 2007

Berasaskan daripada hasil kajian yang dilaksanakan di wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, maka hasilnya menunjukkan masyarakat yang yakin percaya benda azimat dapat memberikan keberuntungan, responden yang tinggal di wilayah desa yang menjawab “Tidak” (82.38%) dan yang menjawab “Ya” (17.62%), sementara responden yang tinggal di wilayah Kota yang menjawab “Tidak” (95.59%) dan yang menjawab “Ya” (4.41%).

Adapun hasil daripada kajian lapangan yang diatas memberikan pernyataan bahawa menunjukkan masyarakat yang tinggal di wilayah desa dan kota. Namun, tidak lagi yakin dan percayai terhadap benda azimat yang dapat memberikan keuntungan dan keselamatan. Sementara masyarakat yang masih yakin dan percayai terhadap benda azimat dapat memberikan keberuntungan hanyalah sedikit sahaja.

5. 2 Kesimpulan

Dalam kesimpulan dari pembahasan bab ini menunjukkan bahwa masyarakat Islam daerah Aceh kerap kali untuk mengamalkan dan mempraktikkan terhadap penyembahan dan menyakininya kepada benda-benda tertentu yang menurut mereka dengan menyakini kepada benda-benda tertentu dapat mendatangkan keberuntungan dan akan menoloak bala yang akan menyimpannya. Seperti, contohnya masyarakat yang

²³ Hasil kajian soal selidik yang telah dijalankan di lapangan dalam wilayah Kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, pada bulan April 2007.

tinggal di daerah yang telah dijalankan kajian ini terdapat masih memelihara rencong yang telah lama disimpan dan pada malam tertentu rencong tersebut akan dimandikan dengan air bunga, contoh lainnya juga masyarakat daerah Aceh Utara masih juga mempercayai dan menyakini terhadap batu cincin dan gelang tangan tertentu yang mereka yakini dapat terhindar juga daripada musuh dan syaitan dan selalunya benda tersebut digantungkan di tangan ataupun dipinggang anak bayi. Adapun semua amalan tersebut yang telah diamalkan oleh sebahagian masyarakat Islam Aceh disebabkan kerana berbagai faktor di antaranya;

Pertama: Penyebabnya adalah kesan daripada pengaruh ajaran agama Islam yang tidak membenarkan terhadap pemujaan terhadap kuasa ghaib selain daripada Allah Ψ .

Kedua: Masyarakat yang tinggal dalam wilayah perkotaan dan bahkan masyarakat yang tinggal di desa yang telah mempercayai bahawa makhluk ghaib tersebut tidak lagi memberikan sebarang apa-apa sumber rezeki kepada masyarakat tersebut.

Begitu juga dalam masyarakat didalam wilayah yang telah dijalankan penyelidikan yang sebenarnya, kenyaan yang sebenar adalah masih terdapat memuja tempat dan benda mati seperti, amalan dan memuja perkuburan yang menurut mereka dapat memberikan sumbangan dan jalan keluar daripada masalah masyarakat pada persekitarannya bahawa dapat menyelesaikan masalah yang sedang dijalaninya. Begitu juga dengan amalan terhadap benda tertentu ataupun pohon yang amat besar, oleh masyarakat tempatan menganggap di pohon tersebut ada penunggunya. Sudah menjadi salah adat dan tradisi dalam memperingati dan disertai dengan makan dan minum.

BAB ENAM

PEMURNIAN AQIDAH DALAM MASYARAKAT ISLAM ACHEH

6. 1 Pandangan Hukum Islam Dalam Keagamaan.

Dalam pandangan hukum Islam tidaklah menjadi masalah untuk mengamalkan sesuatu amalan yang telah diperintahkan kepada manusia, tetapi jika tidak memudarakannya dalam melaksanakan amalan tersebut. Sebagaimana Allah ﷻ juga tidak akan memberatkannya apatah lagi hingga pada tahap memudaratkan umatnya untuk mengerjakannya ataupun perintahnya yang wajib apa hal lagi hanya amalan sunnat. Dalam prinsip dalam hukum Islam adalah tidak untuk memberatkan kepada mukalaf untuk melaksanakan atau mengerjakan suatu peraturan dan amalan yang amat memberatkan, tetapi pada dasarnya adalah hanya sebagai peraturan dan amalan yang memudahkannya untuk melaksanakannya sesuai dengan kemampuan *mukalaf* itu sendiri.

Sementara kenyataan yang terjadi dalam masyarakat Islam kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, terdapat banyak masalah sosial yang terjadi dalam masyarakat yang amat bercanggahan dengan Syariat Islam yang sempurna dan yang menghairankan lagi bahawa banyak terdapat hukum adat yang sudah wujud dalam masyarakat dari masa dahulu dan kemudian dijadikan hukum syarak yang berasaskan ajaran agama Islam dan ini sungguh mengelirukan dan amat bercanggahan dengan Al-Qur'an dan Hadith.

6. 2 Pandangan Hukum Islam Tentang Pantang Larang Dalam Kepercayaan Masyarakat

Dalam pandangan hukum Islam mengenai berpantang tidaklah melanggar hukum secara langsung, kerana tidak mengikut sertakan dalam mempercayai kepada kepercayaan lain, yang dapat menolongnya dari bersalin. Asalkan tidak bercanggah dengan hukum yang telah ditentukan di dalam *nash* Qur'an sebagaimana ditetapkan dari sudut yang lain bahawa ajaran Islam untuk menyerukan kepada umatnya agar mematuhi dan mengamalkan ajaran Islam semurni mungkin, tidak ada sedikitpun bercampurnya dengan amalan yang karut marut ataupun amalan yang tahyul yang masih mempercayai kepada ajaran yang animisme dan dinamisme hingga kini.¹

Dalam ajaran Islam juga memerintahkan agar umat selalu melaksanakan amalan ibadah supaya terhindar daripada amalan khurafat yang tidak diketahui dari mana asal usul kemunculannya. Namun, yang tidak jelas lagi mengenai aqidah ataupun memang secara langsung berasaskan ajaran Syariat Islam sebagaimana yang tertera dalam Qur'an dan Hadith. Oleh yang demikian, apabila asas yang tidak jelas (amalan *bidaah*, *khurafat* dan *tahyul*) dalam melaksanakan amalan ibadah tersebut maka sudah tentulah seluruh amalan tersebut akan ditolak Allah ﷻ dan tidak akan menerimanya, sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ.²

Ertinya:

Dari Abu Amru Asy Syaibani ia berkata: “Selalu dikatakan bahawa Allah ﷻ enggan (menolak) memberi taubat kepada ahli bidaah dan ia tidak berpindah kecuali menuju yang lebih jelek lagi.” (H.R.Ibn Wadldlah 61 dan 62).

¹ Sebahagian daripada pengertian ataupun kesimpulan ini adalah hasil dari temu bual penyelidikan dengan Tgk. H. Syamaun Risyad, Lc, sebagai pengetua Majlis Permusyawaratan Ulama (MPU) Kota Lhokseumawe, Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (NAD). lokasi temu bual di pejabat MPU, pada tanggal, 11/9/2007.

² Rasulullah ﷺ bersabda: “Sesungguhnya Allah ﷻ Menghalangi taubat dari ahli bidaah”. (Hadith tersebut Ditashahihkan oleh seorang ulama yang bernama Syaikh Al-Bani dalam “*Ash-Shahihah*,” n.h. 1620).

Sebagaimana keterangan Hadith yang di atas telah jelaslah bahawa, Allah ﷻ tidak akan menerima taubat ataupun menerima ampunan daripada umatnya yang di dalamnya mengandungi anasir bidaah dan khurafat seperti puasa, solat, haji dan umrah, kerana di dalamnya mengandungi berbagai-bagai unsur sedangkan Rasulullah ﷺ sendiri belum pernah melaksanakan amalan seperti yang telah disebutkan di atas.

6. 3 Pandangan Hukum Islam yang Berkaitan Dengan Acara Perkahwinan.

Dalam pandangan hukum Islam mengenai amalan-amalan dan kegiatan segala mengarah kepada *'am r ma'r f* tidaklah dilarang. Tetapi, apabila amalan tersebut majoriti yang mengarah kepada hal yang amalan negatif maka amalan tersebut mestilah diharamkan dengan berasaskan dalil Qur'an dan Hadith yang *qat'i*.³

Namun, hingga kini amatlah banyak amalan yang diamalkan tanpa mempunyai asas hukum yang jelas, oleh orang-orang senang membuat hal-hal yang amat asing dan amat pelik untuk diamalkan dan sementara masyarakat amatlah gemar untuk mengikuti amalan yang telah dikerjakan oleh umat-umat terdahulu yang bila dilihat secara ajaran Islam dan hukum Islam yang sebenarnya tidaklah ada amalan tersebut, hanya sebagai amalan khurafat dan bidaah dan hanya sekadar mengikut kepada nenek moyang sahaja. Sementara hingga kini tidaklah mustahak untuk membuat mengenai hal yang amat baru dan amat aneh mengenai amalan tersebut, sebagaimana Allah ﷻ berfirman.

Ertinya:

“...Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu...” (*S rat al-M idah: 3*).

³ Sebahagian daripada pengertian ataupun kesimpulan ini adalah hasil dari temu bual penyelidikan dengan Tgk. H. Amirullah M.Diah, Lc, M.Ag, sebagai pengetua Majlis Permusyawatan Ulama (MPU) Kabupaten Aceh Utara, Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (NAD). lokasi temu bual di pejabat MPU, pada tanggal, 12/2/2007.

Keterangan firman Allah ﷻ di atas telah menjelaskan bahawa, Allah ﷻ mengatakan aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan aku telah cukupkan nikmatku kepada kamu dan aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu. maksudnya segala ajaran dan syiar yang telah diperintahkan Allah ﷻ kepada Rasulnya tidak ada satu rilahpun yang tertinggal untuk disampaikan, maka tidak ada alasan bagi manusia untuk membuat hal baru dan pelik serta dengan sendiri dapat membingungkan masyarakat awam terhadap ilmu pengetahuannya. Sebagaimana Hadith Rasulullah ﷺ bersabda.

Ertinya:

Sebagaimana dalam Hadith sahih disebutkan, daripada Abdullah bin Umar τ beliau berkata, Rasulullah ρ bersabda: “Tidaklah Allah ﷻ mengutus seorang Nabi ρ kecuali wajib atas Nabi ρ itu menunjukkan kebaikan dan memperingatkan umatnya dari kejahatan yang Allah ﷻ ajarkan atasnya. “(H.R. *Muslim*).

Daripada keterangan Hadith yang di atas adalah, tidak lain tujuan mengutus Nabi ρ adalah untuk menunjukkan suatu amalan kebaikan dan petunjuk agar selamat di dunia dan diakhirat nanti, dan begitu juga tujuan diutusnya Nabi ρ adalah untuk umatnya yang telah melakukan kejahatan yang semakin lama dan semakin menjadi-jadi. Begitu juga Rasulullah ρ diutuskan ke dunia ini bukan kepada manusia sahaja bahkan tetapi juga kepada haiwan dan tumbuh-tumbuhan seluruh isi alam.

Adapun, amalan persandingan dalam pesta perkahwinan (*walimatul-urru*) sebenarnya adalah salah satu bentuk pemujaan dalam agama Hindu kepada mempelai yang bersanding dan sebenarnya meniru suatu adat dan tradisi daripada ajaran Hindu yang selalu memuja Dewa Rama dan Dewi Sita.⁴ Persandingan kedua-dua pengantin ini memperlihatkan di sebelah perempuan Mak Andam sebagai pengiring utamanya

⁴ Lihat, Joginder Singh Jessy. “*Malaysia Singapura dan Brunei 1400-1965*.” Selangor Darul Ehsan. Longman. 1975. hlm. 52-53.

dan di sebelah pengantin lelaki pula Tok Bomoh sebagai pengiringnya. Kedua-dua mempelai ini diarak dan disanjung dan di puja sebagaimana orang-orang Hindu memuja kepada Dewa Rama dan Dewi Sita, dengan sebab itulah pengantin baru digelar sebagai Raja Sehari. Maka adat dan tradisi budaya persandingan dalam masyarakat di daerah Aceh sudah menjadi suatu kebiasaan apabila berlangsungnya acara pernikahan.

6. 4 Pandangan Hukum Islam Berkaitan Acara Kematian

Hukum Islam adalah suatu peraturan yang sudah menjadi sebagai asas untuk menentukan hukum adat dan istiadat yang berlaku di sekitarnya. Hukum Islam juga, sebagai alat pengukur untuk pengawasan dan memberikan arah halatuju yang jelas dan sesuai dengan ketentuan Qur'an dan Hadith, apatah lagi amalan tersebut boleh membawa matlamat yang dicapai ke arah amalan yang dapat menjadikan kepada kepada fahaman ritual yang karut marut, sebagaimana firman Allah ﷻ;

Ertinya:

“Terimalah apa yang mudah engkau lakukan dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil) dengan kejahilannya.” (*S rat al-'Ar f: 99*).

Maka jelas bahawa firman Allah ﷻ yang di atas memberikan penjelasan mengenai perintah untuk menjauhkan dan berpaling dari perkara-perkara dan amalan orang Jahiliah dan amat bercanggahan dengan firman Allah ﷻ dan juga kehidupan bersosial dalam masyarakat tempatan pada setakat ini yang bercanggahan dengan aturan adat dan tradisi yang sebenarnya sedang berlaku, sebagaimana Hadith Rasulullah ﷺ:

Ertinya:

“Allah ﷻ melaknat mereka yang menyembelih kerana lain dari Allah ﷻ melaknat mereka yang melaknatkan ibu bapanya, Allah ﷻ melaknat mereka yang membantu orang yang membuat bidaah. Allah ﷻ melaknat orang yang mengubah sempadan tanah”.
(*H.R. Ahmad*).

Maka Rasulullah ﷺ juga akan melaknat mereka yang menyembelih kurban selain dari diniatkan kepada Allah ﷻ dan ini adalah merupakan suatu amalan yang hukumnya syirik kepada Allah ﷻ sebagai pencipta segalanya, sebagaimana amalan tersebut boleh dijumpai dalam masyarakat Aceh hingga kini. Allah ﷻ juga, akan melaknat bagi mereka yang mengamalkan perkara amalan bidaah, sementara Rasulullah ﷺ sendiri tidak pernah melakukan amalan tersebut, apatah lagi memerintah kepada umatnya untuk menyuruh mengerjakan perkara tersebut.

6. 5 Pandangan Hukum Islam Berkaitan Acara Tepung Tawar (*Peusiujuk*).

Hukum Islam adalah sebagai asas untuk menentukan suatu amalan untuk yang dilakukan sehariannya, baik itu bibenarkan ataupun memang suatu larangan yang mesti ditinggalkan, hukum Islam juga merupakan sebagai asas dan panduan untuk segalanya. Adapun amalan yang telah diamalkan pada amnya oleh masyarakat Aceh dan khasnya yang telah disebutkan di dalam sub bab di atas bahawa, apabila dihubung kaitkan dengan pandangan hukum Islam yang sebenarnya adalah amat bercanggahan dengan ajaran Qur'an dan Sunah Nabi ﷺ dalam kepercayaan seperti ini, apabila dihubungkait dengan asal-usul orang Aceh yang majoritinya berasal daripada ajaran dan adat kepercayaan terhadap Hindu serta Buddha.⁵

⁵ Sebahagian daripada pengertian ataupun kesimpulan ini adalah hasil dari temu bual penyelidikan dengan Tgk. H. Syamaun Risyad, Lc, sebagai pengetua Majlis Permusyawatan Ulama (MPU) Kota Lhokseumawe, Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (NAD). lokasi temu bual di pejabat MPU, pada tanggal, 11/9/2007.

Walaupun Islam pada mula telah bertapak di Kerajaan Mataram, Majapahit dan seluruh Kepulauan Jawa, namun terdapat pelbagai sisa-sisa peninggalan yang berasaskan dari ajaran agama Hindu dan Buddha yang masih kuat dalam pegangan mereka yang tinggal dalam kawasan tersebut dan kemudian ajaran ataupun amalan tersebut hingga ke daerah Aceh. Walaupun memang budaya dan tradisi tersebut sememangnya sudah menjadi suatu amalan yang tidak dapat lagi untuk ditinggalkan, sekalipun ajaran tersebut amat bercanggahan dengan ajaran agama Islam yang sebenarnya. Sehingga kini, amalan tersebut masih lagi dijumpai hidup subur dan berkembang di dalam masyarakat Aceh pada amnya, walaupun telah berkali-kali seruan para pendakwah hingga kepada mereka agar untuk meninggalkan amalan tersebut.

Namun, bagi sebahagian daripada mereka itu telah beranggapan bahawa adat dan tradisi tersebut seakan sebahagian daripada ajaran Islam yang mereka percayai. Maka dengan sebab itulah mereka telah menyatukan antara ajaran Islam yang suci ini dengan adat resam yang karut lagi menyesatkan itu yang semata-mata mengikut khayalan, kebijaksanaan pemikiran dan *tahsinul 'aqli* mereka semata-mata sahaja yang pada amnya berpunca daripada ajaran agama Hindu dan Buddha. Sementara amalan yang sebagaimana telah dilaksanakan dan diamalkan oleh sebahagian besar daripada masyarakat Aceh hanya semata-mata untuk mengikut jejak nenek moyang terdahulu yang tanpa diasaskan dengan hukum Islam yang jelas, maka jelaslah seluruh amalan yang telah diamalkannya akan ditolak oleh Allah ﷻ semata. Sebagaimana sabda Rasulullah ﷺ dalam Hadithnya;

Ertinya:

Sesiapa yang mengada-ngadakan pada pekerjaan kami ini, ertinya agama kami yang daripada Nabi ﷺ sendiri maka ianya ditolak. (*H.R. Tirmiz*).

Keterangan Hadith yang di atas telah jelas bahawa, apabila mengerjakan sesuatu amalan yang sedangkan Rasulullah ﷺ sendiripun tidak pernah mengerjakannya maka amalan tersebut, akan ditolak dan sebagai amalan yang sia-sia sahaja tanpa ada sebarang manfaat sedikitpun yang dapat jadikan amalan soleh. Sebagaimana yang telah disebutkan dalam Hadith lain Rasulullah ﷺ.⁶ Adapun keterangan Hadith yang di atas jelas bahawa, Allah ﷻ tidak menerima amalan ibadah puasa dan solat dan tidak juga dengan ibadah haji dan tidak juga dengan amalan haji bagi sesiapa yang mempunyai unsur bidaah didalam ketika melaksanakan amalan ibadah tersebut.

6. 6 Kesan dari Perubahan Sosial Menurut Ajaran Islam.

Perubahan sosial yang setakat ini dalam masyarakat Aceh adalah merupakan menuju arah kemajuan yang cemerlang khasnya dalam masyarakat yang masih tinggal dalam wilayah desa yang jauh daripada kehidupan moden. Perubahan sosial dalam masyarakat Aceh adalah suatu keperluan yang disebabkan kemajuan dan perkembangan zaman. Tetapi mesti berhati-hati dengan nilai yang terkandung di dalamnya, Umar bin Khathab τ berkata: “Akan datang orang-orang yang akan mendebatmu dengan ayat-ayat *mutasyabihat* dari Al-Quran maka bantahlah mereka dengan As-Sunnah karena sesungguhnya Ahlus Sunnah amat mengetahui kandungan Kitab Allah ﷻ.”⁷

Namun, perubahan tersebut mesti diasaskan dengan ajaran Syariat yang sempurna ataupun tidak terpesong dengan etika dalam ajaran Islam itu sendiri. Sebagaimana yang diketahui bahawa ajaran Islam untuk mengajarkan dan

⁶ Sebagaimana yang telah disebutkan dan dihuraikan di dalam hlm; 271.

⁷ Lebih jelasnya lihat dalam kitab; (*Al-Hujjah* 1/313, *Asy-Syariah* 58, *Ad-Darimi* 1/62 n.h. 119, *Al-Lalikai* 1/123 n.h. 202, *Al-Ibanah* 1/250 n.h. 83 dan 84, *Al-Baghawy* 1/202).

menerapkan pelbagai kaedah yang masih dalam kontek yang positif ataupun yang tidak terdapat didalamnya percanggahan dengan ajaran syariat Islam dalam kekinian dan aktual. Namun, sebagian besar mereka memandang kepentingan perubahan struktur dalam hubungan organisasi dan ikatan antara unsur masyarakat:

Pertama: Perubahan sosial adalah transformasi dalam organisasi masyarakat, dalam pola berfikir dan dalam perilaku pada waktu tertentu.

Kedua: Perubahan sosial adalah suatu hubung kait atau suatu perpindahan dalam pengorganisasian masyarakat.

Ketiga: Perubahan sosial mengacu pada pelbagai hubungan antara individu, kelompok, organisasi, kultur dan masyarakat pada masa tertentu.

Keempat: Perubahan sosial adalah perubahan pola perilaku, hubungan sosial, lembaga dan struktur sosial pada waktu tertentu.⁸

Dalam perubahan sosial yang terjadi dalam masyarakat adalah suatu perubahan yang tidak berulang kedua kalinya, perubahan di dalam sistem sering berakumulasi dan akhirnya menyentuh inti sistem, lalu berubah menjadi perubahan sistem. Dalam sistem sosial selalu terlihat perubahan beransur-ansur daripada ciri-cirinya secara keseluruhan yang mengarah kepada ciri “*kuantitatif*” dan “*kualitatif*” baru.⁹

6. 6. 1 Kesan Positif

Perubahan dalam suatu masyarakat baik ia perubahan adat, tradisi, budaya dan sosial dalam masyarakat yang tinggal di daerah cukuplah menguntungkan kepada masyarakat itu sendiri terutama sekali masyarakat yang tinggal di wilayah desa yang amat ketinggalan segala macam maklumat yang mesti diketahui, baik itu maklumat tentang masalah sistem sosial budaya lain-lain. Namun, dari segala

⁸ Lihat, Piotr, Sztompka. “*Sosiologi Perubahan Sosial.*” Jakarta: Prenada. 2005. hlm. 5.

⁹ Ibid. hlm. 5.

maklumat yang telah didapati di lapangan menjadikan masyarakat yang moden yang tidak tertinggal lagi dalam pelbagai macam bidang.

Begitu juga dengan perubahan dalam suatu struktur sosial bahawa masyarakat di sekitaran dapat terbuka wawasan pemikiran yang maju dan tidak lagi pemikirannya dalam soalan yang sempit dan terhad, juga dengan perubahan sosial yang dimaksudkan dapat menjadikan sebagai umat yang luas daya upaya dalam perkembangan untuk memajukan dunia pendidikan dan maklumat teknologi yang mana pada masa dahulu amat tertinggal dan kini sudah mencapai kepada arah yang amat maju, sebagaimana kini bahawa masyarakat yang tinggal diluar pedesaan tidaklah sulit lagi untuk memasuki ke dalam wilayah pedesaan, tidak seperti masa dahulu apabila ada seseorang yang masuk ke dalam wilayah pedesaan maka masyarakat tersebut penuh dengan kecurigaan.

6. 6. 2 Kesan Negatif

Sememangnya kesan yang terdapat dalam perubahan sosial di dalam masyarakat adalah suatu jalan untuk sampainya kearah hala tuju yang semestinya diharapkan dan dapat menjadikan sebagai perkembangan suatu tamadun masyarakat yang sempurna dan seutuhnya untuk menjadikannya sebagai khalifah dimuka bumi ini. Tetapi, bergantung kepada sistem dan struktur daripada perubahan sosial itu sendiri, sebab belum tentu semua sistem dan struktur perubahan sosial ataupun perkara yang baru itu menjadikan dampak ke hala tuju yang positif.

Rasulullah ﷺ sendiri juga telah memberi peringatan daripada struktur perubahan sosial ataupun perkara-perkara baru yang disandarkan kepada agama, seakan perintah tersebut berasaskan daripada syariat Allah ﷻ, sebagaimana dalam Hadith Abdullah Ibn Masud τ ,

Ertinya:

“Berhati-hatilah kalian dari perkara-perkara baru, karena sejelek-jelek perkara adalah yang diada-adakan, dan setiap perkara yang diada-adakan itu bid’ah dan setiap bidaah itu adalah kesesatan”.
(HR. *Ibn Abi Ashim*).

Dalam keterangan Hadith yang di atas telah jelas bahawa Rasulullah ﷺ untuk menyeru kepada umat Islam mesti berhati-hati dalam perkara-perkara yang baharu, kerana sejelek-jelek perkara yang baharu adalah merupakan amalan yang bidaah dan semua daripada amalan bidaah itu adalah menyesatkan kecuali Sunnah Hasanah. Kata Imam Nawawi: “Hadith ini amat jelas dalam membantah setiap bidaah dan perkara yang diada-adakan dalam agama”.¹⁰

Struktur dalam sosial masyarakat Aceh yang sebenarnya adalah amat erat dengan tatanan sosial yang amat tinggi nilainya dan salah satu sistem untuk bersosialisasi diantaranya adalah dengan dilaksanakan acara dan upacara perkumpulan dengan makan bersama dan berkumpul untuk melaksanakan adat upacara tepung tawar, acara tahlil dan lain-lain, pada acara tersebut dapat berkumpulnya masyarakat yang dapat saling mengenali dan bersosial sesamanya.

Namun, ada juga sistem dan struktur dalam perubahan sosial masyarakat Aceh yang mengarah kepada suatu amalan bidaah, suatu amalan dan perbuatan yang Rasulullah ﷺ sendiri dan juga sahabat tabi’ dan tabi’in tidak pernah mengerjakan suatu amalan seperti masyarakat daerah Aceh mengamalkan dan mempraktikkan.

¹⁰ Lebih jelasnya dapat dilihat, dalam *Syarah Muslim*. Jz: 12. hlm: 16.

BAB TUJUH

PENUTUP

7. 1 Pendahuluan

Dalam bab terakhir dari tesis ini akan memberikan suatu kesimpulan, hasil daripada kajian dan cadangan kajian selanjutnya. Sebagaimana yang telah dijalankan di lapangan daripada kajian dan bab-bab yang telah dibahaskan serta dianalisis berasaskan daripada hasil kajian tersebut, agar semoga kajian ini dapat dijadikan asas dan rujukan mengenai dalam hal pemurnian aqidah masyarakat Islam kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe dan dapat pula dijadikan bahan-bahan masukan untuk kajian mendatang yang berguna kepada masyarakat Islam khususnya agar aqidah yang diyakini menjadikan suatu aqidah yang amat murni yang terhindar daripada amalan tahyul, khurafat dan bidaah.

7. 2 Kesimpulan

Kesimpulan daripada hasil kajian yang telah dijalankan di lapangan bahawa menggambarkan masyarakat Islam Aceh yang tinggal dalam wilayah kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, bahawa dapat dibezakan suatu amalan-amalan yang berkaitan adat istiadat yang telah diamalkan dan dijadikan suatu amalan dalam kehidupan sehari-hari oleh masyarakat yang tinggal pada wilayah kabupaten Aceh Utara ataupun Kota Lhokseumawe, baik yang tinggal di wilayah desa ataupun di kota.

Nanggroe Aceh Darussalam (NAD) adalah merupakan sebuah daerah yang secara geografinya kedudukan daerah tersebut adalah amatlah elok untuk dijadikan

suatu wilayah perniagaan dan keperluan lainnya, antara lain adalah pada masa kerajaan Aceh dahulu daerah tersebut dijadikan suatu tempat atau kawasan persinggahan untuk mengisi bahan bakar, ataupun untuk menukar rempah-rempah dan barang-barang lainnya. Barang-barang tersebut yang dibawa dari negeri Arab, India dan China untuk dijadikan suatu bahan perniagaan dan barang pertukaran dengan barang-barang lain melalui dengan jaringan laut, pada ketika itu mereka menaiki kapal-kapal layar.

Maka dengan cara inilah para pedagang dan saudagar-saudagar untuk datang ke kepulauan tersebut dan kemudian berkahwin dengan wanita-wanita tempatan agar mendapat tempat dan juga untuk menjadi warga daerah tersebut, maka dengan cara itulah amat mudah untuk menyampaikan dan menyebarkan ajaran Islam di wilayah tersebut. Maka tidaklah menghairankan terdapat amat banyak bangsa di daerah Aceh yang berasal dari mulanya keturunan negeri Arab, China dan India, bahkan didaerah Aceh terdapat pula sebuah wilayah yang dinamakan daerah “*Kampung Keling*,” “*Kampung Arab*” dan “*Kampung China*.” Ada beberapa faktor Islam dapat berkembang dan menyebar hingga sampai kepulauan Nusantara Aceh pada masa itu antaranya adalah;

Pertama. Bahawa peniaga dan pegawai yang terlibat dengan perniagaannya, maka dengan caranya para Shahbandar, melaksanakan perkahwinan antara orang Islam dan orang bukan Islam.

Kedua. Terjadinya perebutan dan memberikan pengaruh antara orang Islam dengan Kristian untuk mempercepatkan penyebaran ajaran Islam, khasnya meliputi dalam abad ke 15-17.

Ketiga. Kemudahan serta kepentingan politik yang dianggap sebagai satu motif atau sebab bagi memeluk agama Islam.

Disebabkan datangnya ajaran Islam melalui orang-orang Islam Arab dan kemudian singgah hanya sekejap sahaja di negeri India dan pada masa itu penduduk di negeri India yang majoriti masih menganut ajaran agama Hindu dan amatlah kental dan identik dengan kepercayaan paham animisme dan dinamisme, adapun kepercayaan tersebut ia masih mempercayai makhluk halus ataupun roh-roh ghaib dan masih juga percaya terhadap alam semulajadi yang mereka yakini bahawa semua kepercayaan tersebut dapat mendatangkan ataupun dapat menjadikan seseorang itu mendapat kemalangan daripada makhluk halus tersebut. Maka dengan sebab itulah fahaman ataupun kepercayaan yang muncul dalam masyarakat Aceh pada masa itu hingga kini masih percaya dan meyakini terhadap makhluk halus/ghaib ataupun suatu kepercayaan yang tahyul, khurafat dan bidaah yang amat bercanggahan dengan syariat Islam yang sebenar.

Masyarakat daerah Aceh sebelum menerima ajaran Islam maka terlebih dahulu telah menganut suatu fahaman animisme dan dinamisme, mempercayai kepada roh ghaib dan makhluk halus dan alam sekitar. Kepercayaan tersebut kemudian berubah kepada fahaman ketuhanan, yang dekat dengan ajaran agama Islam, akan tetapi yang diteriamanya bukanlah Islam yang murni ataupun *Islam Ahli Sunnah waljam 'ah*, akan tetapi Islam yang berfahaman ataupun yang beraliran Syiah. Tidaklah menghairankan bahawa terdapat banyak unsur ataupun bekas daripada ajaran Syiah yang masih tersisa dalam masyarakat tempatan, seperti perayaan hari Hasan Husain pada bulan *Muharram* dan juga terdapat pula dalam masyarakat Aceh Kuih-muih Husain dan masyarakat Aceh amatlah berdekatan dengan nama Ali, Fatimah, Khadijah, Jainab dan lain-lain.

Masyarakat yang tinggal di daerah Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe merupakan suatu masyarakat merupakan masyarakat yang mengutamakan suatu nilai

etika dan moral yang bermasyarakat, yang amat rukun dan damai antara satu ama lain. Sudah menjadi suatu kebiasaan dalam masyarakat Aceh yang selalu bermusyawarah dengan bersama-sama dalam menyelesaikan suatu permasalahan dan persengketaan apabila terjadi di dalam masyarakat dan selalu taat untuk menjalankan perintah dan larangan dalam ajaran-ajaran yang berasaskan syariat. Tetapi, tidak menutup suatu kemungkinan bahawa masyarakat Islam Aceh juga terdapat beberapa amalan suatu adat dan tradisi yang bercanggahan dengan ajaran Islam yang sebenar. Dalam masyarakat daerah Aceh sudah tidak asing lagi bahawa dalam etika dan pergaulan masyarakat terdapat beberapa perkara yang tidak boleh dilakukan dalam masyarakat Aceh antara lain adalah:

- (a). Bergaul rapat dengan yang bukan muhrimnya.
- (b). Masuk dan bertamu sementara di dalam rumah tidak ada suaminya.
- (c). Mengganggu janda.
- (d). Berbicara atau mengeluarkan kalimat yang tidak menyenangkan orang lain.
- (e). Duduk di bawah tangga rumah orang lain.
- (f). Memegang dagu atau kepala orang lain, walaupun dengan tujuan bergurau.
- (g). Menunjuk sesuatu dengan tangan kiri dan kaki.
- (h). Menggunakan atau menjual khamar.
- (i). Mengunjungi orang yang meninggal dengan berpakaian yang melampau.
- (j). Berteriak di senja hari.

Masyarakat Aceh adalah suatu masyarakat yang amat unik dan apabila sekiranya pahala bagi orang yang banyak membuat kenduri akan masuk syurga maka masyarakat Aceh yang banyak dan pertama masuk ke dalam syurga, kerana masyarakat Aceh amatlah kerap sekali untuk melaksanakan kenduri baik kenduri ritual ataupun kenduri untuk mengambil berkah daripada pelaksanaan acara tersebut.

Pelaksanaan upacara tersebut mulai dari melahirkan hingga meninggal juga masih kerap dilaksanakan acara kenduri tahlil ataupun samadiah kepada orang yang meninggal hingga pada hari keseratus khususnya pada hari-hari yang ganjil.

Dalam struktur pentadbiran dalam pemerintahan Nanggroe Aceh Darussalam (NAD) terdapat dua struktur yang rasmi ataupun struktur tidak rasmi dan kedua-dua struktur tersebut masih juga diamalkan oleh masyarakat Islam Aceh. Berasaskan pada undang-undang Nombor 18 Tahun 2001 tentang Otonomi Khusus (Khas) bagi Provinsi Daerah Istimewa Aceh sebagai Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, membenarkan adanya 5 (lima) peringkat organisasi pemerintahan di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, iaitu tingkat Provinsi yang dipimpin oleh Gabenor, tingkat Kabupaten yang dipimpin oleh Bupati dan Kota yang dipimpin oleh walikota, tingkat Kecamatan yang dipimpin oleh *Camat*, tingkat *Mukim* dan tingkat Gampong yang dipimpin oleh *Geuchik*.

7. 3 Dapatan Kajian

Dalam hasil kajian yang telah dilaksanakan dalam mengenai pemurnian aqidah masyarakat Islam Aceh di wilayah kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, dapat menggambarkan dalam suatu keterangan yang amat bererti, bahawa pada amnya masyarakat Islam Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe dapat diambil suatu kesimpulan daripada kajian yang telah dijalankan di lapangan seperti berikut:

- i. Dari hasil kajian yang telah didapati bahawa, pada amnya masyarakat yang tinggal di wilayah Desa ataupun Kota amatlah setuju untuk mempertahankan adat dan istiadat setakat ini, yang masih dan sedang berlaku dalam masyarakat, baik adat istiadat yang bercanggahan dengan ajaran Islam ataupun sebaliknya dan ini merupakan hasil jawapannya daripada responden di lapangan.
- ii. Majoritinya masyarakat Islam Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe yang tinggal di wilayah Desa ataupun Kota, masih sering melaksanakan amalan-amalan berupa acara kenduri tahlil kepada orang yang telah meninggal,

kerana amalan tersebut memang sudah amat sukar untuk ditinggalkan dan telah diwarisi daripada orang-orang terdahulu ataupun daripada nenek-moyang yang pada awalnya belum mendapat ajaran Islam yang sempurna.

- iii. Menerangkan bahawa daripada hasil kajian dari keseluruhan, mengenai adat dan istiadat yang berlaku hingga setakat ini, ia amat bercanggahan dengan ajaran syari'at Islam yang sebenarnya, maka secara tidak langsung masyarakat menerimanya daripada ajaran dan amalan-amalan tersebut.
- iv. Daripada hasil kajian menunjukkan bahawa masyarakat masyarakat tempatan amat yakin semua adat istiadat yang diamalkan berasaskan daripada Qur'an dan Hadith dan majoriti masyarakat yang memberikan jawapan yang tinggal di wilayah Desa adalah adat istiadat yang hingga setakat ini masih berlaku tidak berasaskan daripada ajaran Islam.
- v. Majoriti masyarakat yang tinggal di wilayah Desa ataupun wilayah Kota, tidak setuju pada amnya yang menyatakan bahawa adat istiadat tersebut berasal daripada budaya ajaran agama Hindu, dan hanya sedikit sahaja yang menyatakan bahawa adat dan budaya tersebut yang berasal dari ajaran agama Hindu.
- vi. Pada amnya masyarakat Islam Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe yang tinggal dalam wilayah desa lebih cenderung mengambil suatu berpendapat bahawa amalan tepung tawar menghasilkan keberkatan dalam hidup, dan sementara penduduk dalam wilayah kota hanya sedikit sahaja yang meyakinkannya.
- vii. Majoriti masyarakat yang tinggal di wilayah Desa ataupun yang tinggal di Kota masih mempercayai bahawa adat istiadat membaca Qur'an di kubur mesti diamalkan dan tidak boleh dihilangkan begitu sahaja kerana ini adalah merupakan suatu amalan yang amat berguna kepada jenazah.
- viii. Majoriti masyarakat Aceh Islam yang tinggal di wilayah Desa dan Kota menunjukkan dan memberikan suatu kesimpulan bahawa masyarakat yang tidak lagi mempercayai kepada tahyul dan sejenisnya masa keyakinan ini mesti dihilangkan dan pupuskan dalam fahaman amalan-amalan dalam suatu kepercayaan dalam masyarakat.
- ix. Pada amnya masyarakat yang tinggal di wilayah Desa kepercayaan pada makhluk halus mesti dihilangkan dan tidak boleh dipercayainya, dan bezanya hanya sedikit sahaja masyarakat yang tinggal di Desa berpendapat menyatakan kepercayaan kepada makhluk halus mesti dipertahankan dan dijaga.
- x. Majoriti masyarakat Islam Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe yang tinggal dalam wilayah Desa dan Kota, yang menunjukkan dan memberikan suatu kesimpulan bahawa masyarakat tidak percaya dan tidak lagi yakin terhadap benda azimat & tempat keramat tertentu, kerana tidak sesuai lagi dengan masa setakat ini.

- xi. Bahawa pada majoritinya dalam masyarakat Aceh Utara ataupun Kota Lhokseumawe tidak lagi untuk merayakan upacara amalan sepuluh Muharram atas mengenang wafatnya Imam al-Husain.
- xii. Bahawa menunjukkan masyarakat yang tinggal di wilayah Desa dan Kota, ianya tidak lagi yakin dan percaya terhadap benda azimat dapat memberikan keberuntungan. Sementara masyarakat yang yakin dan percaya terhadap benda azimat dapat memberikan keberuntungan.

Sebagaimana yang telah disebutkan di atas bahawa terdapat beberapa kesimpulan daripada hasil kajian yang telah dijalankan di lapangan, dan hasil tersebut adalah berasaskan daripada analisis data dari soal jawab dan temu bual yang dijalankan, tanpa ada suatu unsur pemalsuan data itu sendiri.

7. 4 Cadangan Kajian Selanjutnya

Cadangan daripada hasil kajian yang telah dijalankan ini, amat diharapkan kepada pentadbiran dalam pemerintahan tempatan untuk memperhatikan dan memberikan suatu bimbingan kepada masyarakat yang khasnya yang tinggal di wilayah Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe untuk dibinanya sebuah lembaga bagi mengawal dan memberikan suatu masukan dan arahan mengenai adat istiadat dan budaya yang berlaku, yang mesti dipersiapkan kemudahan antara lain adalah;

Pertama: Lembaga adat (LAKA), mesti terlibat dalam pelbagai sistem dalam pentadbiran pemerintahan agar dapat menjalankan program yang telah dibuatnya dan kemudian dapat diterapkan kepada masyarakat. Lembaga tersebut mesti dapat memisah antara adat, budaya dan tradisi yang berasaskan daripada ajaran Islam dengan ajaran adat, tradisi dan budaya Hindu, dan agar tidak terdapat pelbagai adat dan tradisi yang bercampur dengan unsur syirik didalam amalan tersebut.

Kedua: Agar para pegawai yang bekerja dalam lembaga adat tersebut mesti mengerti Al-Qur'an dan Hadith Nabi ﷺ yang sebenarnya dan begitu juga mesti

mengerti mengenai adat istiadat dan budaya untuk dijalankan dalam masyarakat agar tidak bercanggahan dengan syariat Islam pada kemudian hari.

Ketiga: Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) kota Lhokseumawe dan kabupaten Aceh Utara dan cerdik pandai tempatan mesti membuat suatu program yang berupa bimbingan aqidah dalam amalan sehari-hari kepada masyarakat tempatan, khasnya kepada masyarakat yang tinggal dalam wilayah perkampungan yang agak berjauhan dengan kota dan masyarakat yang tinggal di pepesir pantai.

Keempat: Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU), mesti selalu untuk turun langsung ke lapangan persekitaran apabila ada suatu upacara tertentu untuk memerhatikan langsung tentang pelaksanaan upacara adat istiadat dan budaya yang selalu dirayakan dan diamalkan dalam bulan-bulan, hari-hari ataupun malam-malam tertentu.

Kelima: Dinas Syariat Islam tempatan mestilah menaruh perhatian yang semaksimum mungkin dalam pelaksanaan praktik pemurnian aqidah masyarakat agar tidak lagi dikotori oleh pelbagai macam anasir kepercayaan yang karut, khurafat dan bidaah yang dapat menjadikan segala ibadah ditolak oleh Allah Ψ .

Keenam: Lembaga, Institusi pendidikan mesti mengambil kira untuk memberikan sumbangan pemikiran dalam hal amalan yang telah diamalkan oleh masyarakat yang berdampak negatif, yang juga majoritinya pendidikan mereka masih dibawah standar minimum bila dibandingkan dengan para pensyarah yang bertugas pada institusi pendidikan.

Ketujuh: Agar masyarakat khasnya yang tinggal dalam wilayah kabupaten Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe, mestilah berwaspada tentang adat istiadat dan budaya luaran yang kurang berguna dan tidak bermanfaat maka mestilah untuk dijauhkan dan tidak perlu untuk mengikutinya apatah lagi untuk diamalkan.

Kedelapan: Mestilah selalu untuk bertanya dan tidak mesti menerima secara langsung mengenai adat istiadat dan budaya yang disampaikan dan diajarkan untuk dilaksanakan oleh para Tuan Guru ataupun ustaz, kerana pada amnya masuknya adat dan budaya asing adalah melalui dengan para Tuan Guru.

Kesembilan: Pihak polis dan bagi sesiapa yang berwenang dan bertanggungjawab mestilah berkerjasama dengan mana-mana pihak yang telah disebutka di atas dalam hal menberantas ataupun menghapuskan segala macam amalan tahyul, khurafat dan bidaah (*animisme dan dinamisme*) yang berlaku dalam masyarakat yang sesuai dengan aturan yang berlaku.

**AMALAN ANIMISME DAN DINAMISME
DALAM MASYARAKAT ACHEH:**
Kajian Kes di Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe

RIDWAN HASAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2008

**MASYARAKAT ACHEH DALAM PERSIMPANGAN:
PEMURNIAN AQIDAH MASYARAKAT ISLAM ACHEH**
Kajian Kes Masyarakat Distrik Aceh Utara dan Kota Lhokseumawe

OLEH

RIDWAN HASAN

Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi Ijazah
Doktor Falsafah

November, 2008